



MEMPERKASAKAN

Kemajuan Bersama



Program Money Ma\$ter menyokong celik kewangan dalam kalangan pelajar



RHB bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad untuk menggalakkan dan menyediakan penyelesaian hijau bagi PKS dan individu lain

MENJALIN KOMITMEN KE DALAM *Setiap Struktur Tindakan Kami.*



Yayasan RHB memperkasakan pelajar B40 melalui Program Biasiswa X-Cel Star RHB



Seni RHB dengan Setulus Hati memberikan tumpuan kepada penggiat seni baharu



RHB dan Tenaga Nasional Berhad memulakan Sesi Libat Urus mengenai Peralihan Tenaga PKS di seluruh negara



RHB memperjuangkan gaya hidup lebih sihat melalui *Tunggalan Lebuhraya Lekas RHB 2023*



Pasukan Islamik RHB dan DYTM Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail menyampaikan sumbangan zakat korporat kepada keluarga asnaf di Perlis

Kemajuan adalah mengenai sejauh mana kami menyentuh kehidupan, membentuk masa hadapan dan bersama-sama memperkukuh komuniti. Ia adalah mengenai meninggalkan kesan yang berkekalan dan positif untuk generasi akan datang.

Bersama-sama, kami bukan sahaja memacu kemajuan – kami memacu kemajuan untuk semua.



RHB berikrar untuk mengamalkan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah



Clean-a-thon RHB memupuk amalan kelestarian dalam komuniti

Asas Laporan Ini

Dengan sukacitanya kami membentangkan Laporan Bersepadu 2023 Kumpulan Perbankan RHB ("RHB").

Laporan ini bertujuan untuk memberikan penilaian seimbang tentang perjalanan penciptaan nilai bagi pelbagai pihak berkepentingan kami. Laporan ini merangkumi perkara material, strategi perniagaan, pengurusan risiko dan modal, tadbir urus, dan prestasi kewangan dan bukan kewangan.

Melalui pendekatan bersepadu, kami menjana nilai bersama untuk generasi semasa dan akan datang selaras dengan komitmen kami untuk memacu kemajuan untuk semua.

Laporan ini bermatlamat untuk menyampaikan maklumat relevan kepada pihak berkepentingan kami bagi membolehkan mereka membuat penilaian yang adil dan menyeluruh terhadap prestasi jangka pendek dan jangka panjang kami. Hal yang demikian juga termasuk memenuhi keperluan tahap ketelusan yang lebih tinggi untuk manfaat para pelabur, pemegang saham, pengawal selia, serta mendedahkan bagaimana kami mencipta nilai lestari untuk para pelanggan, warga kerja, pembekal dan komuniti.



Skop dan Ringkuman

Laporan Bersepadu RHB dihasilkan setiap tahun. Laporan ini merangkumi jangka waktu antara 1 Januari hingga 31 Disember 2023, melainkan dinyatakan sebaliknya. Laporan ini mencakupi gambaran kesemua operasi dan inisiatif kami merentas rantau Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara ("ASEAN"). Ia memperincikan strategi, aktiviti perniagaan, prestasi, dan inisiatif yang memberi kesan kepada semua pihak berkepentingan utama kami.

Rangka Kerja Pelaporan

Laporan Bersepadu kami sejajar dengan pelbagai rangka kerja dan keperluan pendedahan, termasuk:

- Rangka Kerja Laporan Bersepadu ("IR")
- Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Malaysia Securities Berhad
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG")
- Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia (Edisi ke-4)
- Akta Syarikat 2016
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS")
- Polisi Dokumen dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM")
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan kawal selia lain yang diguna pakai

Bagi pendedahan berkaitan kelestarian, laporan kami adalah selaras dengan garis panduan dan piawaian kelestarian utama seperti berikut:

- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global ("GRI")
- Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi ke-3)
- Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu ("UNSDGs")
- Saranan-saranan Pasukan Petugas mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim ("TCFD")
- Protokol Gas Rumah Hijau ("GHG"): Piawaian Perakaunan dan Pelaporan Korporat

Materialiti dan Perkara-Perkara Material

Kandungan laporan ini dibentuk oleh perkara-perkara material kami, memfokus kepada risiko, peluang dan hasil yang mempunyai kesan material terhadap operasi perniagaan dan penciptaan nilai pihak berkepentingan kami. Perkara-perkara material kami, yang diuraikan pada muka surat 38, juga memainkan peranan untuk membentuk perkembangan strategik kami.


Asas Laporan Ini

PERNYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Laporan ini mengandungi pernyataan berpandangan ke hadapan tertentu mengenai keutamaan, strategi dan prospek pertumbuhan masa hadapan kami. Ini adalah berdasarkan ramalan dan jangkaan semasa yang mungkin berubah disebabkan oleh faktor di luar kawalan kami. Oleh itu, semua pernyataan berpandangan ke hadapan seharusnya dianggap tidak konklusif dan belum disemak oleh juruaudit atau pihak bebas lain yang berkaitan. Pernyataan berpandangan ke hadapan ini diperolehi daripada rancangan perniagaan kami, ramalan ekonomi dan sumber lain yang berkaitan.

PENYATA KELULUSAN KEPIMPINAN

Pasukan pengurusan kanan RHB mengakui tanggungjawabnya untuk memastikan integriti Laporan Bersepadu ini. Pasukan ini berpendapat bahawa laporan ini menangani isu-isu yang material kepada keupayaan Kumpulan untuk mencipta nilai.



Mohd Rashid Mohamad

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Kumpulan Perbankan RHB

PENYATA JAMINAN

Bagi mengukuhkan kebolehpercayaan pendedahan kelestarian kami, maklumat terpilih yang dilaporkan didedahkan dalam Laporan Kelestarian dan Penyata Kelestarian dalam Laporan Bersepadu 2023 RHB yang tertakluk kepada jaminan terhad bebas oleh PricewaterhouseCoopers PLT ("PwC") selaras dengan "Penglibatan Jaminan Selain Daripada Audit atau Semakan Maklumat Kewangan Lampau" Piawaian Antarabangsa untuk Penglibatan Jaminan ("ISAE") 3000 (Semak Semula).

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai perkara dan skop jaminan, sila rujuk kepada Laporan Jaminan Terhad Bebas pada muka surat 267 hingga 271 Laporan Kelestarian RHB 2023.

Ini menandakan tahun kedua berturut-turut Kumpulan telah tertakluk kepada Laporan Kelestarian kepada jaminan bebas, menyokong komitmen kami ke arah menyediakan pendedahan boleh dipercayai dan telus. Kumpulan juga memperluaskan skop jaminan bebas untuk TK2023, seperti yang diperincikan dalam Laporan Jaminan Terhad Bebas pada muka surat 267 hingga 271 Laporan Kelestarian RHB 2023. Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan terus mengembangkan skop jaminan bebas secara progresif, sejajar dengan amalan terbaik industri.

▲ Laporan Bersepadu ("IR")

Laporan utama kami digunakan untuk menyampaikan strategi, prestasi, dan pandangan nila ciptaan kepada pihak berkepentingan kami.

▲ Laporan Kewangan ("FR")

Mengandungi penyata kewangan Kumpulan dan analisis keputusan kewangan, disokong oleh laporan juruaudit bebas.

▲ Laporan Kelestarian ("SR")

Laporan ini memperincikan pendekatan Kumpulan kepada kelestarian dan usaha untuk mencipta nilai kelestarian.

IKON NAVIGASI

Modal Kami:

FC Modal Kewangan	MC Modal Pembuatan
HC Modal Insan	NC Modal Semulajadi
IC Modal Intelek	SRC Modal Sosial dan Perhubungan

Pihak Berkepentingan Kami:

BD Lembaga Pengarah	SI Pemegang Saham dan Pelabur
CU Para Pelanggan	RE Pihak Berkuasa Pengawal Selia
EM Warga kerja	CO Komuniti

Risiko Utama:

CR Risiko Kredit	OR Risiko Operasi
MR Risiko Pasaran	TCR Risiko Teknologi dan Siber
LR Risiko Kecairan	RNC Risiko Ketidapatuhan Kawal Selia

Perkara-Perkara Material:

GB Tadbir Urus Perniagaan Baik	DI Pendigitalan dan Pelaburan Teknologi
DC Perlindungan Data dan Keselamatan Siber	CX Pengalaman Pelanggan
SF Perkhidmatan Kewangan Lestari	FC Layanan Adil kepada Pelanggan Kewangan
FI Keterangkuman Kewangan	SC Rantaian Bekalan yang Lestari

Tonggak Strategik:

PB Menjadi Bank Utama Untuk Semua
CX Mengutamakan Pengalaman Pelanggan
QG Memacu Pertumbuhan Berkualiti

Tonggak Kelestarian:

SRF Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab	RA Agensi Penarafan
ANZ Komited untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang tahun 2050	AN Penganalisis
EGP Menerapkan Amalan Terbaik	ME Media
EEC Memperkaya dan Memperkasakan Komuniti	
SS Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan	RR Risiko Reputasi
FI Rakan Industri Kewangan	CR Risiko Rasuah
BP Rakan Niaga	
SNC Risiko Ketidapatuhan Syariah	
SR Risiko Kelestarian	
IBR Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan/ Kadar Risiko Pulangan dalam Buku Perbankan	

CC Perubahan Iklim	DO Kepelbagaian dan Peluang yang Sama
ES Pengawasan Alam Sekitar	CE Pemerksaan dan Memperkaya Komuniti
T Bakat	
EHS Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Warga Kerja	

Mesyuarat Agung Tahunan
RHB Bank Berhad

Ke-58



Lokasi

Bilik Mesyuarat, Aras 2, Menara Satu,
Pusat RHB, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur, Malaysia



Tarikh

Jumaat, 10 Mei 2024



Masa

9.30 pagi

KANDUNGAN LAPORAN INI



01 GAMBARAN

Saranan Pelaburan Menarik	4
> Sorotan Kewangan	
> Sorotan Kelestarian	
Siapa Kami	6
Apa yang Kami Lakukan	8
Kehadiran Kami	10
Struktur Korporat Kumpulan	12

02 WAWASAN KEPIMPINAN

Perutusan Pengerusi Kami	14
Dari Meja Pengarah Urusan Kumpulan Kami	20

03 STRATEGI KAMI

Ulasan Prestasi Strategik	28
Kad Skor Strategik	30

04 PENCIPTAAN NILAI KAMI

Persekitaran Operasi	32
> Ulasan Ekonomi	
> Kajian Semula & Prospek Perbankan	
Perkara-perkara Material Kami	37
Keterlibatan Pihak Berkepentingan	42
Risiko Utama dan Pengurangan	48
Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami	62



Imbas kod QR untuk melihat Laporan Bersepadu 2023 Dalam Talian
www.rhbgroup.com



05 ULASAN PRESTASI KAMI

Ulasan Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan	64
Rumusan Lima Tahun Kewangan	66
Sorotan Lima Tahun Kewangan	67
Analisis Segmen	68
Prestasi Suku Tahunan	69
Penyata Kumpulan Dipermudah Kedudukan Kewangan	70
Aset dan Liabiliti Berfaedah Utama	71
Penyata Nilai Tambah	72
Pengagihan Nilai Tambah	72
Pengurusan Modal	73
Penarafan Kredit	76
Pengurusan Kunci Kira-kira	77
Perhubungan Pelabur	78

06 ULASAN PERNIAGAAN KAMI

Perbankan Komuniti Kumpulan	80
Perbankan Borong Kumpulan	83
> Perbankan Pelaburan Kumpulan	
> Perbankan Korporat Kumpulan	
> Perbankan Komersial	
> Perbendaharaan dan Pasaran Kumpulan	
> Pengurusan Aset Kumpulan	
Perniagaan Antarabangsa Kumpulan	95
Perniagaan Syariah Kumpulan	101
Insurans Kumpulan	104

07 PERJALANAN KELESTARIAN KAMI

Perjalanan Kelestarian Kami	106
Tadbir Urus Kelestarian	110
Dasar dan Garis Panduan berkaitan RHB	114
Strategi Sifar Bersih 2050	117
Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim oleh RHB	118
...Memacu Kewangan Lestari & Bertanggungjawab	124
...Menerapkan Amalan Terbaik	126
...Memperkaya & Memperkasakan Komuniti	128
Pendedahan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia	130

08 KEPIMPINAN KAMI

Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami	132
Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami	134
Profil Pengerusi Syarikat-syarikat Operasi Utama	145
Profil Jawatankuasa Syariah	147
Pengurusan Kanan Kumpulan	150
Profil Pengurusan Kanan Kumpulan	152
Maklumat Korporat	160
Struktur Organisasi Kumpulan	161

09 TADBIR URUS KAMI

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat	162
> Integriti Korporat & Tatalaku Beretika Perniagaan	
> Pematuhan Kumpulan	
Laporan Jawatankuasa Syariah	183
Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	184
Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan	192
Penyata Mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	194

10 MAKLUMAT TAMBAHAN

Analisis Pemegang Saham	204
Pengelasan Pemegang Saham	205
Perubahan Saham Modal	206
Senarai (30) Pemegang Saham Terbesar	207
Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama	209
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58	210
Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58	216

BORANG PROKSI

Saranan Pelaburan Menarik



Sorotan Kewangan

Jumlah Pendapatan

RM7.8 bilion

2022: RM8.2 bilion

Keuntungan Bersih

RM2.8 bilion

2022: RM2.7 bilion

Pulangan Ke Atas Ekuiti

9.5%

2022: 9.6%

Jumlah Aset

RM328.7 bilion

2022: RM310.8 bilion

Pinjaman Kasar

RM222.4 bilion

2022: RM212.2 bilion

Deposit daripada Pelanggan

RM245.1 bilion

2022: RM227.2 bilion

Perolehan Sesaham

65.7 sen

2022: 64.0 sen

Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar

1.74%

2022: 1.55%

Nisbah CASA

27.9%

2022: 29.2%

Saranan Pelaburan Menarik



Nisbah Kos Kepada Pendapatan

47.5%

2022: 44.2%

Ekuiti Pemegang Saham

RM30.9 bilion

2022: RM28.7 bilion

Jumlah Nisbah Modal

19.4%

2022: 19.3%

Sorotan Kelestarian

Menggerakkan secara kumulatif lebih

RM23.8 bilion

dalam Perkhidmatan Kewangan Lestari

Diluluskan secara kumulatif

RM2.6 bilion

melalui Program Pembiayaan Kelestarian PKS

Kepelbagaian dan Peluang yang Sama

33.9%*

daripada jawatan Pengurusan Atasan dan Kanan dipegang oleh wanita.

Perolehan

RM582.3 juta

dalam produk dan perkhidmatan daripada pembekal tempatan

Operasi Neutral Karbon

pengurangan 43.1%

dalam operasi pelepasan GHG berbanding dengan garis dasar 2016

Melabur hampir

RM32.6 juta

dalam latihan dan pembangunan warga kerja

Menggerakkan lebih daripada

RM4 juta

dalam inisiatif komuniti yang memberi kesan lebih daripada 50,000 orang

Memanfaatkan hampir

3,000 pelajar sekolah menengah

melalui program kecemerlangan akademik RHB X-Cel

* Data ini telah dijamin secara luaran.



Kami Berpandukan Penyata Tujuan Kami...

Memacu Kemajuan untuk Semua



Menghidupkan Janji Jenama kami iaitu...

Bersama-sama Menempa Kemajuan

Warisan kami yang kukuh merupakan asas komitmen kami untuk terus perkhidmatan kepada komuniti. Selama lebih daripada 100 tahun, kami telah membantu orang ramai dan perniagaan berkembang dan berjaya, dan akan terus berbuat demikian.

Pengalaman memberi kami pemahaman yang mendalam tentang keperluan pelanggan dan rakan kongsi, dan ini menjadi inspirasi untuk sentiasa berinovasi dan menambah baik untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada mereka. Dengan sokongan berterusan anda, kami telah memantapkan kedudukan kami dengan jejak yang kukuh di seluruh Malaysia dan berada di tujuh buah negara lain merentas rantau ASEAN yang menawarkan perkhidmatan perbankan komersial dan pelaburan.

Kami berharap agar legasi dan usaha kami untuk kecemerlangan akan berterusan sambil tanpa mengenal penat lelah kami memupuk dan membimbing generasi masa depan melalui tindakan dan kata-kata, menyediakan mereka untuk masa depan yang lebih cerah.

Kami berterima kasih kerana mempercayai kami dan mengalu-alukan semua orang untuk bersama kami dalam perjalanan menarik kami untuk kejayaan. Untuk merealisasikan potensi kami yang lebih besar, kami mesti terus bekerja secara serentak bergerak ke hadapan. Janji jenama kami **"Bersama-sama Menempa Kemajuan"** menghormati masa lalu kami, meraikan masa kini dan mengalu-alukan masa hadapan.

Kami menjemput anda untuk menyertai kami berusaha bersama ke arah masa depan yang lebih baik untuk semua.



Di Majlis Pencapaian RHB #Empower & Neurodiversity@Work yang julung kali diadakan pada tahun 2023



Untuk Mewujudkan Impak Positif Melalui Tonggak Kelestarian...



Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab



Komitement untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang 2050



Menerapkan Amalan Terbaik



Memperkaya dan Memperkasakan Komuniti

Siapa Kami

Disokong Oleh Nilai
Kami...

- P** PROFESIONAL
- R** HORMAT
- I** INTEGRITI
- D** DINAMIK
- E** KECEMERLANGAN

Kami Mendengar Keperluan Pihak
Berkepentingan Kami...

Memberi tumpuan pertumbuhan dan penyelesaian inovatif untuk menangani risiko material

BD Lembaga Pengarah	SS Pembekal dan Penyedia Perkhidmatan
CU Pelanggan	FI Rakan Industri Kewangan
EM Warga Kerja	BP Rakan Niaga
SI Pemegang Saham dan Pelabur	RA Agensi Penarafan
RE Pengawal Selia	AN Penganalisis
CO Komuniti	ME Media



KUMPULAN PERBANKAN RHB

@RHBGroup · Pusat Hubungan



Pelanggan Perkhidmatan >

Tel : +603 9206 8118

MALAYSIA

Emel : customer.service@rhbgroup.com

KUMPULAN PERBANKAN RHB, merupakan penyedia perkhidmatan kewangan serantau multinasional yang beriltizam untuk menawarkan penyelesaian serba lengkap kepada para pelanggannya.

Dengan pelbagai perkhidmatan komprehensif yang memenuhi keperluan pelanggannya yang semakin berkembang, RHB menawarkan pengalaman pelanggan yang pantas dan mudah, disokong oleh pasukan warga kerja yang berdedikasi.

Sebagai salah sebuah bank yang terkemuka di Malaysia, RHB telah mengukuhkan kehadiran dan jenamanya melalui pelbagai produk dan saranan nilai yang unik. Dengan kekuatan tenaga kerja seramai yang melebihi 14,000 warga kerja di seluruh Kumpulan, operasi Kumpulan RHB meliputi tujuh lagi negara di rantau ASEAN.

Permodalan Pasaran

RM23.4 bilion

Jumlah Warga Kerja

13,968

Kehadiran

8 negara termasuk
Malaysia286 cawangan dan
pejabat

Apa yang Kami Lakukan

SEGMENT KAMI

SIAPA KAMI



PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN



Perbankan Komuniti Kumpulan ("GCB") terdiri daripada segmen Perbankan Runcit dan Perbankan PKS. Kami menyediakan perkhidmatan kepada 4.4 juta orang pelanggan individu dan lebih 210,000 perniagaan, dengan produk dan perkhidmatan konvensional dan patuh Syariah kepada pengguna dan penyelesaian perbankan PKS. Segmen Perbankan Runcit menyediakan penyelesaian, termasuk Pengurusan Kekayaan, Bankasurans, Gadai Janji, Pembiayaan Auto, Pembiayaan ASB, Pembiayaan Peribadi, Pembayaran Kad Kredit dan Deposit, manakala segmen Perbankan PKS menyediakan penyelesaian pembiayaan kepada PKS dan perusahaan milik keluarga.



PERBANKAN BORONG KUMPULAN



Perbankan Borong Kumpulan ("GWB") terdiri daripada segmen perniagaan utama iaitu Perbankan Pelaburan, Perbankan Korporat, Perbankan Komersial, Perbendaharaan dan Pasaran Global, Pengurusan Aset, Perbankan Transaksi. Disokong oleh pasukan Penyelidikan dan Ekonomi, GWB menawarkan perkhidmatan komprehensif dan menyeluruh merangkumi pelbagai produk dan penyelesaian kewangan serta khidmat nasihat untuk memenuhi keperluan pelanggan kami di Malaysia dan di rantau ini. Dengan memanfaatkan gabungan kepakaran dan sinergi merentas segmen perniagaan, kami memudahkan kemajuan pelanggan di samping membuka peluang baharu dan mengukuhkan kehadiran pasaran kami.



PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN



Perniagaan Antarabangsa Kumpulan ("GIB") menguruskan operasi Perbankan Komersial serantau RHB, meliputi lima negara, iaitu Singapura, Kemboja, Thailand, Laos dan Brunei, disokong rapat oleh kepakaran dari ibu pejabat kami di Malaysia. GIB berusaha ke arah aspirasi Kumpulan untuk membina perniagaan luar negara bersepadu yang memanfaatkan rangkaian setempat untuk memenuhi keperluan pelanggan dan klien kami yang pelbagai melalui kehadiran kami yang kukuh. Kami menawarkan penyelesaian seperti pembiayaan, deposit, pengurusan kekayaan, pembiayaan perdagangan, perbankan premier, bankasurans dan pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana ("PKS"). Kami terus menambah baik, kekal relevan dan berdaya saing kepada pelanggan yang kami hargai.



PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN



RHB Islamic Bank merupakan cabang perbankan Perniagaan Syariah Kumpulan Perbankan RHB yang menawarkan rangkaian luas perkhidmatan kewangan patuh Syariah. Kami menyediakan produk dan perkhidmatan bagi segmen runcit, PKS, korporat, dan perniagaan, pengurusan mewah serta perbankan pelaburan. Kami melakukannya melalui interaksi pelanggan meluas Bank Islamik RHB dan cawangan-cawangan Bank RHB di lebih 200 lokasi di seluruh negara, selain kemudahan yang disediakan oleh Terminal Perkhidmatan Layan Diri, dan platform perbankan mudah alih dan dalam talian. Kami berhasrat untuk menjadi penyedia terkemuka perkhidmatan kewangan Syariah berasaskan nilai di Malaysia, sejajar dengan aspirasi strategi korporat "**Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024**" ("TWP24") Kumpulan untuk Menjadi Bank Utama untuk Semua.



INSURANS KUMPULAN



RHB Insurance menyediakan perkhidmatan insurans am kepada pelanggan runcit dan korporat kami untuk perlindungan yang lebih baik dan ketenangan pelanggan. Pelanggan dapat mengakses perkhidmatan dan sokongan dengan senang dan mudah melalui 15 buah rangkaian cawangan kami di seluruh negara, 751 buah cawangan Pos Malaysia dan lebih daripada 2,200 buah pejabat agen yang bertauliah di Malaysia. Kami antara penyedia Insurans Am 10 Teratas di Malaysia bagi Kebakaran, Kemalangan Peribadi, dan Permotoran.

Apa yang Kami Lakukan

KEKUATAN DAN PEMBEZA

- Peneraju dalam perbankan perniagaan memfokuskan Perusahaan Kecil dan Sederhana (“PKS”) dengan keupayaan penggunaan digital menyeluruh untuk transaksi dan produk-produk pinjaman merentas pelbagai saluran.
- Saranan nilai pelanggan (“CVPs”) pembeza dan pengganggu/disruptif merentas segmen pelanggan Runcit dan PKS.

- Peneraju pasaran dalam pinjaman dan pembiayaan korporat, perbankan transaksi, pengagihan dan penajajaminan pendapatan tetap, penajajaminan ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan, waran panggilan dan pengurusan aset.
- Pengalaman perbankan borong yang diperibadikan berdasarkan pemahaman yang mendalam dan hubungan dengan pelanggan serta keupayaan untuk menyediakan penyelesaian yang mengutamakan pelanggan dan direka khas.
- Penyelesaian digital yang berbeza seperti keupayaan penggunaan digital, sistem Reflex dengan sambungan API, pembiayaan rantaian bekalan digital menyeluruh, dan RHB Live FX dengan kadar FX pada masa nyata.

- Penyelesaian kewangan yang komprehensif disokong dengan pendekatan penyesuaian keadaan setempat dan hiper-fokus kepada segmen sasaran
- Akses ke rangkaian serantau merentas lima negara di rantau ASEAN.

- Menyediakan perkhidmatan kewangan Islamik yang komprehensif merentas seluruh pelanggan lingkungan perbankan runcit, PKS, korporat, komersial, dan pelaburan serta pengurusan mewah.
- Menyediakan produk dan perkhidmatan kepada sektor-sektor perlu seperti kerajaan, penjagaan kesihatan dan pendidikan tinggi.
- Mendukung prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai (“VBI”) dan terus memenuhi komitmen kami kepada masyarakat.
- Satu-satunya bank yang benar-benar menyokong dan memfokus kepada usaha pemuliharaan marin seperti yang digariskan oleh “Kehidupan Di Bawah Air” UNSDG14 melalui inisiatif Lautan Harmoni.

- Akses senang dan mudah kepada perkhidmatan dan sokongan melalui rangkaian 15 cawangan di seluruh negara, serta lebih 751 cawangan Pos Malaysia, dengan lebih 2,200 agen yang sah.
- Hubungan yang kukuh dengan rakan kongsi strategik untuk penyelesaian kewangan yang komprehensif

Prestasi Kami

PINJAMAN KASAR

Perbankan Runcit

RM113.3
bilion

Perbankan PKS

RM27.6
bilion

DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

Perbankan Runcit

RM80.8
bilion

Perbankan PKS

RM34.2
bilion

PINJAMAN KASAR

RM57.2 bilion

DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

RM92.8 bilion

PINJAMAN KASAR

RM32.3 bilion

DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

RM37.3 bilion

PINJAMAN KASAR

RM84.0 bilion

DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN

RM82.2 bilion

PREMIUM BERTULIS KASAR

RM869.2 juta



Kehadiran Kami



Di samping kehadiran kami yang kukuh di Malaysia, RHB mempunyai jejak serantau yang meluas di tujuh negara lain di ASEAN.

Jumlah Pendapatan 2023



RM6.8

 bilion

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Perniagaan Perbankan Komuniti, terdiri daripada Perbankan Runcit dan PKS
- Perniagaan Perbankan Borong Banking Business, terdiri daripada Perbankan Pelaburan, Korporat, Komersial, Perbendaharaan dan Pasaran Global, Pengurusan Aset, Perbankan Transaksi dan Ekonomi
- Perniagaan Syariah
- Perniagaan Antarabangsa
- Perniagaan Insurans

Warga Kerja

12,424

Cawangan/Pejabat

234

Jumlah Pendapatan 2023



SGD220.3

 juta

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Perbankan Runcit
- Perbankan Korporat & Pelaburan
- Perbendaharaan

Warga Kerja

678

Cawangan/Pejabat

6

Jumlah Pendapatan 2023



USD22.1

 juta

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Perbankan Runcit
- Modal Pasaran
- Broker Saham

Warga Kerja

385

Cawangan/Pejabat

14

Jumlah Pendapatan 2023



THB641.8

 juta

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Perbankan Runcit
- Perbendaharaan
- Perbankan Korporat
- Modal Pasaran
- Broker Saham
- Derivatif

Warga Kerja

182

Cawangan/Pejabat

10

Jumlah Pendapatan 2023



VND13.5

 bilion

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Broker Saham

Warga Kerja

24

Cawangan/Pejabat

2

RHB Securities Vietnam sedang dilupuskan, dengan urus niaga dijangka selesai pada suku kedua tahun 2024.

Jumlah Pendapatan 2023



IDR160.3

 bilion

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Modal Pasaran
- Broker Saham
- Derivatif

Warga Kerja

174

Cawangan/Pejabat

14

Jumlah Pendapatan 2023



BND5.0

 juta

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Perbankan Runcit

Warga Kerja

31

Cawangan/Pejabat

2

Jumlah Pendapatan 2023



LAK50.7

 bilion

Perkhidmatan yang Ditawarkan

- Perbankan Runcit

Warga Kerja

70

Cawangan/Pejabat

4

Struktur Korporat Kumpulan

setakat 29 Februari 2024

RHB BANK BERHAD

100% RHB Islamic Bank Berhad

100% RHB Bank (L) Ltd

100% RHB Corporate Services Sdn Bhd⁽¹⁾

100% RHB Leasing Sdn Bhd

100% RHB Capital Nominees (Tempatan) Sdn Bhd

100% RHB Capital Nominees (Asing) Sdn Bhd

100% RHB Capital Properties Sdn Bhd

100% Utama Assets Sdn Bhd

100% RHB Bank Nominees Pte Ltd (Singapore)

100% Banfora Pte Ltd (Singapore)

100% RHB Investment Ltd (Singapore)⁽²⁾

100% UMBC Sdn Bhd*

100% RHB Delta Sdn Bhd⁽³⁾

100% RHB Bank (Cambodia) Plc

100% RHB Bank Lao Sole Co., Ltd

100% RHB Investment Bank Berhad

100% RHB International Investments Pte Ltd

100% RHB Asset Management Pte Ltd

100% RHB Hong Kong Limited⁽⁴⁾

100% RHB Securities Hong Kong Limited⁽⁴⁾

99% PT RHB Sekuritas Indonesia

99.95% RHB Securities (Thailand) Public Company Limited

100% RHB Securities (Cambodia) Plc.

100% RHB Securities Vietnam Company Limited

100% RHB Futures and Options Sdn Bhd*

100% RHB Research Sdn Bhd⁽⁵⁾

100% RHB International Asset Management Sdn Bhd⁽⁶⁾

Struktur Korporat Kumpulan

setakat 29 Februari 2024

Laporan Bersepadu
2023



Nota-nota:

* Syarikat Dorman

- ¹ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 15 September 2023.
- ² Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 27 November 2023.
- ³ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 16 Februari 2011.
- ⁴ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 31 Disember 2022.
- ⁵ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 30 Jun 2017.
- ⁶ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 27 Disember 2021.
- ⁷ Pegangan saham langsung sebanyak 20.00% setiap satu oleh:
 - (i) RHB Investment Bank Berhad;
 - (ii) RHB Nominees Tempatan Sdn Bhd;
 - (iii) RHB Nominees Asing Sdn Bhd;
 - (iv) RHB Futures dan Options Sdn Bhd; dan
 - (v) RHB Bank Berhad.
- ⁸ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 30 September 2020.
- ⁹ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 28 Mac 2012.
- ¹⁰ Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 3 Ogos 2020.
- ¹¹ Syarikat memulakan permohonan penggulungan dan pembubaran sukarela 25 Jun 2020.



PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

Saya berbesar hati untuk membentangkan Laporan Tahunan Bersepadu 2023 Kumpulan Perbankan RHB yang memperincikan pandangan tentang perjalanan kami pada tahun 2023 dan menggambarkan pencapaian dan pengalaman penting yang membentuk perniagaan dan hala tuju strategik kami. Laporan ini mengetengahkan prestasi kewangan serta usaha berterusan kami untuk mencipta nilai bagi semua pihak berkepentingan, memajukan inisiatif kelestarian, memperkasakan warga kami, dan mendukung piawaian tadbir urus tertinggi.

**Tan Sri Ahmad Badri
Mohd Zahir**

Pengerusi

Perutusan Pengerusi Kami

PERSEKITARAN OPERASI

Landskap ekonomi pada tahun 2023 amat mencabar, dipengaruhi oleh kesan berterusan cabaran global, perkembangan permintaan pasaran, kemajuan teknologi yang pesat, dan kebimbangan terhadap aspek alam sekitar. Tabung Kewangan Antarabangsa ("IMF") mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") global sebanyak 3.1%, menyederhana daripada kadar 3.5% yang dicapai pada tahun 2022, manakala inflasi kekal tinggi pada tahun 2023, walaupun lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, KDNK Malaysia berkembang sebanyak 3.7% pada tahun 2023, lebih perlahan daripada 8.7% yang dicatatkan pada tahun 2022 namun kekal disokong dengan baik oleh permintaan domestik yang kukuh.

Gabungan berbagai peristiwa makroekonomi memberi kesan kepada RHB dan industri perbankan pada umumnya, mendorong kepada penurunan pertumbuhan pinjaman dan peningkatan kos dana. Meskipun berdepan dengan cabaran ini, RHB tetap berdaya tahan. Kami mengharungi tempoh mencabar ini dengan mengekalkan penampakan kecairan yang kukuh dan memastikan kualiti aset yang teguh untuk memberikan prestasi kewangan yang berdaya tahan.

PENCIPTAAN NILAI BERTERUSAN

Dalam tahun yang penuh dengan pelbagai cabaran dan peluang, pihak Kumpulan menunjukkan ketahanan, kebolehsesuaian, dan pendekatan berpandangan ke hadapan yang menggariskan komitmen kami terhadap penciptaan nilai bagi pihak berkepentingan, berpandukan strategi korporat Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024 ("TWP24").

Prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2023 kukuh, namun tidak mencapai rancangan bercita-cita tinggi kami. Walaupun keuntungan bersih berkembang sebanyak 4.8% tahun ke tahun ("YoY") kepada RM2.8 bilion yang menggambarkan ketahanan dan dedikasi pasukan kami merentas Kumpulan, kami mengakui bahawa sesetengah Penunjuk Prestasi Utama tidak memenuhi jangkaan kami. Hal yang demikian merupakan peringatan tentang persekitaran ekonomi yang tidak menentu di mana kami beroperasi dan cabaran yang wujud dalam membuat ramalan dinamik pasaran.

Pihak Kumpulan kekal komited terhadap pemberian ganjaran kepada pemegang saham dengan pembayaran dividen yang konsisten di samping mengoptimumkan penggunaan modal yang berterusan bagi pulangan yang lebih baik. Dengan suka citanya saya ingin berkongsi bahawa pihak Kumpulan telah mengumumkan dividen interim kedua sebanyak 25 sen sesaham, merangkumi pembayaran tunai sebanyak 15 sen dan bahagian boleh dipilih di bawah Pelan Pelaburan Semula Dividen sebanyak 10 sen sesaham. Jumlah dividen bagi TK2023 adalah sebanyak 40 sen sesaham yang diterjemahkan sebagai nisbah pembayaran sebanyak 61.1% dan hasil dividen sebanyak 7.3%.

Berdepan dengan cabaran kewangan, komitmen kami terhadap budaya mengutamakan pelanggan kekal teguh dan mendorong kami ke tahap yang baharu dengan kedudukan Skor Promoter Bersih ("NPS") bertambah baik kepada #2 di kalangan bank-bank di Malaysia. Pencapaian ini ketara, terutamanya dalam segmen PKS dan menjadi bukti kepada komitmen kami terhadap kecemerlangan perkhidmatan. Kami percaya bahawa memahami dan memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah adalah asas kepada pertumbuhan yang lestari.

Pemacuan kami ke arah pendigitalan berterusan dengan pelaburan besar diperuntukkan kepada inovasi digital sebagai pemacu kritikal pertumbuhan masa depan. Pelaburan ini bukan sahaja meningkatkan proses perniagaan dan operasi, tetapi juga meneroka model perniagaan baharu yang dapat meningkatkan kelebihan daya saing kami. Salah satu contoh ialah aplikasi RHB MyHome yang kini menjadi platform utama, dengan lebih daripada 40% gadai janji kami berasal daripadanya.

Sorotan

Pinjaman Kasar

berkembang 4.8% tahun ke tahun kepada RM222.4 bilion

disokong terutamanya oleh pertumbuhan Perbankan Komuniti Kumpulan dan Singapura

Deposit Daripada Pelanggan

berkembang sebanyak 7.9% tahun ke tahun kepada RM245.1 bilion

Pulangan Ke Atas Ekuiti

pada 9.5%

Perutusan Pengerusi Kami

MEMAJUKAN PERJALANAN KELESTARIAN KAMI

Berpandukan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian 5-tahun (2022-2026) kami, RHB terus menyumbang secara positif kepada agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) yang lebih meluas.

Pada tahun kewangan, kami mencapai kemajuan penting dalam perjalanan kelestarian, menerapkan amalan kelestarian ke dalam proses operasi dan membuat keputusan. Pada tahun ini, kami berbangga untuk mengumumkan pencapaian penting dalam usaha kelestarian kami - pemformalan Komitmen Sifar Bersih melalui Program Tindakan Iklim Kumpulan (“GCAP”). Inisiatif bercita-cita tinggi ini sejajar dengan operasi perniagaan dan rantaian nilai dengan kepentingan global untuk mengurangkan perubahan iklim, memastikan aktiviti perniagaan menyumbang kepada ekonomi karbon rendah.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami ke arah tahap ketelusan yang lebih tinggi, kami menyelaraskan pendedahan iklim dengan keperluan Pasukan Petugas mengenai cadangan Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (“TCFD”). Inisiatif ini mencerminkan dedikasi berterusan RHB kepada kelestarian dan perbankan bertanggungjawab, menekankan kepentingan strategik pertimbangan berkaitan iklim bagi memastikan ketahanan jangka panjang dan penciptaan nilai. Sebagai sebahagian daripada proses ini, kami meningkatkan pelaporan kelestarian kami pada tahun 2023 untuk memberi pihak berkepentingan pandangan yang lebih tepat dan menyeluruh mengenai prestasi dan inisiatif kelestarian Kumpulan.

► TADBIR URUS KELESTARIAN

Asas Usaha Kelestarian

Kami percaya bahawa tadbir urus yang berkesan adalah penting untuk mencapai objektif kelestarian kami. Kami telah mewujudkan struktur tadbir urus kelestarian yang menyeluruh untuk memastikan akauntabiliti, memudahkan ketelusan membuat keputusan, dan mengawasi rapi perkara-perkara kelestarian kami.

Pihak Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah (“BSC”) khusus berada pada peringkat tertinggi struktur tadbir urus kami. Lembaga Pengarah merupakan badan tadbir urus tertinggi yang menentukan arah tuju dan pengawasan strategik Pelan Hala Tuju dan Strategi Kelestarian Kumpulan, termasuk strategi berkaitan iklim. BSC bertanggungjawab memudahkan pengawasan Lembaga Pengarah mengintegrasikan kelestarian dan pertimbangan berkaitan dengan iklim ke dalam strategi dan proses membuat keputusan Kumpulan. Peranan jawatankuasa ini termasuk menyelia strategi kelestarian dan berkaitan iklim Kumpulan, menetapkan matlamat, mengkaji semula kemajuan dan memantau perkara-perkara material ESG merentas strategi perniagaan, operasi dan proses membuat keputusan untuk memastikan penyelarasan objektif perniagaan keseluruhan Kumpulan. BSC bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (“BRC”), Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah (“BNRC”), dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (“BAC”) untuk menyediakan pengawasan terhadap bidang kelestarian dan perkara-perkara berkaitan dengan iklim.

Pada peringkat Pengurusan, Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan (“GSC”) yang dipengerusi oleh Pengarah Urusan Kumpulan, secara strategik memacu pelaksanaan agenda kelestarian iklim Kumpulan, sejajar dengan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan. Ketua Pegawai Kelestarian dan Komunikasi Kumpulan (“GCSCO”) menerajui pelaksanaan strategi kelestarian dan bidang tumpuan Kumpulan. Ini termasuk kerjasama rapat dengan Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan dalam pelaksanaan GCAP.

Bagi menyokong GSC, Kumpulan telah menubuhkan dua Majlis Kelestarian, iaitu Majlis Perniagaan Lestari (“SBC”) dan Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Kelestarian (“RSPC”). Terdiri daripada wakil-wakil utama daripada Kumpulan Perniagaan Strategik dan Kumpulan Fungsi Strategik, kedua-dua Majlis Kelestarian berhasrat untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif kelestarian dan berkaitan iklim Kumpulan. Majlis Kelestarian disokong oleh rangkaian Penaja dan Juara Kelestarian yang bertanggungjawab untuk menerapkan amalan kelestarian dalam bidang perniagaan dan fungsi masing-masing.

Perutusan Pengerusi Kami

Sorotan utama perjalanan kami tahun ini ialah pencapaian luar biasa dalam perkhidmatan kewangan yang lestari. Kami telah berjaya menyepadukan kriteria kelestarian ke dalam mekanisme pembiayaan kami merentas semua aktiviti perniagaan yang membawa kepada pencapaian signifikan sebanyak RM23.8 bilion bagi tempoh yang ditinjau, melebihi sasaran awal kami sebanyak RM20 bilion. Permintaan meningkat bagi perkhidmatan kewangan lestari mengesahkan hala tuju strategik kami dan mendorong kami untuk meningkatkan sasaran kepada RM50 bilion menjelang tahun 2026.

Menyedari kepentingan ketelusan dan pandangan terperinci, kami menjemput anda untuk membaca dengan lebih teliti Laporan Kelestarian dan Pernyataan Kelestarian yang menghuraikan usaha dan pencapaian kelestarian kami dengan teliti.

MEMPERKASAKAN WARGA KERJA KAMI

Pekerja kami adalah tunjang kepada kejayaan kami, maka memupuk bakat dan kesejahteraan mereka penting bagi pencapaian bersama kami. Kami melabur dalam pembangunan budaya yang menghargai kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman, memberi pasukan kami alat, sumber dan peluang yang sesuai untuk berkembang secara profesional dan peribadi.

Golongan wanita merangkumi hampir 40% daripada pengurusan

dan hampir 60% daripada keseluruhan populasi pekerja RHB.

Komitmen kami untuk memupuk persekitaran kerja yang menyokong dan menarik bukan hanya meningkatkan tahap kepuasan pekerja dengan mencapai 89% dalam skor Kajian Libat Urus Pekerja pada tahun 2023 tetapi juga memacu kecemerlangan inovasi dan prestasi merentas Kumpulan. Antara program yang diperkenalkan untuk meningkatkan kemahiran pekerja kami ialah program berkaitan dengan Kelestarian dan Perubahan Iklim.

Pada tahun 2023, kami melabur sebanyak RM32.6 juta dalam program pembelajaran dan pembangunan; secara purata, setiap pekerja menghabiskan 22.46 jam dalam pembelajaran dan pembangunan sepanjang tahun.

TADBIR URUS

Tadbir urus tetap menjadi asas perniagaan kami, menyokong keupayaan kami untuk menyampaikan nilai dan mengekalkan kepercayaan dengan pihak berkepentingan kami.

Pada tahun 2023, RHB terus mengukuhkan rangka kerja tadbir urus dengan memastikan amalan kami sejajar dengan piawaian integriti, ketelusan dan akauntabiliti tertinggi. Kami mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah untuk memastikan keseimbangan dan ahli-ahli Lembaga Pengarah dapat menyumbang dengan positif kepada pertumbuhan Kumpulan. Sebagai pihak Lembaga Pengarah, kami juga berusaha untuk memastikan kami kekal berhubung dengan perkembangan terkini dalam industri dan semua ahli Lembaga Pengarah menjalani program latihan yang diperlukan untuk kekal relevan dengan perkembangan industri dan peraturan terkini.

Sejajar dengan mandat kami, pihak Lembaga Pengarah terus menyediakan pengawasan dan sokongan kepada pihak pengurusan dalam rangka kerja tadbir urus sedia ada. Penglibatan aktif Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan tertumpu kepada prestasi kewangan, strategi, tadbir urus, kelestarian, risiko dan pematuhan, warga dan budaya kerja.

▲ Aktiviti-aktiviti yang dijalankan diperincikan di bawah Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada muka surat 165 laporan ini.

Sorotan penting bagi tahun kewangan ini ialah RHB menganjurkan "Hari Integriti" yang bertepatan dengan Bulan Integriti Kebangsaan pada November 2023. Penglibatan pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menzahirkan komitmen peringkat tertinggi kami untuk mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah, sejajar dengan Pelan Antirasuah Organisasi RHB dan Strategi Antirasuah Nasional. Bagi mengukuhkan pendirian etika organisasi, kami mengadakan "Sesi Libat Urus dengan Pembekal untuk Pengukuhan Integriti", melancarkan Buku Panduan Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan, dan mengambil bahagian dalam acara Hari Integriti GLIC bertemakan "Memperkasakan Budaya Tadbir Urus dan Integriti" dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang memberikan tumpuan kepada usaha penyatuan menentang rasuah.

Tahun 2023 juga merupakan tahun peralihan bagi pihak Lembaga Pengarah dengan dua pengarah wanita meninggalkan Lembaga Pengarah pada pertengahan tahun 2023. Sebagai sebahagian daripada proses penggantian kami, Puan Hijah Arifakh Othman telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Lembaga Pengarah. Langkah ini memastikan Lembaga Pengarah kami kekal pelbagai dan tangkas, mencerminkan usaha berterusan kami untuk mengekalkan kepelbagaian dan keterangkuman jantina pada peringkat tadbir urus.

Perutusan Pengerusi Kami



Tinjauan

Melangkah ke hadapan, tinjauan kami dibentuk oleh pemahaman tentang cabaran dan peluang yang mendatang.

RHB bersedia untuk menyesuaikan diri dan menempa kemajuan di tengah-tengah kerumitan pertumbuhan yang menyederhana, cabaran inflasi, dan ketidakpastian geopolitik. Kami kekal fokus kepada transformasi digital dan komitmen mendalam terhadap kelestarian dengan mengiktirafkan tema penting ini sebagai trend dan komponen penting dalam rangka tindakan operasi dan strategik kami untuk masa hadapan. Ketangkasan, inovasi dan komitmen kami untuk mencapai kecemerlangan meletakkan kami di kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang dan mengharungi ketidakpastian daya tahan kami dalam pasaran global yang sentiasa berubah.

Penghargaan

Merenung kembali perjalanan sepanjang tahun dan melihat ke hadapan bagi meninjau peluang dan cabaran yang ada, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang telah memainkan peranan penting dalam perjalanan dan kejayaan kami.

Kepada ahli Lembaga Pengarah,

Ribuan terima kasih atas pandangan, bimbingan dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi. Kebijaksanaan kolektif, pandangan strategik, dan perspektif yang pelbagai mendorong RHB ke arah pertumbuhan yang lestari dan memastikan bahawa kami kekal di bahagian hadapan dalam inovasi dan kecemerlangan dalam sektor perbankan.

Kepada pemegang saham kami,

Keyakinan dan kepercayaan anda dalam visi kami memacu usaha untuk mencapai objektif strategik pihak bank. Kami komited untuk menunaikan janji kami bagi mencapai matlamat bersama dan meningkatkan nilai pemegang saham.

Kepada pelanggan dan rakan niaga yang dihargai,

Kesetiaan dan perkongsian anda yang berterusan memberi inspirasi kepada kami untuk melepasi had batasan perbankan. Maklum balas dan penglibatan anda mendorong kami untuk mencatatkan peningkatan berterusan serta memberikan nilai dan kecemerlangan perkhidmatan yang unggul.

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
Pengerusi

Perutusan Pengerusi Kami



Bersama dengan pasukan RHB di Sabak Bernam, Selangor, menanam lebih daripada 530 pokok bakau di sepanjang pantai Denai sebagai sebahagian daripada inisiatif "RHB Touch Heart".

Kepada Pasukan Pengurusan Kanan Kumpulan,

diterajui oleh Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kami,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kepimpinan anda, wawasan strategik, dan usaha berterusan demi kecemerlangan operasi yang memainkan peranan penting untuk mengemudi cabaran tahun ini.

Kepada semua warga RHB,

Saya mengucapkan terima kasih atas usaha tanpa mengenal penat lelah dan ketabahan dalam penciptaan nilai untuk semua pihak berkepentingan kami. Bersama-samalah kita terus membina Kumpulan yang berdaya tahan dan dinamik yang mampu mengatasi cabaran dan merebut peluang.

Akhir sekali, pihak berkuasa kawal selia kami,

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, dan semua pihak berkuasa kawal selia di negara-negara di mana kami beroperasi atas segala bimbingan dan wawasan. Komitmen semua pihak untuk memupuk landskap pengawalseliaan yang stabil dan kondusif telah membentuk persekitaran perniagaan yang adil, lestari dan berkembang maju, membolehkan kami beroperasi dengan berkesan dan menghadapi cabaran dan peluang melangkah ke hadapan.

Sebagai Pengerusi Kumpulan, saya memperoleh inspirasi daripada perpaduan dan kekuatan ahli Lembaga Pengarah, pemegang saham, pelanggan, rakan niaga, pasukan pengurusan kanan, pekerja dan pengawal selia kami. Tidak dinafikan bahawa perjalanan kolektif kami adalah satu proses pembelajaran berterusan, pertumbuhan, dan tujuan bersama. Kami telah membina asas yang kukuh bagi masa hadapan, dan bersama-sama bersedia untuk menghadapi masa hadapan dengan optimisme, didorong oleh komitmen bersama untuk kecemerlangan, kelestarian, dan kemakmuran semua pihak berkepentingan kami.



PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

Mengimbuai kembali Tahun Kewangan 2023, dengan sukacitanya saya ingin berkongsi bahawa Kumpulan Perbankan RHB (“RHB” atau “Kumpulan”) telah mempamerkan ketahanan, dedikasi, inovasi, dan komitmen yang teguh terhadap nilai-nilai teras kami. Meskipun menghadapi pelbagai cabaran persekitaran operasi, termasuk lanskap ekonomi yang sentiasa berubah dan keperluan pengawalseliaan yang berkembang, Kumpulan tetap bertahan dan berpegang teguh kepada usaha yang memberikan nilai kepada pelanggan, pemegang saham, dan pihak berkepentingan yang lain.

**Mohd Rashid
Mohamad**

*Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan*

Dari Meja Pengarah Urusan Kumpulan Kami

ULASAN

Tahun yang lepas merupakan tempoh pembelajaran yang kukuh dan komitmen yang teguh bagi kami. Prestasi kewangan memenuhi jangkaan realistik kami, namun ia mencerminkan keperluan untuk memperbaharu tumpuan kepada inisiatif strategik dan kecekapan operasi, serta keperluan untuk kami mengenal pasti dan memanfaatkan bidang pertumbuhan utama di bawah strategi korporat kami, **Bersama-sama Menempa Kemajuan** (TWP24”).

Pada asasnya, strategi korporat TWP24 direncanakan untuk mengatasi kerumitan persekitaran perniagaan pada masa ini dan memenuhi keperluan pelanggan yang berubah-ubah, memanfaatkan kekuatan kami untuk mencapai pertumbuhan lestari dan meningkatkan nilai pemegang saham.

Pelan pelaksanaan kami memfokus kepada meningkatkan pertumbuhan perniagaan dalam segmen Mewah, Mewah Massa, perusahaan kecil dan sederhana (“PKS”), segmen Sederhana dan Besar, transformasi digital dan inovasi, pengalaman pelanggan, serta memangkinkan kelestarian.

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Dalam tahun yang ditinjau, persekitaran operasi kami mengemukakan landskap yang mencakupi cabaran dan peluang penting, mencerminkan sektor perkhidmatan kewangan yang dinamik dan berkembang. Berlatarbelakangkan ketidakpastian ekonomi global, ketegangan geopolitik, trend inflasi, dan peralihan dasar monetari, Kumpulan telah menempuhnya dengan daya tahan dan pengawasaan strategik. Kami belajar untuk mengemudi landskap ekonomi yang berkembang dan perubahan dalam jangkaan pengawalseliaan dengan tahap wawasan dan kefleksibelan yang tinggi. Perubahan pengawalseliaan dan pertimbangan persekitaran semakin mempengaruhi proses membuat keputusan, memerlukan kami untuk memperhebat penyepaduan amalan kelestarian ke dalam perniagaan dan operasi serta mengamalkan piawaian tadbir urus korporat yang lebih tinggi. Pengalaman ini membentuk strategi Kumpulan termasuk strategi pendanaan, kecairan dan pengurusan keperluan modal, dan proses pengurusan risiko dan menyesuaikan penawaran produk kami dengan

keperluan pelanggan yang berubah. Pengurusan berhemat ini adalah penting untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan kestabilan kewangan Kumpulan.

SOROTAN KEWANGAN

Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa Kumpulan mencatatkan peningkatan keuntungan bersih tahun ke tahun (“YoY”) sebanyak 4.8% kepada RM2.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, disokong oleh pertumbuhan pendapatan berasaskan bukan dana dan kerugian kredit dijangka (“ECL”) yang lebih rendah. Walaupun prestasi kewangan tidak menepati aspirasi kami, kedudukan kunci kira-kira Kumpulan kekal stabil dengan pertumbuhan pinjaman sebanyak 4.8% YoY kepada RM222.4 bilion. Begitu juga deposit pelanggan yang meningkat sebanyak 7.9% YoY kepada RM245.1 bilion, terutamanya didorong oleh Perbankan Komuniti dan Singapura. Kami komited untuk menangani mana-mana bidang yang memerlukan penambahbaikan, dan saya memberi jaminan bahawa langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan lagi prestasi kami pada masa hadapan.

ULASAN STRATEGIK

Pada tahun 2023, Kumpulan meneruskan perjalanan transformatif di bawah strategi korporat TWP24 Kumpulan yang memfokus kepada tiga objektif teras: Menjadi Bank Utama Untuk Semua, Mengutamakan Pengalaman Pelanggan dan Memacu Pertumbuhan Berkualiti. Setiap objektif ini disokong oleh inisiatif khusus yang sejajar dengan matlamat strategik kami dan senada dengan komitmen kami terhadap kelestarian, mengutamakan pelanggan, inovasi, dan kemajuan teknologi.

Inisiatif strategik di bawah strategi korporat TWP24 secara signifikan menyumbang kepada prestasi berdaya tahan Kumpulan pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, kami mengakui beberapa cabaran dalam pelaksanaan strategi ini dengan pasaran kewangan yang tidak menentu memberi kesan kepada selera pelaburan dalam ruang Kekayaan dan penghapusan tarif insurans Kebakaran dan Permotoran yang membebaskan keuntungan pengunderaitan kami. Namun begitu, tumpuan kami tetap untuk meningkatkan pengalaman pelanggan, memanfaatkan transformasi digital, menerapkan amalan lestari ke dalam perniagaan dan operasi kami untuk meletakkan kami pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi cabaran dan peluang masa depan.

Peningkatan keuntungan bersih sebanyak 4.8% YoY kepada RM2.8 bilion

▶ MATLAMAT TWP24



Menjadi Bank Utama Untuk Semua

Pada tahun tinjauan, kami melaksanakan beberapa inisiatif utama bagi meningkatkan sasaran kami untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan utama.

Pada tahun ini, kami:

- Memperkasakan PKS dengan modal kerja sebanyak RM450 juta melalui program pembiayaan pembekal dan vendor kami.
- Membina perniagaan yang berdaya tahan di kalangan PKS melalui program, seperti:
 - > #JomSapot BeliLokal
 - > #JomBiz bagi PKS Mikro
 - > Strategi Pemeraksanaan B40 RHB Islamic Bank-Be Your Own Boss ("BEST-BYOB") - program perniagaan untuk usahawan mikro
 - > Program Penstrukturan & Penjadualan Semula Portfolio
- Pelancaran Insuran Kemalangan Peribadi Rahmah RHB yang menawarkan perlindungan mampu milik kepada segmen B40 sambil memacu keterangkuman kewangan di kalangan komuniti kurang bernasib baik.
- Melancarkan Boost Bank, kerjasama bank digital antara RHB dengan Kumpulan Axiata untuk menyokong keterangkuman kewangan yang lebih meluas.

+6.0%
Pinjaman Runcit

TK2023 berbanding dengan TK2022

+8.6%
Pinjaman Gadai Janji

TK2023 berbanding dengan TK2022

+11.0%
Pelanggan Reflex

TK2023 berbanding dengan TK2022

+4.9%
Pinjaman PKS

TK2023 berbanding dengan TK2022

+7.8%
Pembiayaan Auto

TK2023 berbanding dengan TK2022

+49.0%
Pelanggan

TK2023 berbanding dengan TK2022

Dari Meja Pengarah Urusan Kumpulan Kami

▶ MATLAMAT TWP24



Mengutamakan Pengalaman Pelanggan

Kami terus mempercepat penggunaan perkhidmatan perbankan pintar dengan menggunakan teknologi canggih untuk memberikan pengalaman pelanggan terbaik.

Pada tahun ini, kami:

- Memindahkan perkhidmatan perbankan mudah alih dan internet "RHB Now" kepada platform Perbankan Mudah Alih RHB dan Perbankan Dalam Talian RHB baharu. Pada tahun 2023, bilangan pelanggan runcit RHB di platform perbankan internet dan mudah alih meningkat sebanyak 44%, yang merupakan bukti kejayaan digital kami.
- Bekerjasama dengan Payments Network Malaysia ("PayNet") untuk memperkenalkan kotak bunyi DuitNow QR Plug & Play yang meningkatkan keselamatan pembayaran untuk pengguna dan peniaga.
- Mempercepat penambahbaikan keselamatan digital dan peningkatan kesedaran tentang penipuan kewangan untuk melindungi pelanggan kami.
- Mencapai kedudukan 2 teratas dalam Skor Promoter Bersih ("NPS") di kalangan bank-bank Malaysia pada tahun 2023 dalam tinjauan pelanggan bebas. Peningkatan signifikan dalam NPS merentas pelbagai sektor menyerlahkan kejayaan kami dalam peningkatan pengalaman pelanggan.

Mencapai penembusan saluran digital yang kukuh

- ~83% daripada transaksi melalui saluran digital
- Pengasalan gadai janji dalam talian melebihi 40%, melalui aplikasi MyHome

Meningkatkan pengalaman digital pelanggan

- Pelanggan perbankan dalam talian berkembang kepada 2.5 juta (+44% berbanding TK2022)
- Peningkatan berterusan ciri-ciri perbankan dalam talian; contohnya pelanggan boleh mengunci kad buat sementara waktu untuk mencegah penipuan

Mempercepat automasi & pemodenan sistem

- ~45% daripada proses utama telah diautomasikan
- 62% daripada sistem kami telah dimodenkan

▶ MATLAMAT TWP24



Memacu Pertumbuhan Berkualiti

Objektif ketiga, memacu pertumbuhan berkualiti, diperkukuh oleh komitmen kelestarian dan pembiayaan Islam kami.

Pada tahun ini, kami:

- Mencapai lebih RM23.8 bilion dalam perkhidmatan kewangan lestari, melebihi sasaran RM20 bilion kami, tiga tahun lebih awal daripada yang dirancang.
- Membayar lebih daripada RM300 juta dalam pinjaman kenderaan hijau, menunjukkan komitmen kami terhadap amalan lestari.
- Melancarkan dana teknologi lestari patuh Syariah Malaysia yang pertama, Dana RHB i-Lestari Teknologi Masa Depan.
- Menjuarai komitmen sosial dan alam sekitar melalui 43 projek di tujuh negara Asia Tenggara menerusi inisiatif RHB Touch Hearts.

Perkhidmatan Kewangan Lestari berkembang dengan baik

- Mencapai RM23.8 bilion berbanding dengan sasaran Lima-Tahun RM20 bilion
- Membina momentum positif daripada pencapaian ini, kami menyemak semula sasaran kami kepada RM50 bilion menjelang tahun 2026

^{N1} Pinjaman dalam Ringgit Malaysia

**+2.8%
Pembiayaan Islamik**

TK2023 berbanding dengan TK2022

**44.3%
bahagian Islamik**

dalam pembiayaan domestik
(TK2022: 44.6%)

**+17.5%^{N1}
Pinjaman Singapura**

TK2023 berbanding dengan TK2022

**Lebih
RM300 juta**

dalam pinjaman kenderaan hijau

Dari Meja Pengarah Urusan Kumpulan Kami

MENDUKUNG TRANSFORMASI DIGITAL

Memajukan perjalanan transformasi digital kami menjadi asas strategi kami. Kami menyedari bahawa inisiatif inovasi digital terletak bukan hanya pada potensinya untuk meningkatkan kecekapan operasi tetapi juga untuk memperkaya pengalaman perbankan pelanggan.

Perjalanan transformasi digital kami ditandai dengan kemajuan ketara dalam platform perbankan dalam talian dan perbankan mudah alih kami serta pengalaman pembayaran. Pada tahun dalam tinjauan, kami juga telah memeterai perkongsian strategik, masing-masing menyumbang kepada tawaran perkhidmatan yang lancar, selamat dan dipertingkatkan.

Kami berhasrat untuk menyampaikan platform dalam talian dan perbankan mudah alih yang intuitif, komprehensif dan mudah diakses. Kami telah memulakan perjalanan transformasi digital, meningkatkan ciri-ciri sedia ada, di samping memperkenalkan ciri-ciri baharu untuk memperkasakan pelanggan kami dengan kawalan yang tiada tandingan bagi transaksi kewangan mereka. Ini meningkatkan kadar pertumbuhan penembusan perbankan dalam talian RHB dengan peningkatan YoY sebanyak 15.3%, menjadikan kadar penembusan keseluruhan pada 83%.

Kami juga terus menggalakkan akses dan keterangkuman kewangan bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan dan tidak mendapat perkhidmatan perbankan melalui pelancaran Bank Boost, konsortium bank digital bersama dengan rakan kerjasama kami, Boost. Bank Boost menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang menyeluruh untuk menyokong golongan yang tidak mendapat perkhidmatan perbankan dan kurang mendapat perkhidmatan dengan memberikan akses mudah kepada perkhidmatan perbankan, dengan itu menggalakkan keterangkuman dalam ekosistem kewangan.

Memahami bahawa usaha sama adalah penting kepada inovasi, kami telah menjalin kerjasama strategik bersama dengan pelbagai pihak. Sebagai contoh, RHB bekerjasama dengan rakan niaga, seperti OSK, EcoWorld, iMoney, MHub, dan Didian Realtors untuk merevolusikan proses pinjaman perumahan Platform Aset Pemilik Rumah kami yang bernilai tinggi. Perkongsian ini menyediakan integrasi lancar permohonan pinjaman perumahan pelanggan secara digital, menekankan strategi RHB untuk menerapkan penyelesaian digital ke dalam keperluan perbankan harian.

Pada tahun 2023, RHB memperluas penawaran di bawah Kad Debit Visa Akaun Pelbagai Matawang/i terlaris dengan penambahan 16 mata wang dan menjadikan jumlah mata wang sokong kepada 33, termasuk

Ringgit Malaysia. Ini menghasilkan pertumbuhan asas pengguna tahun ke tahun yang mengagumkan sebanyak 22% dan peningkatan perbelanjaan tahun ke tahun sebanyak 45% pada tahun 2023.

Perjalanan kami menerapkan transformasi digital adalah berterusan dan dinamik. Komitmen kami terhadap kecemerlangan digital menggariskan janji kami untuk menyediakan pengalaman perbankan pelanggan yang selamat, mudah dan unik disesuaikan dengan keperluan mereka.

MEMPERKUKUH KESELAMATAN SIBER

Pada era ketika inovasi digital mentakrifkan daya saing kami, mengambil pendirian proaktif terhadap keselamatan siber adalah kritikal. Kami percaya bahawa pertahanan yang kuat terhadap ancaman siber bukan hanya memerlukan pelaburan berterusan dalam langkah-langkah keselamatan siber tetapi juga pemerksaan pekerja dan pelanggan kami melalui pendidikan dan kesedaran. Bagi tujuan ini, kami bekerjasama dengan pihak berkuasa kawal selia dan rakan industri untuk melancarkan program kesedaran yang komprehensif di seluruh negara bagi melengkapkan pihak berkepentingan kami dengan pengetahuan dan alat yang perlu untuk mengenal pasti dan mencegah potensi ancaman siber.

Kami juga telah melaksanakan langkah-langkah kritikal untuk meningkatkan keselamatan perbankan dalam talian sejajar dengan jangkaan penguatkuasaan. Ini termasuk tempoh bertenang selama 12 jam untuk pendaftaran dalam talian baharu, peralihan kepada pengesahan dalam aplikasi dan bukannya kata laluan satu kali SMS tradisional ("OTPs"), peranti tunggal yang memerlukan pengesahan transaksi selamat, dan memperkenalkan dasar "Suis Pematik" kecemasan untuk menangani akaun dalam talian berisiko penipuan. Kami telah mengamalkan strategi keselamatan pelbagai lapisan yang merangkumi teknologi pemantauan, pengesanan ancaman terkini, sistem pemantauan dan pengesanan penipuan. Strategi ini memastikan integriti dan daya tahan operasi kami dan mengukuhkan kepercayaan pelanggan kepada platform digital kami.

MENERUSKAN KOMITMEN KAMI KEPADA TINDAKAN IKLIM

Menangani perubahan iklim diutamakan dalam agenda strategik kami yang mengiktirafnya sebagai salah satu cabaran dan peluang yang paling kritikal pada zaman ini.

Dalam konteks ini, Program Tindakan Iklim Kumpulan ("GCAP"), yang dilancarkan pada tahun 2022, membuktikan peranan kritikal yang dimainkan oleh institusi kewangan untuk memacu perubahan alam sekitar yang bermakna. Kami mengintegrasikan prinsip ESG ke dalam teras operasi dan proses membuat keputusan untuk memastikan pertumbuhan yang bertanggungjawab dan menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Dari Meja Pengarah Urusan Kumpulan Kami

Perjalanan Program Tindakan Iklim Kumpulan ("GCAP") kami yang bercita-cita tinggi dan transformatif ditetapkan sejajar dengan matlamat yang luas untuk memenuhi komitmen Sifar Bersih menjelang tahun 2050. GCAP telah memainkan peranan penting dalam usaha mengintegrasikan pertimbangan berkaitan iklim ke dalam proses pengurusan risiko dan strategi perniagaan kami, membolehkan kami menentukan komitmen Sifar Bersih jangka panjang kami menjelang tahun 2050. Sementara itu, kami bersungguh-sungguh meneruskan operasi Neutral Karbon menjelang tahun 2030 untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau operasi ("GHG") dan menyumbang bahagian kami kepada perjuangan global terhadap perubahan iklim.

Di bawah GCAP, kami telah mencapai kemajuan yang mantap bagi mematuhi Analisis Pengurusan Risiko Iklim dan Senario Bank Negara Malaysia ("BNM"), dan membangunkan strategi penyahkarbonan yang komprehensif untuk lima sektor berimpak tinggi. Bagi mencapai matlamat ini, kami menjalankan penilaian yang mendalam

dan komprehensif untuk menentukan garis dasar pelepasan yang dibiayai meliputi semua kelas aset dan dikira menggunakan kaedah Perkongsian untuk Kewangan Perakaunan Karbon ("PCAF") yang menghasilkan pewujudan garis dasar pelepasan yang dibiayai sebanyak 9.26 MTCO₂e pada Disember 2022. Pencapaian penting ini membantu kami membentuk laluan ke hadapan untuk menetapkan sasaran yang boleh diukur, mengesan intensiti karbon portfolio kami dari semasa ke semasa, dan memberi kami gambaran tentang di mana kami harus menumpukan usaha penyahkarbonan.

Kami akan terus memacu pertumbuhan dalam pembiayaan hijau dan menyokong projek-projek yang memudahkan peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui dan amalan rendah karbon. Kami juga akan memperhebat usaha kami untuk menyokong mana-mana syarikat yang komited terhadap neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap. Inisiatif proaktif ini akan melibatkan lebih banyak syarikat dalam peralihan kepada ekonomi rendah karbon.



Prospek

Melakarkan perjalanan ke hadapan, kami berhasrat untuk mengharungi cabaran segera dan merebut peluang yang ada pada masa hadapan.

Berpandukan pengajaran dari masa lalu, kami bersedia untuk mengemudi landskap yang berkembang dengan pengawasan strategik dan kecemerlangan operasi. Kami akan mempergiat fokus kami untuk meluaskan kehadiran pasaran kami merentas segmen pasaran utama, termasuk segmen Mewah, Mewah Massa, PKS, Modal Besar dan Modal Sederhana. Memandang ke hadapan, strategi pertumbuhan kami mengutamakan pemahaman dan memenuhi keperluan unik pelbagai pasaran dan segmen pelanggan melalui produk dan perkhidmatan yang disesuaikan, serta platform digital yang dipertingkatkan yang mendorong usaha pengembangan dan pertumbuhan pasaran kami.

Kesejahteraan komuniti dan planet sangat berkaitan dengan kemajuan masa hadapan kami. Oleh itu, kami sentiasa berdedikasi untuk membawa perubahan kelestarian dalam sektor perkhidmatan kewangan, menerapkan amalan lestari ke dalam operasi dan proses membuat keputusan kami, serta mewujudkan kesan positif kepada pihak berkepentingan kami.

Memandangkan strategi TWP24 kami menghampiri tahun akhir, kami mengimbuai kembali pencapaian kami dan berharap agar dapat mempamerkan ketahanan dan keupayaan yang tidak berbelah bahagi untuk memberikan nilai yang lebih tinggi kepada pemegang saham, pelanggan, pekerja dan semua pihak berkepentingan kami.

Dari Meja Pengarah Urusan Kumpulan Kami

Penghargaan

Mengimbau perjalanan yang dicatatkan dalam Laporan Bersepadu ini, dengan merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan menzahirkan rasa bangga yang mendalam, kami mengakui sumbangan yang tidak ternilai daripada semua pihak yang telah menjadi sebahagian daripada perjalanan kami.



Mohd Rashid Mohamad

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB

Kami mengucapkan terima kasih yang tulus ikhlas:

Kepada pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kami yang dihormati

Kepercayaan dan kesetiaan anda menjadi asas kepada pencapaian kami, membimbing kami melalui cabaran dan ke arah mencapai matlamat bersama kami.

Kepada Pemegang Saham yang Dihargai

Keyakinan, kepercayaan dan sokongan anda dalam visi dan strategi kami telah mendorong perjalanan kami ke arah pertumbuhan yang lestari.

Kepada warga RHB

Komitmen, kerja keras dan daya tahan anda yang tidak berbelah bahagi membolehkan kami memenuhi matlamat, menunaikan janji dan Memacu Kemajuan untuk Semua.

Kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah yang Dihormati

Visi, kepimpinan, dan komitmen strategik anda terhadap visi dan matlamat Kumpulan menjadi kompas yang membimbing kami melalui masa yang mencabar. Di bawah penyeliaan anda, kami telah menghadapi kerumitan landskap kewangan dengan ketangkasan dan berjaya untuk mengecapi pencapaian utama yang telah kami tetapkan.

Kepada Pengurusan Kanan Kumpulan

Semangat kerjasama dan kepimpinan anda yang tidak ternilai semasa kami menghadapi kerumitan dalam industri, memacu inovasi dan kecemerlangan operasi pada setiap masa.


Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkuasa kawal selia di Malaysia dan negara-negara di mana kami beroperasi. Panduan anda adalah penting untuk mengekalkan piawaian pematuhan dan integriti tertinggi dan memastikan persekitaran perbankan yang stabil, adil, dan progresif.

Terima kasih atas sokongan dan kepercayaan berterusan anda dan kerana menjadi sebahagian daripada perjalanan kami.

Kajian Prestasi Strategik

KEMAJUAN STRATEGI KORPORAT TWP24 RHB KAMI

Pada tahun 2022, kami melancarkan strategi korporat tiga tahun, **Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024** ("TWP24"), sebagai tindak balas kepada perubahan lanskap perniagaan yang pesat. TWP24 mengutamakan pertumbuhan yang mampan, berpandukan Penyata Tujuan kami, **'Memacu Kejayaan Untuk Semua'**. Kami melibatkan pihak berkepentingan untuk menyampaikan nilai kepada pelanggan, rakan sekerja dan komuniti, dengan tumpuan pada pertumbuhan yang diterajui segmen, kualiti aset, kecekapan kos, dan pulangan, menekankan kemampanan, teknologi dan inovasi.



Kajian Prestasi Strategik

TWP24 berpusat pada tiga objektif dan tujuh bidang fokus untuk meningkatkan nilai pihak berkepentingan untuk menjadi peneraju dalam Kecemerlangan Perkhidmatan. Ia beroperasi melalui lima kumpulan perniagaan utama, memanfaatkan keupayaan digital dan analitik untuk pengalaman pelanggan yang lancar. Kami komited terhadap pembiayaan lestari dan penyepaduan ESG memupuk pertumbuhan inklusif dan kepercayaan di kalangan pihak berkepentingan, termasuk pelanggan, warga kerja, pemegang saham, pengawal selia, rakan niaga dan komuniti.

....disampaikan melalui keutamaan perniagaan utama

Kami akan berusaha mencapai sasaran TWP24 kami



PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN

- Mewah Massa: Mencipta sarana yang menguntungkan
- Kekayaan: Menjadi penyedia kekayaan hujung ke hujung secara menyeluruh
- PKS: Membina kepakaran bersektor dan mengembangkan ekosistem



PERBANKAN BORONG KUMPULAN

- Menambah baik model hubungan pelanggan di semua pasaran
- Transformasi saluran digital untuk memenuhi keperluan perbankan dan pelaburan
- Menerajui inisiatif ESG merentasi seluruh kumpulan



PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

- Mengembangkan ekosistem Islamik
- Membina perniagaan Pengurusan Kekayaan Islam yang holistik
- Meningkatkan pegangan Islamik Pembiayaan Kumpulan



PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN

- Tumpuan pada kekuatan dalam setiap pasaran
- Memanfaatkan sinergi dan pembelajaran merentasi semua pasaran
- Pendigitalan untuk menyokong aspirasi pertumbuhan



INSURANS KUMPULAN

- Memperdalamkan banca melalui produk yang inovatif
- Menggandakan kemampuan digital dan pemerolehan
- Melebarkan rangkaian pengedaran

TWP24

SASARAN STRATEGIK

▶ **11.5%**
Pulangan ke atas Ekuiti (2024)

▶ **≤ 44.5%**
Nisbah Kos kepada Pendapatan (2024)

▶ Skor Promoter Bersih (NPS) kedudukan **3 Teratas** antara bank-bank di Malaysia

SASARAN DIGITAL & IT

▶ **≥ 65%**
Sistem Dimodenkan menjelang 2024

▶ **≥ 50%**
Proses diautomasikan menjelang 2024

SASARAN KELESTARIAN¹

▶ **RM50 billion***
Kewangan Lestari menjelang 2026

▶ Lebih daripada **2 juta** Individu dan Perniagaan Diperkasakan merentas ASEAN menjelang 2026

▶ **Neutral Karbon**
Menjelang 2030

Nota:

¹ Sasaran kelestarian adalah berasaskan Strategi & Pelan Hala Tuju Kelestarian 5-Tahun (2022-2026) RHB

* Semakan Semula sasaran Perkhidmatan Kewangan Lestari

Tonggak Strategik

Pada tahun kedua pelaksanaan TWP24, RHB meneruskan kemajuan yang positif merentasi tiga tonggak strategiknya pada ketika kami mengukuhkan hubungan, mengutamakan pelanggan dan memacu pertumbuhan berkualiti dalam semua segmen perniagaan utama. Strategi ini membantu RHB mengemudi persekitaran operasi yang mencabar pada tahun 2023 sambil kekal komited untuk mencipta nilai bagi pihak berkepentingan kami.

<p>Menjadi Bank Utama untuk Semua</p>	<p>Sasaran Kami Membina hubungan yang lebih erat dengan pelanggan sasaran dalam segmen Pelanggan Mewah, Mewah Massa, PKS, Modal Besar dan Modal Sederhana</p> <p><i>Modal Digunakan:</i></p> <p>FC MC IC HC SRC</p>	<p>Pendekatan Kami</p> <ul style="list-style-type: none"> Membangunkan kepakaran sektoral untuk menyokong pendekatan hiper-peribadi bagi menyampaikan perkhidmatan Mengeratkan hubungan dengan pangkalan pelanggan dalam segmen khusus kami Meneruskan penambahbaikan dalam Ekosistem PKS Melabur dalam pendigitalan untuk mengembangkan portfolio pembiayaan PKS kami dalam talian dan segmen Kekayaan
<p>Mengutamakan Pengalaman Pelanggan</p>	<p>Sasaran Kami Menyampaikan perkhidmatan dan cadangan yang mendahului pasaran dan berbeza dengan memanfaatkan pengalaman digital yang inovatif yang membantu pelanggan menguruskan keperluan kewangan mereka</p> <p><i>Modal Digunakan:</i></p> <p>FC MC IC HC SRC</p>	<p>Pendekatan Kami</p> <ul style="list-style-type: none"> Melabur dalam membina keupayaan kami untuk meningkatkan pengalaman pelanggan melalui pendekatan utamakan digital Mempercepatkan pengembangan ekosistem kewangan Islam dengan bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan dan awam
<p>Memacu Pertumbuhan Berkualiti</p>	<p>Sasaran Kami Tertumpu kepada pertumbuhan domestik dan antarabangsa, dengannya kami telah kenal pasti kekuatan kami dalam segmen khusus, sambil komited kepada pertumbuhan yang menguntungkan dan lestari</p> <p><i>Modal Digunakan:</i></p> <p>MC IC HC SRC NC</p>	<p>Pendekatan Kami</p> <ul style="list-style-type: none"> Membina perniagaan luar negara yang bersepadu dengan menyampaikan strategi setempat merentasi enam pasaran asing, mengembangkan kekuatan yang sedia ada, sambil meneroka peluang untuk pembiayaan ESG Mengerakkan sebanyak RM50 bilion dalam perkhidmatan kewangan lestari menjelang 2026 Memperkasa lebih 2 juta individu dan perniagaan yang disasarkan di seluruh ASEAN menjelang 2026 Mencapai neutral karbon menjelang 2030 dan membina laluan ke sifar bersih

Kad Skor Strategik



**Menjadi
Bank Utama
untuk Semua**



**Mengutamakan
Pengalaman
Pelanggan**



**Memacu
Pertumbuhan
Berkualiti**

Pencapaian Strategik TK2023

- Portfolio Pembiayaan Runcit berkembang 6.0%, disokong oleh portfolio Gadai Janji dan Kenderaan yang mantap (masing-masing berkembang 8.6% dan 7.8%)
- Memperkukuh nilai cadangan PKS kami, yang menghasilkan pertumbuhan pinjaman 4.9%
- Menggerakkan jualan produk insurans menerusi RHB Insurance, yang menyaksikan pertumbuhan Premium Bertulis Kasar ("GWP") sebanyak 17.7%

Pencapaian Strategik TK2023

- Menggalakkan pelanggan RHB menggunakan perbankan dalam talian, yang menghasilkan pertambahan pengguna dalam talian sebanyak 44% pada 2023
- Mewujudkan ciri-ciri dalam talian berkaitan pencegahan pemalsuan dan penipuan, seiring dengan agenda Bank Negara Malaysia, dengan melancarkan ciri-ciri seperti dasar "Suis Pemati"
- Berterusan memodenkan sistem dan mengautomatikkan sistem RHB untuk meningkatkan kecekapan

Pencapaian Strategik TK2023

- Menggerakkan lebih RM23.8 bilion dalam Perkhidmatan Kewangan Lestari
- Melancarkan Portal Pengurusan Kekayaan Islam RHB, platform sehenti digital bagi memudahkan capaian pelanggan kepada produk patuh Syariah
- Memacu pertumbuhan pinjaman dalam perniagaan luar negara kami, diterajui oleh pasaran utama iaitu Singapura dan Kemboja (masing-masing berkembang 17.5% dan 5.25%)

Pencapaian TK2023**Pulangan ke atas ekuiti**

9.5%

Nisbah kos kepada Pendapatan

47.5%

Skor Promoter Bersih ("NPS")

2 Teratas
dalam kalangan
Institusi Kewangan
Malaysia

ULASAN EKONOMI



BARNABAS GAN SHENG CHONG
Pemangku Ketua Ekonomi Kumpulan

Sorotan

Pada tahun 2023, cabaran utama bagi ekonomi ASEAN termasuk kelembapan ekonomi di China, ketegangan geopolitik, dan inflasi global yang berterusan.

Pengetatan keadaan monetari global dan permintaan luar yang lebih perlahan telah memberi kesan kepada ekonomi Malaysia khususnya.

S1 Bagaimanakah prestasi ekonomi utama ASEAN pada 2023?

J: Rantau ASEAN mengalami pelbagai senario ekonomi pada 2023. Semasa mengharungi ketidakpastian global, Malaysia menyaksikan pertumbuhan 3.7% tahun ke tahun dirangsang oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan perbelanjaan kerajaan. Walaupun berlaku kelembapan, Singapura merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") sederhana sebanyak 1.1% pada 2023. Indonesia berkembang dengan berdaya tahan sebanyak 5.1%, dipacu khususnya oleh penggunaan domestik yang mantap walaupun kadar faedah lebih tinggi. Pada tahun sama, KDNK Thailand juga berkembang 1.9% di sebalik cabaran yang dicituskan oleh kelembapan dalam pelancongan dan permintaan pelaburan domestik. Sebaliknya, Kemboja menunjukkan prospek pertumbuhan memberangsangkan, di mana konsensus pasaran menunjukkan peningkatan 5.7% dalam KDNK pada 2023, dipacu oleh perbelanjaan pengguna dan aktiviti sektor swasta, terutamanya dalam eksport panel solar dan komponen elektrik.

S2 Apakah trend inflasi dan respons dasar monetari negara-negara ini pada tahun 2023?

J: Tekanan inflasi berbeza-beza di seluruh rantau ASEAN pada 2023, mendorong respons dasar monetari yang pelbagai. Sebagai contoh, Malaysia bertindak balas terhadap kenaikan inflasi dengan meningkatkan kadar dasar semalaman kepada 3.00%, manakala Singapura berdepan tekanan inflasi lebih tinggi berbanding dua tahun sebelumnya. Di Indonesia, Bank Indonesia menaikkan kadar dasar kepada 6.0% untuk menstabilkan Rupiah di tengah-tengah aliran inflasi, manakala Thailand meningkatkan kadar dasarnya kepada 2.5% untuk menguruskan risiko inflasi. Kemboja, sebaliknya, menyaksikan kadar inflasi yang agak rendah, menandakan gangguan rantaian bekalan mereda.

S3 Apakah cabaran dan risiko utama yang dihadapi oleh ekonomi ASEAN pada tahun 2023?

J: Pada tahun 2023, cabaran utama bagi ekonomi ASEAN merangkumi kelembapan ekonomi di China, ketegangan geopolitik, dan inflasi global yang berterusan. Ekonomi Malaysia, khususnya, terjejas oleh pengetatan monetari global dan permintaan luar yang lebih perlahan, walaupun data perdagangan menunjukkan tanda-tanda peningkatan menjelang suku keempat 2023. Singapura berjaya mengharungi peningkatan inflasi dan kelembapan ekonomi asas, manakala Indonesia berdepan kelemahan matawang Rupiah dan baki akaun semasa yang negatif. Sektor pelancongan Thailand terus berdepan cabaran yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonominya, manakala Kemboja berjaya mengekalkan prestasi eksport yang kukuh walaupun menghadapi pertumbuhan yang lebih perlahan dalam rakan perdagangan utama.

Persekitaran Operasi

Kami optimis tetapi berhati-hati terhadap prospek ASEAN bagi tahun 2024 berikutan pelbagai senario ekonomi pada tahun 2023.

KDNK Malaysia diunjur berkembang sebanyak 4.6% pada 2024, dipacu oleh prestasi sektor luaran

Landskap ekonomi 2023 memberikan cabaran dan peluang untuk Kumpulan Perbankan RHB menyegerakan respons strategik.

Bagi tahun 2024, permintaan kredit dijangka dirangsang oleh prospek pertumbuhan serantau yang mantap, manakala pendapatan yuran dan komisen harus mendapat manfaat daripada aktiviti berkaitan pinjaman dan pasaran modal yang lebih baik.

S4 Apakah implikasi dan respons strategik untuk RHB Bank berdasarkan senario ekonomi pada tahun 2023?

J: Senario ekonomi pada tahun 2023 memberikan cabaran dan peluang untuk Kumpulan Perbankan RHB, yang memerlukan respons strategik. Menyedari kepentingan pengurusan modal dan kecairan yang berhemat, rizab kerugian pinjaman Kumpulan kekal mantap dan melaraskan kunci kira-kiranya untuk mengharungi ketidakpastian ekonomi. Dinamik pasaran pada tahun 2023 mempercepatkan usaha pendigitalan kami dan pembangunan kecekapan warga kerja, yang mana adalah utama kepada pemacu strategik di bawah strategi korporat kami, "**Bersama-sama Menempa Kemajuan**" ("TWP24").

Dalam pasaran ASEAN yang pelbagai, RHB telah menyesuaikan diri dengan melabur dalam modal insan dan teknologi, menyokong strateginya untuk mengharungi kesan luaran. Tumpuan pada pendigitalan merentasi kesemua tujuh bidang tumpuan "TWP24" mencerminkan komitmen kami untuk memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dan memacu pertumbuhan berkualiti. RHB juga menstabilkan perniagaan teras sambil membangunkan enjin pertumbuhan baharu sebagai tindak balas kepada prospek pasaran membangun yang mencerminkan pergerakan ekonomi global yang meluas. Ini melibatkan pendekatan bersepadu kepada perniagaan luar negara, memanfaatkan kekuatan dan mengimbangi risiko dalam pasaran yang berbeza.

RHB telah memanfaatkan potensi pertumbuhan Perniagaan Antarabangsa Kumpulan, dengan kemajuan ketara dalam prestasi Perbankan Komersial di Singapura dan Kemboja. Pembangunan Modal Insan kekal menjadi keutamaan, terutamanya dalam pasaran luar negara seperti Singapura, Indonesia dan Kemboja, di mana tumpuan diberikan kepada latihan bersasar dan menerapkan Komponen Budaya RHB. Pelaburan teknologi telah berterusan dibuat untuk membina infrastruktur yang mantap, memastikan penyampaian yang bernilai kepada pelanggan merentasi pasaran.

Langkah-langkah strategik ini mengukuhkan kedudukan RHB dalam menghadapi halangan ekonomi global dan memanfaatkan peluang pertumbuhan sedang pesat membangun, melindungi nilai pihak berkepentingan dan menyokong pemulihan ekonomi.

S5 Apakah prospek ekonomi negara-negara ASEAN pada tahun 2024?

J: Kami mengambil pendekatan optimistik namun berhati-hati tentang prospek ASEAN untuk 2024. Kami menjangka KDNK Malaysia berkembang sebanyak 4.6%, diterajui oleh prestasi sektor luar. Pertumbuhan KDNK Singapura diunjurkan pada 2.5%, dengan sektor perkhidmatan memainkan peranan penting, manakala Indonesia meramalkan pertumbuhan KDNK 5.0%, mendapat manfaat daripada penambahbaikan sentimen pasaran global. KDNK Thailand dijangka berkembang 3.5%, bergantung kepada pemulihan pelancongan dan ekonomi Kemboja diunjur berkembang 6.1%, menerusi prestasi perdagangan yang lebih baik dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan.

ULASAN PERBANKAN



Sorotan

Aktiviti perniagaan domestik bertambah baik, dengan

perniagaan berkaitan pengguna menikmati pertumbuhan yang lestari dalam perbelanjaan isi rumah manakala aktiviti pelancongan menikmati momentum peningkatan dan menyokong subsektor berkaitan pelancongan

Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan menyederhana kepada 5.3% tahun ke tahun (“YoY”), dengan pinjaman isi rumah meningkat 5.8% YoY, manakala pinjaman kepada perniagaan meningkat sebanyak 4.5% YoY

Kami secara konsisten mengekalkan penampunan modal dan peruntukan yang sihat untuk menampung potensi kesan ke atas kecukupan modal

TINJAUAN

Sepanjang tahun yang ditinjau, pasaran kewangan global tidak menentu disebabkan oleh kenaikan kadar dasar bank pusat yang agresif untuk merendahkan inflasi yang membebaskan aktiviti ekonomi, ditambah pula dengan ketegangan geopolitik yang berlarutan, manakala sektor perbankan global mengalami tekanan. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan domestik kekal teratur manakala aktiviti perniagaan domestik bertambah baik susulan pertumbuhan yang mampan dalam perbelanjaan isi rumah dan aktiviti pelancongan, walaupun segmen tertentu menghadapi halangan daripada kos input yang meningkat dan permintaan luar yang lemah. Modal sistem perbankan Malaysia dan penimbal kecairan kekal sihat untuk menyokong pengantaraan kewangan aktiviti pada ketika penyediaan penimbal kekal berhemat untuk menyerap potensi kerugian yang tidak dijangka.

Persekitaran Operasi

Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan menyederhana kepada 5.3% tahun ke tahun, dengan pinjaman isi rumah meningkat 5.8% tahun ke tahun, manakala pinjaman kepada perniagaan meningkat 4.5% tahun ke tahun. Penampunan modal dan mudah tunai kekal kukuh, dengan nisbah Ekuiti Biasa Tier-1 sistem perbankan pada 14.6%, manakala Nisbah Liputan Kecairan ialah 161%. Keuntungan sektor perbankan tahun ke tahun semakin meningkat, disokong oleh aktiviti pembiayaan pinjaman dan pendapatan perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi, manakala peruntukan pinjaman merosot tahun ke tahun disebabkan peningkatan awal dalam penampunan peruntukan. Walau bagaimanapun, sebahagiannya telah diimbangi dengan mengecilkan Margin Faedah Bersih ("NIM") berikutan kos pendanaan yang lebih tinggi. Disebalik kadar pendanaan yang lebih tinggi, ini tidak mengakibatkan pengetatan meluas dalam syarat kredit.

Sementara itu, kualiti aset stabil di sebalik program bantuan pembayaran balik ("RA"). Pinjaman di bawah RA menurun kepada 2.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan berbanding 2.8% pada 2022, memandangkan kebanyakan peminjam yang keluar daripada program RA boleh menyambung dan mengekalkan semula pembayaran balik pinjaman biasa. Bahagian pinjaman yang dikelaskan di bawah Tahap 2 juga merosot kepada 7.2% dan berada di bawah purata sebanyak 8% dari 2018 hingga 2020. Secara keseluruhan, sistem perbankan nisbah pinjaman terjejas ("GIL") adalah stabil pada 1.65% dan disokong oleh peruntukan pinjaman kasar keseluruhan kepada purata 1.3% daripada 2015 hingga 2019.

DINAMIK PASARAN

Pengetatan dasar monetari yang agresif oleh bank pusat utama, tekanan sektor perbankan global, dan kadar pemulihan China yang lebih perlahan daripada jangkaan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan turun naik pasaran global. Pasaran kewangan domestik, bagaimanapun, kekal teratur, kerana limpahan risiko daripada tekanan sektor tekanan sektor memberi kesan yang terhad. Susulan itu, bank berdepan persekitaran operasi domestik di mana Keluaran Negara Kasar ("KNK"), dan permintaan kredit menyederhana, manakala NIM bank berada di bawah tekanan berikutan semakan semula deposit yang lebih tinggi.

Aktiviti perniagaan domestik bertambah baik, dengan perniagaan berkaitan pengguna menikmati pertumbuhan yang mampan dalam perbelanjaan isi rumah manakala aktiviti pelancongan semakin meningkat dan menyokong subsektor berkaitan pelancongan. Namun begitu, masih terdapat perniagaan berhadapan cabaran berikutan kenaikan kos impot daripada harga import yang lebih tinggi, kesan kadar pertukaran, serta kos elektrik dan buruh yang semakin tinggi dan permintaan luar yang lemah. Risiko-risiko ini adalah dalam jangkaan industri perbankan dan ianya dijangka tidak akan mengakibatkan kemerosotan sistemik dalam kualiti kredit.

Bank terus membuat pelaburan yang besar dalam pengurusan teknologi dan risiko berkaitan siber, memandangkan peningkatan populariti daripada perbankan dalam talian. Langkah pencegahan penipuan yang lebih mantap diperkenalkan oleh bank untuk menghalang kejadian pemalsuan dan penipuan dalam talian. Pelaburan tersebut diperlukan untuk memastikan perkhidmatan digital mereka cukup teguh untuk bertahan daripada serangan ke atas platform teknologi maklumat mereka dan mengekalkan daya tahan operasi.

Sektor perbankan juga mencapai kemajuan dalam memastikan operasi perniagaan dapat diselaraskan dengan matlamat alam sekitar dan kelestarian. Ini termasuk mempertimbangkan kesan alam sekitar yang berkaitan daripada keputusan pemberian pinjaman, dan mengembangkan penyelesaian kewangan hijau yang menyokong peralihan pelanggan ke arah amalan yang lebih lestari. Selain itu, menangani keperluan data dan membina kapasiti dalam iklim pengurusan risiko juga akan menjadi tumpuan berterusan bagi bank untuk memenuhi matlamat iklim dan menyokong aktiviti peralihan.

IMPLIKASI STRATEGI & RESPONS

Kami mengekalkan penampunan modal secara konsisten yang sihat dan peruntukan yang mantap untuk menampung potensi impak ke atas kecukupan modal. Kewaspadaan yang berterusan terhadap risiko dan pergerakan pasaran memastikan kami dapat memanfaatkan modal kami untuk menyesuaikan RHB dengan kemaruapan pasaran.

Bagi menangani ancaman penyelewengan dan penipuan digital, kami telah mengekalkan gabungan tenaga kerja Digital, IT dan Analisis ("DIA") pada 7.7% daripada jumlah keseluruhan pekerja mulai 2022. Sebagai sebahagian daripada program peningkatan kemahiran tenaga kerja yang meluas, kami telah menambah baik inisiatif pengoptimuman dalam kategori latihan berasaskan peranan keseluruhan Kumpulan. Tumpuan kami dalam membangunkan Modal Insan direka untuk menghadapi cabaran sistem perbankan yang mengutamakan pendigitalan, dan membolehkan kami menyediakan pengalaman perbankan yang selamat dan terjamin kepada pelanggan kami. Pelaburan telah dibuat untuk meningkatkan infrastruktur digital dan IT kami, baik untuk pekerja jarak jauh mahupun pelanggan kami.

Bagi memastikan fokus yang lebih mendalam terhadap pelaksanaan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, RHB pada Ogos 2022 telah mengukuhkan tadbir urus kelestariannya dengan menubuhkan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah ("BSC"). Peranan utama BSC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam menyediakan pengawasan dan memastikan penyepaduan Kelestarian dan pertimbangan berkaitan iklim ke dalam strategi korporat jangka panjang dan proses membuat keputusan Kumpulan.

ULASAN PERBANKAN (sambungan)

Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan yang merangkumi empat tonggak utama, iaitu Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab, Penerapan Amalan Baik, Memperkaya dan Memperkasakan Komuniti dan Komitmen untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang 2050 akan membimbing Kumpulan ke arah mencapai aspirasinya. Aspirasi ini merangkumi semakan semula komitmen menyediakan Perkhidmatan Kewangan Lestari menjelang 2026 daripada RM20 bilion hingga RM50 bilion, memperkasakan lebih dua juta individu dan perniagaan yang disasarkan merentasi ASEAN menjelang 2026, dan mencapai operasi neutral karbon menjelang 2030 serta Membangunkan Laluan ke Sifar Bersih menjelang 2050. Sasaran-sasaran ini bertujuan melindungi, memelihara dan menambah baik modal utama kami.



PROSPEK

Memandangkan prospek pertumbuhan KDNK serantau diramalkan bertambah baik pada 2024, kami menjangkakan bahawa permintaan kredit juga akan berdaya tahan. Selain daripada itu, prospek ekonomi makro yang lebih cerah juga adalah positif untuk pendapatan yuran dan komisen menerusi antaranya aktiviti pinjaman dan yuran kad kredit yang lebih kukuh dan aktiviti pasaran modal yang ditambah baik.

Walaupun keadaan inflasi semasa tidak menentu di tengah-tengah perubahan dasar domestik, serta risiko geopolitik antara lain, bank-bank pusat ASEAN berkemungkinan akan melengkapkan kitaran kenaikan kadar dasar mereka. Tambahan pula, Kadar Dana Persekutuan AS pada atau hampir ke paras tertinggi, dolar AS dijangka lemah berbanding mata wang Asia, menyederhanakan kemeruapan dalam banyak kelas aset.

Malaysia dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 3.0% sepanjang 2024, secara meluas selaras dengan tahap pra-pandemik. Walaupun mungkin masih terdapat peminjam yang mana tahap pendapatannya masih belum pulih sepenuhnya ke tahap sebelum COVID, secara keseluruhannya, GIL dijangkakan tidak membimbangkan, dan RHB akan terus mengekalkan pendirian berhemat dalam memperuntukkan penampakan.

Bank digital Malaysia dijangka melancarkan operasi menjelang suku kedua 2024. Menjelang pelancarannya, bank sedia ada dijangka meningkatkan usaha dan penawaran pendigitalan mereka. Pengguna boleh menantikan dan menikmati tawaran produk yang inovatif pada harga berdaya saing.

Berhubung alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG"), kami menjangka bank-bank akan melancarkan pelan peralihan sektor khusus, sekurang-kurangnya untuk sektor berisiko tinggi ESG, disokong oleh kemajuan selanjutnya dalam rangka kerja kawal selia. Pada masa yang sama, kami berharap untuk melihat industri perbankan menyatakan sokongan kewangan dan sokongan bukan kewangan kepada PKS dan populasi yang tidak diberi perkhidmatan/kurang diberi perkhidmatan di bawah agenda keterangkuman kewangan.

Perkara-Perkara Material Kami

Seksyen ini menggariskan isu-isu kelestarian teras yang amat penting untuk strategi perniagaan dan kepentingan pihak berkepentingan.

Pendekatan kami untuk mengenal pasti dan mengutamakan perkara-perkara material kami adalah berakar umbi secara menyeluruh dalam penilaian komprehensif dan proses penglibatan yang sejajar dengan keutamaan strategik kami, nilai organisasi, serta jangkaan pihak berkepentingan kami.

Pada TK2023, kami telah melaksanakan latihan penilaian materialiti komprehensif seluruh Kumpulan untuk mengenal pasti sebarang perubahan dalam keutamaan pihak berkepentingan sejak kami menjalankan penilaian awal pada TK2018. Latihan ini juga berfungsi untuk mengesahkan lagi Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Lima Tahun RHB (2022-2026) untuk memastikan keselarasan dengan kepentingan pihak berkepentingan dan peruntukan sumber yang berkesan. Untuk mengekalkan objektiviti, kebebasan dan pematuhan kepada keperluan kawal selia dan industri amalan terbaik, kami menggunakan perunding pihak ketiga untuk penilaian.

Metodologi yang diguna pakai untuk mengenal pasti perkara material kami adalah selaras dengan Kit Alat Penilaian Materialiti Bursa Malaysia (Edisi ke-3), dan Piawaian GRI, dalam memastikan pengenalpastian menyeluruh dan keutamaan perkara material dan kumpulan berkepentingan

Proses Penilaian Materialiti TK2023

PENGENALPASTIAN

perkara kelestarian material dan kumpulan pemegang kepentingan utama



- Menyusun senarai awal perkara kelestarian material sejajar dengan konteks operasi dan persekitaran RHB.
- Mengetahui pasti kumpulan pemegang kepentingan utama untuk terlibat sebagai sebahagian daripada latihan penilaian materialiti, dan memahami kebimbangan mereka dan jangkaan yang berkaitan dengan kesan berkaitan kelestarian RHB.

KEUTAMAAN

perkara-perkara kelestarian



- Memulakan proses penglibatan dengan pihak berkepentingan dengan mengenal pasti kumpulan berkepentingan utama, untuk memperhalusi dan memberi keutamaan kepada senarai utama dalam perkara-perkara kelestarian.
- Membentangkan perkara-perkara kelestarian utama, dengan menyatakan kepentingan relatif terhadap setiap perkara berkaitan kelestarian material kepada RHB dan pemegang berkepentingannya.

PENGUKUHAN DAN PENGESAHAN keputusan



- Tertakluk kepada keputusan penilaian materialiti untuk pengesahan dan kelulusan daripada jawatankuasa pentadbir yang bertanggungjawab, iaitu GSC dan BSC.

PENGENALAN PASTIAN TOPIK MATERIAL

Sebagai sebahagian daripada proses penilaian materialiti TK2023, senarai perkara kelestarian material yang berkaitan telah dikenal pasti, berdasarkan:

Rangka Kerja Dalaman, Garis Panduan dan Rangka Tindakan Strategik

- 16 perkara kelestarian material RHB merangkumi topik Ekonomi, Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus
- Strategi dan Hala Tuju Kelestarian Lima Tahun Kumpulan RHB (2022-2026), termasuk bidang tumpuan dan KPI kelestarian
- Kelestarian relevan Kumpulan dan rangka kerja berkaitan iklim, dasar, garis panduan, strategi dan komitmen

Keperluan Peraturan Kawal Selia dan Landskap

- Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi Ke-3)
- Perkara-perkara Kelestarian Bursa Malaysia
- Lain-lain keperluan peraturan kawal selia berkaitan kelestarian

Agenda Nasional

- Arahan, dasar dan insentif kerajaan berkaitan kelestarian

Tinjauan Industri dan Kontek Operasi

- Analisis industri dan pasaran, termasuk trend kelestarian global dan tempatan
- Analisis rakan seindustri dan penanda aras
- Aliran mega global

Amalan Terbaik Industri dalam Pelaporan dan Pendedahan Kelestarian

- Rangka kerja pelaporan kelestarian, termasuk Piawaian GRI, SDG PBB, Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu dan TCFD

Perkara-Perkara Material Kami

Perkara-Perkara Material TK2023

Pada TK2023, kami mengenal pasti perkara material kami kepada 14, daripada 17 yang dikenal pasti pada TK2018. Perkara-perkara material RHB dikategorikan kepada Tadbir Urus, Ekonomi, Alam Sekitar dan Perkara-Perkara sosial, sejajar dengan 11 Perkara-Perkara Kelestarian Bursa

TADBIR URUS	
GB Tadbir Urus Perniagaan yang Baik	▶ Anti Rasuah
DC Perlindungan Data dan Keselamatan Siber	▶ Privasi data dan keselamatan

EKONOMI	
SF Perkhidmatan Kewangan Lestari	
FI Keterangan Kewangan	
DI Pendigitalan dan Pelaburan Teknologi	
CX Pengalaman Pelanggan	
FC Layanan Adil kepada Pelanggan Kewangan	
SC Rantaian Bekalan yang Mampan	▶ Pengurusan rantaian bekalan

PERSEKITARAN	
CC Perubahan Iklim	▶ Pelepasan
ES Pengawasan Alam Sekitar	▶ <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan tenaga • Air • Pengurusan sisa buangan

SOSIAL	
T Bakat	▶ Amalan-amalan dan piawaian buruh
EW Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Warga Kerja	▶ Kesihatan dan keselamatan
DO Kepelbagaian dan Peluang yang Saksama	▶ Kepelbagaian
CE Pemerksaan dan Memperkaya Komuniti	▶ Komuniti/Masyarakat

Perkara-Perkara Material RHB

Pemetaan kepada Perkara-Perkara Kelestarian Bursa Malaysia

PENDEKATAN KAMI KEPADA PENGENALPASTIAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Sebagai sebahagian daripada proses penilaian materialiti kami, kami telah mengenal pasti kumpulan-kumpulan tambahan pemegang berkepentingan, yang mana memberi kesan atau terkesan oleh operasi-operasi dan aktiviti-aktiviti RHB, merentas semua entiti perniagaan dan di semua negara kami beroperasi.

Proses pengenalanpastian pihak berkepentingan membabitkan aspek, kesan, minat dan jangkaan terhadap Kumpulan RHB. Berdasarkan proses mengenal pasti dan pemetaan, kami telah mengesan kumpulan pemegang berkepentingan utama yang berikut sebagai penting kepada kejayaan, pertumbuhan dan daya tahan perniagaan dan operasi kami. Senarai yang meluas ini merangkumi tiga kumpulan pemegang berkepentingan yang dinamakan semula daripada penilaian materialiti terdahulu dan empat kumpulan yang baru dikenal pasti yang dianggap sebagai pemegang berkepentingan utama untuk Kumpulan.

Kumpulan Pihak Berkepentingan yang Dikenalpasti dan Dilibatkan Untuk Penilaian Materialiti TK2023

- BD** BD Ahli Lembaga Pengarah¹
- CU** Pelanggan-pelanggan
- EM** Warga Kerja
- SI** Pemegang-pemegang Saham dan Pelabur
- RE** Pengawal Selia²
- CO** Komuniti
- SS** Pembekal Bahan dan Penyedia Perkhidmatan²
- FI** Rakan Kewangan Industri
- BP** Rakan Kongsi Perniagaan¹
- RA** Agensi-agensi Penarafan²
- AN** Penganalisis²
- ME** Media²

¹ Merujuk kepada kategori pihak berkepentingan sedia ada yang telah dikenal pasti sebagai kumpulan pihak berkepentingan utama RHB tetapi telah dinamakan semula dan/atau disusun semula sebagai sebahagian daripada Penilaian Materialiti TK2023.

² Merujuk kepada kategori baharu pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti sebagai kumpulan pihak berkepentingan utama RHB, sebagai sebahagian daripada Penilaian Materialiti TK2023.

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK PENILAIAN MATERIAL

TK2023 PENILAIAN MATERIALITI - AKTIVITI PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Kaji selidik Penilaian Materialiti

Kaji selidik Penilaian Materialiti telah dihantar secara dalam talian kepada wakil-wakil daripada semua 12 kumpulan berkepentingan untuk mereka menilai kepentingan topik-topik material RHB.

Bengkel Penilaian Materialiti

Bengkel setengah hari melibatkan pemimpin kanan RHB telah dilaksanakan oleh perunding luar untuk memperhalusi dan mengutamakan senarai awal perkara material dalam matriks materialiti. Kepentingan bahan-bahan material telah dibincangkan semasa bengkel berkenaan dan latihan keutamaan pihak berkepentingan telah dijalankan.

Penglibatan Sesi Bersasar bersama Anggota BSC

Sesi temu bual dengan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ("BSC"), yang mewakili Lembaga Pengarah, telah dijalankan untuk memberikan panduan yang tidak ternilai mengenai perkara kelestarian yang diutamakan oleh Kumpulan. Maklum balas daripada sesi telah diproses dan diintegrasikan ke dalam matriks awal.


Pengesahan dan Kelulusan

14 perkara kelestarian material telah dikenal pasti dan dibentangkan dalam matriks materialiti, seperti yang digambarkan pada muka surat 40 Laporan Bersepadu 2023 dan pada 68 Laporan Kelestarian 2023. Matriks materialiti telah disahkan oleh Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC") dan telah diluluskan oleh BSC.

HASIL PENILAIAN MATERIALITI

Matriks Materialiti

Matriks materialiti mempamerkan keutamaan bahan kelestarian penting RHB dan mencerminkan betapa mustahaknya setiap perkara material kepada RHB dan pihak kepentingannya.



Nota:

¹ Paksi mendatar menggambarkan kepentingan perkara-perkara material kepada RHB, yang diwakili oleh perspektif Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Kumpulan. Paksi menegak pula menggambarkan tahap kebimbangan pihak berkepentingan dan/atau kepentingan dalam setiap perkara material, yang diwakili oleh perspektif jajaran purata pihak berkepentingan yang lain. Purata jajaran diperoleh daripada latihan keutamaan pihak berkepentingan, seperti yang diterangkan pada muka surat 67 Laporan Kelestarian RHB 2023.

² Takrifan Kepentingan Tinggi, Sederhana dan Rendah adalah seperti berikut:

- **Kepentingan Tinggi:** Perkara material adalah sangat penting dan merupakan keutamaan yang ketara kepada RHB dan/atau pihak berkepentingan kami. Ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap perspektif keseluruhan dan/atau membuat keputusan, dan kepentingannya tidak boleh diabaikan.
- **Kepentingan Sederhana:** Kepentingan perkara material adalah sederhana. Ia mempunyai kepentingan yang agak besar dan mempunyai pengaruh terhadap perspektif keseluruhan dan/atau membuat keputusan.
- **Kepentingan Rendah:** Perkara material adalah relevan, tetapi tidak semestinya menjadi keutamaan. Ia mempunyai pengaruh yang minimum pada keseluruhan perspektif dan/atau membuat keputusan.

Perkara-Perkara Material Kami

Hasil utama Penilaian Materialiti Kumpulan Perbankan RHB TK2023 adalah seperti berikut:

Hasil Utama	Analisis
Perkara material paling utama untuk TK2023 ialah Perlindungan Data dan Keselamatan Siber .	<p>Keutamaan Perlindungan Data dan Keselamatan Siber ialah menggariskan kepentingan berterusan untuk melindungi maklumat dan menangani cabaran-cabaran berkaitan keselamatan siber dalam persekitaran perniagaan semasa. Pengurusan berkesan dalam hal ini penting untuk mengurangkan reputasi, operasi, kewangan Kumpulan dan risiko undang-undang.</p> <p>Selain itu, keutamaan ini sejajar dengan kawalan dalaman RHB yang teguh dalam perlindungan data dan keselamatan siber, selaras dengan matriks materialiti TK2018 Kumpulan.</p>
<p>Beberapa perkara material paling utama kekal konsisten dengan Penilaian Materialiti Kumpulan untuk TK2018 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan Data dan Keselamatan siber • Tadbir Urus Perniagaan yang Baik • Pengalaman Pelanggan • Layanan yang Adil terhadap Pelanggan Kewangan 	<p>Disebabkan sifatnya yang sensitif, pengurusan topik-topik ini dikawal selia dengan rapi dalam industri. Ia adalah elemen kritikal dalam operasi harian RHB dan memberi kesan ketara kepada lesen sosial kami untuk beroperasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Amalan Perniagaan Beretika – Mewujudkan rangka kerja tadbir urus korporat yang mantap, dipandu oleh piawaian etika dan integriti tertinggi, adalah penting untuk daya tahan perniagaan. • Layanan Adil Terhadap Pelanggan Kewangan – Mengekalkan kepercayaan pelanggan adalah penting untuk kejayaan Kumpulan, memastikan urusan yang adil dalam semua penglibatan pelanggan. • Hubungan Pelanggan – Menyesuaikan diri dengan keperluan pelanggan adalah penting untuk kekal berdaya saing dalam sektor kewangan <p>Topik-topik ini disepadukan ke dalam tadbir urus dan proses membuat keputusan kami, disokong oleh risiko yang teguh rangka kerja pengurusan dan kawalan dalaman, memastikan amalan yang cekap dan patuh.</p>
<p>Kepentingan Pelepasan (dinamakan semula sebagai Perubahan Iklim) telah meningkat dengan ketara sebagai perkara material, daripada keutamaan rendah kepada keutamaan tinggi</p>	<p>Keadaan mendesak yang semakin meningkat untuk menangani perubahan iklim terbukti melalui keperluan kawal selia dan dipercepatkan oleh arahan kerajaan dalam menggalakkan amalan rendah karbon.</p> <p>Ini sejajar dengan kerja menyeluruh Kumpulan dalam Program Tindakan Iklim Kumpulan, menyepadukan pertimbangan berkaitan iklim ke dalam aktiviti perniagaan dan pengurusan risiko. Selain itu, ia mencerminkan komitmen Kumpulan untuk mencapai Operasi Neutral Karbon menjelang 2030 dan Pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050.</p> <p>Memandangkan semakin pentingnya Perubahan Iklim sebagai perkara material, keterlihatan yang jelas dan pengawasan usaha pengurusan adalah penting untuk mewujudkan asas yang kukuh</p>
<p>Topik-topik berkaitan dengan KPI kelestarian kumpulan dan komitmen utama muncul sebagai keutamaan sederhana dan utama, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Kewangan Lestari • Pengkayaan dan Pemerksaan Komuniti • Keterangkuman Kewangan • Perubahan iklim • Bakat • Mempelbagaikan Peluang dan Saksama 	<p>Menyedari sifat risiko dan peluang kemampanan yang semakin berkembang, RHB menguruskannya secara aktif perkara material melalui sasaran, dasar, rangka kerja dan strategi yang jelas.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Kewangan Lestari – Apabila sektor kewangan beralih ke arah kelestarian, pengukuhan keupayaan kami dalam kelestarian kewangan adalah penting untuk kekal berdaya saing. • Keterangkuman Kewangan dan Pengkayaan dan Pemerksaan Komuniti – Komitmen kami untuk memupuk kemajuan masyarakat melibatkan menyokong inisiatif pembangunan komuniti dan melabur dalam pemerksaan intelektual dan sosial belia kita. • Perubahan Iklim – Menerapkan pertimbangan iklim ke dalam pengurusan risiko dan strategi perniagaan adalah perlu, menyelaraskan komitmen kami untuk mencapai Operasi Neutral Karbon menjelang 2030, dan Pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050. • Bakat dan Mempelbagaikan Peluang dan Saksama – Memperkasakan pekerja memupuk semangat inklusif, bermotivasi dan budaya berprestasi tinggi dalam memacu matlamat organisasi. <p>Pendekatan proaktif ini memastikan pemantauan rapi topik material ini, membolehkan penyesuaian untuk kemajuan baharu. Oleh itu, kami berada pada kedudukan yang lebih baik untuk memanfaatkan peluang dan mengurangkan potensi risiko dengan berkesan.</p>

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai penilaian materialiti TK2023 dan perkara-perkara material RHB, sila rujuk kepada muka surat 62-81 Laporan Kelestarian RHB 2023.

Penglibatan Pihak Berkepentingan

KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Sebagai aspek penting dalam penciptaan nilai, kami kerap berhubung dengan kumpulan pihak berkepentingan utama untuk mendapatkan cadangan dan maklum balas mereka serta memahami kebimbangan mereka. Pendekatan inklusif dan dipacu data ini merumuskan tindakan untuk memenuhi jangkaan mereka, menghasilkan penciptaan nilai bersama untuk kedua-dua pihak berkepentingan dan juga perniagaan kami.

Pihak Berkepentingan Utama	Platform Libat Urus
<p>AHLI LEMBAGA PENGARAH BD</p> <p>Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik Kumpulan dan bertanggungjawab untuk menubuh dan mengekalkan amalan tadbir urus yang teguh, termasuk ketelusan, amalan beretika dan Pengurusan Risiko berkesan. Hal ini memberi kesan kepada Modal Sosial dan Perhubungan, yang akhirnya boleh menjejaskan Modal Kewangan RHB.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga F3 Latihan dan pembangunan pengarah, termasuk seminar, forum dan persidangan F5 F6 Mesyuarat/perbincangan berkala F6 Acara korporat dan penglibatan yang dihoskan oleh Kumpulan dan yang dianjurkan oleh pengawal selia dan pelanggan secara luaran F5 F6 Perbincangan/mesyuarat tanpa kehadiran pihak pengurusan F5 F6
<p>PELANGGAN CU</p> <p>Pelanggan adalah keutamaan perniagaan kami, kepuasan dan kesetiaan meningkatkan Modal Jenama dan Hubungan kami, memacu pertumbuhan Kelestarian Modal Kewangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan satu dengan satu (fizikal atau maya) oleh Pengurusan Kanan, Pengurus Perhubungan, Pengurus Cawangan, Jurubank Peribadi atau Pegawai Perkhidmatan Pelanggan F6 F7 Saluran komunikasi dalam talian, digital dan fizikal (e-mel, media sosial platform, surat atau notis) F7 Acara rangkaian pelanggan yang merangkumi seminar, forum, jamuan minum petang atau koktel F7 Saluran penglibatan pelanggan alternatif melalui tinjauan pelanggan, kumpulan fokus dan libat urus reka bentuk perkhidmatan F5 F6 F7 Saluran untuk penyelesaian perkhidmatan, advokasi pelanggan dan maklum balas pelanggan melalui F7 <ul style="list-style-type: none"> > customer.service@rhbgroup.com > customer.advocacy@rhbgroup.com Titik sentuhan fizikal di cawangan, Pusat Jualan dan Klinik Perkhidmatan F4 F6
<p>WARGA KERJA EM</p> <p>Warga Kerja adalah tulang belakang operasi kami, memacu inovasi dan kecekapan, memberi kesan secara langsung kepada Modal Insan dan Intelektual, dan seterusnya Modal Jangka Panjang Kewangan kami</p>	<ul style="list-style-type: none"> Saluran media sosial dalaman RHB dan Tempat Kerja oleh Meta F7 Sesi Sembang GMD dan "Dialog Awam" secara suku tahunan oleh Pengurusan Kanan Kumpulan yang diadakan merentasi rantau F2 F7 Forum Kepimpinan Kanan Kumpulan dan Sesi Secara Langsung GMD F2 F6 Saluran aduan rasmi dan sulit F7 Sesi libat urus semasa musim perayaan F6 Aktiviti sosial, sukan dan rekreasi, termasuk makan malam tahunan F1 F7 Intranet (My1Portal, MyLink2HR, MyApp2HR) dan e-mel F7 Tinjauan Libat Urus Warga Kerja Tahunan ("EES") dan Tinjauan Keberkesanan Pelanggan Dalaman ("ICES") F1 Kumpulan kerja industri dan kawal selia, taklimat, forum, persidangan dan kertas perundingan F6 Penglibatan kawal selia bagi produk dan perkhidmatan baharu, atau inisiatif, polisi, keputusan atau rangka kerja kawal selia F7

Kekerapan Penglibatan:

F1 Setiap tahun

F2 Setiap Suku Tahun

F3 Bulanan

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Berbangkit daripada pelaksanaan Penilaian Materialiti Seluruh Kumpulan yang dijalankan pada TK2023, Kumpulan telah mengenal pasti senarai yang diperluaskan bagi kumpulan berkepentingan.

▲ Untuk maklumat lanjut tentang proses ini, sila rujuk halaman 65 Laporan Kelestarian 2023

Kebimbangan Utama	Respons
<ul style="list-style-type: none"> • Prestasi kewangan, struktur modal kualiti aset dan kecairan • Tadbir urus korporat dan amalan akauntabiliti • Amalan pengurusan risiko • Strategi perniagaan dan teras strategik Kumpulan, termasuk prestasi berbanding sasaran • Perjalanan Kemajuan Kelestarian Kumpulan dan kesan kewangan daripada risiko dan peluang Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") 	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan laporan berkala prestasi kewangan kepada Lembaga Pengarah Pengarah • Menubuhkan tiga Barisan Pertahanan ("LOD") untuk sistem kawalan pengurusan risiko dan dalaman • Mewujudkan struktur tadbir urus kelestarian yang teguh, termasuk garisan pelaporan yang jelas
<ul style="list-style-type: none"> • Jangkaan kebolegunaan dan kelancaran pelanggan dalam talian perjalanan • Keselamatan siber dan penipuan kewangan • Masa pemulihan untuk pinjaman dan pembiayaan kelulusan • Kebolehaksesan berbilang saluran luar talian dan dalam talian untuk menawarkan maklum balas dengan mudah • Produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan • Harga dan syarat yang kompetitif untuk perkhidmatan kewangan yang mampan 	<ul style="list-style-type: none"> • Platform dan proses digital yang dipertingkatkan bagi pengalaman pelanggan yang lancar • Komunikasi yang jelas dan kerap untuk mengenal pasti penipuan dan melindungi privasi pelanggan • Meningkatkan keselamatan siber dan langkah perlindungan data secara berterusan • Pemantauan 24/7 khusus untuk mengenal pasti dan memulihkan aktiviti yang mencurigakan • Pelantikan pakar di setiap titik sentuh untuk memacu penyelesaian hubungan pertama • Pengukuhan prinsip reka bentuk Pengalaman Pelanggan untuk memastikan perjalanan pelanggan yang konsisten merentasi titik sentuh • Penglibatan pelanggan yang berterusan untuk menyokong keperluan kelestarian pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> • Struktur imbuhan dan ganjaran yang kompetitif • Peluang kerjaya profesional dan progresif • Budaya tempat kerja yang selamat, pelbagai dan inklusif yang memberikan peluang sama rata • Akses kepada alat produktif yang berkaitan untuk meningkatkan keberkesanan peranan • Penawaran Nilai Pekerja yang Teguh • Akses kepada bantuan kewangan bagi mangsa bencana alam 	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa menanda aras pakej pampasan kami untuk memastikan ia sejajar piawaian industri • Menawarkan pakej manfaat yang komprehensif, termasuk insurans kesihatan, pelan persaraan, dan faedah lain • Membolehkan pekerja mengakses pelbagai program dan peluang latihan untuk pembangunan kemahiran • Melaksanakan dasar dan amalan inklusif yang menggalakkan kepelbagaian dan mencegah diskriminasi seperti Saluran Bersuara dan Toleransi Sifar kami kepada Dasar Anti Gangguan Seksual • Platform Mylink2HR khusus untuk semua perkara berkaitan HR dan dilancarkan baharu MyApp2HR, versi mudah alih MyLink2HR untuk meningkatkan kebolehcapaian bagi pekerja kami • Menawarkan faedah pekerja holistik termasuk pilihan Bekerja dari Rumah ("WFH"), dan program mengenai ganjaran dan pengiktirafan, serta kesejahteraan pekerja • Menawarkan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan bantuan lain melalui Pekerja Program Bantuan • Menawarkan bantuan kecemasan dan bantuan kewangan melalui Tabung Kebajikan Kakitangan, dana bencana alam dan dana kemanusiaan, untuk membantu meringankan pekerja keadaan kewangan semasa situasi sukar dan tidak dijangka

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Pihak Berkepentingan Utama	Platform Libat Urus
<p>PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR SI</p> <p>Pemegang saham dan pelabur kami menyediakan modal kewangan yang berterusan untuk operasi perniagaan Kumpulan, keyakinan mereka dalam tadbir urus dan strategi kami memperkukuh Modal Kewangan dan reputasi kami.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Agung Tahunan dan Luar Biasa F1 F6 Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan tahunan F1 F2 Mesyuarat dan taklimat dengan penganalisis dan pengurus dana F2 F6 Jerayawara, persidangan, dan perbincangan meja bulat F6 Komunikasi dalam talian (e-mel, laman web korporat, media sosial) F5 F6 F7 Mesyuarat/perbincangan berkala F5 Pengumuman Bursa Malaysia F6 Laporan Tahunan/Laporan Bersepadu F1 Laporan Kelestarian F1
<p>PIHAK BERKUASA KAWAL SELIA RE</p> <p>Pihak berkuasa kawal selia menentukan persekitaran operasi. Pematuhan dan libat urus yang proaktif memberi perlindungan kepada Modal sosial dan Hubungan, sekaligus membolehkan operasi yang lancar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kemas kini dan pelaporan yang kerap kepada pihak berkuasa kawal selia F7 Kumpulan kerja industri dan kawal selia, taklimat, forum, persidangan dan kertas kerja perundingan F6 Libat urus kawal selia bagi produk dan perkhidmatan, atau inisiatif, polisi, keputusan atau rangka kerja kawal selia F7
<p>KOMUNITI CO</p> <p>Komuniti dan Masyarakat adalah pemegang berkepentingan kami yang penting. Tanggungjawab sosial dan kesan inisiatif-inisiatif membina Modal Sosial dan Hubungan, meningkatkan reputasi dan lessen kami untuk beroperasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Interaksi dan kerjasama dengan organisasi bukan bermotifkan untung dan bukan kerajaan, persatuan, perusahaan sosial dan agensi kerajaan melalui inisiatif penglibatan komuniti RHB F7 Komunikasi dalam talian (e-mel, laman web korporat dan media sosial) F7 Aktiviti penglibatan komuniti di lapangan dan secara maya F7 Platform digital yang inovatif dan perkhidmatan perbankan mudah alih untuk menggalakkan akses kewangan F7 Sesi media maya dan fizikal serta siaran akhbar F6
<p>PEMBEKAL DAN RAKAN NIAGA / PENYEDIA PERKHIDMATAN SS</p> <p>Pembekal adalah rakan kongsi utama dalam rantaian nilai kami kerana amalan mereka yang mampan dan beretika menyumbang kepada Modal Pembuatan dan Intelek, memastikan daya tahan dan kecekapan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan formal untuk berkongsi prestasi perkhidmatan dan jangkaan F5 Lawatan syarikat ke premis pembekal F6 Libat urus formal dan tidak formal semasa proses perolehan F7 Proses tender dan mekanisme maklum balas pembekal F7 Sesi perkongsian Kod Tata Laku Pembekal RHB F5

Kekerapan Penglibatan:

F1 Setiap tahun

F2 Setiap Suku Tahun

F3 Bulanan

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Kebimbangan Utama	Respons
<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan hasil dan teras strategik masa hadapan Kumpulan Amalan pengurusan risiko Kemas kini strategi korporat Kumpulan Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024 ("TWP24") Polisi dan pembayaran dividen Amalan tadbir urus korporat Kemajuan perjalanan kelestarian Kumpulan dan kesan kewangan bagi risiko dan peluang ESG 	<ul style="list-style-type: none"> Pengisytiharan 40 sen sesaham pada pembayaran dividen 61.1% untuk TK2023 Sesi libat urus yang kerap dengan penganalisis dan media untuk memberikan maklumat terkini tentang prestasi kewangan Kumpulan, kualiti aset dan strategi korporat TWP24 Mengukuhkan amalan tadbir urus korporat, merangkumi bebas rasuah dan korupsi serta langkah-langkah AML/CFT Struktur tadbir urus kelestarian yang teguh dan kemas kini yang telus terhadap pencapaian kelestarian
<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan kepada keperluan peraturan dan perundangan kawal selia Piawaian tadbir urus korporat dan langkah Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Membanteras Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT") untuk melindungi integriti korporat Rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan isu-isu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"), termasuk risiko berkaitan iklim dan pembangunan produk dan perkhidmatan ESG Sumbangan kepada Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") Tata laku perniagaan yang beretika selaras dengan Dasar BNM mengenai Layanan Pengguna Kewangan yang Adil ("FTFC") 	<ul style="list-style-type: none"> Tadbir urus korporat dan amalan terbaik pematuhan untuk memenuhi keperluan peraturan kawal selia Semakan berterusan terhadap amalan pengurusan risiko dan memastikan asas yang kukuh Peningkatan alat Penilaian Risiko ESG ("ERA") dengan menggabungkan prinsip panduan utama di bawah Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip ("CCPT") dan Taksonomi ASEAN untuk proses pengunderaitan Pelaksanaan Garis Panduan Aktiviti Perniagaan Layak ESG Memulakan Program Tindakan Iklim Kumpulan Fasa 2 yang merangkumi Tadbir Urus, Strategi, Pengurusan Risiko dan Pendedahan berkaitan iklim sepanjang dua tahun Menyokong komuniti yang memerlukan melalui pelbagai kemudahan pembiayaan dan program bantuan Penggabungan garis panduan FTFC ke dalam bahan pemasaran dan komunikasi pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> Tahap celik kewangan yang rendah di kalangan belia dan segmen luar bandar, ditambah lagi dengan tahap pendidikan yang lebih rendah Akses terhad kepada perkhidmatan kewangan dan modal kerja untuk PKS Akses kepada perkhidmatan kewangan dan bantuan kewangan semasa dan selepas bencana alam Golongan Kurang Upaya dan individu neurodivergent mendapati satu cabaran untuk berintegrasi ke dalam masyarakat dan persekitaran pekerjaan 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program celik kewangan, program pendidikan untuk Pelajar B40, dan program pembinaan keupayaan untuk meningkatkan kemahiran usahawan mikro B40 selaras dengan aspirasi kami untuk memperkasakan lebih dua juta individu dan perniagaan yang disasarkan di seluruh ASEAN menjelang 2026 Mengurangkan halangan kepada modal untuk PKS menerusi penyelesaian digital untuk permohonan dan kelulusan pinjaman yang cekap, serta mendekati PKS Sederhana menerusi program pemerkasaaan sosial dalam menyediakan sokongan selanjutnya. Memperkenalkan program bantuan banjir untuk komuniti yang terjejas dengan kejadian banjir di seluruh negara Melaksanakan program Pembangunan bakat untuk belia neurodiverse, untuk memudahkan peralihan mereka ke dalam tenaga kerja dan masyarakat dengan Latihan komprehensif dalam set kemahiran serta kemahiran sosial dan hidup berdikari.
<ul style="list-style-type: none"> Sistem e-perolehan yang mesra pengguna Polisi dan garis panduan yang mempengaruhi kriteria vendor, termasuk amalan perolehan mampan Privasi dan kerahsiaan kontrak dan pengaturan perniagaan 	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan berterusan sistem e-perolehan Sesi bimbingan dan perkongsian pengetahuan dengan pembekal Menjalankan latihan untuk vendor dan pembekal seperti Kesedaran Anti-Sogokan & Rasuah, sebagai sebahagian daripada infrastruktur Penambahan klausa kerahsiaan dalam kontrak dan jaminan berterusan kepada pembekal

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Pihak Berkepentingan Utama	Platform Libat Urus
<p>RAKAN SETARAF INDUSTRI KEWANGAN FI</p> <p>Rakan setaraf industri kewangan kami membina ekosistem yang berdaya saing, tetapi bekerjasama, mempengaruhi Modal reputasi dan intelektual kami, yang mana akhirnya menentukan kemampunan kewangan kami.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Forum dan acara industri termasuk kumpulan kerja, perbincangan meja bulat dan persidangan F6 • Kerjasama dan perkongsian di mana RHB adalah ahli aktif dalam 40 persatuan industri di seluruh rantau ASEAN dan ahli empat jawatankuasa/jawatankuasa kecil yang berkaitan dengan Kelestarian dan Perubahan Iklim F7 • Komunikasi dalam talian dan digital (emel, laman web korporat, media sosial) F7
<p>RAKAN KONGSI PERNIAGAAN BP</p> <p>Rakan kongsi perniagaan menguatkan keupayaan perkhidmatan dan jangkauan pasaran kami, meningkatkan kecekapan operasi kami, penting untuk penciptaan nilai jangka panjang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Forum dan acara industri termasuk kumpulan kerja, perbincangan meja bulat dan persidangan F6 • Jerayawara, persidangan, dan perbincangan meja bulat F6 • Mesyuarat/Perbincangan berkala F5 • Komunikasi dalam talian (e-mel, laman web korporat, media sosial) F7
<p>AGENSI PENARAFAN RA</p> <p>Agensi penarafan menilai situasi dan kestabilan kewangan kami, penilaian mereka beri kesan kepada reputasi dan Modal Kewangan kami, mempengaruhi keyakinan pelabur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengumuman keputusan kewangan tahunan dan suku tahun F1 F2 • Komunikasi dalam talian (emel, laman web korporat, media sosial) F5 F6 F7 • Tinjauan penarafan dan penilaian F1 • Mesyuarat/perbincangan secara berkala F6
<p>PENGANALISIS AN</p> <p>Penganalisis memberikan pandangan bebas tentang prestasi dan prospek kami, mempengaruhi keputusan pelabur dan persepsi pasaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengumuman keputusan kewangan tahunan dan suku tahun F1 F2 • Mesyuarat dan taklimat dengan penganalisis dan pengurus dana F2 F6 • Jerayawara, persidangan, dan perbincangan meja bulat F6 • Komunikasi dalam talian (email, laman web korporat, media sosial) F5 F6 F7 • Mesyuarat/ perbincangan secara berkala F5 • Pengumuman Bursa Malaysia F6
<p>MEDIA ME</p> <p>Media memainkan peranan penting dalam membentuk imej awam dan ketelusan kami, mempengaruhi ekuiti jenama serta Modal Sosial dan Hubungan kami, yang mana penting untuk kepercayaan dan penglibatan pihak berkepentingan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Siaran akbar dan Pengumuman Korporat F6 • Temuramah media menerusi email, panggilan sidang video, telefon, atau bersemuka F6 • Taklimat media F6 • Sidang akbar F6 • Komunikasi dalam talian menerusi email, laman web korporat, media sosial dan WhatsApp F6 • Membina hubungan secara tidak formal (contoh: acara makan tengah hari, sambutan hari perayaan, lawatan ke pejabat media) F6

Kekerapan Penglibatan:

F1 Setiap tahun

F2 Setiap Suku Tahun

F3 Bulanan

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Kebimbangan Utama	Respons
<ul style="list-style-type: none"> Peraturan baharu dan terkini mengenai ESG perkhidmatan kewangan serta pengurusan dan pelaporan berkaitan iklim Keselamatan siber dan risiko penipuan Pematuhan dengan peraturan baharu dan sedia ada Strategi perniagaan dan strategi teras masa depan Kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan dalam kumpulan kerja industri termasuk Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim ("JC3") dan Kumpulan Kerja Panduan Sektor Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantara Berasaskan Nilai ("VBIAF"), Kumpulan Kerja Panduan Sektor serta Kumpulan Pelaksana Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip("CCPT") Penglibatan dengan rakan setaraf mengenai perubahan peraturan dan pengurusan risiko
<ul style="list-style-type: none"> Strategi perniagaan dan keutamaan strategik utama Kumpulan Strategi teras masa depan Kumpulan Usaha kerjasama, termasuk inisiatif libat urus pemegang berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan dalam persatuan industri, termasuk United Nation Global Compact Mewujudkan perkongsian yang saling menguntungkan untuk memacu peralihan kepada ekonomi rendah karbon Kerjasama strategik dengan rakan industri utama untuk memacu peralihan rendah karbon, seperti perkongsian kami dengan Tenaga Nasional Berhad
<ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan, struktur modal, kualiti dan kecairan aset Amalan tadbir urus korporat Amalan pengurusan risiko Pertumbuhan hasil dan strategik teras Kumpulan Kemajuan perjalanan kelestarian Kumpulan dan kesan kewangan daripada risiko dan peluang ESG 	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil bahagian dalam penilaian semakan penarafan untuk menyediakan kemas kini terhadap pencapaian kewangan Kumpulan dan strategi "TWP24" korporat
<ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan, struktur modal, kualiti dan kecairan aset Amalan tadbir urus korporat Amalan pengurusan risiko Pertumbuhan hasil dan strategik teras Kumpulan Kemajuan perjalanan kelestarian Kumpulan dan kesan kewangan daripada risiko dan peluang ESG 	<ul style="list-style-type: none"> Libat urus yang kerap dengan penganalisis untuk menyediakan kemas kini pencapaian kewangan Kumpulan dan strategi korporat "TWP24"
<ul style="list-style-type: none"> Pengumuman Keputusan kewangan Kemas kini strategi korporat Pengumuman pelantikan Pengurusan Kanan Pengumuman berkaitan produk, perkhidmatan dan inovasi Kemajuan strategi perniagaan dan pencapaian-pencapaian penting 	<ul style="list-style-type: none"> Libat urus yang kerap dengan pelbagai pihak media untuk menyediakan kemas kini pencapaian kewangan dan perniagaan Kumpulan, strategi korporat "TWP24", dan program-program sosial/komuniti

Risiko Utama dan Pengurangan

Pengurusan risiko ialah proses asas di RHB dalam memacu pertumbuhan lestari dan meningkatkan nilai pemegang saham, dan melindungi kelebihan daya saing Kumpulan.

Kami sangat komited untuk secara proaktif menangani risiko, sebagai bahagian utama persekitaran operasi Kumpulan. Di sebalik cabaran persekitaran ekonomi yang lebih luas, Kumpulan telah konsisten menghasilkan prestasi yang kukuh dan mengekalkan asas risiko yang kukuh. Walaupun beberapa segmen mungkin telah mengalami peningkatan dalam pendedahan risiko, Kumpulan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kestabilan operasi. RHB berterusan menjalankan semakan portfolio yang komprehensif dan latihan tekanan-ujian untuk menjangka potensi kesan dan melaksanakan tindakan pengurusan risiko yang sesuai.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan bertujuan untuk:

- 1 Memberi gambaran yang holistik tentang persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan. Objektif utamanya ialah untuk meminimumkan kerugian dan melindungi daripada kerugian yang mungkin berlaku.
- 2 Menetapkan sumbangan fungsi pengurusan risiko kepada proses penciptaan nilai, khususnya melalui pengurusan risiko yang sofistikated dan penambahbaikan kuantifikasi risiko untuk mengoptimumkan pulangan terlaras risiko.

▲ Rangka Kerja pengurusan risiko Kumpulan, dihuraikan lebih lanjut dalam *Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan* dalaman pada muka surat 194-203 laporan ini.

RISIKO KREDIT

Penilaian Risiko

Risiko kerugian timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga untuk memenuhi obligasi kontraktual dan kewangan menurut terma perjanjian. Ia berpunca terutamanya daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan, kewangan perdagangan, penempatan, pengunderaitan, pelaburan, lindung nilai dan dagangan Kumpulan daripada urus niaga dalam atau luar kunci kira-kira.

Risiko kredit tidak berlaku secara berasingan kerana ada risiko tertentu (seperti turun naik dalam kadar faedah dan pertukaran asing), risiko-risiko lain juga boleh berlaku.

Kesan Terhadap Nilai

Risiko kredit membawa kepada kerugian yang menjejaskan, dan ini memberi kesan kepada pulangan kewangan dan modal

Langkah Pencegahan

- Melaksanakan kawalan dan parameter kredit dalam rangkaian nilai kredit seperti Kriteria Penerimaan Risiko, had kelulusan kredit/penyimpangan daripada proses yang luar biasa, mengenakan perjanjian dan keperluan cagaran.
- Mengenal pasti segmen atau akaun yang berisiko tinggi melalui pelbagai alat amaran awal untuk tindakan awal atau pemantauan rapi awal, dan bila perlu, melaksanakan strategi akaun/portfolio.
- Melaksana dan mengenakan penerimaan/had risiko kredit dan tahan risiko untuk memastikan urusan risiko kredit adalah dalam lingkungan risiko Bank, memupuk amalan pengurusan risiko yang berhemat.
- Menilai potensi impak daripada risiko yang muncul dalam portfolio kami melalui ujian tekanan dan ulasan bertema.
- Menerima pakai kaedah analitik lanjutan dan mesin pembelajaran untuk mempertingkatkan pengukuran risiko kredit dan kerugian kredit dijangka.
- Melaksanakan perjalanan transformasi kredit yang menyeluruh untuk menyokong pertumbuhan perniagaan sambil melindungi kualiti aset, meliputi segmen perniagaan teras Perbankan Komuniti dan Perniagaan Borong. Ia menyaksikan penambahbaikan perniagaan dalam kelulusan kredit, masa pusingan, dan kutipan/pemulihan.
- Mengekalkan Bilik Gerakan ("War Room") Kredit untuk mengemudi, menyelaras dan memastikan pelaksanaan berkesan strategi bantuan pembayaran balik Kumpulan ketika peralihan keadaan pasaran ke fasa endemik dalam tindak balas yang konsisten dan berstruktur di seluruh Kumpulan Perbankan RHB.
- Mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam amalan pengurusan risiko Kumpulan dan proses membuat keputusan.
- Meningkatkan Dasar Kredit Kumpulan untuk memasukkan aktiviti ESG berkaitan risiko di bawah Kredit Terlarang.
- Menambah baik alat penilaian ESG dalam menguruskan risiko berkaitan iklim dengan mengembangkan dan mengukuhkan penilaian terhadap persekitaran (termasuk yang berkaitan iklim), sosial dan tadbir urus. Menggabungkan soalan-soalan metrik kuantitatif dan kualitatif yang diselaraskan dengan Kaji Selidik Ketekunan Wajar BNM ("DDQ") serta Perubahan Iklim dan Taksonomi berasaskan Prinsip Bank Negara Malaysia ("CCPT"), yang akan dilancarkan pada S1 2024.
- Libat urus dengan klien dan pelanggan dalam menyokong peralihan ke aktiviti tenaga bersih dan hijau, dan menggalakkan integrasi amalan ESG/lestari ke dalam perniagaan dan operasi mereka masing-masing.
- Menjalankan penilaian usaha wajar pada peringkat aset untuk mengurus hartanah yang terdedah dan cenderung kepada banjir untuk mengurus risiko iklim fizikal

Risiko Utama dan Pengurangan

CR

Pergerakan Risiko

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengesahkan bahawa keadaan kewangan pasaran domestik kekal berdaya tahan di sebalik ketidaktentuan pasaran global meningkat, disokong oleh:

- Modal institusi kewangan kekal baik dengan penampungan yang kukuh (Nisbah Jumlah Modal: 18.5%)
- Bank-bank meneruskan peruntukan penampungan berhemat untuk menyerap potensi kerugian tidak dijangka (Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman pada 119 % ; Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar pada 1.6%)
- Perniagaan kekal kukuh disebalik cabarab operasi yang berterusan seperti yang ditunjukkan dalam (i) nisbah perlindungan faedah pada 5.7x, mengatasi nilai ambang berhemat sebanyak 2x ; Nisbah hutang kepada ekuiti pada 19.7%
- Kemerosotan nilai PKS kekal meningkat pada 3.1%, walaubagaimanapun risiko itu diimbangi oleh pembayaran balik berterusan oleh sebahagian PKS yang Berjaya keluar daripada program bantuan pembayaran balik yang diperkenalkan semasa pandemik.
- Keupayaan membayar hutang isi rumah terus disokong oleh pasaran buruh yang bertambah baik (kadar pengangguran 3.3% pada Disember 2023) dan pertumbuhan upah yang stabil.

Pada masa yang sama, BNM mengumumkan bahagian pinjaman isi rumah yang dikenal pasti sebagai risiko kredit yang lebih tinggi (Pinjaman Thap 2) telah menurun tahun ke tahun kepada 4.8% pada Disember 2023 daripada 6.7% tahun sebelumnya. Ini sebahagian besarnya mencerminkan pengelasan semula peminjam isi rumah yang lebih besar daripada Tahap 2 kepada Tahap 1 selepas melihat rekod prestasi pembayaran balik yang konsisten selepas keluar daripada program pembayaran balik.

Sorotan Kuantitatif Risiko Kredit 2023:

PINJAMAN KASAR

(RM bilion)



NISBAH PINJAMAN TERJEJAS KASAR

(%)



RISIKO KREDIT PURATA WAJARAN

(%)



- Pinjaman kasar Kumpulan meningkat sebanyak 4.8% tahun ke tahun kepada 222.4 bilion, terutamanya didorong oleh peningkatan dalam gadaai janji, PKS dan Singapura. Pinjaman dan pembiayaan domestik meningkat 3.4% tahun ke tahun.
- Nisbah pinjaman terjejas kasar/Pembiayaan (%) merosot 1.7% (RM3.9 bilion) setakat Disember 2023 daripada 1.55% (RM3.3 bilion) setakat Disember 2022 disebabkan oleh kualiti asset operasi luar negara yang meningkat. Pinjaman terjejas kasar/pembiayaan domestik pada 1.52% setakat Disember 2023, lebih baik berbanding nisbah industri (1.65% setakat Disember 2023)
- Wajaran risiko kredit purata merekodkan kemerosotan tahun ke tahun sebanyak 0.4% disebabkan terutamanya oleh pendedahan Penarafan Berasaskan Dalam (IRB) Korporat dan Penghasilan Pendapatan Hartanah ("IPRE") yang mempunyai Risiko Wajaran yang lebih tinggi daripada purata.

Prospek

Walaupun aktiviti perniagaan domestik semakin baik dengan ketaranya pada separuh pertama 2023, BNM menjangkakan perniagaan akan menghadapi cabaran berterusan seperti kenaikan kos dan permintaan luar yang lemah. BNM mengunjurkan ekonomi Malaysia pada 2024 akan berkembang dalam lingkungan 4.0% hingga 5.0%. Memandangkan prospek ekonomi yang kurang memberangsangkan, Kumpulan akan berterusan mengambil pendekatan berhati-hati dengan menambah baik piawaian pengunderaitan kredit. Semakan terhadap dasar risiko kredit Kumpulan juga akan dijalankan secara tetap untuk memastikan mereka kekal berkesan dalam mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ini.

Modal Kami:

FC

Strategi:

QG CX

Pemegang Berkepentingan:

RE CU SI

Perkara-Perkara Material:

GB SF

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO PASARAN

MR

Penilaian Risiko

Risiko kerugian yang timbul daripada gerak berlawanan dalam pemacu pasaran, seperti kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit, harga ekuiti, kadar pertukaran wang dan harga komoditi. Di bawah definisi ini, risiko pasaran terdiri daripada:

- Kadar faedah/keuntungan dan risiko ekuiti bagi instrumen kewangan dalam buku perdagangan.
- Risiko pertukaran asing dan risiko komoditi dalam buku-buku perdagangan dan perbankan

Kesan terhadap Nilai

Turun naik dalam nilai aset/portfolio secara tiba-tiba atau tidak dijangka akan memberi kesan pada pulangan kewangan

Langkah Pengurangan

- Mengekalkan struktur tadbir urus dan proses risiko pasaran yang mantap dan berkesan, bebas daripada operasi perdagangan Kumpulan.
- Menggunakan dasar risiko dan metodologi pengukuran melalui rangka kerja yang telah ditetapkan untuk mengenal pasti potensi ketidaktentuan pasaran.
- Meningkatkan pengurusan risiko termasuk mengkaji semula dan menilai selera risiko secara kerap, khususnya dalam tindak balas kepada keadaan pasaran yang berlawanan.
- Menyelaraskan langkah pengurangan risiko dengan strategi perniagaan baharu yang disesuaikan dengan perubahan landskap makroekonomi.
- Memantau dengan rapat perubahan dalam dasar monetari dan kesannya ke atas dinamik pasaran.
- Mempertingkatkan keterlibatan dan pelaporan risiko kepada jawatankuasa pengurusan risiko pada peringkat Pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- Membangunkan objektif dan strategi perniagaan jangka pendek dan jangka Panjang seiring dengan selera risiko terlaras dan disokong oleh analisis senario tekanan.
- Memantau pendedahan perdagangan untuk memastikan risiko berada dalam set ambang dalaman dan pengesanan mana-mana peristiwa ekstrem melalui mekanisme pemantauan.

Pergerakan Risiko

Pasaran kewangan berdepan cabaran yang besar pada tahun lalu, dipengaruhi oleh inflasi yang meluas, trend kenaikan kadar faedah dan ramalan pasaran terhadap kadar peningkatan ini untuk berpanjangan dalam jangka masa yang lama. Peristiwa-peristiwa penting selanjutnya membentuk persekitaran kewangan termasuk peningkatan dalam kadar faedah, pengukuhan matawang Dolar AS, penurunan nilai Ringgit, dan konflik Israel-Palestin pada suku terakhir 2023. Susulan peristiwa ini, bank-bank pusat bertindak menormalkan dasar monetari yang membawa kepada pengurangan kecairan dalam pasaran dan kemerosotan harga asset kewangan. Setiap pengumuman dan perubahan dalam dasar monetari membawa kepada tindak balas segera dan ketara daripada pelabur-pelabur dan mengakibatkan ketidaktentuan ke dalam pasaran pendapatan tetap dan ekuiti.

Peningkatan dalam Aset Berwajaran Risiko Pasaran ("RWA") disebabkan oleh pegangan yang lebih tinggi bagi kedudukan perdagangan bon, ekuiti dan opsyen yang dipegang oleh Kumpulan.

Sorotan Kuantitatif Risiko Pasaran 2023

RWA PASARAN

(RM juta)



- Peningkatan dalam Aset Berwajaran Risiko Pasaran ("RWA") disumbang oleh pegangan yang lebih tinggi bagi perdagangan dan derivatif yang dipegang oleh Kumpulan dan pendedahan yang lebih tinggi kepada pergerakan kadar FX.

Prospek

Sepanjang 2024, ekonomi global akan bergelut dengan ketidaktentuan yang berterusan, diburukkan lagi oleh kenaikan harga komoditi, mewujudkan persekitaran strategi pelaburan dan perniagaan yang konservatif. Kadar faedah yang turun naik akan terus memberi kesan kepada pasaran kewangan, mempengaruhi sentiment pelabur dan dinamik pasaran. Akibatnya, perniagaan akan selalu terpaksa membuat penilaian semula dan berkemungkinan menyelaraskan rangka kerja struktur dan kawalan dalaman untuk mengurus terlebih dahulu sebarang risiko yang disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran. Tahap risiko ini bergantung kepada bagaimana pasaran bertindak kepada usaha-usaha untuk mengawal inflasi menerusi langkah-langkah pengetatan dasar.

Modal Kami:

FC

Strategi:

PB QG

Pemegang Berkepentingan :

RE CU SI FI

Perkara-Perkara Material :

GB SF

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO KECAIRAN

LR

Penilaian Risiko

Risiko kecairan ialah risiko yang tidak dapat mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi komitmen dan tanggungjawab kewangannya apabila tiba masanya dan mengurus niaga pada kos yang berpatutan. Risiko kecairan juga berlaku daripada ketidakupayaan untuk menguruskan pengurangan yang tidak dijangka atau perubahan dalam sumber-sumber pembiayaan

Kesan terhadap Nilai

Risiko kecairan yang memerlukan pendanaan pada kos yang lebih tinggi atau kerugian bagi pelupusan aset cair memberi impak kepada keuntungan kewangan.

Langkah Pencegahan

- Mengadakan pendedahan risiko terhadap ambangan bagi had risiko, termasuk Pencetus Tindakan Pengurusan ("MAT") dan Ambang Selera Risiko (RA).
- Menjalankan ujian tekanan untuk menilai kapasiti pendanaan yang ada dan pilihan pemulihan yang bersesuaian.
- Melaksanakan latihan krisis kecairan untuk menilai kesedaran dan kewaspadaan terhadap unit-unit berkaitan yang bertanggungjawab memantau dan menangani isu-isu kecairan.

Pergerakan Risiko

Pada awal tahun, pendeposit memilih deposit jangka pendek dengan menjangkakan kenaikan Kadar Polisi Semalaman (OPR) selanjutnya menjelang separuh kedua 2023. Kos dana-dana Kumpulan meningkat disokong oleh deposit peruncitan dan korporat. Walaubagaimanapun, tiada risiko yang akan berlaku dalam kecairan pasaran kerana ia kekal mencukupi. Kumpulan menyemak strategi pendanaannya dengan kerap, mengambil kira cabaran dalam pertumbuhan aset dan liability. Cabaran-baran kecairan juga dibincangkan di Jawatankuasa Aset & Liabiliti Kumpulan (GALCO) dengan sewajarnya. Mudah tunai Kumpulan kekal pada paras yang sihat dan tidak menimbulkan kebimbangan material. LCR dan NSFR Kumpulan kekal melebihi had peraturan kawal selia sebanyak 100%.

Sorotan Kuantitatif Risiko Kecairan 2023

ASET MUDAH TUNAI BERKUALITI TINGGI

(RM bilion)



NISBAH PERLINDUNGAN MUDAH TUNAI MUDAH TUNAI ("LCR")

(%)



NISBAH PINJAMAN KEPADA DANA

(%)



- Pada tahun semasa, kedudukan kecairan dan pendanaan Kumpulan kekal sihat dengan purata LCR pada 150.5%, mengekori rapat purata industry, manakal NSFR diurus melebihi 100%.
- LCR akhir tahun meningkat disebabkan Aliran Keluar Tunai Bersih yang lebih rendah, didorong oleh aliran keluar deposit yang berkurangan, mengatasi HQLA yang lebih rendah.
- Penurunan dalam LDR dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam deposit.

Prospek

Walaupun OPR kekal 3.00% pada akhir 2023, persaingan deposit diperhebat dengan kehadiran peserta-peserta baharu yang memasuki pasaran pada 2024 (seperti: bank digital). Namun begitu, kecairan dalam sistem perbankan Malaysia diunjur kekal sihat.

Modal Kami:

FC

Strategi:

PB QG

Pemegang Berkepentingan :

RE CU SI

Perkara-Perkara Material :

GB SF

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO OPERASI

Penilaian Risiko

Risiko jika tidak mencukupi atau kegagalan proses dalaman, orang, sistem dan/atau peristiwa luaran akan mengakibatkan kerugian. Ini juga termasuk risiko IT, perundangan dan tidak patuh Syariah tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi.

Kesan terhadap Nilai

Bergantung pada jenis risiko operasi; keraguan, kesilapan dan gangguan dalam operasi perniagaan mungkin akan menjejaskan daya ketahanan perkhidmatan penyampaian kami yang boleh mengakibatkan kerugian operasi, kesan kepada reputasi jenama dan nilai bersama.

Langkah Pengurangan

- Menilai kawalan dan proses dalaman Kumpulan merentasi pelbagai dasar utama oleh semua pemilik dasar, seperti Dasar Pengurusan Data dan Maklumat, Dasar Pemberi Maklumat, Dasar AML/CFT, Garis Panduan Perolehan, dan Garis Panduan Pengurusan Krisis.
- Menjalankan ujian kesinambungan perniagaan berkala yang diperluas, untuk memastikan keberkesanan operasi dan kecekapan strategi pemulihan dan prosedur, kesediaan warga kerja, dan lain-lain sumber pemulihan untuk menyokong kesinambungan dan daya tahan operasi-operasi kritikal.
- Mengamalkan penilaian pengurusan perubahan dan tadbir urus yang ketat untuk mengurangkan kebimbangan gangguan perniagaan dan operasi.
- Menerapkan teknologi baharu, robotik, kecerdasan buatan, dan pengkomputeran awan dalam proses kerja kami sebagai tambahan kepada situasi pekerjaan dalam norma baharu.
- Memulakan inisiatif transformasi untuk beralih daripada kelangsungan perniagaan kepada daya ketahanan perkhidmatan dan operasi.
- Mengekalkan amalan norma baharu dan langkah kesihatan orang awam untuk keselamatan pelanggan dan pekerja, walaupun semasa fasa endemik.
- Menambah baik keupayaan analisis mengenai kejadian risiko operasi, memudahkan pengurangan risiko bersasar dan tindakan pemulihan.
- Melaksanakan rangka kerja yang mantap untuk merintang mana-mana penipuan baharu, kerugian operasi yang ketara, kes penipuan dalaman, atau perkara-perkara berkaitan yang menimbulkan risiko reputasi kepada Kumpulan, Pengurusan Kanan, Lembaga Pengarah, dan pengawal selia.

Pergerakan Risiko

Memandangkan industri perbankan semakin pantas menerima pendigitalan, risiko keselamatan siber merupakan ancaman sebenar kepada perniagaan dan operasi kami. Dengan lonjakan dalam perbankan elektronik, berlakunya peningkatan dalam insiden scam dan penipuan. Ternyata pada tahun 2023, kami menyaksikan peningkatan dalam kes penipuan membabitkan aplikasi berniat jahat yang dimuat turun melalui pautan internet, platform media sosial, dan aplikasi pihak ketiga. Pada masa sama peningkatan dalam pencerobohan data dan pelanggaran privasi dalam industri perbankan, menimbulkan ancaman yang ketara dalam kerugian kewangan.

Menyedari risiko penipuan yang berprofil tinggi, Kumpulan telah menguruskan risiko penipuan dengan aktif, baik dalaman mahupun luaran. Di peringkat industri, kami terus aktif dalam pelbagai pasukan petugas industri dan kumpulan kerja, termasuk kumpulan rintis untuk menyokong Pusat Respons Scam Kebangsaan, diketuai oleh BNM dan Polis Diraja Malaysia. Selain itu, kami juga melaksanakan Langkah Pencegahan Penipuan sejajar dengan peraturan BNM, yang membawa kepada penurunan dalam kes penipuan. Di peringkat dalaman pula, Kumpulan mengekalkan pendirian toleransi sifar terhadap penipuan dalaman, menguatkuasakan tindakan disiplin yang ketat terhadap mana-mana pelanggaran integriti. Kumpulan melihat penipuan dalaman sebagai ancaman serius kepada budaya risiko dan reputasi jenama kami. Oleh itu memupuk budaya dan nilai yang betul akan memastikan persekitaran yang mana penipuan dalaman dan isu integriti tidak diterima. Memupuk budaya dan nilai yang betul kekal penting untuk mewujudkan persekitaran kerja di mana isu penipuan dalaman dan integriti adalah bersifat toleransi sifar.

Di tengah-tengah ketidakpastian disebabkan pandemik, risik-risiko berkaitan terus dipantau. Walau pun Malaysia dan negara jiran beralih ke fasa endemik berikutan keberkesanan program kesihatan awam, Kumpulan menyedari risiko varian. Kami terus mengamalkan dan menerima pakai piawaian norma baharu untuk kesihatan dan keselamatan pekerja dan pelanggan kami. Semenjak menawarkan pilihan WFH kekal kepada pekerja, penampan keselamatan siber yang bersesuaian telah diperkukuhkan untuk melindungi tenaga kerja digital dan aset IT kami.

Risiko Utama dan Pengurangan

OR

Sorotan Kuantitatif Risiko Operasi 2023

RWA OPERASI

(RM bilion)



Peningkatan dalam RWA Operasi sebanyak 1.8% pada 2023 disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan kasar sebanyak RM406 juta (daripada RM7.1 bilion pada 2020 kepada RM7.5 bilion pada 2023)[^], disumbang terutamanya oleh peningkatan dalam "Pendapatan bersih daripada aktiviti kewangan" (RM1.28 bilion) dan "Pendapatan bersih daripada aktiviti pelaburan" (RM315 juta) untuk RHB Islamic walaupun "Pendapatan berkaitan dengan pemegang akaun pelaburan dan pendeposit lain", lebih tinggi (RM1.28 bilion).

[^] Perbandingan pendapatan kasar diantara 2023 berbanding 2022 disebabkan oleh pengiraan Aset Berwajaran Risiko Operasi berdasarkan pendapatan kasar-tiga tahun.

Prospek

Kebimbangan dalam Pengurusan Projek dan Perubahan menjadi perhatian utama apabila Kumpulan meneruskan agenda pendigitalan kami, penghijrahan ke pengkomputeran awan, dan revolusi yang berkaitan dalam proses kerja dan meningkatkan usaha dalam pengurusan kelestarian dan iklim Pengurusan Projek dan Perubahan menjadi keutamaan semasa tempoh peralihan ini. Risiko berkaitan orang ramai menjadi sederhana apabila kita memasuki fasa endemik, namun kami tetap berwaspada terhadap risiko kesihatan awam. Kerja RHB telah mengamalkan norma baharu di samping meneliti semula dan memperhalusi proses kerja untuk memastikan peralihan yang lancar. Berdasarkan kepada apa yang kami pelajari daripada wabak ini, Kumpulan sedang berusaha untuk mematuhi jangkaan kawal selia yang lebih tinggi mengenai Ketahanan Operasi dan Perancangan Pemulihan.

Bagi tahun mendatang, tumpuan kami adalah untuk meningkatkan lagi program budaya risiko di RHB untuk menggalakkan penghargaan terhadap pengurusan risiko dan pemilikan risiko di barisan pertahanan pertama. Pendigitalan akan dimanfaatkan untuk mengoptimumkan operasi dan menjalankan penilaian risiko.

Jangkaan kelembapan ekonomi global pada 2024 menandakan beberapa kebimbangan Risiko Operasi. Berdasarkan persekitaran makroekonomi ini, kami berwaspada terhadap risiko berikut pada tahun akan datang:

- 1 Kesilapan pelaksanaan yang berpotensi timbul daripada tekanan penyampaian perniagaan dan pengurusan kos.
- 2 Risiko yang berkaitan dengan percubaan penipuan dalaman dan luaran.
- 3 Tekanan rantaian bekalan diburukkan lagi oleh krisis ekonomi global.
- 4 Cabaran tarikan dan pengekalan pekerja mahir.
- 5 Masalah kesihatan mental yang semakin meningkat dalam kalangan warga kerja dipengaruhi oleh faktor seperti inflasi, peningkatan kos hidup, ketidakstabilan pekerjaan dan masalah menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berubah-ubah.

Secara keseluruhan, strategi Kumpulan adalah untuk melaksanakan program budaya risiko kami secara konsisten untuk memupuk budaya yang selaras dengan selera risiko Kumpulan. Ini akan disokong oleh pengurusan yang proaktif dan pemilikan risiko sebagai barisan pertahanan pertama.

Modal Kami:

HC MC FC

Strategi:

CX QG

Pihak berkepentingan:

EM RE CU SI SS

Perkara-Perkara Material:

GB SF SC

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO TEKNOLOGI DAN SIBER

TCR

Penilaian Risiko

Risiko teknologi dikaitkan dengan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh dan penggunaan IT dalam Kumpulan. Risiko Siber ialah ancaman atau kelemahan yang timbul daripada ketersambungan infrastruktur dalaman kepada rangkaian luaran seperti internet.

Kesan terhadap Nilai

Ancaman kepada infrastruktur IT kami memberi impak kepada integriti operasi dan privasi pelanggan, menghalang keupayaan kami untuk memudahkan transaksi dalam persekitaran yang selamat dan terjamin.

Langkah Pengurangan

- Menggunakan infrastruktur keselamatan berasaskan awan yang mesra digital, disokong oleh amalan pengambilan pekerja strategik yang memiliki kemahiran dalam keselamatan awan.
- Mewujudkan tadbir urus yang wajar untuk pengurusan penggunaan awan/digital, termasuk menetapkan garis panduan dan dasar untuk mengukuhkan kawalan keselamatan merentasi penggunaan awan dan digital.
- Kewaspadaan terhadap scenario ancaman siber berjaya dicapai menerusi kaji selidik teliti terhadap postur keselamatan siber pihak ketiga dan langganan pihak-ketiga dan menamatkan ancaman pihak perisik.
- Rangka kerja pemantauan digunakan untuk berterusan menjejak aktiviti rangkaian, membolehkan pengenalan pastian dan respons segera terhadap anomali dan pelanggaran keselamatan.
- Menilai dan menguji sistem aplikasi berkaitan internet dengan kerap sambil menyelesaikan mana-mana kelemahan yang dikesan dengan pengesanan daripada perunding luar.
- Mengekalkan kesihatan sistem secara optimum dan penggunaan pemantauan berpusat, memudahkan pengesanan awal dan pengurangan potensi isu IT.
- Menilai keberkesanan kawalan mitigasi keselamatan siber yang dilaksanakan secara berkala melalui penilaian Pasukan Merah dan penilaian kompromi.
- Mengadakan simulasi pancing data dan menyampaikan bulletin amalan terbaik untuk memupuk budaya keselamatan siber dan daya tahan.

Pergerakan Risiko

Pendigitalan produk dan perkhidmatan terus meningkat seiring dengan peningkatan penggunaan pengkomputeran awan. Terdapat peningkatan tumpuan kepada inisiatif transformasi digital dan jawatankuasa pengurusan yang khusus untuk memudahkan kelajuan ke pasaran dan responsif kepada maklum balas/permintaan pelanggan. Populariti teknologi awan dan penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif ("AI") yang meluas oleh pelbagai industry membuka peluang untuk bekerjasama dengan rakan Kongsi dalam usaha untuk menambah baik keberkesanan. Apabila ekosistem kewangan bergerak seiring dengan inisiatif pendigitalan dan penggunaan generatif AI yang meluas, ini mendedahkan model perniagaan digital kami kepada penggadam dan penjenayah siber, meningkatkan risiko serangan siber.

Prospek

Kami jangkakan risiko teknologi dan siber sebagai ciri kekal dalam ekonomi digital. Risiko ini akan berkembang semasa teknologi baharu dilaksanakan dan proses transformasi diteruskan. Protokol keselamatan juga perlu dikembangkan seiring dengan perubahan ini untuk melindungi integriti sistem kami. Terdapat penekanan yang kuat terhadap kawalan keselamatan siber di peringkat peraturan kawal selia dan strategi korporat, dalam mengukuhkan langkah-langkah keselamatan siber, dengan matlamat utama untuk memerangi scam dan penipuan. Di sebalik cabaran ini, muncul peluang untuk menambah baik pengalaman pelanggan dan kesalinghubungan perbankan yang lebih teguh dalam parameter keselamatan ditetapkan. Kejayaan transformasi digital bergantung pada keupayaan untuk menjangka dan mengurangkan risiko teknologi dan siber. Ini memerlukan peningkatan yang berterusan terhadap barisan pertahanan, pelaburan dalam perlindungan keselamatan siber dan set kemahiran.

Modal Kami:

MC FC

Strategi:

CX QG

Pihak berkepentingan:

RE CU SI EM

Perkara-Perkara Material:

GB DC SF DI

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO KETIDAKPATUHAN PENGAWALSELIAAN

RNC

Penilaian Risiko

Risiko sekatan pengawalseliaan yang timbul daripada ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, piawaian dan keperluan pengawalseliaan (termasuk undang-undang di bawah Majlis Penasihat Syariah) yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh institusi kewangan dalam semua bidang atau mana-mana cawangan atau syarikat subsidiari akan mungkin menyebabkan institusi kewangan mengalami kerugian kewangan atau kerosakan reputasi.

Kesan terhadap Nilai

Ketidakpatuhan akan menyebabkan penalti peraturan dan kerosakan reputasi, memberi kesan kepada nilai kewangan dan lesen operasi yang relevan,

Langkah Pengurangan

- Ekosistem pematuhan dipertingkatkan melalui pelbagai projek seperti peningkatan dan pendigitalan proses menerusi Projek RACE, pelaksanaan pelaporan papan muka bagi Penilaian Risiko Anti Pengubahan Wang Haram ("AML-RA"), penggunaan analisis data, pelaporan Penilaian selera Risiko ("RAS"), sistem pentadbiran pertukaran asing ("FEA"), dan pelaporan dan penilaian risiko pematuhan FATCA/CRS ("CRA").
- Untuk diselaraskan dengan pelancaran inisiatif RACE, model kecekapan AML dan latihan berasaskan peranan telah diwujudkan, yang mengambil kira semua bahagian perniagaan dan tiga barisan tahanan.
- Mengkaji semula secara keseluruhan dasar, pekeliling dan garis panduan untuk memastikan bahawa proses operasi dan perniagaan Kumpulan dikemas kini, dan jika perlu, untuk memenuhi norma baharu sambil memastikan pematuhan kepada keperluan kawal selia.
- Penilaian risiko siber dipergiatkan untuk sistem Kumpulan yang sedia ada, termasuk semakan yang kerap ke atas proses dan kawalan untuk menentukan keperluan bagi sebarang langkah keselamatan.
- Meneruskan usaha membangun dan meningkatkan kecekapan pematuhan warga kerja semasa menerusi penajaan akreditasi profesional dan latihan pematuhan dalaman serta sesi taklimat.

Pergerakan Risiko

Selain daripada peraturan perniagaan dan tadbir urus, peraturan berkaitan risiko pematuhan keselamatan siber dan ESG semakin meningkat, didorong oleh pendigitalan pesat dalam sektor perbankan dan pembiayaan lestari. Pihak berkuasa kawal selia sekarang memerlukan penilaian ke atas sistem kritikal infrastruktur teknologi akibat peningkatan risiko berikutan pandemik COVID-19. Sehubungan itu, penguatkuasaan peraturan mengenai ESG berkembang dengan matlamat memudahkan perbankan dan pembiayaan yang bertanggungjawab. Faktor-faktor ini mengubah landskap kawal selia dalam lokasi operasi kami dan memerlukan tadbir urus yang kukuh melata melalui tiga barisan pertahanan.

Prospek

Pematuhan Kumpulan berhasrat untuk mengekalkan fungsi pematuhan yang mantap melalui inovasi berterusan dengan menyokong objektif perniagaan dan pengurusan pematuhan yang berkesan. Inisiatif ini termasuk, antara lain, meningkatkan ekosistem pematuhan dan menyokong daya tahan perniagaan melalui pengoptimuman struktur tadbir urus pematuhan dengan memasukkan ESG, data dan analisis lanjutan, dan inisiatif digital. Pematuhan Kumpulan kekal berdedikasi mengukuhkan pengurusan risiko pematuhan melalui kesemua barisan pertahanan dan menanamkan budaya pematuhan melalui latihan, bengkel dan forum pematuhan yang relevan secara berterusan untuk menggalakkan amalan AML/CFT secara proaktif dan bertanggungjawab, budaya pematuhan kawal selia dan syariah, dan dengan memupuk kecekapan pematuhan barisan hadapan dan Pegawai Risiko Perniagaan dan Pematuhan ("BRCO")

▲ Sila rujuk kepada Pematuhan Kumpulan muka surat 178-182 untuk maklumat lanjutan mengenai Pematuhan Kumpulan.

Modal Kami:

HC MC IC

Strategi:

QG

Pihak berkepentingan:

RE CU

Perkara-Perkara Material:

GB SF

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

SNC

Penilaian Risiko

Sekatan pengawalseliaan, implikasi kerugian kewangan atau bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi yang timbul daripada kegagalan untuk mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah ("SAC") pengawal selia tempatan (seperti SAC BNM bagi operasi Malaysia), piawaian perkara-perkara Syariah dikeluarkan oleh pengawal selia tempatan atau keputusan atau nasihat jawatankuasa/penasihat Syariah dilantik oleh entiti RHB masing-masing.

Kesan terhadap Nilai

Mengubah reputasi Kumpulan dan keyakinan orang ramai dalam kualiti penyampaian perkhidmatan kewangan patuh Syariah RHB melalui entiti Islamnya.

Langkah Pengurangan

- Melengkapkan kajian menyeluruh dan holistik mengenai pendekatan pengurusan risiko berkaitan dengan transaksi Murabahah Komuniti. Sehubungan dengan itu, piawaian panduan dan proses tadbir urus berkaitan dengan Broker Komoditi telah ditingkatkan bagi memastikan pengoperasian produk dan perkhidmatan berasaskan Tawarruq adalah patuh Syariah pada setiap masa.
- Disaring insiden risiko operasi yang dilaporkan oleh Unit Perniagaan dan Fungsi menggunakan mekanisme teguh Kumpulan untuk mengesan sebarang isu yang berpotensi Syariah dan seterusnya menilai sebarang kejadian berpotensi Ketidakpatuhan Syariah (PSNC) yang memerlukan keputusan/resolusi jawatankuasa Syariah mengenai kejadian Ketidakpatuhan Syariah (SNC) sebenar atau sebaliknya.
- Penambahbaikan kaedah Pemprofilan Risiko Syariah untuk dibangunkan sebagai panduan kepada Jawatankuasa Syariah untuk mengukur tahap impak sesuatu insiden ke atas bank, sebelum menentukan status insiden tersebut.

Segmen Pergerakan Risiko

Pada tahun 2023, tiada peristiwa ketidakpatuhan Syariah yang berpotensi dikesan melalui proses semakan dan audit Syariah kami yang ketat. Sama seperti rangka kerja pengawalseliaan yang lain, peraturan berkaitan dengan Syariah mengalami evolusi berterusan seiring dengan dinamik pasaran. Untuk menyokong piawaian pematuhan yang ketat, kami terlibat secara aktif dalam pemantauan berterusan dan meningkatkan usaha dalam tadbir urus Syariah. Pendekatan proaktif ini memastikan bahawa sebarang penemuan ketidakpatuhan ditangani dengan segera dengan langkah-langkah yang dilaksanakan agar kejadian tidak berulang. Oleh kerana entiti Islam RHB berusaha untuk memberikan nilai yang lebih tinggi untuk pelanggan Islam kami, diakui bahawa risiko ketidakpatuhan mungkin meningkat seiring dengan pertumbuhan perniagaan ini.

Prospek

Kami mengekalkan kerjasama aktif dengan pihak berkepentingan untuk memperkukuh strategi pengurusan kami. Usaha kami termasuk pematuhan kepada dasar dan arahan yang digariskan oleh pihak berkuasa kawal selia, termasuk Metodologi Pemprofilan Risiko Syariah dan Senario Tekanan Ketidakpatuhan Syariah. Selain itu, kami melabur dalam Modal Insan Kumpulan untuk memupuk budaya patuh Syariah dalam pasukan ORM Syariah dan Unit Perniagaan dan Fungsian. Strategi-strategi ini diperkukuh melalui pelaksanaan alat analisis data pintar Syariah yang canggih yang memastikan sokongan automatik dan berdaya tahan untuk operasi kami.

Modal Kami:

HC MC IC

Strategi:

QG CX PB

Pihak Berkepentingan:

RE CU SI EM FI

Perkara-Perkara Material:

GB SF

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO KELESTARIAN

SR

Penilaian Risiko

Risiko kelestarian merujuk kepada Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) – risiko berkaitan timbul daripada operasi sendiri serta aktiviti pembiayaan dan pelaburan. Risiko kelestarian, sekiranya tidak terurus boleh memberikan kesan kewangan, pengawalseliaan, dan reputasi yang ketara kepada Kumpulan.

Kesan terhadap Nilai

Risiko kelestarian menjejaskan aset dan modal utama yang kami manfaatkan untuk mencipta nilai kewangan bagi pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Isu-isu alam sekitar seperti iklim mendedahkan Kumpulan kepada risiko fizikal dan peralihan.

Isu-isu sosial seperti hak asasi manusia, amalan buruh dan penglibatan komuniti mungkin mempunyai implikasi operasi dan reputasi kepada Kumpulan.

Isu tadbir urus seperti amalan tadbir urus korporat yang lemah mungkin memberi kesan kepada Kumpulan dalam konteks undang-undang dan peraturan.

Langkah-langkah Pengurangan

- Mewujudkan struktur tadbir urus kelestarian yang kukuh untuk memastikan pengawasan yang berkesan terhadap risiko dan peluang berkaitan dengan kelestarian dan iklim.
- Melancarkan inisiatif yang ditetapkan oleh Strategi Kelestarian & Hala Tuju Lima-Tahun (2022-2026) Kumpulan RHB yang menggariskan fokus dan komitmen Kumpulan terhadap agenda kelestarian dan iklim di seluruh rangkaian bekalan.
- Menggabungkan dasar dan garis panduan berkaitan dengan risiko kelestarian ke dalam Dasar Kredit Kumpulan RHB dan peringkat dalam negara.
- Membangunkan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan untuk menetapkan prinsip menyeluruh dan piawaian panduan untuk pengurusan risiko iklim yang baik selaras dengan Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (CRMSA) yang dikeluarkan oleh BNM meliputi Tadbir Urus, Strategi, Selera Risiko, Pengurusan Risiko, Analisis Senario dan Pendedahan.
- Rangka kerja dan dasar tersebut antara lain menggabungkan struktur tadbir urus pengurusan risiko iklim, peranan dan tanggungjawab jelas Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan Tiga Barisan Pertahanan ("LOD").
- Menggabungkan risiko berkaitan iklim dalam rangka kerja/dasar pengurusan risiko dan proses risiko kredit, risiko operasi risiko pasaran, risiko kecairan dan pengunderaitan insurans/takaful serta risiko rizab untuk memastikan pendedahan kami kepada risiko berkaitan iklim dan penghantarannya kepada jenis risiko lain dikenal pasti dan ditangani dengan sewajarnya
- Membangunkan kedudukan Kumpulan mengenai pembiayaan arang batu terma dan projek loji janakuasa arang batu.
- Melaksanakan dasar Tiada Penebangan Hutan, Tiada Gambut, Tiada Eksploitasi ("NDPE") yang komprehensif.
- Penyata Selera Risiko berkaitan Iklim yang ditubuhkan ("RAS"), Penunjuk Risiko Utama ("KRIs") dan Metrik untuk memantau tahap risiko sebagai langkah pemantauan dan tindakan pengurusan akan diambil jika ambang risiko tercetus.
- Meningkatkan alat ERA dengan memperluas dan mengukuhkan penilaian terhadap alam sekitar (termasuk berkaitan iklim), sosial dan tadbir urus
- Menggabungkan kedua-dua metrik kuantitatif dan soalan kualitatif yang sejajar dengan Soalan Usaha Wajar BNM ("DDQ") dan Prinsip Perubahan Iklim dan Taksonomi ("CCPT"), yang akan dilancarkan pada S1 2024.
- Membangunkan panduan pengunderaitan khusus sektor bagi memperoleh pemahaman dan pendekatan yang jelas agar dapat menggunakan alat penggalak pengunderaitan yang berbeza untuk memacu portfolio Bank ke arah penyahkarbonan, menguruskan ESG dan risiko berkaitan iklim, dan mematuhi keperluan pengawalseliaan.
- Menggunakan Garis Panduan Aktiviti Perniagaan Yang Layak ESG Kumpulan sebagai sistem pengelasan untuk inisiatif pembiayaan hijau, sosial dan mampan.
- Membangunkan Kod Tatalaku Pembekal ESG Kumpulan, untuk menggalakkan amalan yang bertanggungjawab dan lestari di seluruh rangkaian bekalan Kumpulan.
- Memulakan kerjasama strategik dengan rakan industri untuk bersama-sama melibatkan diri dengan pelanggan, terutamanya PKS di seluruh Malaysia untuk memudahkan peralihan mereka ke arah amalan lestari dan rendah karbon.
- Menubuhkan Rangka Kerja Pembangunan Keupayaan Kelestarian Kumpulan, di mana Kumpulan telah melancarkan modul dan program pembelajaran merentas peringkat Asas, Pertengahan dan Lanjutan untuk semua pekerja dan fungsi kritikal dalam 3 LOD ke arah meningkatkan pengetahuan pekerja mengenai prinsip keseluruhan ESG dan pengurusan iklim.
- Menjalankan jaminan bebas pertama Kumpulan terhadap KPI dan pencapaian Kelestarian material terpilih Kumpulan, bagi Laporan Kelestarian Kumpulan sejak tahun 2022, berdasarkan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Lima Tahun Kumpulan.

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO KELESTARIAN (SAMBUNGAN)

SR

Pergerakan Risiko

Risiko kemampuan semakin menjadi tumpuan apabila kesedaran mengenai isu-isu kelestarian berkembang dalam sektor kewangan. Syarikat-syarikat dan institusi kewangan, khususnya, mesti memupuk daya tahan, inovasi, dan kebolehsesuaian untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan yang berkembang, bertindak balas terhadap kuasa pasaran, dan sejajar dengan komitmen kelestarian global. Risiko alam sekitar, terutamanya risiko berkaitan dengan iklim, adalah kebimbangan utama bagi pelabur dan penganalisis kerana potensi mereka untuk mengganggu perniagaan secara fizikal dan risiko peralihan yang mengganggu perniagaan. Sehubungan dengan itu, perniagaan merangkul cita-cita sifar bersih dan memetakan laluan untuk mengurangkan pelepasan, sekali gus berusaha ke arah masa depan yang berdaya tahan iklim. Peralihan ini menggariskan anjakan paradigma rentas sektor yang lebih luas ke arah ekonomi rendah karbon yang mendorong keperluan untuk tadbir urus berkaitan dengan ESG dan iklim yang teguh, perancangan strategik, pengurusan risiko, dan pendedahan yang telus.

Risiko sosial seperti hak asasi manusia dan buruh paksa juga semakin meningkat, memandangkan keterlihatan orang ramai mengenai isu-isu ini di beberapa pasaran operasi kami. Kemunculan risiko ESG memerlukan perniagaan menggabungkan risiko sosial yang ketara dan pertimbangan impak ke dalam model perniagaan, strategi, dan rangka kerja pengurusan risiko mereka. Pada masa ini, syarikat dikehendaki mengawasi aspek ESG sepanjang semua operasi dan rantaian bekalan mereka. Kewajipan ini timbul bukan sahaja daripada keperluan perniagaan tetapi juga daripada penguatkuasaan peraturan ESG yang baharu.

Risiko tadbir urus seperti amalan tadbir urus korporat yang lemah, kekurangan pengawasan atau prosedur lembaga yang berkesan untuk memantau dan mengawal risiko boleh memberi kesan buruk kepada kestabilan dan reputasi kewangan. Isu kelestarian biasanya diikuti oleh peningkatan pengawasan pengawalseliaan dan perundangan, terutamanya bagi institusi kewangan yang mungkin terdedah kepada denda dan implikasi pengawalseliaan.

Prospek

Memandangkan keperluan mendesak untuk mencapai matlamat pembangunan lestari dan pematuhan kepada cadangan Perjanjian Paris, menangani risiko berkaitan dengan kelestarian dan iklim tetap menjadi kebimbangan utama kami. Kumpulan terus mengukuhkan pengurusan kelestarian dan risiko iklimnya melalui inisiatif di bawah Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan yang sejajar dengan Strategi Tiga tahun (2022-2024) Kumpulan. Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan didorong oleh tonggak Kewangan yang Mampan dan Bertanggungjawab, Menerapkan Amalan Terbaik, dan Memperkaya dan Memperkasakan Komuniti, serta oleh tonggak iklim kami - Komited Untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang tahun 2050, Strategi dan Peta Hala Tuju Kelestarian Lima Tahun kami mengintegrasikan amalan lestari di seluruh aktiviti perniagaan, operasi dan proses membuat keputusan Kumpulan, dan merupakan kunci untuk mencipta nilai jangka panjang bagi Kumpulan dan pihak berkepentingan utama kami.

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai usaha kelestarian Bank, sila rujuk Laporan Kelestarian 2023 kami.

Modal Kami:

NC SRC FC MC HC

Strategi:

QG PB CX

Pihak Berkepentingan:

BD CU EM SI
RE CO SS FI
BP RA AN ME

Perkara-Perkara Material:

GB DC SF FI DI CX
FC SC CC ES T EHS
DO CE

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO KADAR FAEDAH DALAM BUKU PERBANKAN/KADAR RISIKO PULANGAN DALAM BUKU PERBANKAN

IBR

Penilaian Risiko

Risiko kerugian dalam pendapatan dan nilai ekonomi ekuiti disebabkan oleh pergerakan yang ketara dalam kadar faedah/kadar penanda aras. Risiko mungkin timbul daripada ketidakpadanan semasa penentuan semula harga daripada aset dan liabiliti daripada dalam dan luar kunci kira-kira dalam buku perbankan, perubahan cerun dan bentuk keluk hasil, risiko asas, dan risiko opsyenal.

Kesan terhadap Nilai

Risiko kadar faedah dalam buku perbankan memberi impak terus kepada margin keuntungan dan, oleh itu, nilai kewangan dalam buku kami.

Langkah Pengurangan

- Pendedahan risiko yang dipantau terhadap had risiko (Pencetus Tindakan Pengurusan [MAT] dan Selera Risiko [RA]).
- Menjalankan ujian tekanan secara berkala untuk menilai kecukupan modal dalam pengurangan kesan pergerakan kadar faedah/penanda aras yang melampau pada kunci kira-kira.
- Mematuhi proses peningkatan yang telah ditetapkan bagi memastikan tadbir urus dan pematuhan.

Pergerakan Risiko

Peningkatan berterusan dalam kadar Dana Rizab Persekutuan AS sejak tahun 2022 telah memberi tekanan kepada negara-negara lain untuk meningkatkan kadar faedah. Pada tahun 2023, Rizab Persekutuan AS meningkatkan kadarnya sebanyak 1%; manakala BNM meningkatkan OPR sebanyak 25bps. Tiada perubahan ketara dalam bentuk keluk hasil dan campuran kunci kira-kira Kumpulan. Kejutan kadar faedah kekal mencukupi untuk menilai risiko kadar faedah dalam buku perbankan, dan pendedahan berada dalam had risiko.

Prospek

Rizab Persekutuan telah memberikan isyarat pemotongan kadar faedah pada tahun 2024 jika inflasi bergerak ke arah 2%. Pasaran menjangkakan pemotongan kadar pada suku ke-2 tahun 2024. Pada peringkat domestik, BNM dijangka mengekalkan OPR pada tahap semasa sehingga separuh kedua tahun 2024.

Modal Kami:

NC SRC FC MC HC

Strategi:

QG

Pihak Berkepentingan:

RE CU SI

Perkara-Perkara Material:

GB SF

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO REPUTASI

RR

Penilaian Risiko

Risiko publisiti negatif berhubung dengan tatalaku Kumpulan atau mana-mana entiti dalam Kumpulan atau amalan atau perkaitan perniagaannya sama ada benar atau tidak, akan memberi kesan buruk terhadap hasil, operasi atau pangkalan pelanggan atau memerlukan litigasi yang menelan belanja yang besar atau langkah pertahanan yang lain.

Kesan terhadap Nilai

Risiko reputasi menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan, mempengaruhi harga saham, dan, oleh itu nilai kewangan. Kurangnya kepercayaan orang ramai menghalang RHB daripada berkhidmat untuk lebih banyak pihak berkepentingan.

Langkah Pengurangan

- Mengutamakan tadbir urus korporat yang teguh dan memupuk budaya integriti di seluruh Kumpulan.
- Mengekalkan had boleh menanggung risiko yang sangat rendah dengan toleransi sifar terhadap peristiwa yang menjejaskan reputasi Kumpulan.
- Melaksanakan strategi pengurusan risiko yang berkesan termasuk amalan membangunkan “modal reputasi” dan memupuk semangat muhibah di kalangan pihak berkepentingan utama.
- Mewujudkan mekanisme yang ketat untuk mengesan dan menangani sebarang pelanggaran dalam pematuhan kawal selia atau perkara-perkara yang mengemukakan risiko reputasi dengan segera.
- Menekankan saluran terbuka komunikasi dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Pergerakan Risiko

Kemungkinan dan kesan Risiko Reputasi dipengaruhi oleh pelbagai faktor risiko lain yang mendorong kepada berubah-ubahnya kemungkinan dan kesan. Bagi menangani hal ini, Kumpulan mengekalkan Dasar Pengurusan Risiko Reputasi yang merangkumi elemen utama seperti kod tatalaku, amalan tadbir urus, strategi pengurusan risiko, dasar, prosedur, dan latihan. Dasar ini mengiktiraf kesan besar risiko reputasi terhadap penciptaan nilai.

Prospek

Dalam pemantauan dan pengurusan risiko yang pelbagai secara berterusan, kami berusaha untuk menyampaikan usaha pengurusan risiko proaktif kami dengan cara yang memupuk keyakinan. Pendekatan ini berkesan melindungi risiko reputasi dengan berkesan. Dari semasa ke semasa, RHB telah membina reputasi sebagai rakan perbankan komuniti yang boleh dipercayai. Walaupun tumpuan kami kekal kepada mencegah dan menangani risiko reputasi buruk yang tidak sengajakan, kami secara aktif mengukuhkan kedudukan positif sebagai rakan perbankan komuniti yang boleh dipercayai melalui usaha khusus dalam pengurusan risiko reputasi.

Modal Kami:

SRC FC

Strategi:

QG PB

Pihak Berkepentingan:

RE CU SI EM
ME AN

Perkara-Perkara Material:

GB SF FC

Risiko Utama dan Pengurangan

RISIKO RASUAH

CR

Penilaian Risiko

Risiko yang dihadapi oleh Kumpulan apabila pengarah, pegawai, kakitangan, ejen atau rakan niaga lain didakwa terbabit dalam tindakan sogokan atau rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan atau tanpa pengetahuan dan persetujuan/kebenaran, untuk melindungi, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan atau kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Perbuatan yang bertentangan ini dilarang oleh Kumpulan kerana ia melanggar undang-undang dan kod etika serta dasar dan prosedurnya.

Kesan terhadap Nilai

Sebagai institusi kewangan yang diamanahkan dengan dana awam, perbuatan rasuah boleh mencemarkan hubungan perniagaan Kumpulan, persepsi awam dan mencatatkan reputasinya. Kesannya boleh menjangkaui tahap kewangan dan bukan kewangan, termasuk denda kawal selia, penalti undang-undang dan kerosakan reputasi.

Langkah Pengurangan

- Menganjurkan Hari Integriti Kumpulan Perbankan RHB pada 14 November 2023 untuk menegaskan semula komitmen Kumpulan 'ke arah sebuah institusi kewangan bebas rasuah'.
- Memasukkan klausa antisogokan dan pencegahan rasuah ke dalam terma dan syarat perjanjian/kontrak yang dimeterai oleh Kumpulan.
- Mewujudkan kesedaran mengenai tadbir urus perniagaan terbaik dan tatalaku tempat kerja beretika dengan mengadakan latihan bersasar untuk jabatan dikenal pasti mengenai antisogokan dan pencegahan rasuah serta menerbitkan risalah (bulanan) dan buletin (suku tahunan) mengenai antisogokan dan pencegahan rasuah, pemberian hadiah & hospitaliti dan pemberi maklumat; antara topik lain yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran dan juga sebagai peringatan kepada pekerja.
- Mengadakan "pemeriksaan integriti" melalui platform Sistem Tapisan Keutuhan (e-STK) yang diuruskan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi semua pelantikan Pengurusan Kanan Utama dan Lembaga Pengarah serta permohonan Penajaan Korporat.
- Menjalankan kajian menyeluruh terhadap dasar dan prosedur sedia ada Kumpulan, seperti Dasar AntiSogokan & Pencegahan Rasuah, Dasar Pemberian Maklumat Kumpulan dan Garis Panduan Pemberian Hadiah & Hospitaliti Kumpulan yang memastikan kemasukan pertimbangan serantau yang mencukupi dalam dokumen-dokumen ini.
- Menjalankan Penilaian Risiko Material Tahunan (MRA), termasuk risiko rasuah dalam pustaka risiko. Objektif ini memastikan risiko rasuah menerima perhatian yang sewajarnya dengan mengenal pasti peningkatan kebimbangan ('titik panas') manakala juga mengesahkan kecukupan kawalan sedia ada.

Pergerakan Risiko

Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia memperkenalkan elemen Liabiliti Korporat yang mempertanggungjawabkan perbuatan rasuah oleh Orang yang Berkaitan dengan mereka termasuk para Pengarah, Pegawai Kanan, Pekerja termasuk juga tetapi tidak terhad kepada agen dan penyedia perkhidmatan, kepada syarikat. Tumpuan untuk menggalakkan amalan perniagaan yang bersih, telus, dan bebas rasuah telah dipergiatkan yang menarik lebih banyak perhatian daripada pengawal selia dan agensi penguatkuasaan. Hal ini bertujuan untuk menggariskan keperluan bagi syarikat untuk mewujudkan prosedur yang teguh untuk memastikan integriti operasi dan urus niaga perniagaan. Sejajar dengan ini, Pelan Antirasuah Nasional ("NACP") 2019-2023 menekankan inisiatif yang bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus dalam kedua-dua entiti kerajaan dan berkaitan kerajaan. Diberi mandat di bawah NACP, syarikat-syarikat dikehendaki mengemukakan pelan yang bertujuan untuk mencegah dan menghapuskan rasuah untuk memupuk amalan beretika dan akauntabiliti.

Prospek

Kumpulan Perbankan RHB tetap berpegang teguh pada komitmen untuk menyokong persekitaran bebas rasuah dengan pelaburan berterusan dalam sumber bagi mengukuhkan prinsip ini. Pelan Antirasuah Organisasi ("OACP") 2022-2026 yang diperkenalkan dan dilancarkan pada tahun 2022 merupakan rangka tindakan untuk mencegah sebarang salah laku dengan sokongan mekanisme yang sesuai bagi tujuan pencegahan, pengesanan, dan penyelesaian sebarang kejadian atau potensi ancaman perbuatan sogokan dan rasuah. Pada masa hadapan, Kumpulan Perbankan RHB akan meneruskan dedikasinya untuk melaksanakan dan mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan dalam OACP bagi memastikan integriti dan ketelusan dalam semua aspek operasinya.

Modal Kami:

SRC FC

Strategi:

QG

Pihak Berkepentingan:

RE CU SI SS
ME EM

Perkara-Perkara Material:

GB SF EHS

Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami

Penyata Objektif

Janji Jenama

MEMACU KEMAJUAN UNTUK SEMUA

BERSAMA-SAMA MENEMPA KEMAJUAN

Kami memanfaatkan pelbagai sumber...

untuk memacu perniagaan kami...

INPUT

HC

MODAL INSAN

- **13,968** pekerja
- Melabur **RM32.6 juta** dalam program pembelajaran dan pembangunan
- Melancarkan **36** inisiatif libat urus pekerja
- Memperkasakan **28** pemimpin wanita melalui program Liga Wanita dalam Kepimpinan ("WILL") dan Pemimpin Wanita Baharu Muncul

FC

MODAL KEWANGAN

- Jumlah Aset: **RM328.7 bilion**
- Portfolio Sekuriti: **RM79.9 bilion**
- Deposit daripada Pelanggan: **RM245.1 bilion**
- Ekuiti Pemegang Saham: **RM30.9 bilion**
- Permodalan Pasaran: **RM23.4 bilion**

MC

MODAL PEMBUATAN

- **286** pejabat dan cawangan di seluruh rantau ASEAN
- **1,714** terminal khidmat layan diri di Malaysia yang termasuk Mesin ATM, Mesin Deposit Tunai, Mesin Deposit Cek, Mesin Pengitar Semula Tunai dan Mesin Deposit Syiling

IC

MODAL INTELEK

- Terlibat aktif dalam persatuan industri di Malaysia dan di seluruh ASEAN, termasuk 4 jawatankuasa/jawatankuasa dan kecil berkaitan Kelestarian dan iklim
- Platform digital seperti:
 - > RHB Online Banking
 - > RHB Insurance Mobile App
 - > RHB Mobile Banking App
 - > RHB TradeSmart
 - > RHB Reflex Online Banking
 - > RHB Share Trading
 - > RHB Reflex Mobile App
 - > RHB Investment Apply Now
 - > RHB SME Online Financing
 - > RHB Futures GTS
 - > RHB Financing (SME)
 - > RHB Partners App
 - > RHB Financing Mobile App
 - > RHB MyHome App
 - > RHB Online Insurance
 - > API Ecosystem

SRC

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN

- Bilangan pembekal berdaftar: **695 (648 pembekal tempatan)**
- Melabur kira-kira **RM5 juta** dalam inisiatif komuniti
- Melabur lebih **daripada RM2.3 juta** untuk program Membimbing Generasi Masa Depan seperti program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel, RHB X-Cel Star, RHB #Empower, RHB Art with Heart dan RHB Money Ma\$ter
- Melabur **lebih daripada RM1.2 juta** untuk program Memperkasakan Komuniti seperti RHB #JomBiz, RHB Touch Hearts dan RHB Touch Hearts 360
- Melalui Harmoni Sosial, **hampir RM1.4 juta** daripada dana zakat telah diagihkan bagi pelbagai usaha

NC

MODAL SEMULAJADI

- Jumlah penggunaan elektrik: **38,631 MWh**
- Jumlah penggunaan air: **115,760 m³**
- Hampir **RM6.7 bilion** pelaburan bagi menggerakkan aktiviti hijau yang layak*

PERKARA-PERKARA MATERIAL

GB

DC

SF

FI

DI

CX

FC

SC

CC

ES

T

EHS

DO

CE

FOKUS STRATEGIK

TWP24

Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024

PB

Menjadi Bank Utama Untuk Semua

CX

Mengutamakan Pengalaman Pelanggan

QG

Memacu Pertumbuhan Kualiti

Bidang Fokus Strategik

- Menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Utama
- Mengintegrasikan ke dalam Ekosistem Islam Utama
- Membina Perniagaan Luar Negara yang Bersepadu
- Memangkin Kelestarian
- Menggunakan Teknologi Canggih
- Membangunkan Tenaga Kerja Sedia Masa Depan
- Mempercepatkan Perkhidmatan Perbankan Pintar

Tonggak Kelestarian

SRF

Kewangan Lestari dan Bertanggungjawab

ANZ

Komitmen untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang 2050

EGP

Menerapkan Amalan Terbaik

EEC

Memperkaya dan Memperkasakan Komuniti

Bidang Fokus Kelestarian

- Perkhidmatan Kewangan Lestari
- Keterangkuman Kewangan
 - Memajukan PKS Ke Arah Amalan Perniagaan Lestari
 - Pengurangan Pelepasan yang Dibiayai
 - Menghijaukan Portfolio Kami
 - Integrasi amalan lestari dan karbon rendah ke dalam operasi kami
 - Etika & Tatalaku
 - Pekerja & Tempat Kerja
 - Rantaian Bekalan Lestari
 - Membimbing Generasi Masa Depan
 - Memperkasakan Komuniti

disokong oleh rangka kerja yang teguh

▲ Sila rujuk kepada Asas Laporan Ini bagi ikon navigasi.

* Data ini telah dijamin secara luaran.

Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami

Nilai Kami

P PROFESIONAL **R** HORMAT **I** INTEGRITI **D** DINAMIK **E** KECEMERLANGAN

...dan memberikan nilai yang bermakna.

Segmen Perniagaan Teras

PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN

PERBANKAN BORONG KUMPULAN

PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN

PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

PERNIAGAAN INSURANS KUMPULAN

Risiko Utama

- Risiko Kredit
- Risiko Pasaran
- Risiko Kecairan
- Risiko Operasi
- Risiko Teknologi dan Siber
- Risiko Ketidapatuhan Kawal Selia
- Risiko Ketidapatuhan Syariah
- Risiko Kelestarian
- Risiko Reputasi
- Risiko Rasuah
- Risiko Kadar Faedah Dalam Buku Perbankan/ Kadar Risiko Pulangan Dalam Buku Perbankan

OUTPUT/KEBERHASILAN



Keuntungan Bersih
RM2.8 bilion



Pinjaman Kasar
RM222.4 bilion



Pulangan ke atas Ekuiti
9.5%



Pengagihan Zakat kepada Pihak Berkuasa Zakat Negeri:
RM10 juta



Premium Bertulis Kasar (GWP):
RM869.2 juta

Perkhidmatan Kewangan Lestari
RM23.8 bilion digerakkan antara Julai 2021 dengan Disember 2023.

MODAL INSAN

- Mencatatkan jumlah latihan sebanyak **313,783** jam (purata sebanyak 22.46 jam setiap pekerja)*
- Kepelbagaian tenaga kerja:
 - > Lelaki: **5,621 (40.2%)**
 - > Wanita: **8,347 (59.8%)**
- Skor Keterlibatan Lestari ("SES"): **89%**
- Kadar Pengekalan Pekerja: **85.4%**

MODAL KEWANGAN

- Jumlah Pertumbuhan Aset: **5.8%**
- Pertumbuhan Pinjaman Kasar: **4.8%**
- Pertumbuhan Portfolio Sekuriti: **15.7%**
- Pertumbuhan Deposit daripada Pelanggan: **7.9%**
- Nisbah CET1: **16.7%**
- Jumlah Nisbah Modal: **19.4%**
- Nisbah Pembayaran Dividen: **61.1%** or **40 sen** per share
- Aset Bersih sesaham: **RM7.20**

MODAL PEMBUATAN

- Purata bilangan transaksi dijalankan di kaunter cawangan RHB: **5,258,586**
- Purata bilangan transaksi dijalankan melalui terminal layan diri di cawangan RHB:
 - > ATM: **88,873,764**
 - > Mesin Deposit Tunai: **12,066,780**
- Bilangan transaksi dijalankan melalui terminal layan diri:
 - > ATM: **90,303,122**
 - > Mesin Deposit Tunai: **12,071,103**

MODAL INTELEK

- Nilai Jenama: **USD991 juta**
- **~83%** daripada transaksi dijalankan melalui saluran digital
- Volum transaksi saluran digital: **>650 juta**
- Pelanggan perbankan dalam talian meningkat kepada **2.5 juta**
- **~45%** daripada proses utama telah berautomat
- **~62%** daripada sistem telah dimodrenkan
- **Diberikan penarafan AA (Leader) MSCI ESG**
- **Diberikan penarafan 25%** Teratas oleh penarafan ESG dalam kedudukan FTSE Bursa Malaysia EMAS

MODAL SOSIAL DAN PERHUBUNGAN

- Mencapai SLA sebanyak **99.0%** untuk ketepatan masa dalam penyelesaian aduan dan **98.7%** dalam pengendalian permintaan
- Skor Promoter Bersih ("NPS"):
 - > RHB MY Group: **+20**
 - > RHB SG Group: **+35**
- **Kedudukan ke-2** dalam NPS di kalangan industri kewangan Malaysia
- Jumlah perbelanjaan ke atas pembekal tempatan: **RM582.3 juta**
- Mencecah **lebih 50,000** benefisiari melalui inisiatif komuniti
- Menyokong **hampir 14,000** kanak-kanak dan remaja melalui program Membimbing Generasi Masa Depan
- Menyokong **lebih 30,000** benefisiari melalui program Memperkasakan Komuniti
- Melalui Harmoni Sosial, memanfaatkan **lebih daripada 3,000** individu dan **13** keluarga asnaf

MODAL SEMULAJADI

- Pengurangan dalam pelepasan GHG sebanyak **lebih 43%** (berbanding dengan tahun to dasar 2016)
- Jumlah pelepasan GHG (operasi Malaysia sahaja): **24,580 tCO₂e**

Pihak Berkepentingan:

EM

SDGs:



Pihak Berkepentingan:

SI

SDGs:



Pihak Berkepentingan:

SI CU

SDGs:



Pihak Berkepentingan:

RA CU SI

SDGs:



Pihak Berkepentingan:

CO

SDGs:



Pihak Berkepentingan:

SI CO

SDGs:



Ulasan Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



Prestasi Kumpulan pada tahun 2023 meneruskan trajektori berdaya tahan yang disokong oleh asas yang kukuh. Keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 meningkat tahun ke tahun sebanyak 4.8% kepada RM2.8 bilion, terutamanya didorong oleh pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih tinggi. Pulangan ke atas ekuiti ("ROE") bagi tahun kewangan kekal membanggakan pada 9.5%.

Phuah Shok Cheng

Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Jumlah pendapatan menurun sebanyak 4.8% tahun ke tahun kepada RM7.8 bilion terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih berkurang sebanyak 14.6% tahun ke tahun kepada RM5.5 bilion di sebalik kos pendanaan yang lebih tinggi. Penurunan ini dikurangkan dengan peningkatan pendapatan bukan berasaskan dana bersih sebanyak 30.3% tahun ke tahun kepada RM2.3 bilion yang sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan bersih ke atas pertukaran asing dan derivatif, perdagangan bersih dan pendapatan pelaburan dan pendapatan yuran.

Perbelanjaan operasi meningkat 2.3% tahun ke tahun kepada RM3.7 bilion, dibendung oleh disiplin yang teguh dalam pengoptimuman kos. Peningkatan unu terutamanya disebabkan oleh berkaitan Teknologi Maklumat ("IT") yang menjadi keutamaan kami untuk meningkatkan fokus pelanggan dan ketahanan IT.

ANALISIS PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Setakat 31 Disember 2023, kunci kira-kira dan kedudukan modal Kumpulan kekal teguh.

Jumlah aset berkembang 5.8% tahun ke tahun kepada RM328.7 bilion, menggambarkan pertumbuhan berdaya tahan Kumpulan. Aset bersih sesaham adalah pada RM7.20 dengan ekuiti pemegang saham berada pada RM30.9 bilion.

Pinjaman dan pembiayaan kasar Kumpulan berkembang pada kadar yang sihat sebanyak 4.8% tahun ke tahun kepada RM222.4 bilion, terutamanya disokong oleh Perbankan Komuniti dan Singapura Kumpulan. Pertumbuhan membuktikan komitmen Kumpulan untuk menawan peluang pasaran terutamanya dalam gadaai janji dan PKS, dan memenuhi keperluan pelanggan dengan berkesan dalam ruang komuniti.

Pinjaman terjejas kasar ("GIL") berada pada RM3.9 bilion setakat 31 Disember 2023 dengan nisbah GIL sebanyak 1.74%, berbanding dengan masing-masing pada RM3.3 bilion dan 1.55% setahun lalu. Nisbah perlindungan kecairan ("LLC") Kumpulan termasuk rizab kawal selia pada 106.2% setakat 31 Disember 2023. Kumpulan mengekalkan dasar pengunderaitan kredit yang berhemat dengan fokus kepada perlindungan pajakan, dengan itu melindungi peruntukan yang diperlukan.

Deposit pelanggan meningkat 7.9% tahun ke tahun kepada RM245.1 bilion, sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan dalam Runcit dan PKS; dan Singapura masing-masing 12.6% dan 36.9%. Komposisi Akaun Semasa dan Akaun Simpanan ("CASA") berada pada 27.9% manakala Nisbah Liptan Kecairan ("LCR") kami kekal kukuh pada 177.4% yang menunjukkan fokus berterusan Kumpulan untuk mengukuhkan asas deposit dan profil kecairan.

Nisbah kecukupan modal Kumpulan terus mempamerkan kedudukan modal yang kukuh dengan Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET-1") dan jumlah nisbah modal masing-masing pada 16.7% dan 19.4%. Nisbah yang kukuh ini jauh melebihi keperluan kawal selia dan membolehkan kami untuk menggunakan asas modal ini bagi peluang dan cabaran masa hadapan.

Ulasan Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

PRESTASI SEGMENT

Perbankan Komuniti Kumpulan



Mencatatkan peningkatan sebanyak 2.8% tahun ke tahun dalam keuntungan cukai sebelum kepada RM1.9 bilion, terutamanya didorong oleh dana bersih yang lebih tinggi dan ECL yang lebih rendah. Pinjaman dan pembiayaan kasar berkembang 5.8% tahun ke tahun kepada RM140.9 bilion terutamanya didorong oleh pertumbuhan gadai janji (+8.6%) dan PKS (+4.9%). Deposit meningkat sebanyak 12.6% tahun ke tahun kepada RM115.0 bilion, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan dalam deposit tetap (+21.5%).

Perbankan Borong Kumpulan



Mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.1 bilion, 19.1% lebih tinggi tahun ke tahun terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih tinggi dan masuk kira semula ECL. Pinjaman dan pembiayaan kasar menurun 3.1% kepada RM49.1 bilion namun dikurangkan dengan pertumbuhan berterusan dalam portfolio sekuriti sebanyak 17.7%. Deposit beralih daripada deposit tetap dan deposit masa pasaran wang ("MMTD") kepada akaun semasa.

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan



Berdepan dengan cabaran dalam persekitaran operasi, mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM182.6 juta berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM425.2 juta pada tahun lepas terutamanya disebabkan oleh ECL dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi. Operasi di Singapura kekal kukuh dengan keuntungan sebelum cukai RM170.8 juta dan pinjaman dan pendahuluan kasar serta deposit masing-masing berkembang sebanyak 17.5% dan 36.9% tahun ke tahun.

Perniagaan Syariah



Mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.1 bilion, lebih rendah sebanyak 1.0% tahun ke tahun terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih rendah dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi. Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 2.8% tahun ke tahun kepada RM84.0 bilion. Perniagaan Islamik menyumbang 44.3% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan kasar domestik Kumpulan.

Insurans Kumpulan



Mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM99.0 juta, peningkatan sebanyak 38.8% tahun ke tahun disebabkan oleh pendapatan pelaburan bersih yang lebih tinggi.

Prospek

Kami maju ke tahun 2024 dengan menjangkakan bahawa cabaran dalam landskap ekonomi global dan domestik akan berterusan.

Walau bagaimanapun, kami akan terus berusaha mencari peluang-peluang baharu. Dengan fokus strategik dan asas yang kukuh, kami berada pada kedudukan yang baik untuk mengemudi dinamik ini dengan berkesan.

Ketika Kumpulan bersedia sedia untuk merebut peluang dan menghadapi cabaran pada tahun 2024, kami berpegang teguh pada matlamat kami untuk memberikan kecemerlangan operasi, mengutamakan pelanggan dan inovasi bagi menempa kemajuan ke arah matlamat strategik bagi memastikan agar kami kekal relevan, berdaya tahan dan tangkas dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Phuah Shok Cheng

Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan


Rumusan Lima Tahun Kewangan

	2019	2020	2021	2022	2023
KEPUTUSAN OPERASI (RM juta)					
Keuntungan operasi elaun	3,670	3,799	4,266	4,554	4,081
Keuntungan sebelum cukai	3,394	2,644	3,529	4,133	3,753
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	2,482	2,033	2,618	2,678	2,806
DATA LEMBARAN IMBANGAN UTAMA (RM juta)					
Jumlah aset	257,592	271,150	289,541	310,752	328,692
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	176,175	186,114	198,512	212,200	222,416
Jumlah liabiliti	231,782	244,093	261,511	281,988	297,781
Deposit daripada pelanggan	190,555	203,471	218,733	227,160	245,083
Ekuiti pemegang saham	25,775	27,024	27,998	28,732	30,875
Komitmen dan kontigensi	150,428	157,480	157,777	206,796	246,063
MAKLUMAT SAHAM					
Dividen kasar sesaham (sen)	31.0	17.7	40.0	40.0	40.0
Aset bersih sesaham (RM)	6.4	6.7	6.8	6.8	7.2
Aset ketara bersih sesaham (RM)	5.6	5.9	5.9	6.0	6.4
Perolehan asas sesaham (sen)	61.9	50.7	64.7	64.0	65.7
Harga saham (RM)	5.78	5.45	5.37	5.79	5.45
Permodalan pasaran (RM juta)	23,178	21,855	22,247	24,592	23,361
NISBAH KEWANGAN (%)					
Nisbah Keuntungan					
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti	10.3	7.7	9.6	9.6	9.5
Pulangan bersih ke atas purata aset	1.0	0.8	0.9	0.9	0.9
Nisbah kos kepada pendapatan	48.0	47.1	45.2	44.2	47.5
Kualiti Aset					
Nisbah pinjaman kasar kepada deposit	92.5	91.5	90.8	93.4	90.8
Nisbah pinjaman terjejas kasar	1.97	1.71	1.49	1.55	1.74
Dividen					
Hasil dividen	5.4	3.2	7.4	6.9	7.3
Nisbah pembayaran dividen	50.1	34.8	62.9	63.2	61.1

Sorotan Lima Tahun Kewangan


KEUNTUNGAN BERSIH

(RM juta)




JUMLAH ASET


(RM juta)

PINJAMAN, PENDAHULUAN
DAN PEMBIAYAAN KASAR

(RM juta)


DEPOSIT DARIPADA
PELANGGAN

(RM juta)




EKUITI PEMEGANG SAHAM

(RM juta)





DIVIDEN BERSIH

(RM juta)





Analisis Segmen

JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN



- Perbankan Komuniti Kumpulan
- Perbankan Borong Kumpulan
- Perniagaan Antarabangsa Kumpulan
- Insurans Kumpulan

JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI





- Malaysia
- Luar Negara

Prestasi Suku Tahunan

	Suku Pertama (RM juta)	Suku Kedua (RM juta)	Suku Keempat (RM juta)	Suku Kelima (RM juta)	Jumlah (RM juta)
2023					
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,374	1,345	1,388	1,344	5,451
Pendapatan berasaskan bukan dana	534	534	572	680	2,320
Jumlah pendapatan	1,908	1,879	1,959	2,024	7,770
Keuntungan operasi sebelum elaun	1,051	936	1,051	1,043	4,081
Keuntungan sebelum cukai	1,005	1,063	879	806	3,753
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	762	809	650	586	2,806
Pendapatan sesaham (sen)	18 sen	19 sen	15 sen	14 sen	66 sen
Dividen sesaham (sen)	-	15 sen	-	25 sen	40 sen



	Suku Pertama (RM juta)	Suku Kedua (RM juta)	Suku Keempat (RM juta)	Suku Kelima (RM juta)	Jumlah (RM juta)
2022					
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,471	1,562	1,629	1,717	6,379
Pendapatan berasaskan bukan dana	382	348	528	522	1,780
Jumlah pendapatan	1,853	1,911	2,157	2,240	8,160
Keuntungan operasi sebelum elaun	1,022	1,051	1,225	1,256	4,554
Keuntungan sebelum cukai	868	1,012	1,032	1,220	4,133
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	582	630	695	771	2,678
Pendapatan sesaham (sen)	14 sen	15 sen	17 sen	18 sen	64 sen
Dividen sesaham (sen)	-	15 sen	-	25 sen	40 sen

JUMLAH ASET



- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan
- Portfolio Sekuriti
- Tunai dan dana jangka pendek
- Aset lain-lain pendek

JUMLAH LIABILITI & EKUITI



- Deposit daripada pelanggan
- Deposit dan penempatan bank serta institusi kewangan lain
- Pinjaman dan sekuriti hutang kana
- Obligasi subordinat
- Liabiliti lain-lain
- Ekuiti pemegang saham


Aset dan Liabiliti Berfaedah Utama

	Jumlah (RM juta)	Kadar faedah efektif (%)	Pendapatan/ perbelanjaan faedah (RM juta)
2023			
ASET PEROLEHAN FAEDAH			
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	15,034	4.16	479
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	3,718	3.73	55
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	47,977	3.72	1,622
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	28,215	3.96	918
Pinjaman kasar, pendahuluan dan pembiayaan	222,416	5.12	10,969
LIABILITI BERFAEDAH			
Deposit daripada pelanggan & deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	262,105	3.20	7,805
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad	4,332	3.56	162
Pinjaman/Obligasi subordinat/Sekuriti hutang kanan	12,657	3.51	352
2022			
ASET PEROLEHAN FAEDAH			
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	19,787	2.15	400
Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	3,089	3.44	51
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	38,974	3.23	1,360
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	27,007	3.61	750
Pinjaman kasar, pendahuluan dan pembiayaan	212,200	4.21	8,800
LIABILITI BERFAEDAH			
Deposit daripada pelanggan & deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	251,754	1.83	4,420
Obligasi rekursa ke atas pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad	4,787	3.15	92
Pinjaman/Obligasi subordinat/Sekuriti hutang kanan	8,184	3.11	235

Penyata Nilai Tambah

	2022 (RM juta)	2023 (RM juta)
NILAI TAMBAH		
Pendapatan faedah bersih	4,175	3,560
Pendapatan daripada perniagaan Perbankan Islam	2,398	2,366
Pendapatan tanpa faedah	1,587	1,844
Tolak: Overhed tidak termasuk kos warga kerja, susut nilai, pelunasan dan dihapus kira	(1,068)	(1,091)
Tolak: Peruntukan bagi kerugian kredit & rosot nilai	(421)	(302)
Nilai tambah tersedia untuk pengagihan	6,671	6,377

Pengagihan Nilai Tambah



Pengurusan Modal

GAMBARAN

Pendekatan pengurusan modal Kumpulan tertumpu kepada mengekalkan kedudukan modal yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan perniagaannya dan pada masa yang sama mengoptimalkan pulangan kepada para pemegang saham kami. Struktur dan rangka kerja modal yang dirangka bukan sahaja untuk memenuhi keperluan kawal selia tetapi juga untuk memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk para pemegang saham, pelabur, dan agensi penarafan.

Untuk tujuan ini, Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan ("CMF") telah diwujudkan untuk menyediakan pengawasan bersepadu ke atas aktiviti pengurusan modal kami. Pengawasan ini merangkumi fungsi risiko, kewangan dan perbendaharaan, memberi nilai yang lebih besar kepada perniagaan.

Prinsip-prinsip utama bagi CMF Kumpulan adalah seperti berikut:



**PRINSIP
PERTAMA**

Tadbir Urus Pengurusan Modal

Tadbir Urus Pengurusan Modal Proses tadbir urus untuk memantau aktiviti pengurusan modal telah dilaksanakan dan mentakrifkan dengan jelas peranan dan tanggungjawab dalam organisasi.



**PRINSIP
KEDUA**

Aktiviti Pengurusan Modal - Strategi Modal

Strategi modal diselaraskan dengan strategi perniagaan keseluruhan, profil risiko dan keperluan kawal selia.



**PRINSIP
KETIGA**

Aktiviti Pengurusan Modal - Perancangan Modal

Kumpulan telah merangka pelan modal yang komprehensif dan berpandangan ke hadapan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan memastikan kelestarian.



**PRINSIP
KEEMPAT**

Aktiviti Pengurusan Modal - Peruntukan Modal/ Penstrukturan/Pengoptimuman

Aktiviti pengurusan modal yang kukuh membolehkan Kumpulan menstrukturkan peruntukan modal dengan cekap di seluruh perniagaan dan entitinya untuk memaksimumkan pulangan dan mengoptimumkan penggunaan modal.



**PRINSIP
KELIMA**

Analitik Modal

Ini menyediakan pandangan untuk merangka strategi pengurusan modal Kumpulan dan membantu dalam menentukan keperluan bekalan dan permintaan modal.



**PRINSIP
KEENAM**

Pelaporan dan Pemantauan Modal

Ini adalah penting untuk memastikan penerbitan maklumat modal yang lengkap, tepat pada masanya dan betul untuk keputusan pihak pengurusan.

Pengurusan Modal

PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN MODAL

Pengurusan modal yang berkesan adalah penting untuk mengekalkan kelestarian perniagaan. Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya secara proaktif untuk memenuhi keperluan kawal selia dan jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, serta untuk menyokong objektif strategik perniagaannya.

Kumpulan mencapai objektif ini melalui Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam (“ICAAP”) tahunan, dan menerusnya kami memantau dan mengurus kedudukan modal secara aktif dalam tempoh tiga tahun, yang melibatkan aktiviti kritikal berikut:

1

Menetapkan sasaran modal dalam kedua-dua keadaan pasaran biasa dan tertekan

untuk semua syarikat subsidiari perbankan, pada peringkat Kumpulan dan entiti, dengan mengambil kira perubahan kawal selia yang dijangkakan pada masa hadapan dan jangkaan pihak berkepentingan;

2

Meramalkan permintaan modal

untuk risiko material berdasarkan selera risiko Kumpulan; dan

3

Menentukan keperluan

bagi penerbitan modal dan profil kematangan sekuriti modal.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (“BRC”) dan Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan (“GCRC”) bertanggungjawab untuk mengawasi proses perancangan dan penilaian modal dalam Kumpulan bagi memastikan Kumpulan dan syarikat subsidiarinya mengekalkan tahap dan kualiti modal yang sejajar dengan keseluruhan profil risiko dan strategi perniagaan Kumpulan.

INISIATIF MODAL SEPANJANG TAHUN

Kumpulan bertujuan untuk mengekalkan tahap modal yang mencukupi untuk memenuhi keperluan kawal selia pada setiap masa di samping menguruskan modal dengan stabil dan berhemat.

Inisiatif pengurusan modal utama yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

1

Obligasi Subordinat Tahap 2 patuh Basel III berjumlah RM500 juta

diterbitkan oleh RHB Bank pada Januari 2023 daripada RM5 bilion (atau yang setara dengannya dalam mata wang asing) Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang

PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN

Pada 25 Mei 2021, pewujudan pelan pelaburan semula dividen (“DRP”) bagi RHB Bank telah diluluskan oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”). DRP memberikan lebih fleksibiliti kepada para pemegang saham RHB Bank untuk melabur semula bahagian boleh dipilih dividen mereka ke dalam saham biasa RHB Bank dan pada masa yang sama mengekalkan modal untuk mengembangkan perniagaan dan menampung keperluan modal dalam keadaan tekanan.

DRP telah diaplikasikan pertama kalinya pada dividen akhir Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Kadar pelaburan semula dividen adalah memberangsangkan dengan kadar langganan DRP bermula dari 83.31% hingga 87.65% apabila dilaksanakan. Butiran terperinci DRP dikemukakan dalam Nota 33 dan pembayaran dividen dalam Nota 47 kepada Penyata Kewangan.

Pengurusan Modal

NISBAH KECUKUPAN MODAL

▶ KEPERLUAN MODAL MINIMUM

Di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (“Komponen Modal”) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (“Komponen Modal”) BNM, semua institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan kawal selia minimum Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 (“CET 1”), Modal Tahap 1 (“Tier 1”) dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 4.5%, 6.0% dan 8.0%.

▶ KEPERLUAN PENAMPAN MODAL

Institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan penamparan modal tambahan, iaitu Penamparan Pemuliharaan Modal (“CCB”) dan Modal Penamparan Kitaran Balas (“CCyB”), jauh melebihi nisbah modal minimum kawal selia. CCB bertujuan untuk membolehkan sistem perbankan untuk bertahan dalam tempoh tekanan masa depan dan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 2016 untuk mencapai sejumlah 2.5% pada tahun 2019.

CCyB adalah purata wajar kadar CCyB semasa yang digunakan dalam bidang kuasa di mana institusi kewangan mempunyai pendedahan kredit. Penamparan ini bertujuan untuk melindungi sektor perbankan secara keseluruhan daripada pertambahan risiko sistemik ketika peningkatan ekonomi apabila pertumbuhan kredit agregat cenderung ke arah berlebihan. Penggunaan CCyB melebihi nisbah modal minimum adalah dalam julat 0% hingga 2.5%. CCyB masih belum diumumkan, dan BNM akan memaklumkan sebarang keputusan mengenai kadar CCyB sehingga 12 bulan sebelum tarikh kadar tersebut digunakan.

Selain daripada CCB dan CCyB, BNM juga mengkehendaki institusi kewangan yang ditetapkan sebagai Bank Domestik Penting Secara Sistemik (“D-SIB”) untuk mengekalkan penamparan modal yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan modal kawal selia yang merangkumi keperluan Penyerapan Kerugian Tinggi (“HLA”). Keperluan HLA yang terpakai adalah antara 0.5% hingga 1.0% daripada aset berwujud risiko, pada tahap yang disatukan. Keperluan HLA bagi D-SIB yang ditetapkan telah berkuat kuasa pada 31 Januari 2021. RHB Bank tidak dikenal pasti sebagai D-SIB menurut penyenaraian D-SIB terkini yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Pertama Tahun 2022.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah modal yang berkaitan bagi entiti perbankan utama Kumpulan yang dikawal selia, yang kesemuanya jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan.

	Kumpulan Perbankan RHB	RHB Bank	RHB Islamic Bank	RHB Investment Group	RHB Investment Bank	Nisbah Minimum Pengawalseliaan ^{N1}
SETAKAT 31 DISEMBER 2023						
SEBELUM DIVIDEN:						
Nisbah CET 1	17.266%	16.053%	16.125%	44.297%	36.653%	7.000%
Nisbah Tahap 1	17.266%	16.053%	16.125%	44.328%	36.653%	8.500%
Jumlah Nisbah Modal	19.985%	19.067%	18.882%	47.701%	43.517%	10.500%
SELEPAS DIVIDEN:						
Nisbah CET 1	16.673%	15.222%	15.516%	42.528%	32.446%	7.000%
Nisbah Tahap 1	16.673%	15.222%	15.516%	42.560%	32.446%	8.500%
Jumlah Nisbah Modal	19.392%	18.236%	18.273%	45.932%	39.310%	10.500%

^{N1} Termasuk Penamparan Pemuliharaan Modal Sebanyak 2.50%.

Penarafan Kredit

RHB BANK BERHAD

RAM
Rating Services
Berhad

Institusi Kewangan
Jangka Panjang

AA1

Institusi Kewangan
Jangka Pendek

P1

Prospek

Stabil

Moody's
Investors
Service

Deposit Bank Jangka
Panjang

A3

Deposit Bank Jangka
Pendek

P-2

Penilaian Kredit
Garis Dasar

baa1

Prospek

Stabil

Standard &
Poor's Rating
Services

Institusi Kewangan
Jangka Panjang

BBB+

Institusi Kewangan
Jangka Pendek

A-2

Prospek

Stabil

RHB INVESTMENT BANK BERHAD

RAM
Rating Services
Berhad

Institusi Kewangan
Jangka Panjang

AA1

Institusi Kewangan
Jangka Pendek

P1

Prospek

Stabil

RHB ISLAMIC BANK BERHAD

RAM
Rating Services
Berhad

Institusi Kewangan
Jangka Panjang

AA1

Institusi Kewangan
Jangka Pendek

P1

Prospek

Stabil

Pengurusan Kunci Kira-kira

STRUKTUR KUNCI KIRA-KIRA

Pengurusan kunci kira-kira bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan dan meminimumkan kos melalui pengurusan aset dan liabiliti yang berkesan. Ia memerlukan semakan, pemantauan dan analisis mendalam secara tetap terhadap kedudukan kunci kira-kira untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang diinginkan dan memaksimumkan pulangan para pemegang saham, berlatarbelakangkan persekitaran kawal selia yang berubah-ubah serta landskap ekonomi dan perniagaan yang kompetitif.

Sinergi antara semua unit perniagaan dan fungsi keseluruhan Kumpulan adalah penting untuk memacu dan membentuk kedudukan kunci kira-kira yang optimum untuk Kumpulan melalui strategi yang dipersetujui. Strategi menyeluruh disemak dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("GALCO"), dengan pertimbangan yang teliti dibuat berhubung dengan selera risiko Kumpulan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai strategi kukuh yang dipacu oleh unit perniagaan dan fungsi untuk mencapai pengurusan kunci kira-kira yang berkesan.

Asas kunci kira-kira RHB terbina daripada ekuiti para pemegang saham, hutang jangka panjang dan deposit pelanggan teras. Melalui pengurusan kunci kira-kira yang strategik, portfolio sekuriti dan jumlah bersih pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan masing-masing meningkat sebanyak RM10.8 bilion dan RM11.2 bilion kepada RM79.9 bilion dan RM219.6 bilion setakat 31 Disember 2023. Pertumbuhan aset dicapai dengan penekanan yang lebih terhadap kualiti kredit

Strategi berhubung dengan pembiayaan, pemerolehan dan gabungan produk disemak secara tetap untuk memastikan kelestarian serta kecekapan kos. Usaha dan kerjasama yang berterusan antara pelbagai perniagaan telah menghasilkan pertumbuhan deposit pelanggan Kumpulan sebanyak 7.9% tahun ke tahun (Disember 2022: 3.9%), walaupun persaingan pasaran untuk deposit semakin sengit dalam TK2023 dalam persekitaran peningkatan kadar faedah.

Asas deposit dan hutang jangka panjang kami yang stabil merupakan sumber dana utama untuk menyokong pertumbuhan aset. Kepelbagaian sumber deposit dan pembiayaan telah menjadi strategi jangka panjang kami yang berterusan. Pemerolehan deposit daripada perbankan komuniti, termasuk perniagaan runcit, PKS dan borong diuruskan melalui hubungan kukuh kami dengan para pelanggan dan peningkatan tumpuan kami kepada saluran digital.

Jadual di bawah menunjukkan struktur pembiayaan aset setakat 31 Disember 2023.



Perhubungan Pelabur

Kumpulan komited untuk memastikan bahawa maklumat mengenai strategi korporat dan prestasi kewangan dikongsi dengan pelabur dan pihak berkepentingan tepat pada masanya dan dengan jelas.

Kami percaya bahawa mengekalkan interaksi berterusan dan komunikasi terbuka dengan pihak berkepentingan kami adalah penting untuk memupuk kepercayaan dan persefahaman bersama dengan Syarikat dan pihak berkepentingan.

Unit hubungan pelabur khusus Kumpulan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan komunikasi dengan pihak berkepentingan kewangan utama, seperti pemegang saham institusi, penganalisis kewangan, pengurus dana, dan agensi penarafan kredit. Pelbagai saluran komunikasi digunakan, termasuk mesyuarat bersemuka dan berkumpulan, persidangan, jerayawara,, panggilan persidangan, emel, dan laman sesawang korporat.

Berikutan dengan pengumuman keputusan kewangan diterbitkan di Bursa Malaysia, Kumpulan juga menganjurkan pembentangan dan panggilan persidangan. Pelbagai saluran komunikasi awam, seperti perkhidmatan berita bursa saham, laman sesawang korporat, perkhidmatan berita elektronik, dan perkhidmatan pengedaran berita, digunakan untuk menyiarkan siaran akhbar.

Laman sesawang korporat Kumpulan merupakan repositori bagi data kewangan terkini dan arkib serta maklumat relevan lain, termasuk laporan kewangan.

Pada tahun 2023, kami meneruskan penglibatan kami dengan komuniti pelaburan melalui persidangan dan mesyuarat dengan pelabur tempatan dan asing. Platform maya terus menjadi wahana komunikasi utama Perhubungan Pelabur sepanjang tahun.

▼	▼
2022	2023
50 mesyuarat	39 mesyuarat
642 peserta	466 peserta

IR melaksanakan:

- Taklimat Penganalisis untuk Pengumuman Keputusan Kewangan

Laman sesawang korporat: www.rhbgroup.com
 Email: investor.relations@rhbgroup.com

PENGUMUMAN KEPUTUSAN KEWANGAN ▼

27 Februari 2023 > Keputusan RHB Bank TK2022

26 Mei 2023 > Keputusan RHB Bank 1S23

29 Ogos 2023 > Keputusan RHB Bank 2S23

27 November 2023 > Keputusan RHB Bank 3S23

* Semua taklimat penganalisis pada tahun 2023 dilaksanakan secara maya.

PERSIDANGAN ▼

6 Jan 2023 > Forum Kewangan ASEAN JP Morgan 2023

9 Mac 2023 > Forum CLSA ASEAN 2023

6 Jun 2023 > Lawatan Bank-bank Asean Macquarie

22 Sep 2023 > Forum Kewangan ASEAN JP Morgan 2023

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Lembaga Pengarah menggalakkan para pemegang saham untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan yang dipaparkan dalam Laporan Bersepadu ini, di mana mereka berpeluang mengemukakan soalan-soalan kepada Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan pengerusi pelbagai jawatankuasa.

Perhubungan Pelabur

SENARAI LIPUTAN PENGANALISIS

- 1 Affin Hwang Investment Bank
- 2 AmResearch
- 3 CGS-CIMB Securities
- 4 Citi Investment Research
- 5 CLSA Securities
- 6 Hong Leong Investment Bank
- 7 JP Morgan Securities
- 8 KAF-Seagroatt & Campbell Securities
- 9 Kenanga Investment Bank
- 10 Macquarie Research
- 11 Maybank Investment Bank
- 12 MIDF Amanah Investment Bank
- 13 Nomura Research
- 14 TA Securities
- 15 UBS Securities
- 16 UOB Kay Hian

Bidang Fokus

▶ STRATEGI KESELURUHAN

- Strategi TWP24 - kemas kini kemajuan dan cabaran utama
- Penggabungan & Pemerolehan, peluang pelupusan untuk RHB dan penyatuan keseluruhan industri perbankan
- Strategi untuk mencapai sasaran pulangan ke atas ekuiti
- Prospek makroekonomi dan perbankan
- Kemas kini Rangka Kerja ESG
- Lesen Perbankan Digital - Strategi teras dan kemas kini kemajuan
- Pengewangan sekuriti pendapatan tetap
- Pelan pengoptimuman cawangan

▶ PINJAMAN

- Pemacu utama pertumbuhan pinjaman
- Gadai Janji
- PKS
- Operasi Singapura

▶ PENGURUSAN KOS

- Pengurusan perbelanjaan IT dan Digital
- Penambahbaikan nisbah kos-kepada-pendapatan

▶ KUALITI ASET

- Garis panduan kos kredit
- Penyusunan & penjadualan semula akaun
- Pendedahan kepada sektor-sektor lemah
- Potensi dalam pembentukan pinjaman terjejas
- Pelan untuk menambah baik Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman

▶ LIKUIDITI & PENDANAAN

- Tinjauan deposit
- Pertumbuhan CASA
- Tinjauan margin faedah bersih dan arah tuju Kadar Dasar Semalaman (OPR)
- Kemas kini inisiatif Mysiswa

▶ PELAN PENGURUSAN MODAL

- Tinjauan nisbah pembayaran dividen masa hadapan
- Nisbah modal sasaran



Perbankan Komuniti Kumpulan



Perbankan Komuniti Kumpulan ("GCB") menunjukkan prestasi yang kukuh walaupun komuniti yang menerima khidmat kami menghadapi tahun yang mencabar. Pinjaman dan deposit kami menunjukkan pertumbuhan ketara masing-masing pada 5.8% dan 12.6% tahun ke tahun. Langkah-langkah proaktif untuk menguruskan aset pinjaman runcit kami meletakkan kualiti aset kami dalam kedudukan yang lebih baik daripada pasaran pada 0.94% berbanding dengan 1.34%. Kami terus menyokong pelanggan PKS dan Runcit kami untuk mencapai matlamat kewangan mereka dan menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan Kumpulan.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Komuniti Kumpulan terdiri daripada segmen Perbankan Runcit dan Perbankan PKS Kumpulan. Kami memberi perkhidmatan kepada lebih 4.4 juta pelanggan individu dan lebih daripada 210,000 perniagaan, menawarkan pelbagai penyelesaian pengguna konvensional dan patuh Syariah dan perbankan PKS.

Segmen Perbankan Runcit kami menyediakan penyelesaian perbankan pengguna, termasuk Pengurusan Kekayaan, Bankasurans, Gadai Janji, Pembiayaan Auto, Pembiayaan ASB, Pembiayaan Peribadi, Pembayaran Kad Kredit dan Deposit, manakala segmen Perbankan PKS kami menawarkan penyelesaian pembiayaan perniagaan yang disesuaikan dengan PKS dan perniagaan yang dikendalikan oleh keluarga.


PRESTASI KEWANGAN KAMI

Perbankan Komuniti Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.9 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan berasaskan dana bersih dan penurunan dalam kerugian kredit dijangka ("ECL"). Terdapat peningkatan tahunan sebanyak 5.8% dalam pinjaman dan pembiayaan kasar yang mencecah RM140.9 bilion, dengan pertumbuhan ketara dalam pembiayaan peribadi (8.3%), kad kredit (+14.1%), pembiayaan auto (+7.8%), dan gadai janji (+8.6%). Tahun ke tahun, deposit menunjukkan peningkatan sebanyak 12.6% kepada RM115.0 bilion, dengan lonjakan deposit tetap (+21.5%) menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ini.

Kunci Kira-kira


PINJAMAN KASAR

(RM bilion)



DEPOSIT DARIPADA PELANGGAN


(RM bilion)



Penyata Pendapatan


JUMLAH PENDAPATAN

(RM juta)



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

(RM juta)



Perbankan Komuniti Kumpulan

PRESTASI STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MEWAH MASSA - MENCIPTA SARANAN YANG MENGUNTUNGKAN

Inisiatif Kami

- Meluaskan pangkalan pelanggan semasa melalui saranan nilai yang menambat hati
- Melaksanakan hiper-personalisasi untuk menawarkan penyelesaian tersuai yang selaras dengan persona pelanggan individu pada setiap peringkat dan interaksi kehidupan mereka
- Menggunakan model perkhidmatan digital yang berkesan dari segi kos untuk pelanggan

Hasil

- Pelanggan Mewah Massa: **348,000 (+8.3% YoY)**
- Jumlah Deposit dan AUM Kekayaan: **RM11.5 bilion (+3.3% YoY)**
- Jumlah Pinjaman Bercagar dan Tidak Bercagar: **RM28.8 bilion (+10.8% YoY)**

▶ MATLAMAT TWP24: KEKAYAAN - MENJADI PENYEDIA KEKAYAAN MENYELURUH

Inisiatif Kami

- Mentransformasikan saranan kekayaan kami daripada pendekatan berpusatkan produk kepada khidmat nasihat, penjualan didorong oleh keperluan didorong oleh keperluan dengan meningkatkan kemahiran pasukan jualan kami
- Meningkatkan pertumbuhan dengan menggunakan penyelesaian dan strategi khusus segmen yang memanfaatkan kuasa pendigitalan dan analisis data
- Menjadi penasihat pilihan Pengurusan Kekayaan Islamik dengan memperkenalkan rangkaian komprehensif produk dan perkhidmatan

Hasil

- Jumlah Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") Kekayaan (termasuk Bankasurans): **RM4.4 bilion (+9.2% YoY)**
yang mana:
AUM Kekayaan Islamik termasuk Bankasurans: **RM705 juta**
- Pelanggan Mewah: **156,000 (+1.7% YoY)**
- Deposit Mewah dan AUM Kekayaan: **RM62.1 bilion (+14.6% YoY)**

▶ MATLAMAT TWP24: PKS - MEMBINA KEPAKARAN BERSEKTOR DAN MELUASKAN EKOSISTEM

Inisiatif Kami

- Mengembangkan segmen PKS Runcit melalui pendigitalan dan penawaran tersuai
- Pengembangan strategik segmen pasaran pertengahan dengan menggunakan hiper-personalisasi dalam sektor-sektor strategik
- Peningkatan Penonjolan Ekosistem oleh suai tugas digital yang lancar, mengukuhkan ekosistem dan mengewangkan ekosistem rakan niaga

Hasil

- Jumlah Pinjaman: **RM27.6 bilion (+4.9% YoY)**
- Bahagian Pasaran (Perbankan PKS)¹: **7.7%**
- Jumlah Deposit: **RM34.2 bilion (+11.9% YoY)**

▶ MATLAMAT TWP24: TRANSFORMASI DIGITAL - MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN DAN KEBOLEHCAPAIAN MELALUI PENAMBAHBAIKAN PLATFORM DAN MEMPERKEMAS SUAI TUGAS

Inisiatif Kami

- Menamatkan platform RHB Now dan beralih kepada platform RHB Online dan Mobile Banking untuk memastikan pengalaman pelanggan lancar
- Menambah baik ciri-ciri dan memperkemas proses suai tugas digital secara berterusan, menghasilkan peningkatan penggunaan dan penembusan digital di kalangan pelanggan

Hasil

- RHB Online dan Mobile Banking:
 - Pengguna digital: **2.5 juta (+43.9% YoY)**
 - Kadar penembusan²: **88.9% (+15.3% YoY)**
- Komposisi jualan dijana melalui saluran digital³: **63.4% (RM8.1 bilion)**

Nota:

¹ Bahagian pasaran PKS: Berdasarkan takrifan PKS yang berbeza daripada takrifan Bank Negara Malaysia mengenai PKS.

² Kadar penembusan: Berbanding dengan aras layak.

³ Jualan digital: Merujuk kepada gadai janji, pembiayaan peribadi (bukan potongan pada sumber) dan cashxcess sahaja.

Perbankan Komuniti Kumpulan

ANUGERAH & PENGHARGAAN

Anugerah Perbankan Asia & Perbankan Runcit Kewangan 2023



Bank Runcit Domestik Tahun 2023

Malaysia



Inisiatif Produk Millennial Tahun 2023

Malaysia

Anugerah Institusi Kewangan Terbaik Tahunan Asia Tenggara ke-17 2023



Bank Digital Terbaik di Malaysia

Anugerah Trailblazer Ahli Perbankan Runcit Antarabangsa Asia 2023



Kecemerlangan dalam Perbankan PKS



Penawaran Gadai Janji Terbaik



Menawarkan Inisiatif Kad Debit Terbaik



Kecemerlangan dalam Proses Asal Pinjaman



Trailblazing Penggunaan AI atau Pembelajaran Mesin dalam Perkhidmatan Kewangan



Prospek

Kami akan terus memberi tumpuan kepada menggalakkan kewangan mampan, terutamanya dalam kalangan PKS.

Selaras dengan ini, kami berhasrat untuk menerajui dalam usaha memupuk dan memudahkan peralihan PKS kepada amalan karbon rendah melalui perkongsian strategik, dan memanfaatkan Kemudahan Peralihan Rendah Karbon ("LCTF") BNM, dan menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional ("NETR").

Kami akan meningkatkan usaha kami untuk mengembangkan pendapatan bukan faedah dan mempercepatkan transformasi digital kami untuk menyediakan akses yang lebih besar dan mencapai kecekapan operasi.

Perbankan Borong Kumpulan

Perbankan Pelaburan Kumpulan



Perbankan Borong Kumpulan (“GWB”) merangkumi beberapa segmen perniagaan utama RHB termasuk Perbankan Pelaburan, Perbankan Korporat, Perbankan Komersial, Perbendaharaan dan Pasaran Global, Pengurusan Aset, dan Perbankan Transaksi. Disokong oleh pasukan Penyelidikan dan Ekonomi RHB, GWB menawarkan perkhidmatan komprehensif dan menyeluruh meliputi pelbagai produk penyelesaian pembiayaan serta khidmat nasihat untuk memenuhi keperluan klien di Malaysia dan serantau yang lebih luas. Memanfaatkan gabungan kepakaran dan potensi sinergi merentas segmen perniagaan, kami memudahkan kemajuan klien manakala membuka peluang baharu dan memperkukuh kehadiran pasaran.

Dalam persekitaran operasi yang mencabar, GWB mencapai peningkatan keuntungan sebelum cukai 19.1% tahun ke tahun (“YoY”) terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih tinggi dan masuk kira semula kerugian kredit dijangka (“ECL”). Pinjaman kasar dan aset menurun sedikit sebanyak 0.3% kepada RM57.2 bilion dan deposit menguncup sebanyak 4.4% tahun ke tahun kepada RM92.8 bilion daripada deposit tetap yang lebih rendah. Bagaimanapun, kami mencatatkan pertumbuhan Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (“CASA”) yang kukuh merentas portfolio Korporat dan Komersial kami.

Perbankan Pelaburan Kumpulan

Pada tahun 2023, para pelabur mengamalkan pendekatan berhati-hati memandangkan tanda-tanda pemulihan beransur-ansur menjadi ketara dalam suasana pemulihan yang perlahan. Meskipun menghadapi cabaran makroekonomi, Perbankan Pelaburan Kumpulan mengekalkan daya saingnya dengan memupuk hubungan pelanggan yang kukuh. Kami berjaya mengekalkan kedudukan utama dalam Bon Ringgit, Sukuk, Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A), dan Waran Panggilan. Di samping itu, kami memperoleh kedudukan 5 Teratas dalam Pembrokeran Ekuiti dan memainkan peranan penting dalam beberapa transaksi Pasaran Modal Hutang dan Ekuiti yang perlu diberikan perhatian. Pencapaian kami dan nilai yang kami sampaikan kepada pelanggan dicapai melalui kerjasama yang berkesan merentas pelbagai unit perniagaan Perbankan Borong Kumpulan.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Pelaburan Kumpulan menawarkan rangkaian produk pasaran modal yang lengkap, seperti Pasaran Modal Hutang (“DCM”), Pasaran Modal Ekuiti (“ECM”), Kewangan Korporat (“CF”), khidmat nasihat Penggabungan & Pengambilalihan (“M&A”) dan produk pelaburan Modal Besar dan Modal Sederhana, konglomerat, serta Kerajaan dan syarikat dan agensi berkaitan Kerajaan di rantau ini. Aktiviti pengumpulan dana kami di pasaran utama termasuk instrumen ekuiti dan berkaitan ekuiti, bon, dan pelbagai instrumen hutang. Di pasaran sekunder, kami menawarkan platform perdagangan dan pembrokeran ekuiti bersepadu untuk pelanggan institusi dan runcit. Di samping itu, kami menyediakan idea dan produk pelaburan berstruktur untuk pelanggan runcit dan korporat. Sejalan dengan strategi korporat **Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024** (“TWP24”) Kumpulan, Perbankan Pelaburan Kumpulan berusaha untuk mengekalkan kedudukan kepimpinan 3 Teratas dalam perbankan pelaburan di Malaysia dengan menyediakan penyelesaian yang relevan kepada pelanggan kami.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

Dalam keadaan makroekonomi dan geopolitik yang mencabar, kami tetap komited untuk melaksanakan matlamat strategik kami dalam pemacuan daya saing dan penyampaian nilai kepada pelanggan secara konsisten merentas semua produk, sejajar dengan strategi korporat TWP24 Kumpulan.

Kami telah mengekalkan kepimpinan pasaran kami dan mengesahkan pencapaian penting, terutamanya dalam ruang Sukuk, Ekuiti, dan Pembrokeran Ekuiti. Kejayaan ini juga digambarkan dalam kedudukan kami yang lebih baik dengan dana utama, membawa kepada peningkatan bahagian peruntukan perdagangan. Dari segi komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”), kami telah berjaya menyelesaikan pelbagai tawaran dalam Ekuiti, Nasihat dan penerbitan Sukuk Berkaitan Kelestarian dan Nota Jangka Sederhana Islamik Kelestarian (“IMTN”).

Keuntungan Sebelum
Cukai bagi tahun 2023

RM73.9
juta

2022: RM27.3 juta

	2022		2023	
	Bahagian	Pasaran	Bahagian	Pasaran
Bon	3	18.1%	3	17.2%
Sukuk	3	18.4%	3	19.8%
Ekuiti (Pasaran Modal Ekuiti)	3	6.6%	3	9.7%
Penggabungan dan Pengambilalihan	1	33.3%	4	9.2%
Pembrokeran Ekuiti	6	6.8%	5	6.8%
Waran	3	19.1%	3	15.2%

Sumber: Bloomberg, Dealogic, RHBIB, berdasarkan nilai untuk Malaysia.

PENCAPAIAN STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MENINGKATKAN MODEL HUBUNGAN PELANGGAN DI SEMUA PASARAN

Inisiatif Kami

Menyampaikan Penyelesaian Borong Holistik melalui hab dan berurusan rundingan rentas sempadan.

Hasil

Menyelesaikan banyak penerbitan bon rentas sempadan, Khidmat Nasihat dan rundingan Pembiayaan yang dilaksanakan secara bersama oleh pasukan serantau kami di Singapura, Thailand, Indonesia dan Malaysia.

▶ MATLAMAT TWP24: TRANSFORMASI SALURAN DIGITAL UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PERBANKAN DAN PELABURAN

Inisiatif Kami

Indonesia

Menggalakkan kesedaran tentang ciri nasihat robo (Smart) kami yang telah dilancarkan pada tahun 2022 melalui kempen promosi dan menyebarkan kesedaran Waran Berstruktur sebagai perintis pasaran melalui penglibatan digital dan di lapangan. Pada September 2022, RHB menjadi bank pertama melancarkan waran berstruktur di Indonesia.

Serantau

Menyampaikan penambahbaikan sistem yang akan membuka jalan kepada tawaran produk yang lebih menarik kepada para pelanggan kami.

Hasil

Kedudukan Pertama dalam Ranking 2023 Waran Berstruktur (berdasarkan terbitan) di Bursa Saham Indonesia ("IDX")

Malaysia – Melancarkan Pembiayaan Margin Saham ("SMF") untuk Bursa Singapura dan Indeks Komposit Hang Seng.

Thailand – Pelanggan kini boleh berdagang dan melabur di Bursa Saham Thailand ("SET") dan IDX secara terus melalui platform RHB TradeSmart kami di versi web dan mudah alih.

Cambodia – Melancarkan ciri eKYC pada November 2023 untuk perniagaan pembrokeran runcit kami.

Indonesia – Melaksanakan sistem pembuatan pasaran automasi dan sistem pejabat pentadbiran baharu untuk menyokong tawaran waran berstruktur kami offerings.

▶ MATLAMAT TWP24 : MEMPERKASAKAN INISIATIF ESG MERENTAS KUMPULAN

Inisiatif Kami

Mengembangkan perniagaan pasaran modal ESG dalam DCM, M&A/penasihat CF dan ECM.

Hasil

Mencipta lebih daripada RM2.0 bilion tawaran pasaran modal lestari terdiri daripada Ekuiti, Khidmat Nasihat, terbitan Sukuk Berkaitan Kelestarian dan Kelestarian IMTN

Perbankan Borong Kumpulan
Perbankan Pelaburan Kumpulan

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Undian Broker AsiaMoney 2023 (sebahagian daripada Euromoney) – Pembrokeran



Malaysia

- Naib Johan - Pasukan Penyelidik Bertema Terbaik
- Naib Johan - Pasukan Penyelidik Terbaik bagi Permodalan Kecil/Sederhana
- Naib Johan - Pasukan Penyelidik Terbaik bagi Tenaga, Material, Harta Tanah, Kasino & Permainan
- Pemenang Tempat ke-3 - Pembrokeran Domestik Terbaik untuk Jualan dan Penyelidikan
- Pemenang Tempat ke-3 - Pasukan Penyelidikan Terbaik untuk Barangan Pengguna, Pengangkutan, Utiliti



Thailand

- Pemenang Tempat ke-3 - Pasukan Penyelidik Terbaik untuk ESG

Undian Runcit AsiaMoney 2023 (sebahagian daripada Euromoney) - Broker



Malaysia

- Johan - Pengulas Runcit Terbaik
- Naib Johan - Pengulas Runcit Terbaik
- Naib Johan - Analisis terbaik untuk Kasino & Permainan, Tenaga, Harta Tanah, Pengangkutan
- Pemenang Tempat ke-3 - Analisis Terbaik untuk Permodalan Kecil/Sederhana, Utiliti



Thailand

- Pemenang Tempat ke-3 - Analisis terbaik untuk ESG

Anugerah Tahunan Ke-17 Rundingan & Penyelesaian Terbaik The Alpha SEA 2023



Rumah Bon Paling Baik 2023

- > Bank Pelaburan RHB

Meja Liga Pasaran Kewangan Bank Negara Malaysia 2022



Pasaran Bon Korporat Sekunder mengikut Instrumen

- > Bon Korporat – Bank Pelaburan RHB – Kedudukan No.1 (4 tahun berturut-turut)
- > Bon Korporat – Bank Pelaburan RHB – Kedudukan No.1 (3 tahun berturut-turut)

Anugerah Kewangan & Perbankan Korporat & Perbankan Pelaburan Asian 2023



Urus Niaga Hutang 2023 - Malaysia

- > Projek Lebuhraya Usahama Berhad
Penasihat Kewangan Bersama, Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama dan Ejen Solitasi Persetujuan Bersama



Projek Urus Niaga Infrastruktur Kewangan Tahunan Terbaik - Malaysia

- > Sarawak Petchem Sdn Bhd
Penasihat Kewangan, Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama dan Pengurus Utama Bersama

Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A 2023



Sukuk Korporat Terbaik – Pelaburan di Malaysia

- > Sukuk Murabaha MMC Port Holdings' bernilai RM1.0 bilion
Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama, Bookrunner dan Pengurus



Sukuk Kewangan Kelestarian & Sukuk berkaitan Kelestarian terbaik di Malaysia

- > Sukuk Wakala berkaitan Kelestarian Cenviro bernilai RM82.8 juta
Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama dan Pengurus Utama

Anugerah Meja Liga MARC Pengurus Utama 2022



- > Naib Johan – Bilangan Terbitan (Konvensional & Islamik)



- > Naib Johan Bersama – Pengiraan Terbitan (Konvensional & Islamik)



Perbankan Borong Kumpulan

Perbankan Korporat Kumpulan

Perbankan Korporat Kumpulan

Pada tahun 2023, kami mengukuhkan lagi kepercayaan berdasarkan rekod prestasi pengalaman pelanggan yang cemerlang. Pertumbuhan yang bertanggungjawab merupakan pendorong utama dalam mengekalkan kedudukan teratas di kalangan pemberi pinjaman korporat terkemuka di Malaysia. Dengan meningkatkan jejak kami di seluruh rantau ini, kami secara strategik mengembangkan pasaran di negara seperti Singapura, sambil turut menyokong pelanggan kami di negara yang mereka beroperasi. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan kami memanfaatkan pangkalan pelanggan sedia ada kami tetapi juga untuk menarik pelanggan baharu ke bank.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Korporat Kumpulan menyediakan penyelesaian pembiayaan konvensional dan patuh Syariah yang komprehensif kepada klien korporat yang tersenarai di bursa saham tempatan dan/atau antarabangsa. Penyelesaian kewangan ini termasuk pendanaan modal kerja, pembiayaan perdagangan, perlindungan nilai mata wang asing, pembiayaan projek, sindiket serta pendanaan bagi urusan korporat. Jangkauan kami merentas Asia Tenggara untuk menyokong pertumbuhan serantau pelanggan.

Perniagaan ini menyediakan pembiayaan berstruktur yang direka khas serta cadangan nilai yang menang-menang untuk memenuhi keperluan pelanggan dan untuk maju bersama seiring dengan matlamat Kumpulan.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

Pada tahun 2023, Perbankan Korporat Kumpulan terus menjana nilai untuk Kumpulan, didorong oleh peningkatan keuntungan yang disokong oleh kualiti aset yang sihat. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan sebanyak 1.2% tahun ke tahun ("YoY") dalam pinjaman kasar dan aset, disebabkan oleh kelembapan dalam pertumbuhan pinjaman apabila korporat utama meneroka saluran pembiayaan alternatif sebagai tindak balas kepada kenaikan kadar faedah, yang diburukkan lagi oleh penyelesaian pinjaman yang pramatang.

Disebalik landskap kewangan yang kompetitif pada 2023, deposit korporat menyaksikan pertumbuhan 1.6% tahun ke tahun. Tumpuan kami kekal pada pemerolehan CASA untuk deposit kos rendah, yang menghasilkan pertumbuhan YoY sebanyak 52.2%. Kekukuhan kualiti aset kami dikekalkan, dengan nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") sebanyak 2.03%, penambahbaikan daripada 2.36% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

PINJAMAN KASAR & ASET

(RM bilion)



JUMLAH PENDAPATAN


(RM juta)



Perbankan Borong Kumpulan
Perbankan Korporat Kumpulan

CASA

(RM bilion)



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

(RM juta)



Nota:
Maklumat di atas mewakili perniagaan domestik sahaja

PENCAPAIAN STRATEGIK KAMI

▶ **MATLAMAT TWP24: MENAMBAH BAIK MODEL HUBUNGAN PELANGGAN DALAM SEMUA PASARAN**

Inisiatif Kami

- Memperhalusi model perhubungan pelanggan kami untuk memperkukuhkan lagi hubungan melangkaui jangkaan pelanggan, memanfaatkan sinergi dalam Model Perbankan Borong Kumpulan.
- Penandaan yang jelas bagi pelanggan dalam Kumpulan untuk menggalakkan lagi akauntabiliti dan pemilihan.

Hasil

Jumlah pendapatan bertambah baik sebanyak 9.1% tahun ke tahun kepada RM931 juta.

Pegangan produk Kumpulan untuk syarikat tersenarai awam bermodal besar, sederhana dan kecil bertambah baik, masing-masing 4%, 2% dan 2%.

Skor Promoter Bersih ("NPS") merekodkan penambahbaikan sebanyak +1 dan berjaya mencapai kedudukan nombor 2 dalam segmen Korporat.

▶ **MATLAMAT TWP24: MEMPERKASA INISIATIF ESG MERENTAS KUMPULAN**

Inisiatif Kami

- Peningkatan pengetahuan & pembinaan keupayaan dalam Perbankan Korporat Kumpulan melalui kerjasama dengan Akademi RHB dan pasukan Kelestarian Kumpulan serta penyertaan aktif dalam seminar berkaitan kelestarian luaran dan platform perkongsian pengetahuan.
- Peserta utama dalam Strategi & Laluan Dekarbonisasi Sifar Bersih Bank untuk sektor utama dengan matlamat untuk melengkapkan dan menambah baik Unit Perniagaan dengan pengetahuan dan pemahaman untuk merebut peluang dalam perkhidmatan kewangan berkaitan iklim

Hasil

Mencapai penerimaan jualan pinjaman ESG sebanyak RM440 juta dalam TK2023.

Kami berada di bawah sasaran tahun penuh sebanyak RM535 juta berikutan perbezaan masa.



Perbankan Borong Kumpulan

Perbankan Komersil

Perbankan Komersil

Pada tahun 2023, dengan keadaan kembali ke tahap normal pasca-pandemik, kami menyaksikan penstabilan selanjutnya dalam aktiviti ekonomi, terutamanya untuk sektor-sektor yang sebelum ini terkesan seperti hospitaliti, peruncitan dan pembangunan hartanah. Namun begitu, cabaran baharu muncul iaitu inflasi yang pesat, yang mendorong kepada pengetatan monetari dan ketidaktentuan dalam pertukaran kadar matawang. Perbankan Komersial berterusan menyokong pelanggan kami untuk mengharungi cabaran sepanjang rintangan makroekonomi dengan matlamat untuk mengurangkan kesan ke atas operasi pelanggan kami dan kekukuhan kewangan memastikan daya tahan dalam menghadapi anjakan ekonomi yang berterusan ini.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbankan Komersial menyediakan perkhidmatan kewangan kepada syarikat bersaiz sederhana, iaitu syarikat yang berada pada kedudukan antara syarikat korporat dan PKS yang besar. Kami menyediakan penyelesaian yang holistik merentasi rangkaian produk, yang direka untuk keperluan pengembangan perniagaan pelanggan kami, memanfaatkan kepakaran kolektif dalam Perbankan Borong Kumpulan.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

Pada tahun 2023, kami memberi tumpuan secara strategik kepada segmen pelanggan Komersial dan ia telah terbukti berhasil, seperti yang dibuktikan oleh peningkatan sebanyak 5.6% dalam pinjaman kasar & aset serta peningkatan 6.5% dalam jumlah pendapatan. Di samping itu, pertumbuhan CASA juga memberangsangkan, merekodkan pengembangan 21.2% tahun ke tahun daripada RM1.4 bilion kepada RM1.7 bilion.

PINJAMAN KASAR & ASET

(RM bilion)



JUMLAH PENDAPATAN

(RM juta)




CASA

(RM bilion)



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

(RM juta)



Nota:

Maklumat di atas mewakili perniagaan domestik sahaja

PENCAPAIAN STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MENAMBAH BAIK MODEL HUBUNGAN PELANGGAN DALAM SEMUA PASARAN

Inisiatif Kami

- Perancangan akaun berstruktur dengan pakar produk, mengenal pasti bidang untuk menyokong perniagaan pelanggan.
- Pertumbuhan dalam industri yang dikenal pasti dipercepatkan serta mengembangkan kehadiran pada peringkat serantau.
- Menyasarkan akaun kecil dan yang kurang mendapat perhatian, yang beroperasi dalam sektor pertumbuhan tinggi untuk meningkatkan asas pinjaman dan deposit.
- Mengupah pakar industri untuk memacu pertumbuhan sektor pinjaman.

Hasil

Pinjaman kasar dan aset berkembang sebanyak 5.6%.
Memperoleh 14 pelanggan Syarikat Tersenarai Awam (PLC) baharu.
Melibatkan Pakar Perladangan dan Pakar Penjagaan Kesihatan.
Skor Promoter Bersih ("NPS") merekodkan penambahbaikan sebanyak +7 dan mencapai ranking pertama dalam segmen Komersil.

▶ MATLAMAT TWP24: MEMPERKASA INISIATIF ESG MERENTAS KUMPULAN

Inisiatif Kami

- Sesi Perkongsian Jumaat untuk RMs membincangkan perkara-perkara ESG.
- Pengurus Perhubungan mengambil bahagian dalam sesi latihan ESG yang dianjurkan Akademi RHB.
- Melancarkan buku permainan pengurus perhubungan untuk 10 sektor yang menyediakan panduan untuk RM dalam perbualan mereka dengan pelanggan.

Hasil

Mencapai sasaran penerimaan jualan pinjaman ESG sebanyak RM452 juta untuk TK2023, mengatasi sasaran tahun penuh sebanyak RM280 juta dan pencapaian tahun terdahulu sebanyak RM306 juta.



Prospek

Kami optimis tentang prospek ekonomi dan pasaran pada tahun 2024, didorong oleh cabaran global yang semakin mereda, pelarasan jangkaan dasar monetari Rizab Persekutuan AS dan agenda reformasi Malaysia. Selain itu, kami menjangkakan momentum yang berterusan dalam pasaran serantau disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh.

Bajet 2024 dan pengumuman dasar lain, khususnya tumpuan kerajaan terhadap ESG, memberikan peluang untuk kesan positif jangka pendek dan panjang. Pelan Hala Tuju Peralihan ("NETR") dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("NIMP 2030") bukan sahaja bermatlamat untuk merangsang pertumbuhan tetapi juga mencetuskan pertumbuhan ekonomi. Ini memberikan peluang yang sesuai untuk Kumpulan memperkukuh kehadiran kami secara strategik dalam sektor perbankan pelaburan serta memanfaatkan sinergi dalam sektor perbankan korporat dan komersial kami, menyampaikan penyelesaian pembiayaan yang komprehensif, mengembangkan asas pelanggan kami dan mengukuhkan kedudukan daya saing kami dalam industri perkhidmatan kewangan.



Perbankan Borong Kumpulan

Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan

Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan

Sepanjang tahun 2023, keadaan pasaran kewangan masih tidak menentu disebabkan pengetatan monetari, diburukkan lagi oleh tekanan inflasi yang kuat dan peningkatan risiko geo-politik. Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan ("GTGM") mengambil peluang ini untuk menangani ketidakpastian pasaran yang tinggi daripada cabaran makroekonomi yang ketara dengan menyediakan para pelanggan kami dengan produk dan penyelesaian Perbendaharaan bernilai tinggi untuk mengharungi trend pasaran yang rumit dan tidak menentu.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan ("GTGM") menawarkan barisan produk dan penyelesaian Perbendaharaan yang komprehensif, termasuk FX, Produk Berstruktur serta Instrumen Wang dan Pasaran Modal, bagi memenuhi keperluan pembiayaan, lindung nilai dan pelaburan pelanggan kami yang pelbagai. Teras cadangan nilai kami adalah mengutamakan pelanggan, menggunakan pendekatan luar dalam untuk membangun produk dan penyelesaian yang memenuhi keperluan pelanggan kami untuk penyampaian perkhidmatan yang lancar dan cekap.

Selain mementingkan pelanggan, kami juga bertanggungjawab mengurus kedudukan pendanaan dan kecairan Kumpulan Perbankan RHB. Kami memastikan keperluan pembiayaan Kumpulan dan pertumbuhan aset dibiayai secara berhemat dan berdaya saing, dan lebih kecairan dilaburkan secara optimum.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

GTGM mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM913.3 juta, kemerosotan sebanyak 29.4% dari tahun sebelumnya. Ini terutamanya disebabkan oleh penyusutan sebanyak 75.6% dalam pendapatan bersih berasaskan dana susulan pengetatan dasar polisi global yang memberikan tekanan ke atas kadar deposit dan hasil bon, sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan sebanyak 105.7% dalam pendapatan bukan berasaskan-dana.

JUMLAH PENDAPATAN

(RM bilion)



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

(RM bilion)



Nota: Maklumat di atas mewakili perniagaan domestik sahaja

PENCAPAIAN STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MENAMBAH BAIK MODEL HUBUNGAN PELANGGAN DALAM SEMUA PASARAN

Inisiatif Kami

- Produk dan penyelesaian perbendaharaan bernilai tinggi, yang disampaikan melalui proses perniagaan yang tangkas untuk memenuhi janji Mendahulukan Pelanggan.

Hasil

- Mengadakan perbualan tetap secara proaktif dengan pelanggan dalam memberikan unjuran trend pasaran dan ekonomi menerusi urusan hari ke hari atau acara rasmi pelanggan. Mengadakan enam Taklimat Tinjauan Ekonomi di Lembah Klang, Wilayah Selatan, Utara, Pantai Timur dan Malaysia Timur, Serta Satu Taklimat Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap di Lembah Klang.
- Peluasan tawaran produk dengan memasukkan ganjaran tiga ekuiti pelaburan berstruktur baharu, ELI European Knock In, Autocallable Sharkfin, dan TwinWin untuk memenuhi kitaran pasaran dengan lebih berkesan.
- Menawarkan penyelesaian fleksibel yang disesuaikan agar sepadan dengan toleransi risiko, keutamaan kecairan dan matlamat kewangan pelanggan melalui penyelesaian lindung nilai untuk FX, kadar faedah dan pendedahan komoditi.

Perbankan Borong Kumpulan
Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan

▶ MATLAMAT TWP24: MENTRANSFORMASIKAN SALURAN DIGITAL BAGI MEMENUHI SEMUA KEPERLUAN PERBANKAN DAN PELABURAN

Inisiatif Kami

- Menaik taraf platform Murex
- Meluaskan aplikasi perakaunan lindung nilai Murex untuk memasukkan liabiliti

Hasil

- Menangani isu sistem Murex dan mengeluarkan pembedaan pepijat untuk operasi dan prestasi sistem yang lancar dan konsisten dalam usaha untuk menambah baik pengalaman pengguna.
- Mengoptimalkan perbelanjaan faedah Kumpulan ke atas pinjaman kadar tetapnya dengan menukar daripada tetap kepada terapung dengan sasaran pemotongan kadar faedah pada masa hadapan.

▶ MATLAMAT TWP24: MEMPERKASAKAN INISIATIF ESG MERENTAS KUMPULAN

Inisiatif Kami

- Memperluas produk berstruktur kami yang berkaitan ESG kepada para pelanggan
- Meningkatkan pembelian bon/sukuk ESG

Hasil

- Jualan produktur berstruktur berkaitan ESG meningkat sebanyak 101.3% kepada RM886.9 juta pada tahun 2023 (2022: RM440.5 juta)
- Pembelian bon/sukuk ESG meningkat sebanyak 163.5% kepada RM2.2 bilion pada tahun 2023 (2022: RM841.8 juta)

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

GTGM menerima pengiktirafan kerana menyediakan produk dan nilai perkhidmatan yang luar biasa kepada pelanggan kami.

Anugerah Perbankan dan Kewangan Borong Asian 2023 Asian
Banking and Finance (ABF)

Bank Pertukaran Asing Domestik Malaysia Tahunan

Anugerah Penyelidikan Penanda Aras The Asset 2023
- Anugerah Bon Matawang Tempatan Asian The Asset
Publishing and Research Ltd

Kedudukan#1: Anugerah Firma Bahagian Jualan (Sellside) Terbaik dalam Pasaran Sekunder

Bon Korporat (MYR)



Kedudukan #2: Pengatur Terbaik - Pilihan Utama Pelabur untuk Terbitan Utama

Bon Korporat (MYR)

Anugerah Perbankan & Kewangan Global 2023



Bank Forex Terbaik Malaysia 2023



Akaun Matawang Pelbagai Terbaik Malaysia 2023



Produk Perbankan Terbaik (RHB Live FX @ Reflex) Malaysia 2023



Bank Forex Islam Terbaik Malaysia 2023



Akaun Matawang Pelbagai Islamik Terbaik Malaysia 2023

Anugerah Tahunan Perbendaharaan & FX 2022 ke-13 Alpha
Southeast Asia

Pasukan Jualan Perbendaharaan Korporat & Penstrukturan Terbaik



Bank FX Terbaik bagi Pelanggan Runcit



Prospek

Di sebalik tekanan inflasi meningkat dan risiko geopolitik yang ketara, pemangkin yang sedang berkembang pesat boleh merangsang pertumbuhan ekonomi global.

Ini termasuk potensi kemuncak kadar faedah dalam ekonomi maju utama, dan momentum pertumbuhan di rantau AS-Asia yang dipacu oleh pemulihan semula pertumbuhan ekonomi China pada separuh kedua tahun 2024. Di dalam negara, pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("NIMP 2030") dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional ("NETR") dijangka akan mengukuhkan keadaan ekonomi, disokong oleh pelaburan langsung asing dan domestik.

GTGM mengekalkan pendekatan berdisiplin dalam menguruskan portfolio pelaburan pendapatan tetap kami serta keperluan kecairan dan pendanaan Kumpulan di tengah-tengah landskap kadar faedah yang mencabar. Kami juga bersedia untuk merebut peluang yang timbul daripada jangkaan penurunan kadar faedah apabila tekanan inflasi semakin berkurangan. Mengenai perkhidmatan pelanggan pula, kami akan terus berinovasi dalam penawaran produk kami dan meningkatkan kelajuan-ke-pasaran untuk memaksimumkan faedah kepada pelanggan kami merentasi pelbagai kitaran pasaran. Di samping itu, kami komited untuk menyokong dan memajukan perkhidmatan kewangan yang lestari ketika Malaysia mempercepat penggunaan ESG di bawah NIMP 2030 dan NETR.



Perbankan Borong Kumpulan

Pengurusan Aset Kumpulan

Pengurusan Aset Kumpulan

Pada tahun 2023, Pengurusan Aset Kumpulan ("GAM") mengukuhkan komitmennya untuk memupuk penciptaan nilai yang lestari kepada pihak berkepentingan kami di tengah-tengah landskap aset global yang mengukuh. Sepanjang tahun, kami mengembangkan portfolio kami dengan produk pelaburan yang inovatif, didorong kelestarian dan berfokuskan produk pelaburan berkaitan-ESG, mencerminkan kebolehsuaian kami kepada keadaan ekonomi dan pasaran yang dinamik.

Dedikasi kami terhadap prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG") kekal teguh, seiring sejajar dengan matlamat kelestarian menyeluruh Kumpulan.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Pengurusan Aset Kumpulan, termasuk operasi pemegang amanah, beraspirasi untuk menjadi firma pelaburan yang cemerlang meliputi kewangan konvensional dan Islamik. Kami menawarkan rangkaian penyelesaian produk yang komprehensif, termasuk dana unit amanah, dan mandat dalam pelbagai kelas aset merangkumi ekuiti, aset campuran, pendapatan tetap, dan pasaran wang. Portfolio kami meliputi pelaburan dalam negara, serantau dan global dengan penyesuaian mengikut keperluan individu dan perniagaan. Perkhidmatan pemegang amanah kami meliputi perancangan harta pusaka, penulisan wasiat, amanah persendirian, REIT, perkhidmatan amanah korporat, dan pengurusan akaun eskrow.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

GAM Malaysia mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") sebanyak RM54.4 juta pada TK2023, lebih rendah daripada PBT tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM62.3 juta terutamanya disebabkan oleh perolehan yang lebih rendah, sejajar dengan sentimen pasaran yang lemah serta kadar penebusan dan perbelanjaan keseluruhan operasi yang lebih tinggi.

Di samping itu, Aset di bawah Pengurusan ("AUM") kami mencecah RM42 bilion pada akhir Disember 2023, peningkatan sebanyak 9.4% daripada RM38 bilion yang dicatatkan pada akhir Disember 2022. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbang oleh pengembangan dalam dana unit amanah dan mandat persendirian kami.

ASET DI BAWAH PENGURUSAN

(RM billion)

2022

38

2023

42

PENCAPAIAN STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MENAMBAH BAIK MODEL HUBUNGAN PELANGGAN DALAM SEMUA PASARAN

Inisiatif Kami

Kami komited untuk menjana nilai secara konsisten untuk pihak berkepentingan kami melalui pelancaran penyelesaian inovatif yang memenuhi keperluan pelaburan mereka dan seiring dengan trend dan perkembangan semasa pasaran.

Strategi kami termasuk mengekalkan penglibatan aktif dengan pihak berkepentingan kami, memupuk hubungan sedia ada dan membangunkan hubungan baharu dengan pelabur berpotensi. Pendekatan ini akan meluaskan lagi pangkalan pelanggan kami dalam segmen runcit dan institusi.

Hasil

Menambah baik kepuasan pelanggan dalam ekosistem Kumpulan.

Mandat AUM tumbuh dengan ketara sebanyak 18% disumbang oleh suntikan sebanyak RM2 bilion pada tahun 2023.

Mencapai pertumbuhan kukuh dalam dana pengurusan tunai kami sebanyak RM2.9 juta pada tahun ini, yang mana telah mendapat sambutan baik daripada para pelabur kerana memenuhi keperluan kecairan mereka.

Perbankan Borong Kumpulan

Pengurusan Aset Kumpulan

▶ MATLAMAT TWP24: MENTRANSFORMASIKAN SALURAN DIGITAL BAGI MEMENUHI SEMUA KEPERLUAN PERBANKAN DAN PELABURAN

Inisiatif Kami

Platform dalam talian MyInvest yang mula diperkenalkan sejak akhir tahun 2022 telah membolehkan pelabur meneroka rangkaian meluas peluang pelaburan Patuh-Syariah dalam negara dan pada peringkat global.

Platform berkenaan dilengkapi dengan pelbagai ciri termasuk alat pelaburan "lakukan sendiri" yang direka untuk menyokong keputusan pelaburan pelabur.

Melaksanakan penambahbaikan selanjutnya kepada platform dalam talian, sebagai kemudahan tambahan kepada pelabur institusi dan korporat untuk mengakses pegangan portfolio dan pernyataan akaun mereka dengan mudah.

Hasil

Perjalanan mencipta kekayaan yang selamat dan lancar bagi pelanggan dan pelabur.

▶ MATLAMAT TWP24: MEMPERKASA INISIATIF ESG MERENTAS KUMPULAN

Inisiatif Kami

Kami akan terus menerus meluaskan portfolio pelaburan kami yang merangkumi pelbagai tema ESG yang memfokuskan kelestarian, serta dana pelaburan berkesan.

Melibatkan diri secara kerap dengan syarikat penerima pelaburan kami, menumpukan kepada isu ESG untuk menggalakkan amalan kelestarian. Kami juga akan terus memperhalusi rangka kerja kami untuk mengukuhkan lagi dedikasi kami terhadap kelestarian.

Mengambil bahagian secara aktif dalam Program Tindakan Kumpulan Iklim ("GCAP"), menyumbang kepada Pembangunan pemetaan haba dan analisis senario sektoral, sejajar dengan inisiatif kelestarian Kumpulan.

Meneruskan inisiatif kitar semula fabrik yang dilancarkan pada Ogos 2022. Fabrik kitar semula yang masih berkeadaan baik disumbangkan kepada komuniti yang kurang bernasib baik atau diproses semula untuk kegunaan baharu.

Ha

- Memiliki lapan dana kelestarian yang digabungkan dengan AUM, sebanyak kira-kira RM1.4 bilion pada akhir Disember 2023.
- Membangun dan melaksanakan Garis Panduan dalaman Pengurusan Kelestarian Risiko.
- Pengiktirafan terhadap usaha kelestarian kami berdasarkan empat Anugerah ESG pada tahun 2023. (Anugerah Terbaik Pelaburan Kelestarian, Dana Terbaik Berdasarkan Peruntukan Kelas Aset (Emas), Dana Aset-Pelbagai RHB ESG (RM Lindung Nilai), Keselamatan Sumber Berkesan Terbaik (Perak): Dana Penyelesaian Perubahan Iklim RHB (RM Lindung Nilai) dan disenaraikan sebagai Pemegang Amanah ESG terbaik untuk tahun 2023.
- Malaysian Trustee Berhad, sebuah entiti dalaman GAM yang dilantik sebagai pemegang Amanah untuk Sukuk Kelestarian dengan saiz terbitan RM 390 juta.
- Inisiatif kitar semula fabrik berjaya mengutip sebanyak 8,340kg fabrik menjelang akhir tahun 2023 dan diagihkan kepada komuniti yang kurang bernasib baik.

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

GAM telah diiktiraf oleh beberapa buah badan penganugerahan terkemuka untuk pencapaian kami dalam kategori ekuiti, pendapatan seimbang dan tetap. Kami berusaha untuk mengekalkan pengiktirafan seluruh industri untuk kecemerlangan produk dan perkhidmatan kami di samping menyampaikan nilai kewangan kepada para pelanggan dan pelabur kami.

Anugerah Lipper Funds 2023 Refinitiv

- ▶ Bon MYR – Dana Bon RHB
- 3 Tahun - 5 Tahun - 10 Tahun

Anugerah ASEAN Citywire 2022/23

- ▶ Pelaburan Kelestarian Terbaik – Kategori Penyelesaian Terbaik

Anugerah Tahunan Pengurusan Dana Terbaik ke-14 2023 Alpha Southeast Asia

- ▶ Keseluruhan Terbaik Pengurus Aset & Dana
- ▶ Pengurus Aset Terbaik (Dana Ekuiti)
- ▶ Pengurus Aset Terbaik (Dana Berpendapatan Tetap)

FSMOne

- ▶ Unit Amanah DiSyorkan 2023/24 (Seimbang-Global) Dana Peruntukan Global RHB
- ▶ Unit Amanah DiSyorkan 2023/24 (Ekuiti Sub Serantau - Greater China (Islamik)) Dana Fokus Syariah China RHB
- ▶ Unit Amanah Disyorkan 2023/24 (Ekuiti Negara Tunggal - China) (Dana Perusahaan China Modal Besar RHB)
- ▶ Unit Amanah Disyorkan 2023/24 (Pendapatan Tetap- Pasaran Pesat Membangun) Dana Bon Pasaran Pesat Membangun RHB

Anugerah ESG The Edge Malaysia 2023

- ▶ Dana Terbaik berasaskan Peruntukan Kelas Aset (Emas) Dana Aset-Pelbagai ESG RHB (RM Lindung Nilai)
- ▶ Impak Terbaik Keselamatan Sumber (Perak) Dana Penyelesaian Perubahan Iklim RHB (RM Lindung Nilai)

The Asset Benchmark

- ▶ Rumah Pelaburan Paling Tinggi dalam Bon Mata Wang Tempatan di Asia bagi tahun 2023(Malaysia) Kedudukan ke-3
- ▶ Pelabur Paling Pintar dalam Bon Mata Wang Tempatan di Asia bagi tahun 2023 Kedudukan ke-3

Agensi Penetapan Harga Bon Malaysia (BPAM)

- ▶ Pemegang Amanah ESG Paling Tinggi - Malaysian Trustees Berhad
- ▶ Pemegang Amanah Keseluruhan Paling Tinggi - Malaysian Trustees Berhad
- ▶ Pemegang Amanah Konvensional Paling Tinggi - Malaysian Trustees Berhad
- ▶ Pemegang Amanah Islamik Paling Tinggi- Malaysian Trustees Berhad

Prospek

Pengurusan Aset Kumpulan komited untuk memperkukuh kepercayaan dan keyakinan pelanggan dengan menyampaikan pengalaman pelanggan yang lancar.

Ini adalah sejajar dengan penekanan dan dedikasi Kumpulan terhadap matlamat TWP24, yang mengutamakan para pelanggan kami.

Menyedari ketidaktentuan sentimen pasaran yang diburukkan lagi oleh inflasi global dan peristiwa geopolitik, kami komited terhadap usaha kami dan menjangkakan pertumbuhan yang lebih mantap pada tahun 2024. Pertumbuhan ini akan didorong dengan kerjasama rakan kongsi perniagaan kami, peningkatan berterusan dalam keupayaan digital kami dan komitmen berterusan kami terhadap kelestarian.

Kami bersikap teguh dalam menyediakan tawaran produk inovatif, termasuk produk konvensional dan patuh Syariah. Portfolio kami yang pelbagai akan merangkumi ESG dan dana impak pelaburan, menunjukkan komitmen kami terhadap keperluan pelanggan kami yang semakin berkembang.

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan



Pada tahun 2023, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan RHB ("GIB") mempamerkan daya tahan dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar disebabkan kadar faedah yang tinggi dan tekanan inflasi.

Berlatarkan pertumbuhan ketara sebanyak 14.3% tahun ke tahun dalam pinjaman kasar, yang mencerminkan aktiviti pinjaman yang pesat, GIB mencapai peningkatan sederhana sebanyak 2.0% dalam keuntungan operasi sebelum elaun. Selain itu, lonjakan sebanyak 33.4% dalam deposit pelanggan tahun ke tahun menandakan keupayaan kekukuhan mobilisasi deposit dan kepercayaan pelanggan terhadap pengurusan kewangan kami.

Selaras dengan fokus strategik kami, RHB akan terus meningkatkan keupayaan digital dan model hubungan pelanggan dalam kesemua pasaran. Inisiatif seperti pelancaran Aplikasi Mudah Alih goWave di Kemboja dan penyegaran rangkaian cawangan penuh sebagai sebahagian daripada program transformasi perbankan runcit kami di Singapura, adalah bukti dedikasi kami terhadap inovasi dan kecemerlangan perkhidmatan pelanggan. Berkenaan ESG, Singapura menghasilkan SGD751 juta dalam pembiayaan dan rundingan berkaitan ESG pada tahun dalam tinjauan, terutamanya dalam sektor kecekapan tenaga dan pembangunan.


▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan ("GIB") menguruskan operasi Perbankan Komersial serantau kami, merentas lima buah negara iaitu Singapura, Kemboja, Thailand, Laos dan Brunei, disokong oleh pakar dari ibu pejabat kami di Malaysia. GIB berusaha ke arah aspirasi Kumpulan untuk membina perniagaan luar negara bersepadu yang memanfaatkan rangkaian setempat untuk memenuhi keperluan pelbagai pelanggan dan klien melalui kehadiran yang kukuh. Kami menawarkan penyelesaian seperti pinjaman, deposit, pengurusan kekayaan, pembiayaan perdagangan, perbankan premier, Banca dan pinjaman untuk PKS. Kami akan berterusan untuk dapat menambah baik, kekal relevan dan berdaya saing kepada klien yang kami hargai.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan telah mempamerkan daya tahan, mengharungi kerumitan tahun ini dengan keazaman untuk mencapai hasil yang boleh diterima dan keuntungan operasi yang sederhana sebelum pertumbuhan elaun. Berlatarkan pertumbuhan sebanyak 14.3% dalam pinjaman kasar tahun kentahun, dan peningkatan sebanyak 33.4% dalam deposit pelanggan.

Kami merekodkan keuntungan operasi sebelum elaun yang lebih tinggi sebanyak 2.0%. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai adalah lebih rendah sebanyak 143.0% disebabkan terutamanya oleh kemerosotan nilai yang lebih tinggi di Thailand, peningkatan nisbah pinjaman terjejas kasar ("GIL") daripada 1.8% pada tahun 2022 kepada 3.1% pada tahun 2023.

 Singapura	2022 (SGD juta)	2023 (SGD juta)	Pertumbuhan (YoY)
Pinjaman Kasar	7,033	7,794	10.8%
Deposit Pelanggan	7,276	9,394	29.1%
Keuntungan Operasi Sebelum Elaun	56.7	77.0	35.9%
Keuntungan Sebelum Cukai	96.5	50.5	(47.7%)
Pinjaman Terjejas Kasar	0.9%	1.1%	0.2%
Pembiayaan/Pelaburan ESG ^{N1}	566	1,236	118.4%

^{N1} Jumlah pinjaman terkumpul/bon yang dibeli dari Julai 2019 (garis dasar) dan pertumbuhan daripada garis dasar

Operasi kami di Singapura mencatatkan pertumbuhan pinjaman dan deposit yang teguh dengan masing-masing meningkat 10.8% dan 29.1%. Pertumbuhan pendapatan yang kukuh mendorong penambahbaikan yang ketara dalam prestasi keuntungan operasi sebelum elaun sebanyak 35.9% manakala pinjaman terjejas kasar kekal rendah. Terdapat tumpuan yang berterusan dalam memacu urus niaga berkaitan ESG, yang digambarkan dengan peningkatan hampir tiga kali dalam bidang ini, terutamanya pembiayaan hijau dan bon perbendaharaan.

 Kemboja	2022 (USD juta)	2023 (USD juta)	Pertumbuhan (YoY)
Pinjaman Kasar	757	763	0.9%
Deposit Pelanggan	471	593	25.9%
Keuntungan Operasi Sebelum Elaun	14.3	3.4	(76.3%)
Keuntungan Sebelum Cukai	16.6	5.6	(66.2%)
Pinjaman Terjejas Kasar	7.0%	9.8%	2.7%
Pembiayaan/Pelaburan ESG ^{N1}	16.2	16.2	0%

Walaupun deposit pelanggan bagi operasi kami di Kemboja meningkat 25.9%, pertumbuhan pinjaman dan keuntungan terkesan oleh kos dana yang tinggi disebabkan persekitaran kadar faedah yang meningkat dan overhead yang tinggi. Nisbah GIL meningkat berikutan tamatnya sejumlah besar bantuan bayaran balik berkaitan COVID-19.

 Thailand	2022 (THB juta)	2023 (THB juta)	Pertumbuhan (YoY)
Pinjaman Kasar	12,820	10,795	(15.8%)
Deposit Pelanggan	11,987	11,049	(7.8%)
Keuntungan Operasi Sebelum Elaun	212.8	23.2	(89.1%)
Keuntungan Sebelum Cukai	148.9	(2,943.2)	(2,076.4%)
Pinjaman Terjejas Kasar	4.3%	24.0%	19.7%
Pembiayaan/Pelaburan ESG ^{N1}	1,797	2,200	22.4%

Operasi kami di Thailand terkesan oleh kemerosotan kualiti aset, yang mana trend serupa turut berlaku dalam industri perbankan. Dari perspektif yang lebih positif, pelaburan berkaitan ESG meningkat 22%, terutamanya daripada pertumbuhan bon pelaburan ESG.

 Laos	2022 (LAK billion)	2023 (LAK billion)	Pertumbuhan (YoY)
Pinjaman Kasar	289	425	47.1%
Deposit Pelanggan	77	104	34.8%
Keuntungan Operasi Sebelum Elaun	10.4	(2.8)	(127.2%)
Keuntungan Sebelum Cukai	67.6	38.6	(42.9%)
Pinjaman Terjejas Kasar	5.1%	6.2%	1.1%

RHB Laos mencatatkan pertumbuhan ketara dalam pinjaman kasarnya yang melonjak sebanyak 47.1%, daripada LAK289 bilion pada tahun 2022 kepada LAK425 bilion pada tahun 2023, ketika kami memasuki segmen bukan runcit. Deposit juga meningkat secara berterusan sebanyak 34.8% daripada LAK77 bilion kepada LAK104 bilion.

Walau bagaimanapun, keuntungan terkesan oleh overhead yang lebih tinggi, kerugian kredit dijangka ("ECL") dibalikkan semula yang lebih rendah dan kelemahan nilai matawang Lao Kip berbanding mata wang asing.

 Brunei	2022 (BND juta)	2023 (BND juta)	Pertumbuhan (YoY)
Pinjaman Kasar	59	62	5.3%
Deposit Pelanggan	148	114	(22.5%)
Keuntungan Operasi Sebelum Elaun	1.1	1.9	65.5%
Keuntungan Sebelum Cukai	1.3	1.8	46.4%
Pinjaman Terjejas Kasar	3.1%	1.9%	(1.2%)

Pinjaman kasar dalam operasi kami di Brunei berkembang 5.3% tahun ke tahun, manakala deposit merosot 22.5% pada tahun semasa tinjauan. Keuntungan operasi sebelum elaun bertambah baik terutamanya disebabkan oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi, disokong oleh kadar faedah yang lebih tinggi bagi portfolio pelaburan sekuriti kami. Nisbah pinjaman terjejas kasar bertambah baik daripada industri.

^{N1} Jumlah pinjaman terkumpul terkumpul/bon yang dibeli dari Julai 2019 (garis dasar) dan pertumbuhan daripada garis dasar

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

PENCAPAIAN STRATEGIK KAMI

Sejajar dengan hala tuju strategik Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan telah mengambil pendekatan menyeluruh untuk menyepadukan amalan ESG ke dalam perniagaan kami, mengiktiraf tahap kematangan pembiayaan ESG yang berbeza-beza dalam pelbagai pasaran. Di Singapura, satu pasaran yang matang untuk perkembangan ESG, Kumpulan cemerlang dalam rundingan pembiayaan dan tawaran berkaitan ESG, terutamanya dalam sektor kecekapan tenaga dan pembangunan, dengan memperoleh SGD751 juta, melepasi sasaran sebanyak 342%.

Di Kemboja, pengenalan aplikasi mudah alih goWave oleh Aplikasi Mudah Alih RHB pada Januari 2023 merupakan kemajuan penting kerana platform inovatif ini menggabungkan perkhidmatan kewangan dengan kandungan celik kewangan, menyumbang kepada keterangkuman kewangan.

Sementara itu, di Thailand, Kumpulan membuat pelaburan yang besar dalam projek perisukan automasi dengan kerjasama pengawal selia peraturan, mempamerkan kemajuan ketara ke arah menyelaraskan keperluan peraturan kawal selia.

Sepanjang perjalanan ini, komitmen kami terhadap peluang berkaitan ESG kekal tidak berbelah bahagi, dengan usaha aktif di negara lain untuk menyokong dan menyumbang kepada fokus strategik ini. Kepelbagaian usaha Kumpulan menekankan daya tahan dan kebolehsuaiannya dalam menangani pelbagai cabaran dan peluang dalam landskap kewangan yang dinamik.

▶ MATLAMAT TWP24: MENAMBAH BAIK MODEL HUBUNGAN PELANGGAN DALAM SEMUA PASARAN



Singapura

Inisiatif Kami

- Menyelesaikan penyegaran rangkaian cawangan penuh sebagai sebahagian daripada program transformasi perbankan runcit
- Mempertingkatkan tawaran dan ciri-ciri Korporat RHB Reflex

Hasil

- Mentransformasi semua titik sentuh para pelanggan untuk menyampaikan pengalaman pelanggan yang berbeza
- Melancarkan Korporat Paynet dalam RHB Reflex pada Jun 2023, mengukuhkan cadangan nilai untuk perbankan digital. Antara Jun dan Disember 2023, PayNow Corporate memudahkan transaksi lebih SGD36 juta, terdiri daripada hampir 7,000 transaksi masuk dan keluar



Kemboja

Inisiatif Kami

- Fokus pada pertumbuhan perniagaan gadai janji dan Perbankan Premier
- Melancarkan 24 kempen dan program produk untuk usaha sokongan deposit, kad debit dan jualan gadai janji
- Meningkatkan kecekapan produktiviti Pusat Panggilan untuk mengurus panggilan telemarketing
- Melancarkan program Pencegahan Penipuan VISA dan MasterCard
- Bekerjasama dengan SME Bank untuk menyokong sasaran pelanggan PKS dengan harga berpatutan
- Fokus pada pembiayaan perdagangan untuk menyokong pelanggan, menyediakan modal kerja dan pemahaman tentang perniagaan mereka

Hasil

- Meluluskan pinjaman runcit berjumlah USD244 juta kepada pemilik rumah Khmer
- Meningkatkan segmen pelanggan Perbankan Premier kepada 733 akaun pada tahun 2023
- Meningkatkan pemerolehan rujukan bankasurans, dan Kad Debit, masing-masing sebanyak 92% dan 56% YoY
- Berterusan memastikan para pelanggan kami selamat daripada penipuan pembayaran menerusi program Pencegahan Penipuan VISA dan MasterCard.
- Menjalankan latihan kewangan perdagangan untuk pasukan jualan dan cawangan untuk mendidik pelanggan bagaimana produk pembiayaan perdagangan memberi manfaat kepada perniagaan mereka
- Berjaya melibatkan dua pelanggan perdagangan dengan jumlah keseluruhan kemudahan perdagangan sebanyak USD1.0 juta



Thailand

Inisiatif Kami

- Menyediakan bantuan sokongan pembayaran semula kepada para pelanggan yang terjejas

Hasil

- Membantu pelanggan yang kewangan mereka terjejas mengharungi situasi sukar semasa dan pasca-pandemik



Laos

Inisiatif Kami

- Mendekati syarikat tersenarai yang dinilai tinggi secara aktif
- Melibatkan pelanggan PKS dan korporat secara proaktif dengan menawarkan mereka kemudahan pinjaman dan deposit

Hasil

- Sebanyak LAK82.5 bilion dalam pinjaman korporat baharu dilanjutkan kepada syarikat tersenarai
- Asas aset berkembang sebanyak 31% YoY dipacu terutamanya oleh segmen pinjaman Komersial

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

▶ MATLAMAT TWP24: MENTRANSFORMASIKAN SALURAN DIGITAL UNTUK MEMENUHI SEMUA KEPERLUAN PERBANKAN DAN PELABURAN



Singapura

Inisiatif kami

- Memperluaskan keupayaan Perbankan Mudah Alih untuk pembukaan akaun
- Mereka semula dan mendigitalisasikan proses-proses dalaman
- Lokasi serta rekaan premis cawangan yang menarik, dilengkapi dengan saluran digital dan pusat panggilan yang boleh diakses

Hasil

- Peningkatan kebolehcapaian tawaran kami
- Pembukaan 99% akaun baru secara digital, dengan 54% menerusi Perbankan Mudah Alih dan 45% melalui proses secara-terus ("STP") dengan bantuan kakitangan eForms di cawangan
- Peningkatan nilai cadangan pelanggan supaya menyesuaikan diri dengan saluran digital



Kemboja

Inisiatif kami

- Pelancaran goWave oleh Aplikasi Mudah Alih RHB
- Melaksanakan perubahan holistik yang memanfaatkan teknologi dan penambahbaikan proses

Hasil

- Pembukaan 12,000 akaun goWave
- Pengurangan masa pusingan untuk pinjaman gadai janji dan PKS kepada 48 jam, dan kurang daripada 15 hari tempoh kelulusan daripada 30 hari sebelum ini
- RHB Bank merupakan bank pertama melancarkan kad Cip EMV Suis Kongsi Kemboja yang paling selamat untuk memerangi pemalsuan

MATLAMAT TWP24: MEMPERKASA INISIATIF ESG MERENTAS KUMPULAN



Singapura

Inisiatif kami

- Melancarkan dana dua hala berkaitan-ESG yang berkait dengan sasaran prestasi kelestarian Kumpulan
- Memberi pendidikan kepada golongan warga emas mengenai keselamatan siber dikala peningkatan penipuan di Singapura

Hasil

- Memperkasa 87 warga emas dengan pengetahuan asas keselamatan siber untuk menjaga diri daripada penipuan



Kemboja

Inisiatif kami

- Bekerjasama dengan Perbadanan Jaminan Kredit Kemboja ("CGCC") untuk menyediakan Jaminan Kredit kepada usahawan wanita di bawah Skim Jaminan Usahawan Wanita ("WEGS")

Hasil

- Mengagihkan lebih daripada USD400,000 sebagai pinjaman kepada usahawan wanita yang layak



Thailand

Inisiatif kami

- Bekerjasama dengan pelanggan bernilai kami dalam mempromosikan, memberi pinjaman dan melabur dalam pembiayaan berkaitan ESG

Hasil

- Pembiayaan dan pelaburan berkaitan ESG merekodkan pertumbuhan yang digabungkan sebanyak 22% tahun ke tahun



Laos

Inisiatif kami

- Bekerjasama dengan Syarikat Kewangan tempatan, menyediakan pinjaman auto untuk kenderaan EV/hibrid yang diimport dari Korea

Hasil

- Berterusan meneroka potensi sumbangan yang boleh dilakukan oleh perniagaan untuk membangunkan pasaran kewangan ESG



Brunei

Inisiatif kami

- Menderma barangan makanan, sanitasi tangan dan topeng muka kepada pusat pengasingan di Daerah Tutong dan Temburong

Hasil

- Menyebarkan kegembiraan dan menyumbangkan derma sebanyak B\$1,600 kepada pusat bantuan sokongan

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



Singapura

Anugerah Modal Pasaran Kelestarian The Asset Triple A 2023



Anugerah Pinjaman Hijau Terbaik

Anugerah Pengalaman Kakitangan 2023



Program ESG Terbaik (Gangsa)

Anugerah Kesetiaan & Penglibatan 2023



Kaji Selidik Penglibatan Kakitangan Terbaik (Gangsa)

Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia 2023



Strategi Komunikasi HR yang Cemerlang (Gangsa)

Anugerah Acara Pemasaran 2023



- > Acara terbaik berdasarkan Bajet (Emas)
- > Acara terbaik oleh pasukan dalaman (Perak)

Anugerah Pengalaman Aslan 2023



Pengalaman Pelanggan Terbaik Singapura - Perbankan

Anugerah Global Inovasi Perbankan Runcit 2023



Bank Runcit Terbaik untuk Pengalaman Perbankan yang lancar



Kemboja

Anugerah Kewangan Antarabangsa 2023



- > Anugerah Perbankan Aplikasi Mudah Alih Paling Dipertingkat di Kemboja
- > Anugerah Tawaran Kad Kredit Baharu Paling Inovatif

Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia 2023



- > Cemerlang dalam Penglibatan Kakitangan (Gangsa)

HR Asia



- > Anugerah Syarikat Terbaik HR Asia untuk bekerja di Asia (Edisi Kemboja)
- > Anugerah Transformasi Digital HR Asia

Anugerah BNY Mellon STP 2023



- > Prestasi Cemerlang pemformatan pembayaran untuk MT103/MT202

MasterCard



- > Kepimpinan dalam Pertumbuhan Kad Debit 2023

VISA



- > Kepimpinan dalam Terbitan Kad Debit Pelanggan 2023

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

Prospek

Dalam usaha mencapai aspirasi TWP24, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan mengekalkan pendirian hiper-fokus terhadap segmen sasarannya disokong oleh pendekatan setempat di samping memanfaatkan kepakaran operasi di Malaysia untuk membina perniagaan luar negara yang bersepadu.



Singapura

Pada tahun 2024, perniagaan Singapura akan memberi tumpuan kepada pengembangan Perbankan Korporat & Pelaburan ("CIB"), segmen PKS Komersial, dan hab kekayaan serantau kami. Matlamat kami ditetapkan pada pertumbuhan pinjaman dan keuntungan dengan memberi tumpuan kepada pinjaman dan perdagangan terjamin serta pembangunan kekayaan serantau. Sebahagian daripada inisiatif ini termasuk mentransformasi keupayaan penghantaran PKS Komersial melalui inovasi seperti Korporat PayNow, dan menambah baik sistem aliran asal pinjaman dan kredit. Selain itu, kami akan terus meningkatkan tawaran dan pelaburan berkaitan ESG untuk menyokong kelestarian Singapura.



Kemboja

RHB Kemboja sudah bersedia untuk melancarkan Program Pinjaman PKS sebagai penggalak untuk menambah baik pertumbuhan pinjaman. Kami juga menyasarkan untuk meluaskan pangkalan pelanggan PKS menerusi penambahbaikan RHB Reflex, termasuk bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan perakaunan awan. Fokus terhadap disiplin kredit yang diperketatkan, pembiayaan lestari untuk teknologi mesra-alam dan pertumbuhan deposit menerusi usaha berdedikasi merentasi pelbagai tonggak mencerminkan hala tuju untuk Kemboja pada tahun 2024. goWave (Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB) akan membantu kami mengembangkan asas pelanggan muda dan sebagai platform untuk menyebarkan rangkaian kewangan dan meningkatkan celik kewangan.



Thailand

Strategi kami termasuk menarik diri beransur-ansur daripada segmen PKS, dengan fokus yang lebih utama pada Perniagaan Borong dan Perbendaharaan untuk memulihkan kembali kualiti aset yang mantap dan mencapai portfolio pinjaman Lestari. Dengan kehadiran kami di pelbagai negara serantau, pendekatan ini membolehkan kami meneroka peluang yang menjanjikan peluang dan menarik pelanggan rentas sempadan, memanfaatkan jejak serantau Kumpulan yang meluas. Kami juga kekal komited untuk menyepadukan prinsip ESG dan kelestarian ke dalam strategi masa hadapan perniagaan Kumpulan. Matlamatnya ialah untuk cemerlang dalam segmen sasaran sambil memenuhi komitmen ESG, terutamanya dalam pembiayaan dan pelaburan.

RHB Thailand juga komited untuk mempertingkatkan inisiatif pemulihannya. Strategi untuk meningkatkan kualiti aset melibatkan kekukuhan pasukan pemulihan, bekerjasama dengan agensi kutipan hutang, dan mewujudkan perkongsian dengan lima firma guaman baharu. Selain itu, Thailand berusaha untuk mencairkan pinjaman tidak berbayar ("NPL") melalui agensi pihak ketiga, manakala cagaran daripada akaun NPL akan dilupuskan melalui kerjasama dengan agensi hartanah gabungan kami. Selain itu, kami akan menguatkuasakan disiplin kredit yang ketat dan memberi tumpuan kepada pertumbuhan pinjaman untuk mengekalkan kualiti aset.



Laos

Operasi di Laos, penambahbaikan strategik terhadap sistem dan infrastruktur perbankan terasnya sedang berjalan, dengan penekanan automasi proses dalaman. Transformasi perniagaan kami dimudahkan dengan mengguna pakai teknologi baharu, termasuk pelancaran penyelesaian perbankan mudah alih. Fokus kami kekal memberi tumpuan kepada pertumbuhan pinjaman yang berdisiplin untuk memelihara kualiti aset dan keuntungan.



Brunei

Strategi perniagaan Brunei untuk tahun 2024 tertumpu kepada mengutamakan pertumbuhan klien 70 teratas kami dan menyasarkan tambahan 30 pelanggan berpotensi baharu. Inisiatif pertumbuhan kami akan menekankan pemberian lebih banyak kredit untuk menjaga pertumbuhan pinjaman dan keuntungan yang positif, sambil mengekalkan kualiti aset semasa untuk kelestarian perniagaan jangka panjang. Objektif strategik ini juga akan disumbangkan oleh perkhidmatan bernilai-tambah seperti Penyata-e bagi pemegang akaun semasa, dan pertumbuhan kekayaan serantau menerusi rundingan rentas sempadan.

Perniagaan Syariah Kumpulan



Perniagaan Syariah Kumpulan ("GSB") menyediakan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif merentas spektrum pelanggan runcit, PKS, korporat, komersial dan pelaburan perbankan, serta pengurusan kekayaan. Selain itu, GSB memberi keutamaan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kepada sektor penting seperti kerajaan, penjagaan kesihatan dan pendidikan tinggi. Kami adalah tulang belakang kepada perniagaan Kumpulan, dengan sumbangan purata kepada aset pembiayaan domestik lebih daripada 40%. Kami juga berpegang kepada prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dan terus menunaikan kewajipan kami kepada masyarakat, melalui sumbangan zakat yang semakin meningkat setiap tahun, mencecah RM10 juta pada tahun 2023.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

RHB Islamic Bank adalah cabang Perniagaan Syariah Kumpulan Perbankan RHB. Ia menyediakan pelbagai perkhidmatan kewangan patuh Syariah. Kami menyediakan produk dan perkhidmatan untuk segmen runcit, PKS, korporat dan perniagaan komersial pengurusan kekayaan serta pelaburan perbankan. Kami melaksanakannya menerusi rangkaian titik sentuh pelanggan RHB Islamic Bank dan cawangan RHB Bank, di lebih 200 buah lokasi di seluruh negara, dengan penambahan kemudahan Terminal Layan Diri serta kemudahan perbankan mudah alih dan internet. Aspirasi kami adalah untuk menjadi peneraju penyedia perkhidmatan kewangan Syariah Berasaskan Nilai terpilih di Malaysia, sejajar dengan aspirasi strategi korporat, **Bersama-sama Menempa Kemajuan ("TWP24")** untuk Menjadi Bank Utama Untuk Semua.

PENGANTARAAN BERASASKAN NILAI

Rangka kerja VBI kami diterjemahkan ke dalam ekosistem RHB Harmoni yang menggabungkan pendekatan perniagaan yang seimbang, merangkumi Social Harmoni (Manusia), Ocean Harmoni (Planet) dan Business Harmoni (Keuntungan). Melalui VBI, kami menyasarkan untuk menjana impak yang berkekalan, selaras dengan komitmen Kumpulan terhadap prinsip ESG, yang merupakan sebab utama kami memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan awam, khususnya dalam bidang pendidikan tinggi dan penjagaan kesihatan.

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai ekosistem Harmoni RHB, sila rujuk muka surat 219 Laporan Kelestarian RHB 2023.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

Pada TK2023, RHB Islamic Bank telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.1 bilion, 1.0% lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh pendapatan pendanaan bersih yang lebih rendah dan perbelanjaan operasi lebih tinggi, sebahagiannya diimbangi oleh jangkaan kerugian kredit dibalikkan semula ("ECL") yang lebih tinggi dan pendapatan bukan pembiayaan yang lebih tinggi disebabkan oleh keuntungan FX yang lebih tinggi, dan perdagangan, pelaburan dan derivatif yang lebih tinggi.

**SUMBANGAN
KEUNTUNGAN
SEBELUM CUKAI
MENGIKUT
SEGMENT**

Perbankan
Komuniti Kumpulan

RM669.3
juta

Perbankan Borong
Kumpulan

RM402.0
juta

Lain-lain

RM56.2
juta

Perniagaan Syariah Kumpulan

Sepanjang tahun yang ditinjau, peningkatan dicatatkan dalam Pembiayaan, Deposit, dan Pengurusan Kekayaan. Dari segi Pembiayaan, kami mencapai pertumbuhan 2.8% tahun ke tahun, sebanyak RM84.0 bilion. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pengembangan Perbankan Komuniti Kumpulan sebanyak 9.6%, dengan PKS dan perbankan runcit masing-masing menyumbang 10.3% dan 9.5%.

Walau bagaimanapun, segmen Perbankan Borong menyaksikan penurunan sebanyak 12.4% disebabkan oleh penguncupan 18.0% dalam perniagaan perbankan korporat, tetapi diimbangi oleh pertumbuhan perniagaan perbankan komersial sebanyak 74.0%. Secara kumulatif, ini menyumbang sebanyak 44.3% kepada pembiayaan domestik Kumpulan.

Deposit Islam pula menyaksikan pertumbuhan 5.1% tahun ke tahun kepada RM82.2 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan sebanyak 13.9% dalam CASA, yang mencecah RM13.6 bilion. Deposit Berjangka, akaun pelaburan khusus dan akaun pelaburan am juga berkembang sebanyak 3.5% tahun ke tahun, kepada RM68.6 bilion.


Selain itu, Jumlah Aset Kekayaan Islam Di Bawah Pengurusan ("AUM") bertambah baik kepada RM704 juta, mewakili pertumbuhan 6.6% tahun ke tahun, menekankan komitmen berterusan kami untuk menyampaikan penyelesaian pengurusan kekayaan yang mantap.

	2022	2023
Keuntungan Sebelum Cukai	RM1.1 bilion	RM1.1 bilion
Pulangan ke atas Ekuiti	13.0%	13.6%
Nisbah kos kepada pendapatan	30.7%	37.4%
Pembiayaan Kasar	RM81.7 bilion	RM84.0 bilion
Sumbangan kepada aset pembiayaan domestik Kumpulan	44.6%	44.3%
Jumlah Deposit	RM78.2 bilion	RM82.2 bilion
CASA	RM11.9 bilion	RM13.6 bilion
Pengagihan Zakat kepada Pihak Berkuasa Negeri	RM8.0 juta	RM10.0 juta

PEMBIAYAAN KASAR

(RM bilion)

- Perbankan Runcit
- Perbankan PKS
- Perbankan Borong



DEPOSIT PELANGGAN

(RM bilion)



KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

(RM bilion)



SUMBANGAN ISLAMIK KEPADA PEMBIAYAAN DOMESTIK KUMPULAN

(%)



Perniagaan Syariah Kumpulan

PRESTASI STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MENGEMBANGKAN EKOSISTEM ISLAMIK

Inisiatif

- Melancarkan inisiatif Kad MySiswa inisiatif di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menggalakkan keterangkuman kewangan kepada para pelajar di universiti awam
- Program MySISWA menawarkan pelajar kad pintar pelbagai guna yang berfungsi sebagai kad matrik dan kad debit
- Kad bersepadu ini menyediakan para pelajar akses kepada perkhidmatan sokongan universiti, membolehkan mereka menguruskan kewangan masing-masing, menikmati penyelesaian pembayaran tanpa tunai, dan faedah gaya hidup seperti diskaun dan promosi eksklusif

Hasil

- Melibatkan penyertaan lebih 600,000 pelajar ke dalam program MySiswa
- Mendorong pertumbuhan CASA kepada RM196 juta, dan deposit tetap kepada RM939 juta
- Pembiayaan runcit sebanyak RM175 juta diluluskan untuk kakitangan universiti

▶ MATLAMAT TWP24: MEMBINA PERNIAGAAN PENGURUSAN KEKAYAAN ISLAM YANG HOLISTIK

Inisiatif

- Pelancaran portal Pengurusan Kekayaan Islamik
- Lima kakitangan telah disahkan sebagai Perancang Kewangan Islam ("IFP") selepas menjalani latihan di Institut Perbankan & Kewangan Islam Malaysia ("IBFIM")
- Pelancaran 3 Produk Takaful :
 - > *Takaful myTenang Care pada 30 Mac 2023*
 - > *Takaful myLife Enriched pada 15 Jun 2023*
 - > *Takaful mySmart Income Plus pada 1 Julai 2023*

Hasil

- Menawarkan khidmat penasihat IFP bertauliah yang memberi nasihat tentang tawaran Pengurusan Kekayaan Islamik berdasarkan empat tonggak utama, seperti penciptaan dan pengumpulan kekayaan, perlindungan, pengedaran dan pemurnian.
 - > *Takaful myTenang Care: Premium Tahunan Pertama RM19,500 ("AFYP")*
 - > *Takaful myLife Enriched: RM11,600 AFYP*
 - > *Takaful mySmart Income Plus: RM1.15 juta AFYP*

▶ MATLAMAT TWP24: MENINGKATKAN PENGUASAAN PEMBIAYAAN ISLAMIK KUMPULAN

Hasil

- RHB Islamik menyumbang 44.3% kepada pembiayaan domestik Kumpulan

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Anugerah Pilihan Graduan Talentbank



Lima teratas Majikan Pilihan Graduan untuk bekerja dalam kategori Perbankan Islamik

Projek Ocean Hope



Rakan Industri 2023 Universiti Malaysia Terengganu (Projek Ocean Hope)

Prospek

Momentum ekonomi domestik Malaysia dijangka meningkat pada tahun 2024, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") diunjur berkembang sebanyak 4.6%, disokong oleh lantunan semula dalam permintaan asing.

Sektor perbankan telah bersedia untuk lonjakan dalam permintaan kredit, terutamanya daripada perniagaan, menyumbang kepada jangkaan daya tahannya. Keyakinan ini disokong oleh asas modal dan kecairan yang kukuh, beserta dengan sokongan persekitaran monetari.

RHB Islamic mengakui cabaran yang dicetuskan oleh tekanan luaran dan kesannya terhadap kebangkitan pemulihan ekonomi dalam pasaran operasinya. Walau bagaimanapun, kedudukan asas kami yang kukuh dari segi modal dan mudah tunai menggariskan daya tahan kami. Walaupun prestasi kewangan stabil pada TK2023, RHB Islamic telah bersedia untuk menajamkan fokus strategik kami, menambah baik pendekatan kami, dan mempergiatkan komitmen kami terhadap inovasi dan kecekapan kos untuk meningkatkan hasil perniagaan kami.



Insurans Kumpulan



Insurans Kumpulan mencatatkan prestasi mantap pada tahun 2023, menerusi pertumbuhan ketara 17.7% tahun ke tahun ("YoY") dalam Premium Bertulis Kasar. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan yang lancar dan kekal fokus terhadap keutamaan perniagaan kami. Keputusan ini menggambarkan rangkaian luas dan kepelbagaian portfolio perniagaan kami, serta pemacu pertumbuhan struktur yang mendorong kepada permintaan yang ketara untuk perlindungan Insurans Am ("GI") dalam pasaran. Pelaburan kami telah memperkukuhkan lagi keupayaan kami untuk memenuhi permintaan pelanggan kami yang semakin berkembang dan keperluan perniagaan masa hadapan.

Kami akan terus menerusi mengutamakan keperluan pelanggan kami dengan memahami keperluan mereka dan sentiasa memperbaharui penawaran produk kami, terutamanya dalam ruang digital.

▶ APA YANG KAMI LAKUKAN

RHB Insurance menyediakan rangkaian komprehensif insurans am dan produk-produk lain untuk perlindungan yang lebih baik dan memberi ketenteraman. Pelanggan mempunyai akses yang senang dan mudah kepada perkhidmatan dan sokongan melalui 15 buah rangkaian cawangan kami di seluruh negara, lebih 630 buah cawangan Pos Malaysia dan lebih daripada 2,100 pejabat agen yang bertauliah. Kami adalah antara Penyedia Insurans 10 Teratas di Malaysia untuk Kebakaran, Kemalangan Diri, dan Permotoran.

PRESTASI KEWANGAN KAMI

Penunjuk Kewangan	Amaan/Peratusan
Premium Bertulis Kasar	RM869.2 juta
Keuntungan Sebelum Cukai	RM99.0 juta
Pulangan ke atas Ekuiti	13.6%
Nisbah gabungan	93.8%

PRESTASI STRATEGIK KAMI

▶ MATLAMAT TWP24: MENGGALAKKAN BANKASURANS MENERUSI PRODUK INOVATIF

Inisiatif Kami

- Memanfaatkan momentum pertumbuhan RHB Bank dalam Runcit & PKS dengan menginstitusikan penjana utama
- Memperluaskan kapasiti dan keupayaan untuk meningkatkan jualan dan penyampaian berkesan
- Produk dan perkhidmatan berinovasi untuk memenuhi persona pelanggan yang disasarkan

Hasil

- Kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 2.5x untuk kadar penembusan Bankasurans

▶ MATLAMAT TWP24: MENGGANDAKAN KEUPAYAAN DIGITAL DAN PEMEROLEHAN

Inisiatif Kami

- Membina keupayaan dalam pemerolehan pelanggan dan pengekal melalui analisis.
- Membangunkan reka bentuk produk yang berbeza
- Penyepaduan ekosistem digital yang meluas dalam Kumpulan RHB

Hasil

- Jualan digital berkembang sebanyak 27% YoY hasil daripada tumpuan terhadap pelan digital kami

Insurans Kumpulan

▶ **MATLAMAT TWP24: MENERAPKAN ORIENTASI BERPUSATKAN PELANGGAN****Inisiatif Kami**

- Mengutamakan segmen pelanggan yang memiliki potensi pertumbuhan yang tinggi dan/atau margin yang baik (Runcit: Pemilik kenderaan dan Keluarga serta PKS)
- Menyediakan perjalanan lancar pelanggan hujung ke hujung menerusi penglibatan secara langsung dengan pelanggan
- Membina dan mempertingkatkan nilai seumur hidup pelanggan dengan perkhidmatan serba lengkap

Hasil

- Mencapai peningkatan 9 mata dalam skor promoter bersih ("NPS") Kaji Selidik Tahunan Pelanggan 2023, petunjuk kepercayaan pelanggan yang semakin meningkat terhadap kami

▶ **MATLAMAT TWP24: MEMPERLUASKAN RANGKAIAN PENGEDARAN****Inisiatif Kami**

- Memperluaskan saluran pengedaran konvensional (agensi, broker dan francais)
- Rakan kongsi digital
- Pengukuhan kekuatan agensi
- Membina perkongsian baharu melalui API

Hasil

- Perniagaan agensi, broker dan francais berkembang 21% YoY disebabkan oleh rangkaian pengedaran yang berkembang

Fokus strategik RHB Insurance pada tahun 2023 adalah untuk meningkatkan prestasi perniagaan dengan membuka potensi Bankasurans dan meneroka selera dan kepentingan kami yang ditakrifkan semula untuk risiko besar terpilih, sambil mengembangkan portfolio yang menguntungkan. Kami juga menumpukan kelajuan ke pasaran melalui kaedah tangkas, melancarkan produk inovatif, menetapkan harga produk kami secara kompetitif secara berterusan dan meningkatkan keupayaan digital kami untuk menyampaikan pengalaman pelanggan yang terbaik. Kami berjaya melaksanakan perjanjian insurans semula dengan penanggung insurans langsung untuk perniagaan serantau RHB Bank untuk mengekalkan lebih banyak nilai.

RHB Insurance melancarkan lima produk baharu semasa tahun dalam tinjauan, iaitu:

- 1 PA Rahmah di web dan aplikasi mudah alih
- 2 Houseowner Plus
- 3 Home Smart Plus
- 4 Perlindungan Premier (tambahan permotoran)
- 5 Road Rescue Elite

Kami juga telah menambah baik tiga produk dan tiga model penetapan harga, sebagai memperbaharui tawaran kami untuk daya saing pasaran.

Prospek

Dalam persekitaran pasaran yang semakin sukar disebabkan oleh peningkatan inflasi, kelemahan mata wang, sentimen pasaran kewangan global, peningkatan dalam Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST") dan halangan khusus GI seperti pengurangan tarif dan peningkatan kos perjanjian, adalah penting bagi firma insurans untuk kekal bermaklumat dan melaksanakan strategi-strategi untuk mengekalkan pertumbuhan yang lestari.

Penekanan berhati-hati Insurans Kumpulan untuk meluaskan portfolio bukan permotoran dan memanfaatkan asas bankasurans kami yang besar, ditambah dengan pendigitalan operasi, meletakkan kami pada kedudukan baik untuk meneruskan trajektori pertumbuhan kami. Selain itu, menyepadukan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") ke dalam operasi perniagaan kami akan membantu mempertingkatkan kaedah perniagaan kami untuk hasil yang lebih baik.

Menyepadukan Kelestarian ke dalam RHB

Seksyen ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai kemajuan dan pencapaian berkaitan kelestarian dan iklim Kumpulan Perbankan RHB TK2023. Ia harus dibaca bersama Laporan Kelestarian 2023, yang memberikan huraian lanjut mengenai Strategi Kelestarian dan Hala Tuju kami, perkara-perkara material, kemajuan dan pencapaian penting.



Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama diantara Kumpulan Perbankan RHB dan Tenaga Nasional Berhad untuk Mempromosi dan Menyediakan Penyelesaian Hijau untuk PKS dan Individu, semasa Persidangan Peralihan Tenaga 2023

Kumpulan telah menerima pakai pendekatan holistik terhadap kelestarian, menyedari yang faktor Alam Sekitar Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"), saling berkaitan secara mendalam dan kritikal kepada kejayaan jangka panjang dan daya tahan perniagaan kami.

Berpaksikan kepada Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian 5-tahun RHB (2022-2026), RHB telah membuat kemajuan ketara dalam mengintegrasikan amalan lestari merentasi aktiviti perniagaan, operasi dan proses membuat keputusan, mencipta nilai jangka panjang untuk Kumpulan dan pihak berkepentingan.

Didorong oleh komitmen kami untuk memacu peralihan yang adil dan bertanggungjawab ke arah ekonomi rendah karbon, kami juga telah mempercepatkan usaha untuk menyepadukan pertimbangan berkaitan iklim ke dalam perniagaan kami, mengutamakan usaha untuk mengurangkan pelepasan karbon di seluruh portfolio kami, dan memudahkan pelanggan dalam perjalanan bersama kami untuk mencapai Sifar Bersih menjelang 2050. Menerusi usaha kerjasama yang mantap, kami menasihatkan untuk memacu kemajuan kolektif ke arah masa depan yang lestari untuk semua.

Perjalanan Kelestarian Kami

Menyedari peranan pentingnya dalam penciptaan nilai bersama, pertumbuhan jangka panjang dan kesejahteraan masyarakat, RHB telah meletakkan kelestarian sebagai bidang tumpuan dalam strategi korporat Kumpulan Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024 ("TWP24"). Sejalan dengan ini, kami menyepadukan secara proaktif pertimbangan kelestarian dan iklim merentas perniagaan dan operasi kami, ke arah menjadi penyedia khidmat kewangan yang lestari dan bertanggungjawab.

KELESTARIAN IALAH KOMPONEN KESELURUHAN TWP24

Tujuan

BERSAMA-SAMA MENEMPA KEMAJUAN UNTUK SEMUA ORANG

Objektif Strategik



Menjadi Bank Utama Untuk Semua



Mengutamakan Pengalaman Pelanggan



Memacu Pertumbuhan Berkualiti

Bidang Fokus TWP24

A

Menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Utama

B

Disepadukan ke dalam Ekosistem Islam Utama

C

Membina Perniagaan Luar Negara yang Bersepadu

D

Memangkin Kelestarian

E

Menggunakan Teknologi Canggih

F

Membangunkan Tenaga Kerja Masa Depan

G

Mempercepatkan Perkhidmatan Perbankan Pintar

Perjalanan Kelestarian Kami

STRATEGI & PELAN HALA TUJU KELESTARIAN

Strategi & Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan RHB 5-Tahun (2022-2026) menggariskan tumpuan dan komitmen Kumpulan terhadap agenda memperkasa kelestarian dan tindakan iklim.

TUJUAN KELESTARIAN

Untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan lestari yang bertanggungjawab dengan menggalakkan pertumbuhan yang lestari dan inklusif, membimbing pelanggan, warga kerja dan komuniti, di samping mendukung tadbir urus yang baik untuk mencipta nilai.

ASPIRASI KAMI

- Menyokong pembangunan lestari dengan memperuntukkan sebanyak RM50 bilion dalam perkhidmatan kewangan lestari menjelang 2026
- Mencapai Operasi Neutral Karbon menjelang 2030
- Memperkasakan lebih dua juta individu dan perniagaan yang disasarkan di seluruh ASEAN menjelang 2026
- Ke Arah Sifar Bersih menjelang 2050



PERKHIDMATAN KEWANGAN LESTARI DAN BERTANGGUNGJAWAB

Mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam strategi dan proses membuat keputusan perniagaan kami di samping membimbing pelanggan dan komuniti ke arah mencapai pertumbuhan lestari.



KOMITED UNTUK MENCAPAI SIFAR BERSIH MENJELANG 2050

Mempercepatkan peralihan yang adil dan bertanggungjawab kepada ekonomi rendah karbon, berpaksikan Strategi Sifar Bersih Kumpulan menjelang 2050.



MENERAPKAN AMALAN YANG BAIK

Menggalakkan amalan bertanggungjawab dan memupuk budaya kelestarian dalam organisasi.



MEMPERKAYAKAN & MEMPERKASAKAN KOMUNITI

Mencipta kesan positif jangka panjang terhadap komuniti, membimbing kanak-kanak dan golongan belia.

BIDANG FOKUS

- **Perkhidmatan Kewangan Lestari**
Mencipta impak positif melalui perniagaan pinjaman, pasaran modal, pengurusan kekayaan, deposit, pelaburan, pengurusan aset dan insuran
- **Keterangkuman Kewangan**
Menggalakkan keterangkuman kewangan¹ dengan menyediakan akses kepada produk dan khidmat kewangan kepada individu (pelajar, belia, baru dalam pekerjaan, kurang mendapat perkhidmatan) dan perniagaan (Perusahaan Kecil dan Sederhana – PKS, perusahaan mikro, dll)
- **Memajukan PKS Ke arah Amalan Perniagaan Lestari**
Membimbing dan menyokong PKS dalam perjalanan mereka ke arah membina perniagaan lestari

BIDANG FOKUS

- **Pengurangan terhadap Pelepasan Pelepasan²**
Mengurangkan pelepasan karbon dalam lima sektor berimpak tinggi merentasi perniagaan³ kami
- **Menghijaukan Portfolio Kami**
Memacu pertumbuhan dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau; dan Menggalakkan perniagaan/ syarikat-syarikat yang komited terhadap neutraliti karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap
- **Peralihan amalan kelestarian dan rendah-karbon ke dalam operasi kami sendiri**
Ke Arah Operasi Neutral Karbon menjelang 2030

BIDANG FOKUS

- **Etika & Tatalaku**
Mendukung integriti, etika dan pematuhan melalui polisi dan amalan yang mantap
- **Pekerja & Tempat kerja**
Menggalakkan pembangunan pekerja dan memupuk tenaga kerja yang saksama, pelbagai dan inklusif
- **Rantainya Bekalan yang Lestari**
Menggalakkan amalan bertanggungjawab dan lestari pada semua rantaian bekalan Kumpulan

BIDANG FOKUS

- **Membimbing Generasi Masa Depan**
Menggalakkan pertumbuhan dan daya tahan dalam kanak-kanak dan golongan belia melalui pembelajaran dan pembangunan diri secara holistik
- **Memperkasa Komuniti**
Meningkatkan kehidupan masyarakat yang terdedah & segmen yang kurang mendapat perhatian melalui inisiatif penglibatan komuniti, termasuk program membina kapasiti dan pembangunan kemahiran

PEMBOLEH



TADBIR URUS

- Tadbir urus lestari dan iklim yang kukuh di seluruh Kumpulan untuk memacu tindakan membuat keputusan dan menyediakan pengawasan kelestarian yang sewajarnya



DATA & TEKNOLOGI

- Menggunakan data dan teknologi bagi tujuan pemantauan dan pelaporan untuk memastikan kebolehpercayaan, kredibiliti dan Amanah



MODAL INSAN & LATIHAN

- Menarik, mengekalkan dan membangunkan mereka yang mempunyai kemahiran dan keupayaan yang tepat untuk menyokong agenda kelestarian Kumpulan



PERKONGSIAN RAKAN KONGSI & ADVOKASI

- Membina perkongsian yang dipercayai dan menyokong dan membimbing pihak lain secara berterusan ke arah amalan lestari dan rendah karbon

¹ Penyediaan produk dan perkhidmatan kewangan yang berpatutan dan berkualiti

² Pelepasan GHG yang dikaitkan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan RHB

³ Bekalan Tenaga, Minyak Sawit, Minyak & Gas, Hartanah & Pembinaan, dan Pengangkutan

Perjalanan Kelestarian Kami

Pada TK2023, kami mempertingkatkan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, susulan komitmen Kumpulan untuk mencapai pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050. Objektif strategik Sifar Bersih kami menjelang 2050 mengandungi tiga tema, seperti berikut:

- 01** Mengurangkan pembiayaan yang dikaitkan dengan lima sektor berimpak tinggi dalam perniagaan kami
- 02** Mengembangkan portfolio hijau kami dan menyokong perniagaan serta syarikat yang mempunyai strategi peralihan yang jelas dan mantap untuk mencapai neutraliti karbon
- 03** Ke Arah Operasi Neutral Karbon menjelang 2030

Di bawah Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian 5 Tahun kami (2022-2026), lima Petunjuk Prestasi Utama ("KPI") telah dikenal pasti untuk diberi perhatian, dipantau dan dibangunkan sebagai sebahagian daripada strategi korporat jangka panjang Kumpulan.

 1 Mengagihkan RM50 bilion dalam Perkhidmatan Kewangan Lestari menjelang 2026	 2 Memperkasakan lebih dua juta individu dan perniagaan yang disasarkan di seluruh ASEAN menjelang 2026	 3 Ke Arah Operasi Neutral Karbon menjelang 2030	 4 Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman/ DEI(Tempat kerja)	 5 Program Tindakan Iklim Kumpulan Melengkapkan 32 inisiatif dan membangunkan Laluan Sifar Bersih Kumpulan 2050
---	---	--	--	---

▲ Sila rujuk Kad Skor Kelestarian kami dalam Laporan Kelestarian RHB 2023, untuk maklumat lanjut mengenai kemajuan KPI di atas.

Pada tahun 2023, kami menyemak dan menambah baik dua daripada aspirasi kelestarian kami, untuk menggambarkan kemajuan yang telah kami capai dalam perjalanan kelestarian kami dan agar sejajar dengan jangkaan badan kawal selia, amalan terbaik industri, serta panduan, dasar dan insentif yang berubah-ubah terhadap penyahkarbonan yang diperkenalkan oleh Kerajaan:

Semakan	Rasional
<p>01</p> <p>Menyemak komitmen Perkhidmatan Kewangan Kelestarian Kumpulan 2026 daripada RM20 bilion kepada RM50 bilion</p>	<ul style="list-style-type: none"> Komitmen yang disemak mengambil kira pertimbangan terhadap kemajuan yang telah kami capai sejak membentuk komitmen dalam menggerakkan perkhidmatan kewangan yang lestari pada suku keempat tahun 2021. Pada 31 Disember 2023, kami telah memperoleh lebih RM23.8 bilion dalam perkhidmatan kewangan lestari, bersamaan dengan peningkatan 119%, berbanding sasaran asal sebanyak RM20 bilion. Kami telah mewujudkan Komitmen Ke Arah Sifar Bersih RHB menjelang 2050, yang memerlukan Kumpulan untuk mempercepatkan usaha untuk menyokong keperluan pelanggan pada ketika mereka beralih ke arah amalan lestari dan rendah karbon
<p>02</p> <p>Menyemak semula 5 KPI Kumpulan untuk mencerminkan Komitmen Kumpulan untuk mencapai Sifar Bersih menjelang 2050, dan strategi penyahkarbonan Kumpulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Komitmen Sifar Bersih RHB dan strategi penyahkarbonan telah diwujudkan berdasarkan kerja asas komprehensif yang dijalankan sebagai sebahagian daripada Program Tindakan Iklim Kumpulan. Kami telah mewujudkan garis dasar pelepasan kewangan kami dan mengenal pasti 5 sektor utama yang berimpak tinggi, yang akan memacu strategi penyahkarbonan Kumpulan. Kami juga telah mewujudkan sasaran interim dan jangka panjang ke arah mencapai Sifar Bersih menjelang 2050.


▲ Sila rujuk muka surat 82 Laporan Kelestarian 2023, untuk huraian lanjut mengenai komitmen dan strategipenyahkarbonan Sifar Bersih Kumpulan.

Tadbir Urus Kelestarian

RHB telah mewujudkan struktur tadbir urus kelestarian yang mantap, sejajar dengan amalan terbaik industri dan jangkaan pengatur kawal selia.

Mengutamakan akauntabiliti dan ketelusan, struktur tadbir urus kelestarian kami menyokong pelaksanaan berkesan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian kami dan membolehkan kami memacu peralihan yang adil dan bertanggungjawab ke arah ekonomi rendah karbon. Dengan memanfaatkan perspektif dan kepakaran yang pelbagai, kami berusaha untuk memastikan kapasiti berterusan kami untuk mengurus jangkaan pihak berkepentingan dan mengemudi landskap kelestarian yang sentiasa berkembang.

STRUKTUR TADBIR URUS KELESTARIAN RHB



Tadbir Urus Kelestarian

PENGAWASAN PERINGKAT - LEMBAGA

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) adalah badan tadbir urus tertinggi dalam menyediakan hala tuju strategik dan pengawasan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, termasuk strategi berkaitan iklim.

Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan menyediakan panduan mengenai Kelestarian Kumpulan dan strategi berkaitan iklim, untuk memastikan ia mantap, bermakna dan memberi impak.

Jawatankuasa Kelestarian Lembaga (“BSC”) menyokong Lembaga Pengarah menyediakan pengawasan strategik Kelestarian Kumpulan dan inisiatif berkaitan iklim. Mereka juga Menyemak perkara-perkara material Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) seluruh perniagaan Kumpulan dan operasi, memastikan ia sejajar dengan strategi keseluruhan perniagaan Kumpulan.

Komposisi BSC

- BSC dipengerusikan oleh YBhg Datuk Iain John Lo (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Ahlinya ialah Dato’ Mohamad Nasir Ab Latif (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif), Donald Joshua Jaganathan (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif), dan Hijah Arifakh Othman (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*

* Hijah Arifakh Othman dilantik sebagai anggota BSC pada 1 Jun 2023, berikutan peletakan jawatan Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria

BSC bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Risiko Lembaga (“BRC”), Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga (“BNRC”), dan Jawatankuasa Audit Lembaga (“BAC”) dalam menyediakan pengawasan yang relevan ke atas perkara-perkara kelestarian dan berkaitan iklim Kumpulan telah membentuk Rangka Kerja Tanggungjawab, Akauntabiliti, Dirunding dan Termaklum (“RACI”) untuk BSC, BRC, BNRC dan BAC untuk memastikan bahawa Jawatankuasa Lembaga mempunyai penjelasan yang jelas mengenai garis tanggungjawab dalam pengawasan mereka serta pihak berkuasa yang membuat keputusan mengenai perkara berkaitan kelestarian dan iklim. Selain itu, Yayasan RHB Lembaga Pemegang Amanah menyediakan panduan strategik untuk memandu inisiatif penglibatan komuniti Kumpulan, diselaraskan kepada tonggak Kelestarian Kumpulan iaitu Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti.

Peranan dan tanggungjawab Lemabaga Pengarah dan Lembaga Jawatankuasa utama diperincikan di bawah:

▶ LEMBAGA PENGARAH RHB BANK

- Badan pentadbir tertinggi yang bertanggungjawab menyediakan arahan strategik dan pengawasan terhadap Strategi dan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, termasuk strategi berkaitan iklim

▶ JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA

- Membantu Lembaga Pengarah menyediakan pengawasan ke atas perkara berkaitan kelestarian Kumpulan dan isu berkaitan iklim.
- Membantu Lembaga Pengarah dalam memacu strategi dan hala tuju berkaitan kelestarian dan iklim.
- Menyediakan hala tuju strategik terhadap :
 - > struktur tadbir urus kelestarian Kumpulan ke arah memastikan akauntabiliti dan keberkesanan dalam pelaksanaan hala tuju dan strategi kelestarian Kumpulan dan berkaitan iklim
 - > pendedahan kelestarian Kumpulan dan berkaitan iklim ke arah memastikan pematuhan dengan keperluan pihak berkuasa kawal selia serta amalan terbaik antarabangsa
- Mempertimbangkan dan meluluskan :
 - > Kelestarian seluruh kumpulan dan pelaksanaan pelan berkaitan iklim
 - > Dasar, rangka kerja, pernyataan kedudukan dan/atau pendirian yang seiring dengan kelestarian Kumpulan dan strategi berkaitan iklim serta keutamaan yang diluluskan (kecuali perkara yang berkaitan dengan risiko kelestarian, termasuk risiko berkaitan iklim).

▶ JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA

- Menyediakan pengawasan ke atas risiko keseluruhan tadbir urus dalam semua entiti Kumpulan.
- Menyemak dan meluluskan dan/atau dasar dan rangka kerja baharu dan lain-lain perkara penting pengurusan risiko, selaras dengan strategi risiko yang diluluskan bagi setiap entiti yang berkaitan
- Menyemak dan meluluskan Pendedahan dan Laporan Kumpulan seperti yang dikehendaki oleh badan berkuasa kawal selia.

▶ JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

- Bertanggungjawab terhadap penemuan audit berkaitan ESG dan iklim berdasarkan daripada audit yang diadualkan.
- Bertanggungjawab terhadap Semakan Semula Kredit Pasca Kelulusan (“PACR”) ke atas pematuhan kepada Dasar/Garis Panduan Kredit Kumpulan berkaitan perkara-perkara ESG dan iklim.

Tadbir Urus Kelestarian

▶ JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (“BNRC”)

- Bertanggungjawab bagi Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (“DEI”) Kumpulan dalam agenda tempat kerja.
- Bertanggungjawab untuk mengkaji dan membuat penilaian ke atas pelantikan/pelantikan semula ahli BSC untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah.
- Bertanggungjawab untuk membuat penilaian ke atas pelantikan/pelantikan semula Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan (“GCSO”) untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah.

▶ LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN RHB

- Menyediakan panduan strategik Yayasan RHB untuk memacu inisiatif keterlibatan komuniti di seluruh Kumpulan.

PENYEMPURNAAN PENGURUSAN PENGAWASAN DAN STRATEGIK

Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan (“GSC”) memacu secara strategik pelaksanaan berkesan agenda kelestarian dan iklim yang sejajar dengan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan. Dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan (“GMD”), GSC terdiri daripada ahli utama pasukan pengurusan kanan RHB.

GSC dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan terdiri daripada ahli utama pasukan pengurusan kanan RHB

Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan (“GSC”):

- Membantu BSC dan Lembaga Pengarah memacu integrasi kelestarian, termasuk pertimbangan berkaitan iklim ke dalam strategi korporat dan proses membuat keputusan Kumpulan, dan memastikan pelaksanaan berkesan Aspirasi Kelestarian dan Penunjuk Prestasi Utama (“KPI”) Kumpulan.
- Membantu BRC untuk menyediakan pengawasan terhadap risiko kelestarian Kumpulan, termasuk risiko berkaitan iklim.
- Mengenal pasti dan memacu peluang-peluang komersial berkaitan iklim, selaras dengan strategi tindakan kelestarian dan iklim Kumpulan yang diluluskan.
- Menyediakan panduan, menetapkan sasaran dan mengawasi pelaksanaan GCAP.

Ketua Pegawai Kelestarian dan Komunikasi Kumpulan (“GCSCO”) disokong oleh pasukan Pengurusan Kelestarian Kumpulan untuk memacu pelaksanaan strategi dan bidang fokus kelestarian Kumpulan. Ini termasuk kerjasama erat dengan Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan dalam pelaksanaan GCAP.

Berikut Jawatankuasa Pengurusan masing-masing menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta GSC untuk menyediakan pengawasan bersasar mengenai isu-isu kelestarian dan berkaitan iklim.

Jawatankuasa Modal & Risiko Kumpulan (“GCRC”)

Jawatankuasa Modal Insan Kumpulan (“GHCC”)

Jawatankuasa Audit Pengurusan (“MAC”)

Tadbir Urus Kelestarian

Imbuhan berkaitan dengan Kelestarian

Sejak tahun 2022, RHB telah mengintegrasikan kelestarian ke dalam penilaian prestasi dan sistem ganjaran Kumpulan dengan KPI kelestarian dimasukkan ke dalam Kad Skor Keseimbangan TK2023. Di samping itu, KPI Kelestarian Kumpulan telah dimasukkan ke dalam Kad Skor Keseimbangan Pengurusan Kanan Kumpulan dan juara kelestarian utama, justeru menyelaraskan dengan imbuhan eksekutif dengan prestasi kelestarian. Pada masa hadapan, RHB menasaskan untuk meningkatkan pendekatannya dengan mengukuhkan integrasi kelestarian dan KPI berkaitan iklim dalam Kad Skor Keseimbangan TK2024, memastikan akauntabiliti dan memacu kemajuan ke arah cita-cita Sifar Bersih.

PELAKSANAAN KELESTARIAN PADA PERINGKAT KERJA

Pada peringkat kerja, majlis kelestarian Kumpulan penting untuk memacu pelaksanaan dan penyempurnaan agenda kelestarian Kumpulan.

Majlis Perniagaan Lestari ("SBC") memacu usaha kelestarian komersial dan berkaitan iklim Kumpulan merentangi peminjaman dan pembiayaan, pasaran modal dan nasihat, jualan pelaburan dan produk, pengurusan aset, pengurusan kekayaan, insurans, deposit dan Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI").

▶ MAJLIS PERNIAGAAN LESTARI ("SBC")

- Memacu usaha Kelestarian/ESG Kumpulan yang termasuk Pengantaraan berasaskan Nilai ("VBI") serta perkara-perkara iklim dan berkaitan iklim dalam aktiviti perniagaan Kumpulan, memfokus terutamanya kepada memacu penyampaian Penunjuk Prestasi Utama Kumpulan dan memastikan pelaksanaan berkesan pelbagai program dan inisiatif sejajar dengan aspirasi Kelestarian dan strategi iklim Kumpulan
- SBC menyediakan pengawasan mengenai perkara-perkara material dan bidang fokus utama:
 - > Perkhidmatan Kewangan Lestari
 - > Keterangkuman Kewangan
 - > Memajukan PKS Ke Arah Amalan Perniagaan Lestari
 - > Laluan Ke Arah Sifar Bersih untuk Mengurangkan Pembiayaan Pelepasan yang Dibiayai menjelang 2050

Kelestarian Pengoperasian

Merentas Kumpulan, SBG dan SFG bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif dan program kelestarian di lapangan, mengawasi prestasi metrik dan sasaran, serta mengkaji semula keberkesanan pelbagai dasar relevan berdasarkan materialitinya kepada perniagaan atau fungsi.

Selain itu, Yayasan RHB, di bawah panduan strategik Lembaga Pemegang Amanah, memacu usaha keterlibatan komuniti Kumpulan, sejajar dengan tonggak Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti Strategik dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan.

Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Lestari ("RSPC") menggalakkan integrasi kelestarian merentas operasi, rantai nilai, amalan dan proses membuat keputusan Kumpulan.

▶ MAJLIS AMALAN BERTANGGUNGJAWAB DAN LESTARI ("RSPC")

- Menerapkan dan menggalakkan kelestarian merentas rantai nilai operasi, amalan dan proses membuat keputusan Kumpulan di samping menggalakkan budaya tempat kerja yang adil, inklusif dan lestari sejajar dengan strategi kelestarian dan iklim Kumpulan.
- Memacu penyampaian prestasi dan sasaran Kelestarian bagi perkara material dan bidang fokus yang berikut:
 - > Pengawasan Alam Sekitar, terutamanya operasi (sendiri) pelepasan GHG Kumpulan
 - > Etika dan integriti
 - > Rantaian bekalan/Pemerolehan Bertanggungjawab dan Lestari
 - > Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman di tempat kerja
- Menyusun program dan aktiviti pembangunan budaya kelestarian ke arah menggalakkan visi, rangka kerja dan prinsip kelestarian Kumpulan di kalangan warga kerja RHB
- Memacu program pembinaan pengetahuan dan keupayaan

Jawatankuasa Pemandu Projek Program Tindakan Iklim Kumpulan ("GCAP PSC") ditubuhkan untuk mengawasi kemajuan GCAP dan menguruskan penyampaian dan pelaksanaan inisiatif bagi mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

▶ JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK GCAP ("GCAP PSC")

- Mengemudi, menyelaras dan memastikan pelaksanaan berkesan perjalanan transformasi iklim Kumpulan sejajar dengan hala tuju dan komitmen strategik Kumpulan dan mematuhi garis panduan pengawal selia yang relevan.
- Menangani dan menyelesaikan semua isu operasi dan program berkaitan dengan inisiatif Tindakan Iklim merentas semua bahagian dalam Kumpulan.

▶ Untuk maklumat lanjut mengenai struktur tadbir urus kelestarian RHB, sila rujuk Tadbir Urus Kelestarian pada muka surat 30-39 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Dasar dan Garis Panduan berkaitan RHB

RHB mengamalkan pendekatan yang teguh untuk menguruskan pelbagai risiko dan peluang berkaitan dengan kelestarian berpandukan rangka kerja, dasar, proses dan garis panduan dalaman lengkap yang membentuk sebahagian daripada Modal Intelek Kumpulan. Kami mematuhi undang-undang, peraturan, dasar dan nota amalan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang mengawal operasi kami bersama dengan amalan terbaik, piawaian dan garis panduan industri yang relevan.

Rangka kerja, dasar dan garis panduan yang relevan disenaraikan di bawah.

Pada TK2023, tiga dasar dan garis panduan baharu diwujudkan untuk menguruskan perkara-perkara material, yang dua daripadanya berkaitan dengan Perubahan Iklim, manakala selebihnya berkaitan dengan Perkhidmatan Kewangan Lestari. Pelbagai dasar dan garis panduan ini dinyatakan di bawah.

Perkara Material	Dasar & Garis Panduan
<p>GB</p> <p>TADBIR URUS PERNIAGAAN YANG BAIK</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Antisogokan & Antirasuah Kumpulan • Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan • Dasar Layak & Patut Kumpulan • Dasar Tajaan & Derma Korporat Kumpulan • Dasar Mengenai Urus Niaga Pihak Berkaitan Kumpulan • Dasar Mengenai Konflik Kepentingan Kumpulan • Dasar Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan Kumpulan • Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan • Garis Panduan Hadiah dan Hospitaliti Kumpulan • Kod Etika & Tatalaku Perniagaan untuk Pengarah Kumpulan • Kod Etika & Tatalaku Pekerja Kumpulan • Ikrar Bebas Rasuah RHB • Pelan Antirasuah Organisasi RHB • Pengurusan Penilaian Risiko & Risiko Rasuah Tahunan • Nilai-nilai Teras ("P.R.I.D.E.") • Pendirian dan Komitmen Antisogokan & Antirasuah • Saluran dan Ruang Pemberi Maklumat atau Speak-up <p><i>Tadbir Urus Korporat kami sejajar dengan garis panduan dan piawaian luran berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Dokumen Dasar BNM mengenai Tadbir Urus Korporat* • Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa* • Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat* • Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia edisi ke-4*
<p>DC</p> <p>PERLINDUNGAN DATA DAN KESELAMATAN SIBER</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Teknologi dan Risiko Siber • Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Data dan Maklumat Kumpulan • Garis Panduan mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
<p>SF</p> <p>PERKHIDMATAN KEWANGAN LESTARI</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan Aktiviti Perniagaan Layak ESG Kumpulan • Buku Panduan Kewangan Hijau*** • Dasar Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Penanaman di Tanah Gambut dan Tanpa Eksploitasi (NDPE) • Pendirian terhadap Arang Batu <p><i>Garis Panduan Aktiviti Perniagaan Layak ESG kami sejajar dengan garis panduan dan piawaian luran berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Taksonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip BNM* • Garis Panduan Dana Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti* • Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab oleh Suruhanjaya Sekuriti* • Sukuk: > Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab* • Bon: > Piawaian Bon Hijau ASEAN** • Piawaian Bon Kelestarian ASEAN** • Prinsip Bon Hijau (Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa)** • Garis Panduan Bon Kelestarian (Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa)** • Piawaian Bon Iklim**

Dasar dan Garis Panduan berkaitan RHB

Perkara Material	Dasar & Garis Panduan
<p>FI</p> <p>KETERANGKUMAN KEWANGAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> Surat Kelulusan daripada Kementerian Pendidikan – Program Kecemerlangan Akademik & Celik Kewangan RHB** Manual Operasi Kelestarian & Komunikasi Kumpulan Manual Operasi Yayasan RHB
<p>DI</p> <p>PENDIGITALAN DAN PELABURAN DALAM TEKNOLOGI</p>	<ul style="list-style-type: none"> Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi RMIT Garis Panduan Risiko Teknologi dan Siber
<p>CX</p> <p>PENGALAMAN PELANGGAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dasar Pengurusan Aduan Kumpulan RHB <p><i>Dasar Pengurusan Aduan Kumpulan kami sejajar dengan garis panduan dan piawaian luaran berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Garis Panduan Pengendalian Aduan BNM* Garis Panduan Polisi Layanan Adil Terhadap Pengguna Kewangan BNM* Garis Panduan BNM mengenai Pengurusan Maklumat Pengguna dan Pendedahan yang Dibenarkan*
<p>FC</p> <p>LAYANAN ADIL TERHADAP PELANGGAN KEWANGAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dasar Pengurusan Aduan Kumpulan RHB <p><i>Dasar Pengurusan Aduan Kumpulan kami sejajar dengan garis panduan dan piawaian luaran berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Garis Panduan Pengendalian Aduan BNM Garis Panduan Polisi Layanan Adil Terhadap Pengguna Kewangan BNM*
<p>SC</p> <p>RANTAIAN BEKALAN LESTARI</p>	<ul style="list-style-type: none"> Garis Panduan Perolehan Kumpulan Kod Tatalaku Pembekal RHB
<p>CC</p> <p>PERUBAHAN IKLIM</p>	<ul style="list-style-type: none"> Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan (“GCRMF”)** Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan (“GCRMP”)** Dasar Kredit Kumpulan Perbankan RHB (termasuk Kredit Terlarang) Garis Panduan Kredit Runcit Kumpulan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran Kumpulan Dasar Risiko Kecairan Kumpulan Dasar Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan Alat Penilaian Risiko ESG Polisi Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Penanaman di Tanah Gambut Baharu dan Tanpa Eksploitasi (NDPE) Pendirian terhadap Arang Batu Garis Panduan Aktiviti Perniagaan Layak ESG Kumpulan Piawaian Perakaunan dan Pelaporan Korporat Protokol GHG (edisi semakan)** <p><i>GCRMF dan GCRMP kami sejajar dengan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario BNM*

Dasar dan Garis Panduan berkaitan RHB

Perkara Material	Dasar & Garis Panduan
<p>ES</p> <p>PENGAWASAN ALAM SEKITAR</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan Hala Tuju Pengurangan Pelepasan GHG Kumpulan Ke Arah Operasi Neutral Karbon menjelang 2030
<p>T</p> <p>BAKAT</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kod Etika • Dasar Tatatertib Kumpulan • Dasar Pendidikan & Pembangunan Kumpulan • Pengurusan Prestasi Kumpulan • Dasar Jumlah Ganjaran Kumpulan • Garis Panduan dan Manual berkaitan Pendidikan dan Pembangunan Kumpulan Dalaman • Rangka Kerja Membina Keupayaan Kelestarian Kumpulan
<p>EHS</p> <p>KESIHATAN, KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan Kumpulan • Kod Tatalaku • Dasar Tatatertib Kumpulan • Garis Panduan Antigangguan Seksual
<p>DO</p> <p>KEPELBAGAIAN DAN PELUANG YANG SAMA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Kepelbagaian Lembaga Pengarah • Dasar Layak & Patut Kumpulan • Dasar Pengambilan Kumpulan • Garis Panduan Perancangan Tenaga Kerja Kumpulan
<p>CE</p> <p>PENGAYAAN DAN PEMERKASAAN KOMUNITI</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967** • Surat Kelulusan daripada Kementerian Pendidikan - Program Kecemerlangan Akademik & Celik Kewangan RHB* • Dasar Tajaan & Derma Korporat Kumpulan • Manual Operasi Kelestarian & Komunikasi Kumpulan • Manual Operasi Yayasan RHB

* Dikeluarkan oleh pengawal selia/pihak berkuasa
 ** Dikeluarkan oleh badan penetapan piawaian
 *** Diwujudkan pada TK2023

Kami komited untuk terus menambah baik rangka kerja, dasar dan garis panduan kami sebagai tindak balas terhadap cabaran kelestarian, jangkaan pihak berkepentingan, amalan terbaik industri dan keperluan kawal selia yang berubah-ubah. Rangka kerja, dasar dan garis panduan yang ditetapkan untuk menguruskan perkara-perkara material menggambarkan dedikasi kami untuk mendukung amalan perniagaan lestari dan bertanggungjawab.

Strategi Sifar Bersih 2050

Pada TK2022, Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian 5-Tahun (2022-2026) Kumpulan RHB dibangunkan dan dilaksanakan sebagai panduan holistik bagi agenda kelestarian Kumpulan. Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian ini merangkumi empat tonggak, iaitu Kewangan Lestari & Bertanggungjawab, Komited untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang 2050, Menerapkan Amalan yang Baik, dan Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti. Tonggak ke-2, Komited untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang 2050, diperkenalkan pada TK2023 dan mewakili penambahbaikan tonggak kecil iklim terdahulu Kumpulan, Membina Laluan ke arah Iklim Berdaya Tahan pada Masa Hadapan. Penambahbaikan kepada Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian mencerminkan kepentingan perubahan iklim kepada Kumpulan, dan komitmen untuk memacu peralihan yang adil dan bertanggungjawab kepada ekonomi rendah karbon.

Pada TK2023, RHB menetapkan komitmen untuk Mencapai Sifar Bersih menjelang 2050, merupakan langkah yang signifikan dalam perjalanan kelestarian Kumpulan. Melalui komitmen ini, Kumpulan ini sejajar dengan cita-cita Malaysia dengan untuk mencapai Sifar Bersih seawal tahun 2050, serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional ("NETR") yang memacu negara ke arah komitmen ini. Komitmen Kumpulan ini juga selaras dengan amalan terbaik industri yang mengakui bahawa sektor kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk memungkinkan peralihan kepada ekonomi karbon rendah dengan mengalakan modal kewangan ke arah aktiviti lestari dan rendah karbon. Ini adalah kritikal untuk mengekalkan had pemanasan di bawah 1.5°C untuk menghindari daripada kerosakan alam sekitar termasuk kenaikan paras air laut, cuaca yang melampau dan kehilangan biodiversiti. Tambahan lagi, komitmen Sifar Bersih RHB sejajar dengan jangkaan kawal selia untuk memacu peralihan yang adil, tersusun dan bertanggungjawab ke arah ekonomi karbon rendah.

STRATEGI SIFAR BERSIH RHB

Strategi Sifar Bersih holistik Kumpulan akan membimbing usaha kami untuk memacu peralihan yang adil dan bertanggungjawab kepada ekonomi rendah karbon.

MENCAPAI PELEPASAN SIFAR BERSIH MENJELANG 2050			
	Objektif Strategik 1	Objektif Strategik 2	Objektif Strategik 3
<p>OBJEKTIF STRATEGIK</p> <p>Sasaran 2030</p> <p>Sasaran 2050</p>	<p>Menangani pendedahan portfolio sedia ada kami, menguruskan pelepasan yang dibiayai berpunca daripada lima sektor berimpak tinggi yang dikenal pasti (Skop 3)</p> <p><i>Pengurangan pelepasan yang dibiayai¹ dalam lima sektor berimpak tinggi dalam perniagaan kami:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Bekalan Tenaga Minyak Sawit Minyak & Gas Hartanah & Pembinaan Pengangkutan 	<p>Menangani peluang komersial hijau dan perkhidmatan kewangan yang menyokong syarikat yang komited terhadap neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap</p> <ul style="list-style-type: none"> Memacu pertumbuhan dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau; dan Menyokong syarikat yang komited terhadap neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap 	<p>Menangani pelepasan operasi GHG Kumpulan (Skop 1, Skop 2 dan Skop 3, iaitu Perjalanan Perniagaan melalui Darat dan Udara)</p> <p><i>Integrasi amalan lestari dan karbon rendah ke dalam operasi kami</i></p>
	<p>Mencapai pengurangan sebanyak 20% dalam Pelepasan yang Dibiayai bagi lima sektor berimpak tinggi dalam perniagaan kami</p>	<p>40% daripada portfolio kami dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau dan/atau menyokong syarikat yang komited terhadap neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap</p>	<p>Integrasi amalan lestari dan karbon rendah ke dalam operasi kami</p>
	<p>Mencapai pengurangan sehingga 96% dalam Pelepasan yang Dibiayai bagi lima sektor berimpak tinggi dalam perniagaan kami</p>	<p>90% daripada portfolio kami dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau dan/atau menyokong syarikat yang komited terhadap neutral karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap</p>	
<p>Pemacu Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> Rangka Kerja & Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan Rangka Kerja dan Garis Panduan Kewangan Lestari2 Rangka Kerja dan Garis Panduan Kewangan Peralihan2 RM Buku Panduan (Playbook) Pendirian terhadap Arang Batu dan Komitmen NDPE Kredit Terlarang Alat Penganalisis Sektor Sensitif ESG, Risiko ESG dan Soal Selidik Peringkat Sektor Rangka Kerja Pembinaan Keupayaan Lestari Strategi pengurusan dan penambahbaikan data Pakar kewangan lestari merentas sektor Perkongsian strategik dengan pemain industri 			
<p>¹ Rujuk kepada pelepasan GHG berkaitan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan RHB</p> <p>² Dalam pembangunan dan dijangka siap pada TK2024.</p> <p><i>Nota: Pendekatan Sifar Bersih RHB menjelang 2050 juga mengambil kira kemajuan dan pembangunan dasar, arahan dan insentif kerajaan, serta keperluan kawal selia berkenaan dengan peralihan rendah karbon.</i></p>			

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai strategi khusus sektor, sila rujuk muka surat 97 Laporan Kelestarian 2023.

Cadangan daripada Panduan Permohonan TCFD

Cadangan	Pendekatan RHB	Rujukan
<p>► TADBIR URUS</p>		
<p>G1</p> <p>Pengawasan Lembaga Berkenaan Dengan Kelestarian dan Perkara-perkara Berkaitan Iklim</p> <hr/> <p>Mendedahkan sifat pengawasan dan akauntabiliti Lembaga berkenaan dengan kelestarian dan perkara-perkara berkaitan iklim, risiko dan peluang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Lembaga Pengarah Bank RHB Bank ialah badan tadbir urus tertinggi yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju strategik dan pengawasan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, termasuk strategi berkaitan iklim. Lembaga ini disokong oleh Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ("BSC"), yang bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Risiko Lembaga ("BRC"), Jawatankuasa Pencilonan & Imbuan ("BNRC"), dan Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") untuk menyediakan pengawasan mengenai bidang kelestarian yang relevan dan perkara-perkara berkaitan iklim. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Tadbir Urus Kelestarian (Muka surat 110-113) Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>G2</p> <p>Struktur Tadbir Urus Kelestarian termasuk Perkara-perkara Berkaitan Iklim pada Peringkat Pengurusan</p> <hr/> <p>Mendedahkan struktur tadbir urus kelestarian peringkat pengurusan serta proses-proses untuk kelestarian dan perkara-perkara berkaitan iklim, termasuk akauntabiliti, tanggungjawab, dan membuat keputusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC") memacu pelaksanaan berkesan agenda kelestarian dan iklim Kumpulan, sejajar dengan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan. GSC dipengerusi oleh Pengarah Urusan Kumpulan ("GMD") dan terdiri daripada anggota utama pasukan pengurusan kanan RHB. Ketua Pegawai Kelestarian dan Komunikasi Kumpulan, disokong oleh pasukan Pengurusan Kelestarian Kumpulan, memacu pelaksanaan bidang fokus strategi kelestarian Kumpulan, termasuk bekerjasama dengan Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan dalam pelaksanaan GCAP. Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan masing-masing menyokong Jawatankuasa Lembaga masing-masing, serta GSC, untuk menyediakan pengawasan sasaran mengenai kelestarian dan perkara-perkara berkaitan iklim di bawah bidang kuasa mereka masing-masing. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Tadbir Urus Kelestarian (Muka surat 110-113) Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>G3</p> <p>Kelayakan Lembaga Berkaitan Iklim dan Kelestarian</p> <hr/> <p>Mendedahkan kelayakan kelestarian dan berkaitan iklim, pengalaman dan biografi peribadi ahli Lembaga.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bagi memastikan keberkesanan Lembaga untuk memikul tanggungjawabnya, ahli Lembaga dinilai pada asas tahunan melalui latihan Penilaian Keberkesanan ("BEE") Lembaga. Kami memudahkan pembelajaran berterusan untuk Ahli Lembaga Pengarah dengan sesi perkongsian pengetahuan, forum industri utama dan program latihan untuk membolehkan mereka membimbing Kumpulan dalam pengemudian landskap kelestarian yang berubah-ubah. Ini termasuk pengetahuan berkaitan iklim yang relevan untuk mengawasi agenda iklim Kumpulan dengan berkesan, memastikan agar mereka berpengetahuan tentang perkembangan kelestarian dan berkaitan iklim. Pengarah Kumpulan Perbankan RHB menyertai 11 sesi pengetahuan mengenai perkara-perkara berkaitan kelestarian pada TK2023. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Tadbir Urus Kelestarian (Muka surat 110-113) Laporan Bersepadu 2023</i></p>

Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim oleh RHB

Cadangan	Pendekatan RHB	Rujukan
▶ TADBIR URUS (SAMBUNGAN)		
<p>G4</p> <p>Latihan Kelestarian dan Berkaitan Iklim</p> <hr/> <p>Mendedahkan inisiatif yang dikendalikan dan program latihan yang dijalankan setiap tahun untuk membina kapasiti ahli-ahli Lembaga dan pengurusan mengenai isu-isu kelestarian termasuk perkara-perkara berkaitan iklim.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pada TK2023, bidang-bidang fokus yang merangkumi latihan Lembaga berkaitan kelestarian dan perubahan iklim ialah kepimpinan, tadbir urus dan pengawasan kelestarian, sifar bersih dan penyahkarbonan, keperluan kawal selia dan pembangunan dan pelaporan dan pendedahan kelestarian. • Pada TK2023, anggota berkaitan BSC dan pengurusan Kumpulan menyertai tiga program latihan kelestarian dan berkaitan iklim, termasuk Program Kelestarian yang dianjurkan oleh Perniagaan INSEAD 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Tadbir Urus Kelestarian (Muka surat 110-113) Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>G5</p> <p>Perbincangan mengenai Kelestarian dan Berkaitan Iklim dalam Mesyuarat Lembaga</p> <hr/> <p>Mendedahkan kekerapan mesyuarat Lembaga diadakan setiap tahun di mana isu melibatkan kelestarian dan berkaitan iklim menjadi agenda substantif, serta ringkasan isu berkaitan iklim yang utama dan inisiatif yang dipertimbangkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 24 mesyuarat dengan agenda kelestarian dan berkaitan iklim diadakan pada TK202 merentas Lembaga, BSC, BRC, BAC dan BNRC. • Antara isu-isu penting yang dibincangkan termasuk Komitmen Sifar Bersih RHB, semakan kepada Komitmen Perkhidmatan Lestari Kumpulan, garis dasar dan kemas kini pelepasan dibiayai mengenai pencapaian kelestarian Kumpulan, analisis sektor sensitif ESG dan Program Tindakan Iklim Kumpulan. • Pelbagai kemajuan, strategi dan inisiatif kelestarian dan berkaitan iklim dibincangkan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Tadbir Urus Kelestarian (Muka surat 110-113) Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>G6</p> <p>Imbuan Kelestarian/ Berkaitan Iklim</p> <hr/> <p>Mengaitkan Lembaga Pengarah (tidak termasuk pengarah bebas) dengan imbuan pengurusan tertinggi kepada prestasi berbanding dengan sasaran kelestarian dan berkaitan iklim.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pertimbangan kelestarian dan berkaitan iklim berhubung dengan penilaian prestasi dan sistem imbuan sejak tahun 2022. • Pada TK2023, pertimbangan kelestarian dan berkaitan iklim digabungkan sebagai Penunjuk Prestasi Utama ("KPI") dengan pewajaran ditentukan dalam Kad Skor Seimbang Kumpulan TK2023. • Lima KPI Kelestarian yang diluluskan, termasuk perkara-perkara iklim juga diterapkan ke dalam Kad Skor Seimbang Pengurusan Kanan Kumpulan. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Tadbir Urus Kelestarian (Muka surat 110-113) Laporan Bersepadu 2023</i></p>

Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim oleh RHB

Cadangan	Pendekatan RHB	Rujukan
<p>► STRATEGI</p>		
<p>S1</p> <p>Pengenalpastian Risiko dan Peluang berkaitan Iklim</p> <hr/> <p>Mengkaji semula strategi institusi kewangan untuk mengenal pasti dan mendedahkan risiko dan peluang berkaitan iklim jangka pendek, sederhana dan panjang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pada TK2023, RHB mewujudkan komitmen untuk Mencapai Pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050. Strategi sifar bersih terdiri daripada tiga objektif strategik yang meliputi sasaran untuk tahun 2030 dan tahun 2050. <p>► Objektif Strategik 1</p> <p>Menumpukan perhatian kepada pendedahan portfolio sedia ada, menguruskan pelepasan dibiayai yang timbul daripada lima sektor impak tinggi yang dikenal pasti (Skop 3)</p> <p>► Objektif Strategik 2</p> <p>Menumpukan perhatian kepada peluang komersial hijau dan perkhidmatan kewangan yang menyokong syarikat-syarikat yang komited kepada peneutralan karbon dengan strategi peralihan jelas dan mantap</p> <p>► Objektif Strategik 3</p> <p>Menumpukan perhatian Kumpulan kepada operasi pelepasan GHG (Skop 1, Skop 2 dan Skop 3, iaitu Perjalanan Perniagaan melalui Darat dan Udara)</p>	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>S2</p> <p>Impak Risiko dan Peluang berkaitan Iklim</p> <hr/> <p>Menilai dan mendedahkan risiko dan peluang berkaitan iklim boleh menjejaskan perniagaan, strategi, dan perancangan kewangan institusi kewangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> RHB menerapkan pertimbangan kelestarian dan iklim secara aktif ke dalam Penilaian kredit dan proses kelulusan. Sejak TK2019, pertimbangan sedemikian telah diintegrasikan secara beransur-ansur ke dalam kriteria peminjaman dan pembiayaan RHB, dengan ketara melalui penambahbaikan Dasar Kredit, dan pembangunan alat penilaian risiko ESG untuk menilai portfolio bukan runcit. Integrasi pertimbangan iklim ke dalam amalan peminjaman dan pembiayaan berpandukan Program Tindakan Iklim Kumpulan yang termasuk integrasi keperluan Pengurusan dan Analisis Senario Risiko Iklim ("CRMSA") Bank Negara Malaysia ke dalam proses pengurusan risiko kami. Keputusan kredit Bank berpandukan perkadaran risiko ESG pelanggan yang dijanakan melalui alat ERA. Peminjam yang diukur sebagai "Berisiko Tinggi" akan dikelaskan sebagai Luar Bias Kredit, yang kelulusannya akan dipanjangkan kepada pihak berkuasa kelulusan yang lebih tinggi. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Pengurusan Kelestarian dan Risiko berkaitan Iklim Muka surat 102-109) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>S3</p> <p>Strategi dan Selera Risiko mengenai Risiko Berkaitan Iklim dan Langkah-langkah Kelestarian</p> <hr/> <p>Mendedahkan strategi dan selera berkenaan risiko dan peluang berkaitan iklim, dan langkah-langkah ke arah kelestarian dalam aktiviti perniagaan institusi kewangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kumpulan telah mengambil kira impak perubahan iklim dan risiko berkaitan dalam penetapan Pustaka Risiko. RHB menguruskan risiko berkaitan iklim dengan memasukkan pertimbangan risiko iklim ke dalam semua kategori/jenis risiko, yang boleh digunakan. Di samping itu, saluran penghantaran (iaitu rantai sebab menghubungkan impak perubahan iklim dan/atau risiko berkaitan dengan kategori/jenis risiko lain) telah ditetapkan dan diambil kira sebagai sebahagian daripada latihan Penilaian Risiko Material ("MRA") tahunan 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123), Pengurusan Kelestarian dan Risiko berkaitan Iklim Muka surat 102-109) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>

Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim oleh RHB

Cadangan	Pendekatan RHB	Rujukan
<p>► PENGURUSAN RISIKO</p>		
<p>R1</p> <p>Proses untuk mengenal pasti dan Menilai Assessing Climate-related Risks</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendedahkan bagaimana institusi kewangan melihat keperluan kawal selia berkaitan perubahan iklim yang sedia ada dan baharu serta faktor relevan lain. Mendedahkan rangka kerja klasifikasi risiko yang digunakan. Mendedahkan definisi terminologi risiko yang digunakan atau rangka kerja klasifikasi risiko yang digunakan masa kini. 	<ul style="list-style-type: none"> Kami berpandukan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (“CCPT”) BNM dan Dokumen Dasar Pengurusan Risiko Iklim Scenario Analisis Senario (“CRMSA”). Di samping itu, Dokumen Dasar BNM bagi Latihan Ujian Tekanan Risiko Iklim 2024 – Kertas Metodologi akan membimbing usaha ujian tekanan iklim kami. Operasi luar negara kami berpandukan peraturan negara masing-masing, seperti Garis Panduan mengenai Pengurusan Risiko Alam Sekitar Bank-bank, Pengurus Aset dan Syarikat Insurans Penguasa Kewangan Singapura (“MAS”). Kami akan terus mengikuti perkembangan keperluan kawal selia berkaitan iklim yang memberi kesan kepada negara kami beroperasi, dan akan berusaha menggabungkannya ke dalam pendekatan pengurusan risiko mana-mana relevan dan perlu. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>R2</p> <p>Proses untuk Mengurus Risiko berkaitan Iklim</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendedahkan proses dan kawalan pengurusan risiko institusi kewangan. Mendedahkan identiti individu/fungsi yang bertanggungjawab bagi pengawasan risiko berkaitan iklim dan hubungannya dengan operasi perniagaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pada TK2023, BRC meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan (“GCRMF”) dan Dasar Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan (“GCRMP”). GCRMF dan GCRMP menetapkan prinsip menyeluruh dan piawaian panduan yang mentadbir urus pengurusan risiko berkaitan iklim di seluruh Kumpulan Perbankan RHB. Kedua-dua dokumen telah diperluaskan kepada operasi Malaysia dan Luar Negara. Kumpulan ini memperkenalkan Papan Pemuka Risiko Iklim pada TL2023, untuk memudahkan pemantauan berkesan dan pengesanan metrik risiko iklim utama. Di samping itu, Bank telah melaksanakan metrik selera risiko untuk risiko iklim yang termasuk dalam Penetapan Selera Risiko (“RAS”) tahunan 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>
<p>R3</p> <p>Proses Integrasi (i) Proses untuk Mengenal Pasti dan Menaksir Risiko berkaitan Iklim dan (ii) Proses untuk Menguruskan Risiko berkaitan Iklim; ke dalam Pengurusan Risiko Keseluruhan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendedahkan integrasi proses untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko berkaitan iklim ke dalam pengurusan risiko keseluruhan. Mendedahkan proses untuk mengutamakan risiko berkaitan iklim, termasuk bagaimana penetapan materialiti dibuat dalam institusi kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan CRMSA BNM relevan telah digabungkan ke dalam dokumentasi risiko dalaman yang mentadbir jenis risiko kewangan dan bukan kewangan, termasuk risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko insurans. Kumpulan menggabungkan impak berkaitan iklim dan risiko berkaitan ke dalam semua kategori/jenis risiko, mana-mana dapat digunakan. Di samping itu, saluran penyampaian diwujudkan dan dianggap sebagai sebahagian daripada latihan Risiko Material tahunan. 	<p>▲</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>

Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim RHB

Cadangan

Pendekatan RHB

Rujukan

► METRIK & SASARAN

M1

Metrik berkaitan Iklim Utama

- Pelepasan GHG: Mendedahkan sejarah dan keadaan semasa Pelepasan GHG (Contoh unit ukuran - MT CO₂ e).
- Risiko Peralihan: Mendedahkan jumlah dan tahap aset atau aktiviti perniagaan yang mudah terjejas kepada risiko peralihan (Contoh unit ukuran - Jumlah atau Peratusan).
- Peluang Berkaitan Iklim: Mendedahkan bahagian hasil, aset atau aktiviti perniagaan lain (pembiayaan & pelaburan) sejajar dengan peluang berkaitan iklim (Contoh unit ukuran - Jumlah atau Peratusan).
- Keterlibatan: Mendedahkan keterlibatan dengan pelanggan mengenai risiko dan peluang berkaitan iklim (Contoh unit ukuran - peratusan).
- Penggunaan Modal: Mendedahkan jumlah perbelanjaan modal, pembiayaan, atau pelaburan digunakan ke arah risiko dan peluang berkaitan iklim (Contoh unit ukuran - mata wang pelaporan).
- Imbuhan: Mendedahkan bahagian imbuhan pengarah dan/atau pengurusan kanan melibatkan pertimbangan kelestarian (Contoh unit ukuran - Peratusan, pewajaran, penerangan, atau jumlah dalam mata wang pelaporan).

Pelepasan Dibiayai (MTCO₂e)

Jumlah Pelepasan Dibiayai Mutlak 2022	9.26*	Merangkumi semua kelas aset PCAF (AC1-AC7) merentas semua sektor
2022 Jumlah Pelepasan Dibiayai daripada Sektor-sektor Utama	7.63	Merangkumi 5 sektor berimpak tinggi teratas iaitu Bekalan Tenaga, Minyak Sawit, Minyak & Gas, Hartanah & Pembinaan, dan Pengangkutan

* Sila ambil maklum bahawa angka telah dibundarkan kepada 2 titik perpuluhan.

Perkhidmatan Kewangan Hijau

Kumulatif (Julai 2021 - Disember 2023):	TK2023:
RM11.3 bilion	RM6.7 bilion*

* Data ini telah dijamin secara luaran. Rujuk kepada laporan jaminan terhad bebas dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Operasi Pelepasan GHG

Scope 1 GHG Emissions (tCO₂e)



Skop 2 Pelepasan GHG (tCO₂e)



* Data ini telah dijamin secara luaran. Rujuk kepada laporan jaminan terhad bebas dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Skop 3 Pelepasan GHG (tCO₂e)



Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123) dalam Laporan Bersepadu 2023

Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim RHB

Cadangan	Pendekatan RHB	Rujukan
▶ METRIK & SASARAN (SAMBUNGAN)		
<p>M2</p> <p>Sasaran berkaitan Iklim Utama</p> <hr/> <p>Menetapkan dan mendedahkan sasaran berkaitan iklim yang jelas berdasarkan pada metrik yang diiktiraf (termasuk rentas industri, metrik khusus sektor dan/atau metrik khusus institusi).</p>	<p>Pelepasan Dibiayai</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjelang 2030, mencapai pengurangan 20% dalam Pelepasan Dibiayai bagi 5 sektor berimpak tinggi teratas dalam perniagaan kami Menjelang 2050, mencapai pengurangan sehingga 96% dalam Pelepasan Dibiayai bagi 5 sektor berimpak tinggi teratas dalam perniagaan kami <p><i>Nota: 5 sektor berimpak tinggi merujuk kepada bekalan tenaga, minyak & gas, hartanah & pembinaan dan pengangkutan.</i></p> <p>Perkhidmatan Kewangan Hijau</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjelang 2030, 40% daripada portfolio kami dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau dan/atau menyokong syarikat-syarikat yang komited terhadap keneutralan karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap Menjelang 2050, 90% daripada portfolio kami dalam Perkhidmatan Kewangan Hijau dan/atau menyokong syarikat-syarikat yang komited terhadap keneutralan karbon dengan strategi peralihan yang jelas dan mantap <p>Operasi Pelepasan GHG</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan 45% daripada jumlah pelepasan GHG menjelang 2026 daripada garis dasar 2016 mengikut hala tuju pengurangan pelepasan HGH 5-tahun; dan mencapai operasi neutral karbon menjelang 2030 	<p>▶</p> <p><i>Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim RHB (Muka surat 118-123) dalam Laporan Bersepadu 2023</i></p>

* Indeks TCFD merujuk kepada Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim ("TCFD") Garis Panduan Permohonan bagi Institusi Kewangan Malaysia oleh Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3).

...Memacu Kewangan Lestari & Bertanggungjawab

Kami mengakui peranan penting yang dimainkan untuk membina masa depan yang lestari sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan. Komitmen kami untuk memacu kewangan lestari dan bertanggungjawab tertanam dalam strategi korporat TWP24. Kami menyasarkan untuk menyokong pelanggan dalam peralihan amalan perniagaan menerusi produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif. Oleh yang demikian, kami telah mencepatkan usaha untuk mengintegrasikan pertimbangan kelestarian dan berkaitan iklim merentas semua aktiviti perniagaan, termasuk peminjaman dan pembiayaan, pasaran modal dan nasihat, pelaburan, pengurusan. kekayaan, dan insurans. Semua pertimbangan ini secara serentak dimasukkan ke dalam pengurusan risiko dan proses tadbir urus, memastikan pendekatan komprehensif, teguh, dan strategik untuk menggerakkan kewangan lestari. Selain itu, kami meluaskan sokongan keterangkuman kewangan, meningkatkan perkhidmatan perbankan digital, dan menyampaikan pengalaman pelanggan yang unggul.

► VISI

Mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam strategi dan proses membuat keputusan perniagaan kami di samping memupuk pelanggan dan komuniti ke arah mencapai pertumbuhan lestari.

► BIDANG FOCUS

1 Perkhidmatan Kewangan Lestari

Mencipta impak positif melalui perniagaan pinjaman, pasaran modal, pengurusan kekayaan, deposit, pelaburan, pengurusan aset, dan insurans kami.

2 Keterangkuman Kewangan

Menyediakan perkhidmatan kewangan kepada segmen sasaran dalam komuniti (pelajar, golongan yang baharu menyertai tenaga kerja, golongan yang kurang mendapat perkhidmatan) dan perniagaan ("PKS", perusahaan mikro, dan sebagainya).

3 Memajukan PKS Ke Arah Amalan Perniagaan Lestari

Membimbing dan menyokong PKS dalam perjalanan mereka ke arah membina perniagaan lestari.

► BIDANG FOKUS KELESTARIAN

- Perkhidmatan Kewangan Lestari
- Keterangkuman Kewangan
- Memajukan PKS Ke Arah Amalan Perniagaan Lestari

► TWP24 BIDANG FOKUS

- Memangkinakan Kelestarian
- Menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Utama
- Menggunakan Teknologi Canggih
- Mempercepat Perkhidmatan Perbankan Pintar

► KPI KELESTARIAN RHB

- KPI 1: Menggerakkan RM50 bilion dalam Perkhidmatan Kewangan Lestari menjelang 2026
- KPI 2: Memperkasakan lebih 2 juta individu dan perniagaan sasaran merentas ASEAN menjelang 2026

► UN SDGS



► PERKARA-PERKARA MATERIAL

- | | |
|---|--|
| CC Perubahan Iklim | DI Pendigitalan dan Teknologi Pelaburan |
| FI Keterangkuman Kewangan | CX Pengalaman Pelanggan |
| SF Perkhidmatan Kewangan Lestari | FC Layanan Adil terhadap Pelanggan Kewangan |

Perkhidmatan Kewangan Lestari

SF

- Menggerakkan lebih RM23.8 bilion perkhidmatan kewangan lestari sejak Julai 2021, dengan RM12.5[^] bilion bagi TK2023 merentas peminjaman dan pembiayaan, modal pasaran dan nasihat, pelaburan, pengurusan kekayaan, dan insurans. Memandangkan kemajuan ini, Kumpulan telah menyemak semula komitmen Perkhidmatan Kewangan Lestari 2026 daripada RM20 bilion kepada RM50 bilion.
- Menggerakkan hampir:

RM6.7[^] bilion

dalam aktiviti hijau yang layak

RM2.2[^] bilion

dalam aktiviti sosial yang layak

RM3.7[^] bilion

dalam aktiviti berkaitan ESG yang layak

[^] Data ini telah dijamin secara luaran. Sila rujuk kepada laporan jaminan terhad bebas dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Perkhidmatan Kewangan Lestari pada muka surat 117-137 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Keterangkuman Kewangan

FI

- **RM66.9 juta** pembiayaan diluluskan dan diterima melalui **Program Pembiayaan Pembekal dan Vendor RHB** dengan kerjasama Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP"), memanfaatkan kira-kira 30 PKS.
- **RM778.6 juta** ditawarkan kepada sejumlah **2,705 pelanggan** melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan ("SJKP") Pembiayaan Rumah-i** untuk menggalakkan pemilihan rumah di kalangan individu berpendapatan rendah.
- Memperkenalkan **Insurans Kemalangan Peribadi Rahmah RHB 2023** yang menyediakan perlindungan kemaslahatan peribadi mampu milik bagi segmen B40.
- Melancarkan **RHB Perlindungan Hero** pada tahun 2023 yang menyediakan perlindungan asas untuk semua boleh diperbaharui tahunan mampu milik.
- Sejak tahun 2022, **lebih 600,000 pelajar** daripada 20 universiti awam telah membuka akaun Simpanan-i Pro dan memperoleh kad debit **MySISWA** yang menggalakkan kebebasan kewangan dan menyokong kampus tanpa tunai.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Keterangkuman Kewangan pada muka surat 138-141 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

...Memacu Kewangan Lestari & Bertanggungjawab

Simpanan-i Pro ("PKS")

- **Program Kewangan Lestari ("SFP")** menawarkan pakej produk hijau kepada pelanggan PKS dan Runcit merentas empat kategori, iaitu Tenaga Hijau, Bangunan Hijau, Produk Hijau dan Proses Hijau.
- Penyelesaian **Pembiayaan Hijau PKS** yang merupakan sebahagian daripada Program Pembiayaan Lestari, menyediakan PKS dengan modal kerja untuk menyokong peralihan karbon rendah. Kemudahan yang disediakan termasuk:

- ▶ **Pembiayaan Tenaga Boleh Diperbaharui Hijau PKS**
- ▶ **Pembiayaan Hartanah Komersial Hijau PKS**
- ▶ **Pembiayaan Modal Kerja Hijau PKS**
- ▶ **Kemudahan Pembiayaan Perbelanjaan Modal (CAPEX) Hijau PKS**
- ▶ **Pembiayaan Teknologi Hijau PKS**

- Meluluskan dan menerima pinjaman berikut:

Pembiayaan Lestari

RM1.5 bilion

(September 2021 - Disember 2023)

RM1.1 bilion

Pembiayaan Hijau PKS

- Menggerakkan **RM258.8 juta** melalui **Kemudahan Peralihan Karbon Rendah ("LCTF")** BNM untuk memajukan pembudayaan amalan lestari dan karbon rendah PKS.
- Menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang pertama untuk **bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad ("TNB")** bagi memudahkan peralihan PKS kepada amalan karbon rendah. Kerjasama ini menawarkan sokongan komprehensif, termasuk perkongsian pengetahuan dan kesedaran, nasihat teknikal mengenai kecekapan tenaga dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui, dan Penyelesaian Pembiayaan Hijau. Pada November 2023, RHB dan TNB menganjurkan sesi keterlibatan yang mendidik lebih **200 PKS** di Lembah Kelang mengenai amalan perniagaan lestari.
- Memanfaatkan **lebih 800 PKS** sepanjang tahun, menyediakan pendidikan dan sokongan bagi amalan lestari melalui inisiatif membina kapasiti RHB, termasukm jerayawara dan kempen kesedaran.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Perkhidmatan Kewangan Lestari pada muka surat 117-137 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Pendigitalan dan Pelaburan Teknologi

DI

- **4,297[^] pelanggan** disuai kenal kepada **platform e-Penyelesaian PKS**, memperoleh manfaat daripada berbagai-bagai penyelesaian untuk PKS.
- Mengekalkan purata kelulusan masa pusing balik sebanyak **0.6 hari** terima kasih kepada **Penyelesaian iSmart** kami, yang meningkatkan kecekapan RM kami untuk menilai dan meluluskan permohonan pinjaman.
- **Meningkatkan Produktiviti Pekerja:** Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kami telah menerima konsep "Agile" di seluruh organisasi. Kami sedang melaksanakan beberapa projek Agile dan inisiatif penambahbaikan seperti pengoptimuman kos, proses dan penambahbaikan sistem strategik, semuanya menjurus ke arah meningkatkan produktiviti pada peringkat Kumpulan.

[^] Data ini telah dijamin secara luaran. Sila rujuk kepada laporan jaminan terhad dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Pengalaman Pelanggan

CX

- Seramai **124 ketua Skuad/Bulatan** telah diperakui dalam Prinsip Reka Bentuk CX RHB untuk Perjalanan dan Komunikasi Pelanggan, menghasilkan pemahaman dan penggunaan Prinsip Reka Bentuk CX RHB yang lebih baik untuk memupuk inovasi.
- **Meningkatkan Tahap Perkhidmatan:** Kami melaksanakan AI Chatbot generatif untuk membantu kakitangan barisan hadapan kami menangani pertanyaan pelanggan, menjimatkan masa dan meningkatkan konsistensi dalam kualiti perkhidmatan.
- **Pengalaman Pelanggan Digital & Hiper-Peribadi:** Kami memperkenalkan pasukan Pengurus Perkhidmatan Premier ("PSM") yang berdedikasi untuk menyampaikan perkhidmatan pantas dan peribadi kepada pelanggan Premier kami melalui platform perkhidmatan maya kami.
- Kumpulan RHB berasa gembira dapat meningkatkan kedudukan keseluruhan industrinya, dan pada tahun 2023, kini berada pada kedudukan ke-2 dalam industri. Ini dilengkapi dengan peningkatan dalam skor NPS kami, dari +12 hingga +20. Skor NPS kami juga menunjukkan peningkatan yang lebih besar berbanding industri keseluruhan, dengan peningkatan sebanyak 8 mata. (berbanding dengan peningkatan industri sebanyak 6 mata).

Layanan Adil terhadap Pelanggan Kewangan

FC

- Kami melaksanakan sepenuhnya pasukan **Penyelesaian Aduan Berpusat ("CCR")** untuk menguruskan aduan secara menyeluruh, mematuhi Dasar Pengurusan Aduan Kumpulan.
- **19** pekerja barisan hadapan dan sokongan telah dilatih dalam Penulisan Berpusatkan Pelanggan, memberi tumpuan kepada strategi untuk memberi kesan positif kepada pelanggan untuk memenuhi keperluan mereka dengan lebih baik.
- **Peningkatan Pengalaman dan Kesedaran Pelanggan:** Kami menjalankan pendidikan dan kesedaran pelanggan mengenai penipuan fraud dan scam melalui catatan mingguan di laman web korporat dan media sosial.

▲ Untuk maklumat mengenai data prestasi tiga tahun mengenai Memacu Kewangan yang Lestari & Bertanggungjawab, rujuk Data Prestasi Kelestarian dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

...Menerapkan Amalan yang Baik

Komitmen kami terhadap kelestarian bermula dengan memastikan bahawa kami membina asas yang kukuh untuk operasi kami pada setiap peringkat struktur organisasi kami. Integriti, ketelusan dan akauntabiliti bukan sahaja prinsip, tetapi amalan yang tertanam dalam setiap keputusan yang kami buat dan setiap interaksi yang kami ada dengan pihak berkepentingan kami. Integriti dalam semua aspek perniagaan kami adalah yang paling penting untuk kejayaan jangka panjang. RHB menerapkan amalan baik di seluruh perniagaan dan operasi kami melalui inisiatif ketara yang menegakkan piawaian tertinggi amalan perniagaan etika dan tingkah laku yang bertanggungjawab. Komitmen kami yang tidak berbelah bahagi digambarkan dalam rangka kerja tadbir urus korporat kami yang mantap, budaya tempat kerja yang inklusif, pengurusan rantaian bekalan yang lestari, dan operasi yang peka terhadap alam sekitar. Kami berusaha untuk memastikan bahawa kesan usaha ini terhadap pekerja kami, pengurusan kanan, rakan kongsi perniagaan, pembekal dan pihak berkepentingan lain di seluruh rantaian nilai kami boleh diukur, telus dan kolaboratif. Kami berusaha untuk menjadi pemimpin dalam pengawasan korporat yang membentuk masa depan yang bertanggungjawab untuk semua. Menerapkan amalan bertanggungjawab dan memupuk budaya yang lestari dalam organisasi kami.

► VISI

Menerapkan amalan bertanggungjawab dan memupuk budaya yang lestari dalam organisasi kami.

► BIDANG FOCUS

1 Etika dan Tatalaku

Mendukung integriti, etika dan pematuhan melalui dasar dan proses yang kukuh.

2 Pekerja dan tempat kerja

Menggalakkan perkembangan tenaga kerja dan memupuk tenaga kerja yang saksama, pelbagai, dan inklusif.

3 Rantaian Bekalan yang Lestari

Menggalakkan amalan bertanggungjawab dan lestari merentas rantaian bekalan Kumpulan.

► BIDANG FOKUS KELESTARIAN

- Etika dan Tatalaku
- Rantaian Bekalan Lestari
- Pekerja dan tempat kerja
- Operasi Neutral Karbon

► BIDANG FOKUS TWP24

- Menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Utama
- Menggunakan Teknologi Canggih
- Membangunkan Tenaga Kerja bersedia untuk masa depan
- Memangkinkan Kelestarian

► UN SDGS



► PERKARA-PERKARA MATERIAL

- | | |
|---|--|
| GB Tadbir Urus Perniagaan Baik | DO Kepelbagaian dan Peluang yang Sama |
| DC Perlindungan Data dan Keselamatan Siber | ES Pengawasan Alam Sekitar |
| T Bakat | SC Rantaian Bekalan Lestari |
| EHS Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja | |

► PERKARA-PERKARA KELESTARIAN UMUM BURSA YANG RELEVAN

- | | |
|-----------------------------------|-------------------------------|
| • Antirasuah | • Kepelbagaian |
| • Kerahsiaan dan keselamatan data | • Energy management |
| • Amalan dan piawaian buruh | • Air |
| • Kesihatan dan keselamatan | • Pengurusan sisa |
| | • Pengurusan rantaian bekalan |

Komposisi dan Kepelbagaian Kepimpinan

- Komposisi Lembaga mengekalkan perwakilan wanita sebanyak 30%, menentang usaha Kumpulan untuk meningkatkan metrik kepelbagaian dalam kepimpinan.
- Pada tahun 2023, wanita dalam jawatan pengurusan tertinggi dan kanan mencapai 33.9%^, melebihi sasaran TK2023 sebanyak 32.0%.

▲ Untuk keterangan lanjut, rujuk kepada Komposisi dan Kepelbagaian Lembaga pada muka surat 163 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023 dan muka surat 132-133 Laporan Bersepadu.

^ Data ini telah dijamin secara luaran. Sila rujuk kepada laporan jaminan terhad bebas dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Antisogokan dan Antirasuah

- Menjalankan sejumlah **24** sesi kesedaran dan perkongsian pengetahuan mengenai antisogokan dan antirasuah, latihan **5,831 pekerja** merentas sesi.
- 100% operasi dinilai untuk risiko berkaitan rasuah.
- 100% daripada ahli Lembaga Pengarah, pekerja dan pembekal dan vendor menerima komunikasi mengenai dasar dan prosedur Kumpulan berkaitan dengan antisogokan dan antirasuah.
- ePembelajaran Antisogokan dan Antirasuah mandatori bagi semua anggota baharu pada tahun direkrut. Bagi semua staf sedia ada, modul pembelajaran adalah wajib setiap dua tahun.

▲ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Antisogokan dan Anti rasuah pada muka surat 164-167 Laporan Kelestarian RHB dan pada muka surat 162-182 dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat Laporan ini.

Keselamatan Siber dan Perlindungan Data

- Ke arah meningkatkan usaha perlindungan data, Bank melibatkan pihak luar untuk mengkaji semula tahap pematuhan PDPA RHB, menilai keberkesanan pelan penambahbaikan diwujudkan semasa dan langkah-langkah yang bertujuan untuk melindungi data peribadi pelanggan.
- Penambahbaikan kaedah penilaian senarai semak vendor dan khidmat luaran ("OSPs") dilaksanakan untuk memastikan penjawatan kepada Garis Panduan mengenai Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Pendedahan yang Dibenarkan ("MCIPD"). Pada tahun 2023, kami menjalankan tiga sesi perkongsian pengetahuan Kesedaran Kerahsiaan dan Keselamatan Maklumat dengan wakil daripada 18 OSP Bank.

...Menerapkan Amalan yang Baik

Bakat

T

- Melabur lebih **RM32.6 juta** dalam pembelajaran dan pembangunan pada tahun 2023, purata 22⁺ jam latihan setiap pekerja.

Jumlah jam latihan:

313,783 jam

- Melaksanakan lebih 60 program latihan sebagai sebahagian daripada **Rangka Kerja Keupayaan Kelestarian ("SCBF")**, dengan **2,000 pekerja** menyempurnakan modul pembelajaran kelestarian dalaman.
- Meningkatkan kemahiran **494** pekerja melalui **Program Kemahiran Masa Depan**, menyediakan tenaga kerja kami untuk memenuhi permintaan pendigitalan.
- 78** pekerja menyertai **Program Tanda Tangan Kepimpinan ("LSP")** selama 10 minggu untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan dan kepintaran dalam perniagaan, mengukuhkan perancangan bakat.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada **Bakat** pada muka surat 172-184 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

^ Data ini telah dijamin secara luaran. Sila rujuk kepada laporan jaminan terhad bebas dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Kepelbagaian dan Peluang yang Sama

DO

- Mengintegrasikan Kepelbagaian, Kesaksamaan & Keterangkuman ("DEI") ke dalam Penunjuk Prestasi Utama:** DEI telah diintegrasikan ke dalam KPI Kelestarian Kumpulan yang akan dikesan, dipantau dan didedahkan.
- Menjalani **24** sesi kesedaran dan perkongsian pengetahuan mengenai antisogokan dan antirasuah, melatih **4,168 pekerja** merentas sesi.
- 78 pekerja** telah mendaftar dalam **Liga Kepimpinan Wanita ("WiLL")** sejak pelancarannya pada tahun 2021. WiLL bertujuan untuk memupuk perancangan kukuh pemimpin wanita berpotensi untuk menyokong aspirasi DEI Kumpulan.
- 16 peserta** mendapat penempatan latihan amali atau pekerjaan melalui **RHB #Empower**, program yang memfokus kepada membantu pengintegrasian remaja neurodiverse (yang memiliki kepelbagaian neurokognitif) ke dalam masyarakat. **Tiga individu** mendapat penempatan dalam Kumpulan Perbankan RHB.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada **Kepelbagaian dan Peluang yang Sama** pada muka surat 192-199 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja

EHS

- 51 pekerja** memperoleh manfaat daripada **Program H.E.A.L.**, program diet peribadi yang menggalakkan gaya hidup sihat untuk individu yang layak. 64% daripada peserta mengalami penurunan berat badan melalui program ini.
- 17 pekerja** memperoleh manfaat daripada perkhidmatan sokongan profesional mental dan emosi melalui Program Bantuan Pekerja ("EAP") yang dilancarkan pada tahun 2023.
- 20 pekerja** dipilih sebagai Penyokong Rakan Setara untuk dilatih di bawah **Program RHB C.A.R.E.**, program yang baru dilancarkan untuk memupuk penyokong rakan setara berkemahiran dalam tenaga kerja. Sepuluh orang pekerja berjaya tamat menjalani Program ini.

Pengawasan Alam Sekitar

ES

- Menamatkan Fasa 1 proses pemasangan Solar sebagai sebahagian daripada Operasi Neutral Karbon menjelang Perancangan Tahun 2030. Antara September 2023 dengan Disember 2023, kami mencatatkan anggaran pengurangan pelepasan sebanyak **105 tCO₂e**.

- Mencapai pengurangan **43% pelepasan** GHG dalam Operasi (Skop 1, Skop 2 dan Skop 3 (Perjalanan Perniagaan melalui Darat dan Udara) berbanding dengan garis dasar 2016.

- Mencatatkan **pengurangan 8.3%** dalam penggunaan air berbanding dengan TK2022, berjumlah 115,760m³.

- Mencatatkan **pengurangan 7.3%** dalam penggunaan kertas berbanding dengan TK2022, berjumlah 142,600 rim.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada **Pengawasan Alam Sekitar** pada muka surat 200-203 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

Rantaian Bekalan Lestari

SC

- Memperkenalkan **Kod Tatalaku Pembekal RHB** pada tahun 2023, yang menggariskan jangkaan Kumpulan bagi pembekal kami untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG secara beransur-ansur ke dalam amalan perniagaan.

- 70 pembekal utama** menyertai sesi perkongsian pengetahuan mengenai dasar Antisogokan dan Antirasuah RHB ke arah mengukuhkan amalan integriti merentas rantaian bekalan kami.

- Kami melabur jumlah yang signifikan dalam perolehan barangan dan perkhidmatan setiap tahun untuk menyokong operasi perniagaan kami. Pembekal kami terdiri daripada berbagai-bagai jenis perniagaan tempatan dan milik asing:

RM643 juta

jumlah perbelanjaan pembekal

695

jumlah pembekal dan vendo

74%

daripada jumlah perbelanjaan teknologi

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada **Rantaian Bekalan Lestari** pada muka surat 204-207 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

▲ Untuk maklumat mengenai data prestasi tiga tahun mengenai Penerapan Amalan Baik, rujuk kepada **Data Prestasi Kelestarian Laporan Kelestarian RHB 2023**.

...Memperkayakan & Memperkasakan Komuniti

Membina kepercayaan dan hubungan yang erat dalam komuniti merupakan komponen penting strategi kelestarian dan agenda impak sosial RHB. Kami mencapainya melalui kerjasama kolaboratif dan inisiatif keterlibatan komuniti yang berimpak, memastikan bahawa setiap tindakan meninggalkan impak positif yang berkekalan. Pekerja kami diperkasakan untuk menyumbang dan melibatkan diri dalam inisiatif ini, memupuk budaya tanggungjawab sosial dan kemajuan bersama. Dengan memupuk potensi generasi masa akan datang dan meningkatkan segmen yang terdedah/rentan & segmen yang kurang mendapat perkhidmatan, kami komited untuk meningkat kesejahteraan jangka panjang komuniti kami, mengukuhkan lesen sosial untuk beroperasi dan mewujudkan nilai untuk semua.

► VISI

Mewujudkan impak positif jangka panjang mengenai komuniti, memfokus kepada membimbing kanak-kanak dan golongan belia

► BIDANG FOKUS

1 Membimbing Generasi Masa Depan

Menggalakkan pertumbuhan dan daya tahan dalam kanak-kanak dan golongan belia melalui pembelajaran dan pembangunan diri secara holistik

2 Meningkatkan Komuniti

Meningkatkan kehidupan masyarakat yang terdedah/rentan & segmen yang kurang mendapat perkhidmatan melalui inisiatif penglibatan komuniti, termasuk program membina kapasiti dan pembangunan kemahiran

► BIDANG FOKUS KELESTARIAN

- Membimbing Generasi Masa Depan
- Meningkatkan Komuniti

► BIDANG FOKUS TWP24

- Memangkinakan Kestarian
- Mengintegrasikan ke dalam Ekosistem Islamik Utama

► KPI KELESTARIAN RHB

- KPI 2: Memperkasakan lebih 2 juta individu dan perniagaan sasaran merentas ASEAN menjelang 2026

► UN SDGS



► PERKARA-PERKARA MATERIAL

CE Memperkasakan dan Memperkayakan Komuniti

DC Keterangkuman Kewangan

► PERKARA-PERKARA KELESTARIAN UMUM BURSA YANG RELEVAN

- Komuniti/masyarakat

Memperkasakan dan Memperkayakan Komuniti

- Lebih **10,800 pelajar** menyertai **Program Money Ma\$ter** utama yang berusaha untuk meningkatkan celik kewangan di kalangan pelajar sekolah.
- **Program Kecemerlangan Akademik X-Cel RHB** dan **inisiatif Biasiswa Program Star X-Cel RHB** bertujuan untuk membantu golongan belia kurang bernasib baik cemerlang dalam pelajaran di samping memupuk bakat mereka yang unik. Sejak tahun 2018, Program Kecemerlangan Akademik X-Cel telah memberi kesan positif kepada **lebih 9,360 pelajar sekolah menengah**, manakala Biasiswa Star X-Cel telah menyediakan sokongan kewangan **sebanyak RM1.27 juta** kepada hampir **50 pelajar** sejak tahun 2019.
- **RHB #Empower**, dilancarkan pada tahun 2023, melengkapkan golongan belia neurodivergent (yang memiliki kepelbagaian neurokognitif) dengan pekerjaan dan kemahiran hidup bebas, membantu integrasi sosial dan menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka. Sejumlah **20 peserta** kohort pertama program ini selesai menjalani latihan pada Jun 2023, dengan 16 peserta mendapat penempatan dengan pelbagai rakan pekerjaan.



- **RHB Touch Hearts:** Inisiatif dipacu oleh pekerja yang memperkasakan warga RHB untuk mengenal pasti projek keterlibatan komuniti setempat secara bebas, memfokus kepada menyokong komuniti yang terdedah/rentan & segmen yang kurang mendapat perkhidmatan. Inisiatif ini memanfaatkan lebih 18,000 individu dan melalui projek yang dilaksanakan, kami menanam lebih 5,400 pokok, termasuk 4,000 pokok bakau.

...Memperkayakan & Memperkasakan Komuniti



- RHB memperkasakan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana ("mikro PKS") melalui latihan, pementoran, dan peluang pendanaan pembenihan menerusi program seperti **Program Jadi Bos Sendiri-Strategi Pemerksaan B40 ("BEST-BYOB")** dan RHB #JomBiz. Pada TK2023, program-program ini membantu hampir 30 graduan BEST-BYOB menjadi usahawan pra-francis (pendapatan awal RM1,500-RM30,000), manakala RHB #JomBiz memanfaatkan 329[^] perniagaan dan pembenihan dana diberikan kepada **60 mikro PKS**.

[^] Data ini telah dijamin secara luaran. Rujuk kepada laporan jaminan terhad bebas dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

- RHB Ocean Harmoni:** Kami menjalankan sesi ceil kewangan untuk hampir **1,000 individu**, bertujuan untuk menggalakkan keterangkuman kewangan dan memperkasakan pembuatan keputusan kewangan yang berdasarkan maklumat. Di samping itu, kami terlibat dalam aktiviti pemuliharaan seperti penanaman baby koral di Pulau Rawa sebagai sebahagian daripada projek Pulih UM Pulih dengan kerjasama Diveheart dan UMMC.



- Program Pemerksaan Pendidikan B40 ("BEEP"):** Inisiatif holistik bertujuan untuk mengakses pendidikan untuk kanak-kanak dalam komuniti B40. Ia menangani kekangan kewangan, sumber terhad, dan peluang terbatas melalui inisiatif seperti Program Tuisyen Pintar, Program Selangkah ke Universiti, dan Skim Anak Angkat, dengan peruntukan Dana Zakat sebanyak RM264,300.



- Projek Pembangunan Kemahiran: 500 asnaf** dan anggota komuniti B40 diperkasakan melalui latihan komprehensif dalam kemahiran menjahit dan pengurusan perniagaan.



- Masjid Hijau RHB Islamic:** RHB Islamic bekerjasama dengan MGTC di bawah inisiatif Masjid Hijau, yang menggalakkan amalan kelestarian dengan melaksanakan teknologi hijau seperti sistem Fotovoltaik Solar dan penuaian air hujan di masjid, bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon dan memupuk kelestarian alam sekitar. Pemasangan solar PV di masjid terpilih dijangka menghasilkan penjimatan kos ketara dan menggalakkan kebebasan tenaga.

▲ Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Memperkasakan dan Memperkayakan Komuniti pada muka surat 209-229 dalam Laporan Kelestarian RHB 2023.

▲ Untuk maklumat mengenai data prestasi tiga tahun mengenai Memperkasakan dan Memperkayakan Komuniti, rujuk kepada Data Prestasi Kelestarian Laporan Kelestarian RHB 2023.

Jadual Data Prestasi daripada Platform Pelaporan ESG Bursa

Jadual data prestasi di bawah telah disediakan mengikut Keperluan Penyenaarian Pasaran Utama Bursa, dan sejajar dengan Panduan Pelaporan Kelestarian dipertingkat, Edisi ke-3. Ia meringkaskan penunjuk utama yang penting kepada perkara-perkara material RHB seperti yang didedahkan pada muka surat 37-41.

Indicator	Measurement Unit	2020	2021	2022	2023
Bursa (Anti-corruption)					
Bursa C1(a) Percentage of employees who have received training on anti-corruption by employee category					
Management	Percentage	-	8.90	36.50	11.70
Executive	Percentage	-	14.70	46.30	22.40
Non-executive/Technical Staff	Percentage	-	3.10	12.90	7.00
General Workers	Percentage	-	0.20	0.10	0.60
Bursa C1(b) Percentage of operations assessed for corruption-related risks	Percentage	-	98.50	98.30	100.00
Bursa C1(c) Confirmed incidents of corruption and action taken	Number	-	1	0	1
Bursa (Community/Society)					
Bursa C2(a) Total amount invested in the community where the target beneficiaries are external to the listed issuer	MYR	-	9,151,474.00	3,925,807.00	4,993,868.00
Bursa C2(b) Total number of beneficiaries of the investment in communities	Number	-	30,992	90,665	50,050
Bursa (Diversity)					
Bursa C3(a) Percentage of employees by gender and age group, for each employee category					
Age Group by Employee Category					
Management Under 30	Percentage	-	3.00	3.30	4.60
Management Between 30-50	Percentage	-	72.70	72.70	70.80
Management Above 50	Percentage	-	24.30	24.00	24.50
Executive Under 30	Percentage	-	29.70	28.70	31.70
Executive Between 30-50	Percentage	-	62.90	62.70	58.40
Executive Above 50	Percentage	-	7.40	8.60	9.80
Non-executive/Technical Staff Under 30	Percentage	-	11.50	9.20	8.10
Non-executive/Technical Staff Between 30-50	Percentage	-	68.60	67.20	65.00
Non-executive/Technical Staff Above 50	Percentage	-	20.00	23.60	26.90
General Workers Under 30	Percentage	-	7.30	7.60	7.70
General Workers Between 30-50	Percentage	-	62.50	61.80	60.30
General Workers Above 50	Percentage	-	30.30	30.70	32.10
Gender Group by Employee Category					
Management Male	Percentage	-	47.50	47.40	46.50
Management Female	Percentage	-	52.50	52.60	53.50
Executive Male	Percentage	-	34.30	47.40	34.80
Executive Female	Percentage	-	65.70	52.60	65.20

Pendedahan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia


Indicator	Measurement Unit	2020	2021	2022	2023
Non-executive/Technical Staff Male	Percentage	-	35.40	35.30	34.20
Non-executive/Technical Staff Female	Percentage	-	64.60	64.70	65.80
General Workers Male	Percentage	-	88.90	88.00	88.00
General Workers Female	Percentage	-	11.10	12.00	12.00
Bursa C3(b) Percentage of directors by gender and age group					
Male	Percentage	-	70.00	70.00	70.00
Female	Percentage	-	30.00	30.00	30.00
Under 30	Percentage	-	0.00	0.00	0.00
Between 30-50	Percentage	-	0.00	0.00	0.00
Above 50	Percentage	-	100.00	100.00	100.00
Bursa (Energy management)					
Bursa C4(a) Total energy consumption	Megawatt	-	41,616.00	40,758.00	38,631.00
Bursa (Health and safety)					
Bursa C5(a) Number of work-related fatalities	Number	-	0	0	0
Bursa C5(b) Lost time incident rate ("LTIR")	Rate	-	0.26	0.40	0.44
Bursa C5(c) Number of employees trained on health and safety standards	Number	-	255	120	197
Bursa (Labour practices and standards)					
Bursa C6(a) Total hours of training by employee category					
Management	Hours	-	221,157	103,851	135,263
Executive	Hours	-	351,508	122,365	152,493
Non-executive/Technical Staff	Hours	-	64,808	23,052	18,222
General Workers	Hours	-	2,364	384	776
Bursa C6(b) Percentage of employees that are contractors or temporary staff	Percentage	-	4.90	4.70	3.50
Bursa C6(c) Total number of employee turnover by employee category					
Management	Number	-	569	696	575
Executive	Number	-	1,444	1,679	1,355
Non-executive/Technical Staff	Number	-	89	73	89
General Workers	Number	-	17	17	17
Bursa C6(d) Number of substantiated complaints concerning human rights violations	Number	-	0	0	0
Bursa (Supply chain management)					
Bursa C7(a) Proportion of spending on local suppliers	Percentage	-	91.00	93.00	91.00
Bursa (Anti-corruption)					
Bursa C1(a) Percentage of employees who have received training on anti-corruption by employee category					
Management	Percentage	-	8.90	36.50	11.70
Executive	Percentage	-	14.70	46.30	22.40
Non-executive/Technical Staff	Percentage	-	3.10	12.90	7.00
General Workers	Percentage	-	0.20	0.10	0.60
Bursa C1(b) Percentage of operations assessed for corruption-related risks	Percentage	-	98.50	98.30	100.00
Bursa C1(c) Confirmed incidents of corruption and action taken	Number	-	1	0	1



Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami



KEMAHIRAN & PENGALAMAN LEMBAGA PENGARAH (%)



KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH




Ciri-ciri Utama Lembaga Pengarah Kami:

- Pengerusi adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.
- Jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan disandang oleh individu-individu yang berlainan.


Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami



7 Lelaki 70%
3 Wanita 30%



2 56 - 60 tahun 20%
6 61 - 65 tahun 60%
2 66 tahun & ke atas 20%



5 Melayu 50%
4 Cina 40%
1 India 10%



7 <5 tahun 70%
3 >5 tahun 30%

PENGERUSI BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



Tarikh Pelantikan:

16 November 2020*

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR



KELAYAKAN

- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Harta Tanah, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, University of Hull, United Kingdom

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Sime Darby Berhad

Syarikat Awam:

- Yayasan RHB (Pengerusi)

15/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di C.H. Williams, Talhar & Wong Sdn Bhd sebelum dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Kewangan Kementerian Kewangan pada tahun 1989 di mana beliau telah berkhidmat selama hampir 30 tahun dalam pelbagai kapasiti dengan jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tan Sri Ahmad Badri dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada 1 Mei 2020. Beliau merupakan ahli Panel Pelaburan KWSP sejak tahun 2014 dan berpengalaman luas dalam bidang pelaburan strategik, pengurusan pinjaman, pasaran kewangan dan sains aktuari.

Tan Sri Ahmad Badri sebelum ini pernah berkhidmat dalam, antara lain Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Permodalan Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

* Kemudiannya dirasmikan sebagai Pengerusi RHB Bank Berhad pada 24 Mac 2021.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami

PENGARAH URUSAN KUMPULAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Umur
56

Lelaki

Tarikh Pelantikan:

1 April 2022

**MOHD
RASHID
MOHAMAD****KELAYAKAN**

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan Cemerlang, University of Wales, Cardiff, United Kingdom
- Jurubank Bertauliah, Asian Institute of Chartered Bankers
- Program Pengurusan Strategik Lanjutan, Institute for Management Development, Lausanne, Switzerland

JAWATAN PENGARAH LAIN**Entiti Tersenarai:**

- Tiada

Syarikat Awam:

- Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)

15/15**Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah****KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN**

Encik Mohd Rashid Mohamad telah berkhidmat selama 14 tahun di Bank Negara Malaysia dalam pelbagai kapasiti merentasi beberapa jabatan termasuk Penyeliaan/Peperiksaan Perbankan dan Operasi Pelaburan & Pasaran Kewangan.

Beliau kemudiannya beralih ke sektor korporat, menyertai ABN Amro NV Singapura dan Royal Bank of Scotland, Singapura di mana beliau memperoleh pengalaman yang berharga dalam perbankan antarabangsa dan pengurusan unit organisasi yang besar.

Pada tahun 2009, beliau kembali ke Malaysia dan menyertai Bahagian Perbendaharaan Kumpulan AmBank sebelum menyertai RHB Bank pada tahun 2014 sebagai Bendahari Kumpulan.

Dari tahun 2019 hingga 2021, Encik Rashid telah menyandang jawatan Pengerusi bagi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Pencen (Diperbadankan). Kini, beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis AICB dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan AICB. Sebelum pelantikannya sebagai Pengarah Urusan Kumpulan RHB Bank Berhad, Encik Rashid menyandang jawatan Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan.

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



Umur
79

Lelaki

BCC

Tarikh Pelantikan:

20 November 2012

TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOON HWA



KELAYAKAN

- Sijil Persekutuan Malaysia yang dianugerahkan oleh Methodist English School
- Lesen Perwakilan Pasaran Modal dan Perkhidmatan keluaran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi urusanniaga sekuriti

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- OSK Holdings Berhad (Pengerusi Eksekutif)
- OSK Ventures International Berhad (Pengerusi)

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad (Pengerusi)
- PJ Development Holdings Berhad (Pengerusi)
- OSK Property Holdings Berhad (Pengerusi)
- KE-ZAN Holdings Berhad
- OSK Foundation (Pengerusi)

15/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Selama lebih 17 tahun sejak tahun 1969, Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa berkhidmat dengan sebuah institusi kewangan terkemuka di mana jawatan terakhir yang disandang oleh beliau adalah sebagai Pengurus Besar Kanan. Beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") OSK Investment Bank Berhad (kini dikenali sebagai OSKIB Sdn Bhd) dari Julai 1985 hingga Januari 2007 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan/CEO. Beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sebelum meletakkan jawatan pada 30 April 2013.

Tan Sri Ong juga merupakan Pengarah MESDAQ dari Julai 1999 hingga Mac 2002 dan ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2004 bagi memberi nasihat mengenai isu-isu berkaitan pelaksanaan Pelan Induk Pasaran Modal. Beliau juga memegang jawatan Pengarah dalam Lembaga Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2008 sehingga tahun 2015 dan sebelum itu merupakan Ahli Panel Perundingan Pasaran Sekuriti Bursa Malaysia.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami

PENGARAH KANAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Umur
68

Wanita

Tarikh Pelantikan:
1 Julai 2017

ONG AI LIN

BAC

BRC



KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi, University of Leeds, United Kingdom
- Ahli Bersekutu Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tenaga Nasional Berhad
- IHH Healthcare Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad

15/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Cik Ong Ai Lin memulakan kerjayanya dengan Deloitte Haskins & Sells ("DH&S") di London pada tahun 1978, sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers ("PwC") Malaysia pada tahun 1991 sebagai Pengurus Kanan. Di PwC, beliau membina amalan audit IT, yang menjadi bahagian penting perkhidmatan audit kewangan firma tersebut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Rakan Kongsi PwC pada tahun 1993. Beliau menjadi Ketua Amalan Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan dan Keselamatan Maklumat untuk PwC Malaysia sebelum bersara pada tahun 2016.

Selain daripada audit kewangan, pengalaman beliau meliputi tadbir urus risiko dan pematuhan, keselamatan maklumat dan kerahsiaan data, keselamatan siber, risiko dan tadbir urus teknologi dan pengurusan kesinambungan perniagaan di United Kingdom, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Philippines, Sri Lanka, Kemboja dan Malaysia.

Dengan pengetahuan dan pengalaman beliau, Cik Ong telah meraih anugerah "Ahli Profesional Kesyinambungan Perniagaan Bertauliah Terbaik di Malaysia", dari Institut Pemulihan Bencana Antarabangsa di majlis anugerah ulung pada tahun 2012. Beliau juga telah dikurniakan "Anugerah Pencapaian Seumur Hidup Keselamatan Siber" daripada Keselamatan Siber Malaysia pada tahun 2018. Beliau juga berkhidmat sebagai mantan Presiden Information Systems Audit and Control Association ("ISACA") - Chapter Malaysia.

BSC

Jawatankuasa Lestari Lembaga
Pengarah

BAC

Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah

BRC

Jawatankuasa Risiko
Lembaga Pengarah

BCC

Jawatankuasa Kredit
Lembaga Pengarah

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



Umur
65

Lelaki

Tarikh Pelantikan:

16 Mac 2020

DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

BNRC

BSC



KELAYAKAN

- Sarjana Muda dalam Sains Sosial (Ekonomi), Universiti Sains Malaysia
- Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan, University of Stirling, United Kingdom
- Diploma Bertauliah dalam Perakaunan dan Kewangan, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Malaysian Resources Corporation Berhad (Pengerusi)
- Yinson Holdings Berhad
- United Plantations Berhad

Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad (Pengerusi)
- PLUS Malaysia Berhad (Pengerusi)

15/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif memulakan kerjayanya dengan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1982 dan menyanggah beberapa jawatan termasuk sebagai Pegawai Penguatkuasa Negeri (1990 hingga 1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan dalam Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi (1995 hingga 2003) dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa (Julai 2009 hingga 2013). Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada tahun 2013 dan beliau mengekalkan jawatan tersebut sehingga persaraannya pada Disember 2019. Kini, beliau menyanggah jawatan sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan ahli Panel Pelaburan Lembaga Pembangunan Langkawi.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Umur
63

Lelaki

Tarikh Pelantikan:
28 November 2018

LIM CHENG TECK

BCC

BRC



KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sastera, National University of Singapore
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Brunel University, United Kingdom

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

14/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Lim Cheng Teck merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Serantau ASEAN di Bank Standard Chartered. Beliau menyertai Standard Chartered Bank pada tahun 1988 dan telah menyandang pelbagai jawatan dalam Bahagian Perbankan Korporat dan Institusi sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Standard Chartered Bank (China) Ltd pada tahun 2005. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Standard Chartered Bank (Singapura) Ltd. Beliau kembali ke China pada tahun 2009 untuk menggalas jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Pengerusi Eksekutif Standard Chartered Bank (China) Ltd.

Beliau telah berkhidmat sebagai lembaga pengarah di beberapa syarikat-syarikat subsidiari Standard Chartered Bank terutamanya sebagai Pengerusi Standard Chartered Bank (Mauritius) Ltd, Standard Chartered Bank (Thailand) Ltd, Standard Chartered Bank (Singapura) Ltd, dan sebagai Timbalan Pengerusi Standard Chartered Bank (Malaysia) Ltd dan Presiden Pesuruhjaya PT Bank Permata, Indonesia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Standard Chartered Bank (Taiwan) Ltd. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah di lembaga pengarah Clifford Capital Pte Ltd dan Dewan Perniagaan Antarabangsa Singapura, Gabenor bagi Yayasan Antarabangsa Singapura dan menjadi Ahli Majlis Institut Perbankan dan Kewangan Singapura dan Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura.

Disamping itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan Luar Negara, Dewan Perniagaan China, Naib Pengerusi Persatuan Bank-bank di Singapura dan menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Kewangan Pusat Pembangunan Kewangan Singapura. Setelah berkhidmat selama lebih 28 tahun dalam arena perbankan, beliau bersara daripada Standard Chartered Bank pada April 2016 dan terus memegang jawatan sebagai penasihat kanan bukan eksekutif sehingga April 2017.

Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pontiac Land Group dari Mac 2017 hingga Mei 2018 dan telah berkhidmat bersama Lembaga Penasihat Institut Ekonomi Kewangan Sim Kee Boon, Universiti Pengurusan Singapura selama 12 tahun yang berakhir pada tahun 2021. Kini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah di Minterest Holdings Pte Ltd dan Hospital Komuniti Bright Vision, Singapura dan SingHealth Funds. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Lembaga SingHealth Funds – SingHealth Community Hospitals.

BSC

Jawatankuasa Lestari Lembaga
Pengarah

BAC

Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah

BRC

Jawatankuasa Risiko
Lembaga Pengarah

BCC

Jawatankuasa Kredit
Lembaga Pengarah

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



Umur
64

Lelaki

Tarikh Pelantikan:
17 Ogos 2020

DONALD JOSHUA JAGANATHAN

BRC

BAC

BSC

BNRC



KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya
- Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Cranfield School of Management, United Kingdom
- Akauntan Bertauliah, Institut Perakaunan Malaysia
- Felo Jurubank Berkanun di Institut Jurubank Berkanun Asia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Amerika Syarikat

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Institut Jurubank Berkanun Asia
- RHB Insurance Berhad
- Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

15/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Donald Joshua Jaganathan adalah Ahli Majlis Institut Jurubank Berkanun Asia dan juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Institut tersebut. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Asian Banking School dan merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bakat.

Encik Donald telah mencapai kemuncak kerjayanya bersama Bank Negara Malaysia selama 36 tahun, dengan menyandang jawatan terakhir sebagai Penolong Gabenor. Tanggungjawab utama beliau merangkumi fungsi kestabilan kewangan termasuk pengawasan Laporan Kestabilan Kewangan BNM. Pengalaman beliau termasuk kepimpinan dan pengawasan pengurusan terhadap penyeliaan dan pemantauan perundangan dalam institut perbankan dan insurans di Malaysia, aktiviti latihan dan pembangunan dengan institusi-institusi perbankan dan insurans. Beliau juga berkhidmat sebagai wakil Malaysia dalam badan-badan penyeliaan antarabangsa, termasuk Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel ("BCBS") dan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa ("IAIS").

Beliau turut menyandang beberapa jawatan sebelum ini sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet"), Pengerusi Lembaga Pengarah Finance Accreditation Agency Berhad ("FAA"), Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah Institut Insurans Malaysia, Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia dan Ahli Yayasan Laporan Kewangan Malaysia.

Pengerusi

Ahli

BNRC

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga Pengarah

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Umur
62

Lelaki

Tarikh Pelantikan:

15 September 2020

DATUK IAIN
JOHN LO

BSC

BNRC

BAC

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Awam, University of California, Los Angeles ("UCLA")
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Awam, UCLA

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- CelcomDigi Berhad (dahulunya dikenali sebagai Digi.com Berhad)

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad

15/15

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Datuk Iain John Lo kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga Penjaga Dana Kekayaan Masa Depan Berdaulat Sarawak dan mempengerusikan Jawatankuasa Risiko. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif CelcomDigi Berhad dan mempengerusikan Lembaga Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan.

Datuk Iain bersara sebagai Pengerusi Negara Shell Malaysia Limited pada 31 Mac 2021. Beliau merupakan pemimpin yang berwibawa dengan pengalaman luas dan telah memainkan pelbagai peranan sepanjang 30 tahun lalu dalam penerokaan dan pengeluaran Syarikat Shell, perniagaan gas dan hiliran di Malaysia dan juga luar negara. Datuk Iain merupakan Pengerusi Shell Refining Company Bhd sehinggalah syarikat tersebut dijual pada tahun 2016.

Beliau menyertai Sarawak Shell Berhad sebagai Jurutera Lapangan pada tahun 1990 dan seterusnya beralih memainkan pelbagai peranan dalam bidang kejuruteraan, pembangunan perniagaan dan korporat di Malaysia, Singapura dan Belanda. Bidang tanggungjawab beliau termasuk tadbir urus usaha sama LNG dan Kimia di Malaysia, Timur Tengah, China dan Rusia. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura pada tahun 2009 dan berkhidmat sehingga tahun 2012 di mana beliau kembali ke Malaysia sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan Sarawak Shell Berhad dan Sabah Shell Petroleum. Pada tahun 2017, Datuk Iain telah dilantik sebagai Naib Presiden Komersial Asia Pasifik bagi perniagaan penerokaan, pengeluaran dan perniagaan gas Shell dengan akauntabiliti atas pemerolehan serantau, kepelbagaian dan pembangunan perniagaan baru.

BSC

Jawatankuasa Lestari Lembaga
Pengarah

BAC

Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah

BRC

Jawatankuasa Risiko
Lembaga Pengarah

BCC

Jawatankuasa Kredit
Lembaga Pengarah

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF



BNRC

BSC

Tarikh Pelantikan:

1 Jun 2023

HIJAH ARIFAKH OTHMAN



KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sains dalam Matematik dan Sains Komputer, City University of London, United Kingdom

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad

8/8

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Puan Hijah Arifakh Othman merupakan seorang jurubank berpengalaman luas lebih 38 tahun, dengan pengkhususan dalam bidang Pengurusan Perbendaharaan dan Kunci Kira-Kira. Beliau memulakan kerjayanya dengan Bank Negara Malaysia pada tahun 1984 dan merupakan perintis dalam penubuhan Danamodal Nasional Berhad ("Danamodal") pada Ogos 1998, sebuah agensi permodalan semula yang dimiliki sepenuhnya oleh BNM semasa krisis kewangan 1998. Puan Hijah telah menubuhkan Bahagian Perbendaharaan Danamodal serta menggubal dasar mengenai pelaburan dan had kredit selaras dengan matlamat Danamodal untuk memastikan keselamatan dan kecairan portfolionya.

Beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam kumpulan perbankan terkemuka antaranya sebagai Pengarah di Asian Fixed Income Malaysia, Standard Chartered Bank Berhad, Naib Presiden Eksekutif/Ketua Perniagaan Perbendaharaan Kumpulan Malayan Banking Berhad serta sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Islamic Bank Berhad.

Puan Hijah juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Takaful Ikhlas General Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, MNRB Holdings Berhad dan KAF Investment Bank Berhad.

Beliau kini merupakan Ahli Jawatankuasa Penyenaraian di Bursa Malaysia Berhad.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Umur
60

Wanita

Tarikh Pelantikan:

15 Mac 2024

**NADZIRAH
ABD RASHID**

BAC

**KELAYAKAN**

- Sarjana Muda Sastera dalam Perakaunan, University of South Australia
- Akauntan Bertauliah, Institut Perakaunan Malaysia
- Felo CPA Australia

JAWATAN PENGARAH LAIN**Entiti Tersenarai:**

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Memiliki lebih 35 tahun pengalaman profesional dalam pasaran sekuriti dan industri perbankan, Puan Nadzirah Abd Rashid mempunyai pendedahan yang meluas kepada persekitaran pengawal seliaan. Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Akauntan Negara sebelum menyertai Bank Negara Malaysia sebagai pemeriksa bank. Beliau kemudian berpindah untuk mengetuai fungsi kewangan sebuah institusi kewangan. Pada tahun 1999, beliau menyertai Kumpulan Bursa Malaysia, dengan memegang pelbagai jawatan di Bahagian Kewangan dan Pentadbiran. Jawatan terakhir beliau ialah sebagai Ketua Pegawai Kewangan Bursa Malaysia Berhad, jawatan yang disandanginya selama tujuh tahun sehingga awal tahun 2014.

Puan Nadzirah sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, CIMB Bank Berhad dan CIMB Investment Bank Berhad.

Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami

SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN



Umur
56

Lelaki

Tarikh Pelantikan:
23 Ogos 2024

AZMAN SHAH MD YAMAN



KELAYAKAN

- LLB (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Peguam Bela dan Peguam Cara Berkelayakan di Mahkamah Tinggi Malaya
- Setiausaha Syarikat Bertauliah (LS 0006901)
- Ahli Gabungan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia
- Pegawai Integriti Bertauliah yang diiktiraf oleh Akademi Anti Rasuah Malaysia
- Menyertai Program Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Azman Shah Md Yaman memimpin fungsi Perundangan, Urusetia dan Tadbir Urus Kumpulan. Beliau bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Pengerusi, berhubung semua perkara berkaitan fungsi rasmi Lembaga Pengarah. Beliau memimpin dan bertindak sebagai penjaga polisi dan prinsip amalan tadbir urus yang baik dan anti rasuah.

Beliau memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan, Penasihat Undang-undang Am dan juga Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus ("CIGO") dalam Kumpulan Perbankan RHB.

Sebelum berkhidmat bersama Kumpulan Perbankan RHB, Encik Azman Shah berkhidmat sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara selepas diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada tahun 1991 di mana beliau berkhidmat dalam bidang korporat dan litigasi. Beliau kemudiannya menyertai Bursa Saham Kuala Lumpur [kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")] pada tahun 1993. Di Bursa Malaysia, beliau memegang pelbagai jawatan melebihi 10 tahun dan tanggungjawabnya merangkumi penasihat perundangan berkaitan penjelasan, penyelesaian & depositori, dan pematuhan kepada perkhidmatan korporat dan kesetiausahaan. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua, Setiausaha Korporat & Pematuhan Kumpulan/ Setiausaha Syarikat Kumpulan. Beliau juga telah memegang jawatan pengarah dalam pelbagai subsidiari Bursa Malaysia.

Deklarasi:

Selain daripada apa yang telah dinyatakan, para Pengarah mempunyai:

1. Tiada percanggahan kepentingan dengan RHB Bank dan/atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama kecuali bagi:
 - (a) Tan Sri Ong Leong Huat yang dianggap sebagai pemegang saham utama RHB Bank menurut Seksyen 8(4) Akta Syarikat 2016, berdasarkan saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad.
 - (b) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir dan Dato' Mohamad Nasir Ab Latif yang merupakan penama-penama Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang merupakan pemegang saham utama RHB Bank.
2. Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu atau telah dikenakan sebarang sekatan atau penalti awam oleh badan pengawalseliaan yang berkaitan semasa tahun kewangan dalam kajian.

Profil Pengerusi Syarikat-Syarikat Operasi Utama

DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

Pengerusi RHB Islamic Bank Berhad
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Lelaki

Umur

65

Tarih Pelantikan:

2 Mei 2020*

▲ Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 138.

* Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif RHB Islamic Bank Berhad pada 28 Mei 2020.

JAHANATH MUTHUSAMY

Pengerusi RHB Insurance Berhad
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



Lelaki

Umur

68

Tarih Pelantikan:

1 November 2016*

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah RHB Insurance Berhad

KELAYAKAN

- Felo – Institut Insurans Berkanun, United Kingdom
- Felo – Institut Insurans Malaysia

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Tiada

Syarikat Awam:

- Tiada

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Jahanath Muthusamy telah berkecimpung di dalam industri insurans sejak tahun 1975 dan mempunyai lebih 40 tahun pengalaman. Sepanjang tempoh itu, beliau telah terlibat secara aktif dalam pelbagai kapasiti di Institut Insurans dan Persatuan Insurans di Malaysia dan Indonesia. Pada tahun 2002, Encik Jahanath dipinjamkan kepada PT Assuransi AXA sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") dan ahli Lembaga Pengarah. Beliau kembali ke AXA Affin General Insurance Malaysia pada akhir tahun 2006 dan menyandang jawatan CEO dan ahli Lembaga Pengarah sehingga persaraannya pada Oktober 2012. Beliau kekal dalam Lembaga Pengarah PT Assuransi AXA sehingga tahun 2012. Dari tahun 2013 hingga tahun 2015, beliau dilantik sebagai Penasihat Kanan kepada Solution Providers Pte Ltd, iaitu sebuah Syarikat penyedia/perunding penyelesaian insurans Swiss yang berpangkalan di Singapura.

* Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif RHB Insurance Berhad pada 28 Mei 2020.

TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA

Pengerusi RHB Investment Bank Berhad
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Lelaki

Umur

79

Tarih Pelantikan:

20 November 2012*

▲ Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 136.

* Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif RHB Investment Bank Berhad pada 22 April 2021.

CHIN YOONG KHEONG

Pengerusi RHB Asset Management Sdn Bhd
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



Lelaki

Umur
66

Tarikh Pelantikan:

7 April 2015*

KEAHLIAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Jawatankuasa Lembaga Risiko RHB Bank Berhad
- Jawatankuasa Lembaga Risiko RHB Investment Bank Berhad (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Asset Management Sdn Bhd
- Jawatankuasa Audit RHB Asset Management Sdn Bhd
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Islamic International Asset Management Berhad
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Asset Management Pte Ltd (Pengerusi)
- Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Bank (Kemboja) PLC (Pengerusi)
- Jawatankuasa Audit Lembaga RHB Bank (Kemboja) PLC
- Jawatankuasa Ganjaran dan Pencalonan Lembaga RHB Bank (Kemboja) PLC
- Jawatankuasa Kredit Lembaga RHB Bank (Kemboja) PLC (Pengerusi)
- Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Securities (Kemboja) PLC (Pengerusi)
- Jawatankuasa Audit Lembaga RHB Securities (Kemboja) PLC
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga (Tadbir Urus) RHB Bank Lao Sole Co., Ltd (Pengerusi)
- Jawatankuasa Audit Lembaga RHB Bank Lao Sole Co., Ltd
- Jawatankuasa Risiko Lembaga RHB Bank Lao Sole Co., Ltd

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi, University of Leeds
- Felo Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Malaysia

JAWATAN PENGARAH LAIN

Entiti Tersenarai:

- Ayer Holdings Berhad

Syarikat Tidak-Tersenarai:

- RHB Investment Bank Berhad (Malaysia)
- RHB Bank (Kemboja) PLC
- RHB Securities (Kemboja) PLC
- RHB Bank Lao Sole Co., Ltd

Kumpulan Pengurusan Aset RHB:

- RHB Asset Management Sdn Bhd (Malaysia)
- RHB Islamic International Asset Management Berhad (Malaysia)
- RHB Asset Management Pte Ltd (Singapore)
- RHB International Investments Pte Ltd (Singapore)

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

Encik Chin Yoong Kheong telah bersara sebagai rakan kongsi KPMG, antara firma perakaunan terkemuka pada 31 Disember 2013, selepas berkhidmat dengan firma itu selama lebih daripada 34 tahun merentas United Kingdom, Vietnam dan Malaysia. Pengalaman luas beliau meliputi penyelesaian perniagaan dalam bidang seperti strategi, sumber manusia, peningkatan prestasi sektor awam dan infrastruktur, pasaran pengguna dan industri, serta industri perkhidmatan kewangan. Sepanjang kerjayanya yang panjang bersama KPMG, beliau berpengalaman dalam fungsi audit sebelum mengkhusus dalam bidang percukaian selama 14 tahun. Beliau juga bertanggungjawab dalam mewujudkan amalan KPMG di Vietnam dan seterusnya menerajui amalan perundangan KPMG selama lebih tujuh tahun.

* Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif RHB Asset Management Sdn Bhd pada 22 Mei 2023.

Profil Jawatankuasa Syariah

AZIZI CHE SEMAN (Pengerusi)



Lelaki

Umur
52Tarikh Pelantikan:
1 April 2023**KEAHLIAN SEMASA BAGI JAWATANKUASA SYARIAH INSTITUSI-INSTITUSI LAIN**

- Agrobank (Pengerusi)
- Sun Life Malaysia Takaful Berhad
- Jawatankuasa Penasihat Syariah Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (Pengerusi)

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana dalam Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Penasihat Syariah Bertauliah daripada Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS")

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan Islam dan Kewangan
- Pasaran Modal Islam
- Ekonomi Islam
- Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Kini menyandang jawatan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Pernah berkhidmat sebagai pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dan penasihat Syariah bagi Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dan Amara Investment Management Sdn. Bhd.
- Memegang pelbagai jawatan dalam ASAS termasuk sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pembangunan Profesional dan Lembaga Peperiksaan ASAS.
- Merupakan Mantan Ahli Panel Penilai, Lembaga Akreditasi Negara yang bertanggungjawab ke atas penilaian dan syor akreditasi program yang ditawarkan oleh Penyedia Pendidikan Tinggi.
- Menyumbang kepada banyak penerbitan termasuk artikel jurnal, bab buku dan artikel dalam prosiding serta pembentangan kertas kerja dalam pelbagai persidangan dan seminar mengenai Kewangan Islam dan Syariah.

Kehadiran Mesyuarat
Jawatankuasa Syariah:

8/8

DR. ABDUL RAHMAN A. SHUKOR



Lelaki Umur **45** Tarikh Pelantikan:
1 Mei 2022

KEAHLIAN SEMASA BAGI JAWATANKUASA SYARIAH INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
- MY EG Islamic Finance Services Sdn. Bhd.

KELAYAKAN

- Sarjana Muda dalam Syariah Islamiah, Al-Azhar University
- Ijazah Sarjana dalam Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya
- Doktor Falsafah dalam Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan Islam & Kewangan
- Takaful

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Sebelum dilantik sebagai ahli jawatankuasa Syariah Perbankan Islam RHB, Dr. Abdul Rahman merupakan ahli jawatankuasa Syariah di OCBC Al-Amin Berhad, KAF Investment Bank Berhad dan KAF Equities Sdn. Bhd.
- Beliau ialah Penasihat Syariah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Selain daripada berpengalaman di dalam industri, Dr. Abdul Rahman juga berpengalaman dalam bidang akademik. Pernah mengajar di Fakulti Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia, dan kini, mengajar Usul Fiqh & Fiqh Maxim untuk pelajar lepasan ijazah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pensyarah sambilan.
- Dr. Abdul Rahman telah menerbitkan beberapa artikel jurnal dan menyumbang bab untuk buku dan persidangan serta pembentangan kertas kerja dalam persidangan dan seminar berkenaan Kewangan Islam dan Syariah.
- Sebelum ini beliau pernah bertugas dengan beberapa institusi kewangan Islam dan memegang pelbagai peranan.

Kehadiran Mesyuarat
Jawatankuasa Syariah:

10/11

SHABNAM MOHAMAD MOKHTAR



Wanita Umur **46** Tarikh Pelantikan:
1 Mei 2015

KEAHLIAN SEMASA BAGI JAWATANKUASA SYARIAH INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

- AIA Public Takaful Berhad

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Perakaunan, Universiti Illinois, Urbana-Champaign, Amerika Syarikat
- Penasihat & Juruaudit Syariah Bertauliah ("CSAA"), Organisasi Perakaunan dan Audit untuk Institut Kewangan Islam ("AAOIFI"), Bahrain
- Pengamal Syariah Bertauliah ("CSP"), Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS)

BIDANG KEPAKARAN

- Kewangan & Kewangan Islam
- Perakaunan & Perakaunan Islam
- Pasaran Modal & Derivatif Islam
- Pelaburan Berimpak & Lestari

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Kini menyandang jawatan sebagai Pengarah Urusan SHAPE Knowledge Services, sebuah firma perunding kewangan Islam.
- Ahli Jawatankuasa Nilai dan Etika Alqbra, sebuah syarikat fintech berpangkalan di UK.
- Dilantik sebagai Felo Suruhanjaya Sekuriti - Pusat Pengajian Islam Oxford dalam Kewangan Islam bagi tahun 2021/2022.
- Beliau pernah menerajui penyelidikan pasaran modal untuk Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa ("ISRA"), sebuah institusi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.
- Pernah mengendalikan pelbagai program latihan mengenai perbankan Islam, Sukuk dan produk Pasaran Modal Islam, dan berkaitan pengurusan risiko dan laporan kewangan untuk para pelanggan di rantau ASEAN, Majlis Kerjasama Teluk ("GCC") dan pasaran Eropah.
- Beliau telah menyumbangkan penulisannya kepada Housing the Nation (Cagamas, 2013), Menguruskan Aliran Dana, Risiko dan Derivatif: Aplikasi di Institusi Islam (Sweet & Maxwell, 2012), Sistem Kewangan Islam: Pasaran Prinsip & Operasi (ISRA, 2011), Sukuk (Sweet & Maxwell, 2009) dan Perkongsian Perakaunan, Prinsip dan Amalan (McGraw Hill).
- Dari tahun 2010 hingga 2014, beliau merupakan Ahli Panel Penasihat Syariah Malaysian Rating Corporation Berhad ("MARC").
- Jawatan-jawatan yang pernah disandang sebelum ini termasuk profesor adjung kewangan di Universiti Depaul (Chicago) dan IE Business School (Madrid) dan pensyarah perakaunan, kewangan dan pengurusan bank di Universiti Putra Malaysia

Kehadiran Mesyuarat
Jawatankuasa Syariah:

11/11

Profil Jawatankuasa Syariah

DR. MD. NURDIN NGADIMON



Lelaki Umur **62** Tarikh Pelantikan: 1 Mei 2021

KEAHLIAN SEMASA BAGI JAWATANKUASA SYARIAH INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

- Sun Life Malaysia Takaful Berhad

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Syariah (Syariah & Ekonomi), Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana dalam Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Jordan
- Doktor Falsafah dalam Pengajian Islam, Universiti Birmingham

BIDANG KEPAKARAN

- Urus Niaga Jurisprudens Islam (Muamalat)
- Jurisprudens Islam dan Asas Jurisprudens Islam (Fiqh dan Usul Fiqh)
- Peraturan Jurisprudens Islam (Qawaid Fiqh)
- Objektif Undang-undang Syariah (Maqasid Syariah)
- Pasaran Modal & Derivatif Islam

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Mantan pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Malaya
- Melaksanakan pelbagai peranan di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sehingga jawatannya yang terakhir sebagai Timbalan Pengarah pada tahun 2020.
- Ahli perintis Kumpulan Kajian Instrumen Islam yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- Terlibat dalam pembangunan metodologi penapisan sekuriti patuh Syariah untuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
- Wakil dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB"), Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia, Jawatankuasa Penyelaras Undang-undang, Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (di bawah Kementerian Kewangan), ahli panel Jawatankuasa Perunding Islam ("ICC") di bawah Jabatan Perdana Menteri, Malaysia dan wakil perunding di bawah Agensi Kelayakan Malaysia ("MQA").

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Syariah:

11/11

MOHD ZUBIR AWANG



Lelaki Umur **41** Tarikh Pelantikan: 1 Februari 2023

KEAHLIAN SEMASA BAGI JAWATANKUASA SYARIAH INSTITUSI-INSTITUSI LAIN

- Tiada

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Pengajian Islam, University of Wales, Lampeter, United Kingdom
- Ijazah Sarjana dalam Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan, Universiti Loughborough, United Kingdom

BIDANG KEPAKARAN

- Perbankan Islam & Kewangan
- Usul Fiqh & Fiqh Muamalat

PENGALAMAN & PENCAPAIAN

- Pernah berkhidmat sebagai pengerusi Jawatankuasa Syariah KAF Investment Bank dari 2014 hingga 2022.
- Penasihat Syariah berdaftar di bawah Suruhanjaya Malaysia dan ahli EXCO Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS).
- Ahli kumpulan kerja Kurikulum Jawatankuasa Semakan (CRC) Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam (AAOIFI).
- Encik Mohd Zubir memulakan perjalanan kerjayanya di peringkat antarabangsa dalam industri halal di United Kingdom apabila beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pemeriksa Syariah di Jawatankuasa Pemantauan Halal, Leicester. Beliau kemudian menceburi bidang industri kewangan Islam sebagai Eksekutif Syariah di RHB Islamic Bank. Beliau kini berkhidmat sebagai Eksekutif di Rakan Kongsi HC Petronas Global HR
- Beliau juga berpengalaman dalam bidang akademik. Pernah bertugas sebagai pensyarah di Kolej Universiti Islam Selangor dan pada masa sama menjadi pensyarah sambilan di Universiti Islam Sains Malaysia, mengajar dalam pelbagai subjek seperti Undang-Undang Komersial Islam, Perundangan Islam Maxim, Jurisprudens Islam, serta Pengenalan kepada Fiqh, Fatwa dan Ekonomi Islam.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Syariah:

10/10



Dari Kiri ke Kanan

1. **Dato' Fad'l Mohamed**
Pengarah Urusan, Perbankan Borong Kumpulan
2. **Dato' Adissadikin Ali**
Pengarah Urusan, RHB Islamic Bank
3. **Ryan Teoh Jun Fatt**
Ketua Pegawai Strategi & Inovasi Kumpulan
4. **Mohd Rashid Mohamad**
Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
5. **Jeffrey Ng Eow Oo**
Pengarah Urusan, Perbankan Komuniti Kumpulan
6. **Dr Chong Han Hwee**
Ketua Pegawai Risiko Kumpulan
7. **Wan Mariah Abu Hassan**
Ketua Pegawai Insan Kumpulan
8. **Azman Shah Md Yaman**
Setiausaha Syarikat Kumpulan
9. **Wendy Ting Wei Ling**
Pengarah Urusan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan & Ketua, Perbankan Korporat Kumpulan

Pengurusan Kanan Kumpulan

**10. Phuah Shok Cheng**

Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

11. Ganesh Sabaratnam

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, RHB Investment Bank

12. Fazlina Mohamed Ghazalli

Ketua Pegawai Kepatuhan Kumpulan

13. Wong Kwang Leh

Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

14. Alex Tan Aun Aun

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan

15. David Chong Ming Liang

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

16. Norazzah Sulaiman

Ketua Pegawai Kelestarian & Komunikasi Kumpulan

17. Oliver Tan Chuan Li

Pengarah Urusan, RHB Insurance Berhad

MOHD RASHID MOHAMAD

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif,
Kumpulan Perbankan RHB



Lelaki

Umur
56

Tarikh Pelantikan:

1 April 2022

TANGGUNGJAWAB

- Menetapkan visi dan hala tuju strategik Kumpulan, dan bekerjasama rapat dengan Lembaga Pengarah
- Menentukan dan membentuk budaya korporat dan nilai jenama Kumpulan
- Memimpin Kumpulan dalam menguruskan perniagaan dan operasinya bagi mencapai sasaran dan matlamat
- Memaksimumkan pulangan Kumpulan ke atas modal yang dilaburkan

PENGALAMAN

- Memulakan kerjayanya di Jabatan Penyeliaan/Peperiksaan di Bank Negara Malaysia pada tahun 1988, dan kemudiannya berpindah ke Jabatan Operasi Pelaburan & Perbendaharaan pada tahun 1994 di mana beliau telah menghabiskan lebih lima tahun di seksyen Pelaksanaan Polisi Kewangan
- Lebih 20 tahun pengalaman dalam pengurusan kanan di bidang perbendaharaan serantau bersama beberapa institusi kewangan di Singapura & Malaysia seperti ABN Amro, the Royal Bank of Scotland dan Kumpulan AmBank

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan Cemerlang, University of Wales, Cardiff, United Kingdom
- Jurubank Bertauliah – Institut Jurubank Berkanun Asia
- Program Pengurusan Strategik Lanjutan, Institut Pembangunan Pengurusan, Lausanne, Switzerland

PELANTIKAN

- Ahli Lembaga, Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)

KEAHLIAN LUAR

- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Institut Jurubank Berkanun Asia
- Ahli Majlis Persatuan Bank-Bank, Malaysia
- Ahli Majlis Institut Jurubank Berkanun Asia
- Akauntan Bertauliah - Institut Akauntan Malaysia

DATO' FAD'L MOHAMED

Pengarah Urusan, Perbankan Borong Kumpulan



Lelaki

Umur
57

Tarikh Pelantikan:

1 Mac 2024

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin dan memacu pembangunan serta pelaksanaan strategi perniagaan untuk Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan, Perbendaharaan & Pasaran Global Kumpulan, Pengurusan Aset Kumpulan, Perbankan Transaksi Kumpulan, Perbankan Komersial dan menyelia fungsi Ekonomi Kumpulan
- Mengemudi Perbankan Borong Kumpulan melalui landskap kewangan yang semakin rumit dan meningkatkan nilai untuk para pelanggan kami

PENGALAMAN

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam pasaran modal dan perbankan pelaburan
- Memulakan kerjaya sebagai peguam di Messrs Rashid & Lee pada tahun 1991 sebelum menyertai Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1993 dan kemudian berpindah ke Dresdner Kleinwort Benson, sebuah firma perbankan pelaburan. Dari tahun 2000 hingga 2003, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Bersama syarikat senarai awam untuk membantu latihan penstrukturan semula korporat
- Merupakan pengasas dan menerajui Maestro Capital Sdn Bhd, penasihat kewangan korporat berlesen, yang memberi nasihat berhubung penggabungan dan pemilikan, pengumpulan modal dan IPO dari tahun 2004 hingga 2015
- Sebelum menyertai RHB, beliau berkhidmat selama sembilan tahun dengan Maybank Investment Bank dan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif yang berperanan penting dalam memacu perniagaan perbankan pelaburan itu di Malaysia

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian), University of London, United Kingdom
- Sijil Amalan Guaman, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia
- Diploma Perakaunan & Kewangan Bertauliah, Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Imperial College London, United Kingdom
- Felo Jurubank Berkanun, Institut Jurubank Berkanun Asia
- Pakar Bertauliah dalam Kewangan Lestari, Frankfurt School of Finance & Management

KEAHLIAN LUAR

- Ahli Lembaga, Jangkauan Kolektif Industri Kewangan
- Naib Presiden, Kelab Perniagaan Kuala Lumpur

Profil Pengurusan Kanan Kumpulan

JEFFREY NG EOW OO

Pengarah Urusan, Perbankan Komuniti



Lelaki

Umur
50**Tarikh Pelantikan:**

1 Julai 2021

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin dan memacu pertumbuhan Perbankan Komuniti Kumpulan bagi memastikan ianya selaras dengan aspirasi strategik Kumpulan, merentasi kehadiran serantau Kumpulan, terutamanya di Malaysia, Singapura dan Kemboja
- Memenuhi aspirasi Kumpulan untuk menjadi bank komuniti terbaik dengan memupuk hubungan yang lebih mendalam, meningkatkan keupayaan digital dan menjuarai amalan kelestarian untuk individu dan pelanggan PKS
- Bertanggungjawab untuk memastikan Bank kekal di barisan hadapan dari segi pertumbuhan, keuntungan dan bahagian pasaran dengan memanfaatkan kekuatan saluran perbankan komuniti dan pendigitalan pengalaman pelanggan
- Pemacuan strategik TWP24 dalam segmen sasaran

PENGALAMAN

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam industri perbankan, merentasi pelbagai fungsi pengurusan
- Sebelum pelantikannya ke Perbankan Komuniti Kumpulan, beliau mengetuai segmen Perbankan Perniagaan dan Perbankan Transaksi Kumpulan
- Berkhidmat selama 8 tahun dengan Standard Chartered Malaysia, di mana beliau menerajui segmen Perniagaan PKS sebelum menyertai RHB
- Memulakan kerjayanya sebagai akauntan bertauliah dengan PricewaterhouseCoopers dalam bidang jaminan

KELAYAKAN

- Diploma Lanjutan Kewangan – Kolej Tunku Abdul Rahman
- Akauntan Bertauliah – Institut Perakaunan Malaysia
- Akauntan Berkanun Bertauliah – Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah United Kingdom
- Jurubank Bertauliah – Institut Jurubank Berkanun Asia

KEAHLIAN LUAR

- Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah United Kingdom
- Institut Jurubank Bertauliah Asia

WENDY TING WEI LING

Pengarah Urusan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan & Perbankan Korporat Kumpulan



Wanita

Umur
53**Tarikh Pelantikan:**

16 Mei 2022

TANGGUNGJAWAB

- Membentuk dan melaksanakan strategi perniagaan bagi Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Perniagaan Perbankan Korporat Kumpulan di samping menyelia dan menerajui perniagaan dan operasi serantau di RHB Singapura, Kemboja, Thailand, Laos dan Brunei serta perniagaan pinjaman korporat di Malaysia

PENGALAMAN

- Lebih 20 tahun pengalaman sebagai profesional kewangan dengan kemahiran dalam bidang kewangan perdagangan, pasaran modal, perkhidmatan kewangan, perbankan pelaburan dan perbankan korporat. Sebagai penerima biasiswa Maybank, beliau berpeluang berkhidmat merentasi kumpulan perniagaan lain
- Sebelum menyertai RHB, beliau berkhidmat selama 15 tahun dalam Kumpulan Maybank dengan jawatan terakhirnya adalah sebagai Pengarah, Perlindungan Pelanggan (Sektor Swasta)

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Graduan, Program Pembangunan Eksekutif, Chicago Booth, Pendidikan Eksekutif
- Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

PELANTIKAN

- Pengarah, RHB Bank (L) Ltd
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, RHB Bank Lao Sole Co., Ltd
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, RHB Bank (Cambodia) PLC

KEAHLIAN LUAR

- Persatuan Bank-bank di Malaysia
- Institut Jurubank Berkanun Asia
- Persatuan Pasaran Pinjaman Asia Pasifik

DATO' ADISSADIKIN ALI

Pengarah Urusan, RHB Islamic Bank



Lelaki

Umur
53

Tarikh Pelantikan:

1 Ogos 2016

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin, mengurus dan mengembangkan Perbankan Islam dan Perniagaan Syariah dalam Kumpulan Perbankan RHB

PENGALAMAN

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam Perbankan Syariah dan konvensional, termasuk peranan kepimpinan dalam perancangan strategi korporat dan projek-projek khas
- Pernah memegang pelbagai peranan kepimpinan sebelum menyertai RHB, antaranya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AlKhair International Islamic Bank Berhad; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif di Export-Import Bank Malaysia Berhad serta Penolong Pengurus Besar, Pejabat Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad

KELAYAKAN

- Diploma Analisis Pelaburan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
- Sarjana Muda Perniagaan (Perbankan dan Kewangan), Monash University, Australia
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Malaya
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat
- Jurubank Bertauliah, Institut Jurubank Bertauliah Asia
- Jurubank Bertauliah, Institut Jurubank Bertauliah, United Kingdom
- Profesional Bertauliah Kewangan Islam, Institut Profesional Kewangan Islam Bertauliah, Malaysia

KEAHLIAN LUAR

- Lembaga Institut Perbankan & Kewangan Islam Malaysia
- Lembaga Penasihat Industri, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya
- Ahli Majlis, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia

OLIVER TAN CHUAN LI

Pengarah Urusan, RHB Insurance



Lelaki

Umur
57

Tarikh Pelantikan:

21 Februari 2022

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin, mengurus dan mengembangkan perniagaan insurans bagi memastikan ianya selaras dengan aspirasi strategik Kumpulan

PENGALAMAN

- Lebih 30 tahun pengalaman dalam industri insurans tempatan dan serantau
- Menggalas beberapa jawatan kanan, termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWI Insurance Thailand, Ketua Pegawai Eksekutif MPI Generali Insurans Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif Swiss Reinsurance Company Limited di Kuala Lumpur
- Telah menguruskan operasi perniagaan di Malaysia, Vietnam, Kemboja, Laos, Brunei dan Myanmar untuk Swiss Reinsurance Company Ltd
- Telah menyandang beberapa jawatan kanan pada peringkat tempatan dan serantau dalam AIU Insurance Company Limited di Shanghai, AXA General Insurance Hong Kong Limited dan ACE Synergy Insurance Berhad Malaysia

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Undang-undang, Staffordshire Polytechnic, United Kingdom
- Sijil Amalan Undang-undang, Universiti Malaya
- Felo Institut Insurans Malaysia sejak tahun 2017

Profil Pengurusan Kanan Kumpulan

PHUAH SHOK CHENG

Pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



Wanita

Umur
46

Tarikh Pelantikan:

1 Januari 2024

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin Kewangan Kumpulan dan memastikan keberkesanan fungsi pelbagai kewangan merentasi Kumpulan, merangkumi pembelanjawan, pelaporan, pengurusan modal dan kunci kira-kira, percukaian dan perolehan.

PENGALAMAN

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan, audit dan perunding pada peringkat tempatan dan antarabangsa
- Sebelum pelantikan ini, beliau adalah Ketua Pengurusan Modal dan Kunci Kira-Kira Kumpulan Perbankan RHB
- Beliau juga pernah berkhidmat bersama Kumpulan Maybank, memegang pelbagai peranan kewangan di lokasi yang berbeza termasuk Malaysia, Singapura dan Indonesia
- Sebelum itu, beliau memegang pelbagai jawatan audit dan perundingan di Arthur Andersen & Co, Deloitte dan Ernst & Young di Malaysia dan London

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perdagangan, Lincoln University, New Zealand
- Jurubank Berkanun Bertauliah, Institut Jurubank Berkanun Asia
- Akauntan Awam Bertauliah dari Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

KEAHLIAN LUAR

- Institut Jurubank Berkanun Asia
- Institut Akauntan Bertauliah Malaysia
- Institut Akauntan Malaysia

DR CHONG HAN HWEE

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan



Lelaki

Umur
48

Tarikh Pelantikan:

28 September 2020

TANGGUNGJAWAB

- Menguruskan Pengurusan Risiko dan Kredit Keseluruhan Kumpulan selaras dengan Selera Risiko Kumpulan
- Memacu strategi mengenai Risiko Iklim:
 - (i) Menguruskan hala tuju komitmen sifar bersih
 - (ii) Mengenal pasti peluang sektor
 - (iii) Menerapkan pertimbangan iklim ke dalam pengunderaitan kredit
- Memacu strategi risiko untuk Pelaburan, Perbankan Islam dan Serantau, selain Perniagaan Insurans
- Memacu pengurusan risiko yang berkembang, tepat pada masanya dan mengikut tindakan awal
- Melaporkan risiko-risiko material yang mungkin memberi kesan kepada perniagaan dan reputasi Kumpulan
- Mengawasi dan mengurus risiko serantau merentasi jejak serantau dan sejajar dengan amalan negara kepada Kumpulan
- Mentransformasikan pengurusan risiko bagi memenuhi keperluan kawalan dalam era digital dari aspek Strategik, Prestasi, Analitik dan Bakat

PENGALAMAN

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam khidmat nasihat dan pengurusan risiko dalam sektor kewangan
- Membantu institusi kewangan merentasi Australia, ASEAN dan Timur Tengah
- Sebelum menyertai RHB, Dr Chong merupakan Rakan Kongsi di EY Malaysia di mana beliau telah mewujudkan Amalan Pengurusan Risiko Perkhidmatan Kewangan sejak tahun 2012

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perdagangan dalam Ekonomi dan Kewangan (Kepujian Kelas Pertama), Curtin University of Technology, Australia
- Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Curtin University of Technology, Australia

RYAN TEOH JUN FATT

Ketua Pegawai Strategi & Inovasi Kumpulan



Lelaki

Umur
41

Tarikh Pelantikan:

1 November 2022

TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab untuk mengenal pasti keutamaan perniagaan tahunan, melaksanakan inisiatif strategik Kumpulan, merangka dan mengekalkan perjalanan strategi jangka panjang Kumpulan ("TWP24") dan meneruskan perkongsian strategik/usahasama/M&A bagi pertumbuhan bukan organik, seperti Bank Digital Kumpulan menerusi usahasama dengan Boost
- Selain pasukan strategi dalaman, Ryan juga memimpin pasukan Digital, Analitik dan Inovasi Kumpulan untuk menggalakkan penggunaan analitik/AI dan juga cadangan nilai inovasi Digital

PENGALAMAN

- Lebih 15 tahun pengalaman dalam membantu syarikat-syarikat di seluruh Asia Tenggara membangunkan strategi pertumbuhan, meneroka peluang perniagaan digital baharu, mencari nilai melalui analitik pelanggan dan membina tenaga kerja tersedia di masa depan
- Sebelum menyertai RHB, Ryan ialah Pengarah di Strategy& (sebuah firma perunding pengurusan global yang dahulunya dikenali sebagai Booz & Company, yang diambil alih oleh PwC untuk membentuk perniagaan perundingan strategi globalnya)

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sains Pengkomputeran (Kepujian Kelas Pertama), Staffordshire University, United Kingdom
- Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada INSEAD

WAN MARIAH ABU HASSAN

Ketua Pegawai Insan Kumpulan



Wanita

Umur
50

Tarikh Pelantikan:

1 April 2023

TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab untuk merangka dan menambah baik dasar-dasar dan amalan modal insan untuk membina penglibatan tenaga kerja dan memupuk budaya berprestasi tinggi
- Memimpin pembangunan dan pelaksanaan strategi insan dan inisiatif utama yang menyokong pelan perniagaan dan hala tuju strategik Kumpulan secara berkesan
- Meningkatkan keupayaan HR dalaman sebagai rakan kongsi strategik perniagaan, menyelia semua bidang HR dan fungsi di seluruh kitaran hayat warga kerja di peringkat tempatan dan serantau
- Memacu usaha transformasi dalam mengoptimumkan operasi HR, teknologi dan proses-proses untuk meningkatkan produktiviti modal insan dan menyediakan pengalaman pekerjaan yang lancar
- Menerajui strategi Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (DEI) untuk menggalakkan dan memupuk budaya inklusif bagi memastikan amalan pekerjaan yang adil dan saksama

PENGALAMAN

- Dengan lebih 20 tahun kepakaran yang komprehensif dalam bidang Sumber Manusia merentas pelbagai industri seperti FMCG, runcit dan perbankan, pengalaman kolektif ini telah menambah nilai yang ketara kepada Kumpulan
- Sebelum menyertai RHB, beliau merupakan Pengarah Sumber Manusia dan Fungsi Pemboleh Transformasi di Coca Cola BIG, dan sebelumnya sebagai Ketua Modal Insan di Bank Rakyat. Untuk kedua-dua jawatan ini, beliau memainkan peranan penting dalam memandu dan menerima pakai strategi perubahan, sambil mempelopori inisiatif strategik insan

KELAYAKAN

- Diploma dalam Pengurusan HR - Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia
- Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada University of West of Scotland, United Kingdom

KEAHLIAN LUAR

- Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia

Profil Pengurusan Kanan Kumpulan

GANESH SABARATNAM

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif,
RHB Investment Bank & Ketua, Perbankan Pelaburan Kumpulan



Lelaki

Umur
56

Tarikh Pelantikan:

1 Julai 2021

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin, membina dan memacu pertumbuhan keseluruhan dan keuntungan Perbankan Pelaburan Kumpulan (GIB) di Malaysia dan Asia Tenggara (SEA) selaras dengan aspirasi strategik Kumpulan
- Untuk menjadikan RHB Investment Bank sebagai peneraju Bank Pelaburan dan pilihan pertama di Malaysia

PENGALAMAN

- Lebih 25 tahun pengalaman meliputi perbankan pelaburan, pasaran global dan ekuiti persendirian
- Sebelum pelantikannya, beliau adalah rakan kongsi di Grant Thornton Specialist Advisory Services Singapore dan Rakan Kongsi Kanan di Oxley Capital Partners, Singapore, sebuah firma ekuiti persendirian
- Memegang beberapa jawatan kanan di bank-bank pelaburan "bulge bracket", termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Negara Barclays Corporate and Investment Bank Malaysia, dan Pengarah Urusan Barclays IB South East Asia ("SEA"); Ketua Credit Suisse IB di Malaysia dan Thailand; Ketua Aset Pengurusan Liabiliti Pasaran Global SEA, Bank Rabo Singapura; dan Ketua Pasaran Wang Kadar Faedah Jangka Pendek/Pasaran Global Perdagangan Derivatif, Deutsche Bank Malaysia
- Memulakan kerjaya dalam perbankan bersama Bank of America London. Menyandang pelbagai peranan dalam perdagangan, produk berstruktur, penyelesaian risiko dan perbendaharaan di Bank of America Global Markets (BofA) London, dan juga telah berkhidmat ke BofA Hong Kong, Tokyo, San Francisco dan Malaysia
- Telah memulakan dan menstrukturkan pelbagai transaksi merangkumi transformasi penggabungan dan pemilikan merentasi sempadan bernilai berbilion dolar di Asia Tenggara, Australia, Eropah, Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Di samping itu, beliau mengendalikan IPO untuk syarikat Asia Tenggara, Bon AS dan terbitan bon boleh tukar, pinjaman berstruktur, belian habis berleveraj, ekuiti persendirian, pembangunan platform, usahasama, penyusunan semula korporat, hutang tertekan, produk berstruktur serta perdagangan kredit, swap/derivatif serta penyelesaian lindung nilai risiko untuk pelanggan komoditi, kadar dan mata wang

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Sains Kepujian Bersama dalam Kejuruteraan Pengeluaran dan Ekonomi, University of Birmingham, United Kingdom
- Sarjana Sains Kewangan dalam Ekonomi Kewangan dan Pasaran Modal, University of London, United Kingdom

KEAHLIAN LUAR

- Ahli Majlis Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia

DAVID CHONG MING LIANG

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan



Lelaki

Umur
56

Tarikh Pelantikan:

2 Februari 2021

TANGGUNGJAWAB

- Memantau keseluruhan operasi Kumpulan Perbankan RHB di Malaysia dan di luar negara untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan dan operasi, penambahbaikan berterusan dan pengoptimuman merentasi fungsi operasi Kumpulan termasuk operasi kredit, operasi perbendaharaan, operasi perbankan dan pembayaran, operasi AML, operasi perbankan pelaburan dan pengurusan aset, serta pusat panggilan dan perkhidmatan hartanah
- Menerajui kepimpinan dalam memacu program pengalaman pelanggan dan strategi kecemerlangan operasi di seluruh Kumpulan, termasuk inisiatif mengenai proses automasi robotik dan operasi pemboleh AI

PENGALAMAN

- Lebih 25 tahun dalam pelbagai organisasi rundingan global dan institusi perkhidmatan kewangan di Malaysia dan ASEAN
- Menyandang pelbagai peranan dalam transformasi perniagaan dan digital, pengurusan program, perancangan strategik, analitik dan Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan ("CRM"), serta peranan dalam kepimpinan perniagaan, pengurusan produk dan pemasaran
- Sebelum pelantikan terkini, beliau merupakan Ketua Pegawai Digital bagi Kumpulan Perbankan RHB

KELAYAKAN

- Akauntan Bertauliah Berkanun, United Kingdom
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Strathclyde University, United Kingdom

PELANTIKAN

- Pengarah, Financial Park Labuan Sdn Bhd

NORAZZAH SULAIMAN

Ketua Pegawai Kelestarian & Komunikasi Kumpulan



Wanita

Umur
57

Tarikh Pelantikan:

27 Julai 2017

TANGGUNGJAWAB

- Menerajui pelaksanaan strategik kelestarian dan iklim RHB merentasi perniagaan dan operasi Kumpulan
- Memacu inisiatif yang mengintegrasikan matlamat pembangunan kelestarian ke dalam strategi korporat Kumpulan, memupuk persekitaran ketelusan dan akauntabiliti
- Meningkatkan pendedahan berkaitan kelestarian dan iklim, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan piawaian pengawal seliaan
- Memacu kesan positif sosial melalui inisiatif keterlibatan dan pemerkasaan komuniti Kumpulan, dengan fokus utama memartabatkan golongan yang kurang bernasib baik dan belia
- Menetapkan dan memimpin strategi strategik Kumpulan di peringkat domestik dan serantau, merangkumi perhubungan media, jenama dan pengurusan reputasi, penglibatan pihak berkepentingan dan krisis komunikasi

PENGALAMAN

- Lebih 30 tahun berpengalaman dalam pelbagai jawatan pengurusan kanan dalam sektor perkhidmatan kewangan, terutamanya meliputi khidmat nasihat undang-undang, tadbir urus, pematuhan, pengurusan sumber manusia, pemasaran, komunikasi strategik dan pengurusan kelestarian

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian, University of Warwick, United Kingdom
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

PELANTIKAN

- Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan RHB
- Lembaga Pemegang Amanah, RHB – Dana Endowmen UKM

KEAHLIAN LUAR

- Ahli, Jawatankuasa ESG, Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim ("JC3")

WONG KWANG LEH

Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan



Lelaki

Umur
53

Tarikh Pelantikan:

10 Oktober 2022

TANGGUNGJAWAB

- Memacu transformasi teknologi Kumpulan di bawah program TWP24, menyokong trajektori pertumbuhan Kumpulan
- Memodenkan keupayaan IT RHB dan menambah baik daya saing keseluruhan dan kecemerlangan perkhidmatan Bank

PENGALAMAN

- Mempunyai 28 tahun pengalaman dalam IT merangkumi integrasi perbankan teras, strategi dan perancangan IT, seni bina perusahaan, pengurusan data dan maklumat, keselamatan IT, pengurusan risiko teknologi dan tadbir urus IT
- Menyertai RHB pada tahun 2014 sebagai Ketua Strategi IT dan Seni Bina Perusahaan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Perkhidmatan Teknologi Kumpulan
- Sebelum menyertai RHB, beliau telah berkhidmat selama 13 tahun bersama Accenture sebagai perunding teknologi yang melaksanakan projek dan khidmat nasihat IT merentasi pelbagai industri. Beliau memulakan kerjayanya sebagai jurutera perisian

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Kejuruteraan Elektronik, University of Southampton, UK

Profil Pengurusan Kanan Kumpulan

FAZLINA MOHAMED GHAZALLI

Ketua Pegawai Kepatuhan Kumpulan



Wanita

Umur
54**Tarikh Pelantikan:**

1 Jun 2018

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin dan melaksanakan perancangan kepatuhan strategik keseluruhan Kumpulan bagi membolehkan Kumpulan Perbankan RHB mematuhi keperluan pengawal seliaan
- Membentuk polisi dan rangka kerja kepatuhan, memantau keseluruhan kepatuhan risiko Kumpulan serta mengenal pasti dan melaporkan risiko kepatuhan baharu/sedang berkembang tepat pada masanya

PENGALAMAN

- Lebih 22 tahun pengalaman dalam sektor perbankan
- Sebelum menyertai RHB, beliau merupakan rakan sekutu kanan sebuah firma undang-undang terkemuka, yang khusus dalam perkhidmatan hartanah dan kewangan, dan kemudiannya beliau berkhidmat sebagai Ketua Undang Undang sebuah bank pembangunan selama lima tahun
- Beliau memulakan kerjayanya di RHB sebagai Pegawai Perundangan Kanan pada tahun 2005 dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Perundangan Kumpulan pada tahun 2008. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Kepatuhan Kumpulan pada tahun 2016 dan seterusnya sebagai Ketua Pegawai Kepatuhan Kumpulan pada tahun 2018

KELAYAKAN

- Sarjana Undang-undang, University of East Anglia, United Kingdom
- Profesional Bertauliah dalam Anti Pengubahan Wang Haram/ Memerangi Pembiayaan Keganasan
- Jurubank Bertauliah, Institut Jurubank Bertauliah Asia

KEAHLIAN LUAR

- Institut Jurubank Bertauliah Asia

ALEX TAN AUN AUN

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan



Lelaki

Umur
60**Tarikh Pelantikan:**

1 Oktober 2017

TANGGUNGJAWAB

- Memimpin fungsi audit dalaman Kumpulan Perbankan RHB dan melapor kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
- Memberikan Lembaga Pengarah jaminan bebas tentang kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus Kumpulan

PENGALAMAN

- Lebih 28 tahun pengalaman dalam pelbagai jawatan pengurusan dalam sektor perbankan
- Pengalaman melebihi 13 tahun dalam pengauditan dalaman dan dilantik sebagai Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan pada Oktober 2017

KELAYAKAN

- Sarjana Muda Perdagangan (Kewangan), University of Toronto, Kanada
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

KEAHLIAN LUAR

- Institut Juruaudit Dalaman Malaysia
- Institut Jurubank Bertauliah Asia



Maklumat Korporat



SETIAUSAHA SYARIKAT

Azman Shah Md Yaman

(LS 0006901)

Filza Zainal Abidin

(LS 0008413)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 10, Tower One
RHB Centre, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Tel : +603 9287 8888
Faks : +603 9281 9314
Laman web : www.rhbgroup.com

PENDAFTAR SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd

Tingkat 11, Menara Symphony
No. 5, Jalan Professor Khoo Kay Kim
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Untuk pertanyaan pemegang saham

No. Meja Bantuan : +603 7890 4700
Faks : +603 7890 4670
E-mel : BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com

NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT


196501000373 (6171-M)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
Akauntan-akauntan Bertauliah
Tingkat 10, Menara TH 1 Sentral
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral
P.O.Box 10192
50706 Kuala Lumpur

Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288

Struktur Organisasi Kumpulan





PENYATA TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT KAMI

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat RHB ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang korporat Kumpulan di <http://www.rhbgroup.com> atau laman sesawang pengumuman Bursa Malaysia. Penyata tinjauan ini berpandukan prinsip dan amalan yang diterima pakai oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG").

DAYA TAHAN MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK

Landskap perniagaan menyaksikan pembangunan berterusan dalam pendigitalan, inovasi, pengetahuan peraturan dan peningkatan daya saing dalam sektor kewangan. Walaupun wujud cabaran, Lembaga Pengarah yakin dengan rangka kerja tadbir urus Kumpulan yang mantap. Oleh itu, ia kekal berdaya tahan, berpandangan ke hadapan dan fokus kepada strategi jangka panjang Kumpulan.

Lembaga Pengarah terus bekerjasama rapat bersama pasukan kepimpinan dengan memberi tumpuan kepada asas dan prinsip Kumpulan. Ketika industri perkhidmatan kewangan berkembang dan ancaman baharu muncul, Lembaga Pengarah yakin bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kumpulan untuk kekal berada di barisan hadapan dengan bersikap tangkas dan berhemat mengambil risiko dalam pendekatannya terhadap amalan perniagaan. Sepanjang tahun yang ditinjau, Lembaga Pengarah memantau pelbagai perkara, termasuk prestasi kewangan, tadbir urus modal insan, strategi, komitmen modal, pengurusan penipuan, kepatuhan pengawal seliaan, inisiatif kelestarian dan pengurusan risiko.

Perkara utama untuk diketengahkan ialah perubahan kepada komposisi Lembaga pada tahun yang ditinjau. Kami mengalu-alukan ahli baharu ke dalam Lembaga Pengarah. Susulan persaraan dua orang ahli Lembaga Pengarah wanita untuk meneruskan kepentingan peribadi mereka, Hijah Arifakh Othman dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas. Sebagai sebahagian daripada program perancangan penggantian sedia ada kami, pelantikan beliau memastikan komposisi Lembaga Pengarah kekal pelbagai dan bertepatan dengan perkembangan cabaran dalam domain kewangan. Walaupun Bank kekurangan seorang pengarah wanita untuk memenuhi keperluan minimum 30% oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG") untuk separuh kedua 2023, seorang calon sesuai, iaitu Nadzirah Abd Rashid telah dikenal pasti dan dilantik ke Lembaga Pengarah pada 15 Mac 2024. Beliau menyertai Lembaga Pengarah berbekalkan pengalaman profesional selama 35 tahun dalam pasaran sekuriti dan industri perbankan.

Pada peringkat pengurusan pula, berlaku perubahan dalam Perbankan Borong Kumpulan apabila Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Pengarah Urusannya ("MD") menamatkan perkhidmatan masing-masing untuk meneroka cabaran kerjaya baharu. Perubahan pada peringkat pengurusan tidak mengganggu daya tahan operasi Kumpulan sambil kami terus memanfaatkan perancangan penggantian yang sedia ada yang telah terbukti berkesan dan boleh dipercayai secara berterusan. Phuah Shok Cheng telah dilantik sebagai pemangku Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, sambil pihak Lembaga menilai pelantikan tetap beliau ke jawatan berkenaan dalam tempoh terdekat. Kami juga mengalu-alukan Dato' Fad'l Mohamed sebagai Pengarah Urusan Perbankan Borong kami yang baharu. Beliau membawa bersamanya pengetahuan dan pengalaman yang kukuh dalam pasaran modal dan perbankan pelaburan, dengan pengalaman kerjaya lebih dua dekad dalam industri.

Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan terus memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi ke arah memelihara RHB sebagai organisasi bebas rasuah dengan mengadakan Hari Integriti Kumpulan Perbankan RHB pada 14 November 2023, yang diadakan sempena Bulan Integriti Kebangsaan. Mesej Lembaga Pengarah berhubung pendekatan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah ditegaskan merentas semua warga kerja dan rakan kongsi perniagaan pada ketika kami berusaha untuk membina budaya yang dipacu integriti di seluruh kumpulan, selaras dengan aspirasi Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi RHB ("OACP") dan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional ("NACS") yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Anti Rasuah Nasional ("NACP") 2019-2023.

Adalah penting untuk diambil perhatian bahawa 2024 merupakan tahun terakhir untuk strategi korporat Kumpulan iaitu **Bersama-sama Menempa Kemajuan 2024** ("TWP24"). Lembaga Pengarah juga terus membuat kemajuan dalam aspek kelestarian dengan menambah baik rangka kerja kelestarian dan tadbir urus untuk memastikan penyampaian nilai yang relevan dan konsisten kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran kami dengan cara yang betul, iaitu seperti cara RHB.

PERMOHONAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA DALAM TAHUN SEMASA TINJAUAN

RHB Bank Berhad telah menerima pakai dan menerapkan semua Amalan seperti yang disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia kecuali Amalan 5.9, yang menghendaki lembaga terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita dan Amalan 8.3 – Peningkatan, yang memerlukan pendedahan imbuhan terperinci bagi setiap ahli pengurusan kanan yang menggunakan nama mereka. Dan sebagai kepatuhan kepada Amalan 5.9, Nadzirah Abd Rashid baru-baru ini dilantik sebagai pengarah wanita pada 15 Mac 2024 untuk memenuhi komposisi 30% pengarah wanita dalam Lembaga Pengarah.


Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

RANGKA KERJA TADBIR URUS RHB

Sebagai sebuah institusi kewangan yang dikawal selia dengan baik, amalan tadbir urus korporat RHB berpegang teguh kepada Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia, Dokumen Dasar Bank Negara Malaysia berkaitan Tadbir Urus Korporat dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Rangka Kerja Tadbir Urus Seluruh Kumpulan kami, yang menetapkan keperluan piawaian dan amalan minimum yang perlu dipatuhi oleh syarikat-syarikat subsidiarinya, telah disediakan untuk mematuhi piawaian tertinggi yang ditetapkan oleh badan pengawal seliaan.

Rangka kerja tadbir urus ini telah ditakrifkan dengan yang jelas dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Model ini menyediakan Kumpulan dengan struktur tadbir urus yang jelas sebagai panduan amalan tadbir urus dan kuasa membuat keputusan di seluruh Kumpulan. Penugasan kuasa telah dinyatakan jelas dalam Terma Rujukan ("ToR") Jawatankuasa Lembaga Pengarah. ToR dikaji semula secara berkala oleh Lembaga Pengarah dan jawatankuasa masing-masing bagi memastikan mandat mereka dilaksanakan selaras dengan amalan yang terbaik dan memenuhi keperluan pengawal seliaan. Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah disemak semula secara berkala oleh pihak Lembaga Pengarah dan apabila perlu, ditambah baik dengan sokongan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah.

RANGKA KERJA TADBIR URUS



Seperti dinyatakan di bawah, Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berkaitan perkara yang memerlukan keputusannya dan menugaskan tanggungjawab lain yang berkaitan operasi harian kepada pihak pengurusan. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah semasa perbincangan akan hanya diluluskan sekiranya ia disokong dan dipersetujui sebulat suara.

Perkara yang Diperuntukkan untuk Lembaga Pengarah:


- Strategi perniagaan dan operasi
- Pelan perniagaan baharu atau perubahan kepada pelan sedia ada
- Pelaburan/pelupusan baharu
- Penggabungan dan Pemerolehan
- Pengembangan/kemasukan ke pasaran serantau baharu
- Penstrukturan semula korporat/organisasi
- Penubuhan subsidiari/Usaha Sama Baharu
- Perkongsian atau pakatan strategik
- Pemerolehan/pelupusan aset-aset utama
- Kemajuan strategi perniagaan

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah RHB diwakili oleh kepelbagaian individu dari segi jantina, kemahiran dan pengalaman. Terdapat enam Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (“INED”), tiga Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (“NINED”) dan satu Pengarah Eksekutif (“ED”) iaitu Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkhidmat dalam Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad.

Komposisi Lembaga Pengarah ini terdiri daripada pelbagai pengalaman pengetahuan dan perniagaan yang diperlukan untuk menguruskan operasi kompleks Kumpulan. Ahli-ahli yang dilantik ke dalam Lembaga Pengarah memiliki pelbagai jenis kemahiran, pengetahuan dan pengalaman (termasuk kewangan dan bukan kewangan, industri serta pengalaman tempatan dan antarabangsa), yang membolehkan tadbir urus dan pengawasan berkesan. Kepelbagaian lembaga pengarah RHB menambah nilai kepada proses membuat keputusan dengan memastikan pertimbangan dan perbincangan objektif sentiasa dilakukan dengan pendapat dan cabaran yang kukuh daripada sudut pandangan bebas dan bukan bebas.



Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

AKTIVITI & FOKUS LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TAHUN

Salah satu daripada tanggungjawab utama Lembaga Pengarah ialah memastikan syarikat mencapai prestasi yang kukuh dan mampan. Memiliki rangka kerja tadbir urus yang mantap membolehkan pihak Lembaga Pengarah melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas. Pembatasan tanggungjawab ini menyediakan ruang untuk kepimpinan yang kuat, akauntabiliti dan tanggungjawab, mencipta nilai untuk semua pihak berkepentingan kami. Antara bidang fokus utama yang memerlukan semakan dan/atau kelulusan Lembaga Pengarah untuk sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

▶ PRESTASI DAN STRATEGI

- Mempertimbangkan dan meluluskan perkara yang berkaitan dengan Bank Usaha Sama Digital
- Menilai, membincangkan dan meluluskan pelan perniagaan strategik Kumpulan untuk tahun semasa – selaras dengan TWP24
- Menerima maklumat yang dikemas kini daripada pelbagai unit perniagaan dalam dan luar negara mengenai keadaan pasaran dan prestasi perniagaan
- Menilai dan mengutamakan cabaran dan peluang yang dihadapi oleh Kumpulan semasa sesi luar-tapak Lembaga Pengarah
- Membincangkan dan menyemak prestasi bulanan yang dikemas kini daripada Pengarah Urusan Kumpulan
- Mempertimbangkan unjuran TK2024-2025
- Menilai dan membincangkan Laporan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam Kumpulan untuk Tahun Taksiran 2023
- Mempertimbangkan dan memberi tumpuan kepada Kajian Strategik segmen dan produk perniagaan

▶ TADBIR URUS, KELESTARIAN, RISIKO & KEPATUHAN

- Membincangkan mengenai status program RACE Kumpulan yang dikemas kini
- Mempertimbangkan mengenai Penetapan Selera Risiko TK2023 untuk Kumpulan Perbankan RHB
- Mempertimbangkan mengenai Rangka Kerja Tanggungjawab, Akauntabiliti, Dirunding dan Termaklum ("RACI") untuk Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan lain-lain Jawatankuasa Lembaga
- Membincangkan dan menyemak laporan risiko, kepatuhan dan audit Kumpulan
- Meluluskan pededahan berkanun Tadbir Urus Tahunan Korporat Kumpulan untuk TK2022
- Mengemas kini maklumat mengenai ESG/Kelestarian dan Pengurusan Risiko Iklim
- Menerima maklumat yang selalu dikemas kini daripada Jawatankuasa Lembaga sokongan
- Menyemak dan meluluskan laporan setengah tahun untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Menerima dan meluluskan maklumat suku tahunan yang dikemas kini untuk dikemukakan kepada Penarafan Risiko Komposit Bank Negara Malaysia
- Membincangkan dan menilai perkara-perkara yang berkaitan dengan integriti, tadbir urus, pemberi maklumat dan anti-rasuah
- Menerima laporan mengenai semakan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam untuk TK2022
- Mempertimbang, menilai dan meluluskan Strategi dan Hala Tuju Kelestarian 5 Tahun (2022-2026) Kumpulan Perbankan RHB
- Melaksanakan penilaian prestasi lembaga, jawatankuasa dan pengarah individu
- Menerima pelbagai taklimat/latihan untuk melengkapkan diri masing-masing dengan perkembangan terkini dalam industri dan juga pengawalseliaan
- Menerima dan membincangkan status maklumat yang kemas daripada Pengerusi Jawatankuasa Lembaga masing-masing

▶ KEWANGAN

- Menerima maklumat yang dikemas kini mengenai Semakan Nisbah Liptan Kecairan
- Mempertimbangkan mengenai prestasi kewangan anak-anak syarikat serantau dan langkah-langkah untuk meningkatkan penguasaan pasaran
- Meluluskan belanjawan operasi bagi TK2024
- Meluluskan kandungan Laporan Bersepadu bagi TK2022
- Mempertimbangkan dan meluluskan pembayaran bagi TK2022/2023
- Mempertimbangkan dan meluluskan Pelupusan aset milik bank yang tidak digunakan untuk memastikan ekonomi mengikut skala

▶ WARGA KERJA & BUDAYA

- Meluluskan pelantikan Pengarah RHB yang Dicalonkan kepada Usaha Sama Bank Digital
- Menilai dan mempertimbangkan pengurusan bakat dan pelan penggantian
- Mempertimbang dan meluluskan Pembayaran Skim Tunai Tertunda
- Meluluskan pelantikan anggota pengurusan kanan utama untuk Operasi di Malaysia dan Serantau
- Menerima maklumat yang dikemas kini mengenai tinjauan berhubung kepuasan pekerja
- Membincangkan mengenai impak COVID-19 terhadap kesejahteraan dan prestasi pekerja
- Menerima taklimat dan maklumat yang kemas kini berkaitan imbuhan pekerja (bonus prestasi/insentif untuk TK2022)
- Menentukan Imbangan Kad Skor TK2023 bagi Kumpulan Perbankan RHB selaras dengan strategi perniagaan

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH PADA TAHUN 2023

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bermesyuarat secara berkala untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Maklumat mengenai peratusan kehadiran mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditunjukkan di bawah:

LEMBAGA PENGARAH RHB BANK BERHAD

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas kejayaan jangka panjang syarikat dan penyampaian nilai kelestarian kepada pihak berkepentingan. Dalam melaksanakan tugas fidusiari dan fungsi kepimpinannya, pihak Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik baharu Kumpulan dan memantau pihak pengurusan. Pihak Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 15 kali pada tahun 2023.

Jawatankuasa – Jawatankuasa Sokongan

- 1 Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (“BAC”)
- 2 Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga Pengarah (“BNRC”)
- 3 Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (“BRC”)
- 4 Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah (“BCC”)
- 5 Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah (“BSC”)

Kehadiran mesyuarat Lembaga Pengarah **97%**

Komposisi Pengarah Bebas **60%**

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH (“BAC”)

BAC bertanggungjawab bagi pengawasan bebas ke atas pengurusan pelaporan kewangan dan sistem kawalan dalaman. BAC memastikan semak dan imbang bagi entiti-entiti dalaman Kumpulan dan menyemak semula keadaan kewangan serta prestasi operasi Kumpulan. BAC juga bertanggungjawab menyelia pelaksanaan program anti-rasuah oleh bahagian Integriti & Tadbir Urus Kumpulan serta menerima maklumat bulanan yang dikemas kini mengenai kes-kes pemberi maklumat. BAC telah bermesyuarat sebanyak 15 kali pada tahun 2023.

Ahli-ahli Jawatankuasa

- 1 Ong Ai Lin (Pengerusi)
- 2 Donald Joshua Jaganathan
- 3 Datuk Iain John Lo

Kehadiran mesyuarat BAC **100%**

Komposisi Pengarah Bebas **100%**

JAWATANKUASA PENCALONAN & IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH (“BNRC”)

BNRC menyokong pihak Lembaga Pengarah dalam menyemak dan menilai pelantikan, prestasi dan imbuhan barisan ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pegawai Kanan Pengurusan utama termasuk Pengarah Urusan Kumpulan (“GMD”), Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif yang melapor secara langsung kepada GMD. BNRC telah bermesyuarat sebanyak 10 kali pada tahun 2023.

Ahli-ahli Jawatankuasa

- 1 Datuk Iain John Lo (Pengerusi)
- 2 Dato’ Mohamad Nasir Ab Latif
- 3 Hijah Arifakh Othman
- 4 Donald Joshua Jaganathan

Kehadiran mesyuarat BNRC **98%**

Komposisi Pengarah Bebas **75%**

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA ("BRC")

BRC menyediakan pengawasan dan tadbir urus risiko untuk Kumpulan. Ia memantau aktiviti Pengurusan Kanan dalam menguruskan risiko dan memastikan proses pengurusan risiko setiap entiti dalam Kumpulan ditetapkan dan berfungsi dengan baik. BRC juga turut memastikan bahawa pengurusan risiko Kumpulan adalah selaras dengan rangka kerja pengurusan prestasi pulangan risiko yang lestari. BRC telah bermesyuarat sebanyak 15 kali pada tahun 2023.

Ahli-ahli Jawatankuasa

- 1 Donald Joshua Jaganathan (Pengerusi)
- 2 Ong Ai Lin
- 3 Lim Cheng Teck
- 4 Chin Yoong Kheong

Kehadiran
mesyuarat BRC

95%

Komposisi
Pengaroh Bebas

100%

JAWATANKUASA KREDIT LEMBAGA PENGARAH ("BCC")

BCC bertanggungjawab untuk mengesahkan, memveto atau memasukkan syarat-syarat tambahan bagi semua jenis permohonan kredit (termasuk stok kurang/niaga hadapan) dan semua jenis permohonan pengunderaitan bagi jumlah melebihi paras yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kredit Kumpulan ("GCC") dan Jawatankuasa Pelaburan & Pengunderaitan Kumpulan ("GIUC"), di mana kedua-duanya berada pada peringkat pengurusan. BCC telah bermesyuarat sebanyak 30 kali pada tahun 2023.

Ahli-ahli Jawatankuasa

- 1 Lim Cheng Teck (Pengerusi)
- 2 YBhg Tan Sri Ong Leong Huat
- 3 YBhg Datuk Chung Chee Leong (Dilantik pada 1 Januari 2024)
- 4 Hizamuddin Jamalluddin (Dilantik pada 1 Januari 2024)

Kehadiran
mesyuarat BCC

100%

Komposisi
Pengaroh Bebas

75%

JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA PENGARAH ("BSC")

BSC secara strategik memacu pelan tindakan kelestarian dan iklim Kumpulan, selaras dengan visi kelestarian, aspirasi, tonggak utama, bidang fokus dan komitmen kelestarian Kumpulan. BSC juga mengenal pasti dan memacu peluang komersial berkaitan iklim serta peluang komersial dengan impak sosial, selaras dengan strategi kelestarian dan tindakan iklim yang diluluskan oleh Kumpulan. BSC telah bermesyuarat sebanyak 6 kali pada tahun 2023.

Ahli-ahli Jawatankuasa

- 1 Datuk Iain John Lo (Pengerusi)
- 2 YBhg Dato' Mohamad Nasir Ab Latif
- 3 Donald Joshua Jaganathan
- 4 Hijah Arifakh Othman

Kehadiran
mesyuarat BSC

90%

Komposisi
Pengaroh Bebas

75%

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai kehadiran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, sila rujuk kepada Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad 2023.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH (“BNRC”)

BNRC memainkan peranan penting untuk memastikan komposisi Lembaga Pengarah adalah seimbang dan ahli-ahli yang dilantik dapat menyumbang secara positif kepada Kumpulan. BNRC juga bertanggungjawab untuk memastikan komposisi diperbaharui secara berkala dan tempoh perkhidmatan setiap Pengarah dikaji semula selaras dengan keperluan pengawalseliaan. BNRC juga perlu memastikan pelantikan semula tahunan seseorang pengarah bergantung kepada penilaian prestasi yang memuaskan dan sumbangan pengarah kepada Lembaga Pengarah.

Ringkasan aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan oleh BNRC bagi TK2023 ditunjukkan di bawah:

- Mengkaji semula cadangan Bonus/Insentif Prestasi bagi TK2022
- Mengkaji semula pelantikan Pengarah Dicalonkan bagi usaha sama Bank Digital
- Mengkaji semula komposisi Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad dan Lembaga Pengarah semua subsidiari dalam Kumpulan Perbankan RHB
- Meluluskan pelantikan pihak ketiga bebas untuk memperoleh dan memudahkan pencarian pengarah bebas baharu bagi Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad seperti yang disarankan oleh Amalan 5.6 MCCG
- Mengkaji semula dan meluluskan pelantikan Pegawai Kanan Utama dan Pengambil Risiko Material dalam Kumpulan Perbankan RHB
- Mengkaji semula pelantikan dan pelantikan semula calon-calon ke Lembaga Pengarah syarikat-syarikat Kumpulan Perbankan RHB
- Mengkaji semula perancangan penggantian bagi Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank Berhad
- Meluluskan Sistem Pengurusan Sumber Manusia
- Mengkaji semula semakan Piagam Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad
- Meluluskan Rangka Kerja & Dasar Imbuhan Kumpulan Perbankan RHB
- Mencatat Rangka Kerja Tanggungjawab, Akauntabiliti, Dirunding dan Termaklum (“RACI”) bagi Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah lain masing-masing
- Menjalankan penilaian yang sesuai & wajar terhadap Anggota Bertanggungjawab Utama RHB Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad
- Mengkaji semula Penerima Yang Layak dan Peruntukan Saham untuk Skim Pemberian Saham
- Menerima pengemaskinian mengenai perkara-perkara modal insan
- Menilai kebebasan Pengarah Bebas Kumpulan Perbankan RHB
- Mengkaji semula komitmen masa luar Pengarah berkhidmat di Lembaga Pengarah Kumpulan Perbankan RHB
- Meluluskan soal selidik bagi Prestasi Lembaga-lembaga Pengarah & Pengarah Individu bagi TK2022/2023

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH & PENGURUSAN KANAN

Lembaga Pengarah memastikan bahawa pakej imbuhan mendorong pencapaian objektif strategik dalam konteks komponen budaya RHB, keupayaan menanggung risiko dan kepatuhan pengawalseliaan. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga Pengarah ("BNRC") telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan strategi imbuhan sebagaimana yang digariskan dalam Terma Rujukan, yang boleh dirujuk di laman sesawang korporat RHB. Imbuhan pengarah kerap dikaji semula untuk kekal berdaya saing dalam industri. Kami memastikan imbuhan adalah adil dan saksama sebagai entiti serantau/Kumpulan dan cukup menarik untuk mengekalkan bakat dan menarik pengganti masa depan.

▲ Maklumat lanjut mengenai amalan imbuhan RHB dapat diperoleh seperti pendedahan dalam Seksyen B Laporan Tadbir Urus Korporat 2023.

PENAKSIRAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH & AHLI LEMBAGA PENGARAH INDIVIDU BAGI TK2022/2023

Lembaga Pengarah meneruskan penilaian sendiri tahunannya melalui pelaksanaan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE") yang mencerminkan prestasinya bagi TK2022-TK2023. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan agar prestasi Lembaga Pengarah dan para pengarah individu dikaji semula dengan sewajarnya. Kajian semula prestasi Pengarah dijalankan melalui latihan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah. Di samping itu, BNRC juga menjalankan penilaian sendiri berasingan ke atas komposisi Lembaga Pengarah dengan fokus utama kepada tempoh semua Pengarah Bebas berkhidmat dalam Kumpulan sebagai sebahagian daripada perancangan penggantian bagi para pengarah dengan tempoh persaraan semakin hampir.

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah dilaksanakan menggunakan parameter berikut:

BAHAGIAN A PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

- Keberkesanan Lembaga Pengarah Secara Keseluruhan
- Struktur, Strategi & Prestasi
- Interaksi & Komunikasi
- Budaya Lembaga Pengarah
- Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus ("ESG")
- Kepimpinan (Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/Pegawai Prinsipal)

BAHAGIAN B PENAKSIRAN KENDIRI & RAKAN SEJAWAT PENGARAH

- Dinamik dan Penyertaan Lembaga Pengarah
- Kepimpinan, Integriti dan Objektiviti
- Pengetahuan dan kepakaran
- Kebebasan

BAHAGIAN C PENILAIAN SETIAUSAHA SYARIKAT

- Penilaian prestasi Setiausaha Syarikat

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KEPUTUSAN PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH (“BEE”)

Secara keseluruhan, penilaian BEE menyediakan sumbangan bernilai ke arah pengenalan bidang-bidang kekuatan dan penambahbaikan untuk keseluruhan prestasi Lembaga Pengarah dan sumbangan pengarah individu. Ringkasan penemuan ditunjukkan seperti berikut:

Bidang Kekuatan

Kepaduan Lembaga Pengarah

Keputusan menunjukkan bahawa ahli Lembaga Pengarah bekerjasama baik bersama bersatu padu. Ahli Lembaga berketrampilan hebat dan saling menghormati pengalaman dan pandangan sesama sendiri.

Kepelbagaian Lembaga Pengarah

Komposisi semasa mempunyai gabungan kepakaran dan latar belakang pelbagai disiplin yang baik. Ini membentuk asas yang kukuh untuk perbincangan, pertimbangan dan pembuatan keputusan yang baik

Budaya Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah tangkas mengadaptasi kepada permintaan yang berbeza dengan keupataan untuk berkongsi wawasan mengenai topik-topik yang berbangkit dan panduan, terutamanya pada tempoh ketidaktentuan.

Bidang Fokus 2024

KEPELBAGAIAN JANTINA

Tambahan pengarah wanita diperlukan untuk dilantik ke Lembaga Pengarah bagi memenuhi keperluan minimum 30% pengarah wanita.

BUDAYA LEMBAGA PENGARAH

Meningkatkan komunikasi antara Lembaga Pengarah dengan Pengurusan Kanan serta kualiti pembentangan kandungan.

ESG (RISIKO IKLIM)

Walaupun kelihatan peningkatan ketara, Pengarah mengambil maklum bahawa momentum terhadap penyertaan dalam ESG dan perkara-perkara berkaitan kelestarian perlu dikekalkan dan ditingkatkan.

PENTADBIRAN & PROSIDING LEMBAGA PENGARAH

Penambahbaikan pengurusan masa mseyuarat memandangkan beberapa pertimbangan dilihat melebihi masa yang diperuntukkan.

Kajian semula tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas dan Penyegaran Semula Lembaga

Tempoh Perkhidmatan Pengarah Bebas dan mengetengahkan penambahbaikan yang diperlukan kepada komposisi Lembaga seperti berikut:

Kemahiran & Pengalaman Lembaga setakat 31 Disember 2023

- Kepimpinan & Pengurusan
- Perbankan & Kewangan
- Perbendaharaan & Pasaran Modal
- Tadbir Urus, Risiko & Kepatuhan
- MIS & Teknologi
- Keselamatan Siber & Kerahsiaan Data
- Kelestarian

Kemahiran & Pengalaman Pengarah yang Meninggalkan Lembaga Pengarah Baru-baru Ini

Tan Sri Rebecca:

- Perdagangan Antarabangsa
- MIS & Teknologi

Puan Sharifatu Laila:

- Modal Pasaran
- Kewangan
- Tadbir Urus, Risiko & Kepatuhan

Peningkatan Pertimbangan set Kemahiran Komposisi Lembaga Pengarah

Kemahiran dipertimbangkan oleh majoriti Pengarah sebagai “perlu ada” dan tidak diwakili secukupnya’ adalah:

- Keselamatan siber
- Teknologi Maklumat (Perbankan Digital)

Kemahiran lain untuk dipertimbangkan:

- Pendedahan antarabangsa (perbankan dan pasaran modal)
- Pengalaman ESG
- Pengurusan modal insan
- Pengurusan perubahan
- Tambahan pengalaman keusahawanan

Pertimbangan Utama untuk pelantikan baharu

1. Kepelbagaian Jantina:

- Tambahan Pengarah wanita yang diperlukan untuk memenuhi keperluan MCCG sebanyak 30% Pengarah wanita

2. Kelayakan:

- Perakaunan
- Keselamatan siber
- Teknologi Maklumat (Perbankan digital)
- MIS & Teknologi
- Undang-undang
- Pengalaman ESG

Faktor utama lain dipertimbangkan untuk pelantikan baharu termasuk umur, etnik, pengetahuan industri merentas sektor yang berbeza, pengalaman melebihi kewangan atau perakaunan, dan calon mempunyai orientasi strategik yang kukuh dan berupaya berkomunikasi dengan jelas dengan mereka pada peringkat Lembaga Pengarah dan pengurusan teratas.

▲ Untuk maklumat lanjut mengenai BEE bagi TK2022/2023, sila rujuk kepada Amalan 6.1 Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad 2023.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN TADBIR URUS ("CG") KORPORAT

Bidang Fokus
Lembaga
Pengaruh pada
tahun 2023

Gambaran Tadbir Urus Korporat Utama

- Memantau kemajuan pelan hala tuju strategik 3-tahun Kumpulan Perbankan RHB (2022-2024), iaitu TWP24
- Terus memantau dan mengkaji semula kemajuan Strategi Kelestarian dan Pelan Hala Tuju 5-tahun Kumpulan Perbankan RHB (2022-2026)
- Mengawasi Perancangan Penggantian Strategik & Penilaian Prestasi kakitangan pengurusan kanan utama
- Menggunakan Dasar dan dalam yang dikemas kini oleh subsidiari serantau.
- Memperbaharui Ikrar Bebas Rasuah
- Berterusan menilai strategi berkaitan dengan pembangunan dan pengekalan Modal Insan Kumpulan
- Mengawasi kemajuan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi ("OACP") Kumpulan 2022-2026
- Mengendalikan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah tahunan bagi TK2022/2023
- Menerima pengemaskinian mengenai Laporan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam Kumpulan Tahun 2023
- Menerima pengemaskinian mengenai Rangka Kerja Bertanggungjawab, Akauntabiliti, Dirunding dan Termaklum ("RACI") Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga lain masing-masing

Bidang Fokus
Lembaga
Pengaruh pada
tahun 2024

Keutamaan & Aspirasi Masa Depan

- Memantau kemajuan pelan hala tuju strategik perniagaan Kumpulan dan membangunkan pelan hala tuju baharu
- Mengawasi kemajuan pelaksanaan OACP yang diluluskan
- Memantau dan mengkaji semula kemajuan 5-tahun Strategi Kelestarian dan Pelan Hala Tuju Kumpulan Perbankan RHB (2022-2026)
- Mengawasi Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah bagi TK2024
- Mengkaji semula komposisi Lembaga Pengarah dengan fokus utama kepada peningkatan Kepelbagaian Jantina dalam Kumpulan

Bidang Fokus
Lembaga
Pengaruh pada
tahun 2025

- Mengawasi Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah yang dipermudah secara luaran bagi TK2025
- Mengawasi kemajuan pencapaian utama yang ditetapkan dalam OACP yang diluluskan
- Mengkaji semula Dasar Antisogokan & Antirasuah
- Mengkaji semula Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan
- Mengawasi perancangan penggantian bagi INED

Bidang Fokus
Lembaga
Pengaruh pada
tahun 2026

- Melaksanakan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah bagi TK2025/TK2026
- Mengkaji semula kemajuan pencapaian utama yang ditetapkan dalam OACP yang diluluskan

Bidang Fokus
Lembaga
Pengaruh pada
tahun 2027

- Membangunkan Strategi Antirasuah Organisasi yang baharu untuk Kumpulan Perbankan RHB
- Mengkaji semula Strategi Kelestarian dan Pelan Hala Tuju Kumpulan
- Mengawasi latihan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah

Sorotan Tadbir Urus Korporat

PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN



Lembaga Pengarah secara rasmi telah menerima pakai dasar Pembangunan Profesional untuk memastikan para Pengarah dalam Kumpulan menjalani program latihan yang diperlukan untuk melengkap diri dengan perkembangan industri dan kawal selia. Maklumat terperinci mengenai program latihan yang dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi TK2023 disediakan di bawah Seksyen B Laporan Tadbir Urus Korporat.

DASAR KEPELBAGAIAN LEMBAGA PENGARAH



Barisan Ahli Lembaga Pengarah RHB dan subsidiari-subsidiarinya tekad ke arah mengekalkan komposisi Lembaga Pengarah yang mencerminkan kepelbagaian. Kumpulan menyedari nilai dalam komposisi Lembaga Pengarah yang pelbagai kerana ia merupakan komponen penting yang berupaya untuk mempengaruhi fungsi Lembaga Pengarah dan dinamik antara ahli-ahlinya. Pada masa ini, Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad diwakili oleh 30% Pengarah wanita berikutan pelantikan Nadzirah Abd Rashid pada 15 Mac 2024.

DASAR DIVIDEN SYARIKAT



Syarikat mempunyai dasar dividen tetap di mana nisbah pembayaran dividen adalah sekurang-kurangnya 30% daripada keuntungan bersih pada paras minimum, memberikan pulangan yang berterusan kepada para pemegang saham sebagai komitmen pada masa hadapan.

KEBEBASAN DAN UJIAN LAYAK & PATUT



- Pengerusi Lembaga Pengarah bukanlah ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Lembaga Pengarah
- Kesemua ahli-ahli INED telah lulus penilaian 'kebebasan' tahunan dan keperluan Layak & Patut untuk memastikan kesesuaian dan kejujuran mereka tidak diragui untuk memikul peranan dan tanggungjawab dengan berkesan.

BUKU PANDUAN TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH



Lembaga Pengarah telah menyediakan Buku Panduan Tadbir Urus Lembaga Pengarah ("BGH") sebagai rujukan imbas dan panduan mudah, merangkumi kod etika dan amalan perniagaan, dasar kepelbagaian, dasar imbuhan, dan sebagainya.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN



Lembaga Pengarah Board menghargai kepentingan saluran komunikasi yang terbuka dan menepati masa dengan semua pihak berkepentingan. Ini dilakukan melalui pelbagai mekanisme, seperti penerbitan Laporan Tahunan, Laporan Kewangan, Laporan Tadbir Urus, Laporan Kelestarian, Mesyuarat Agung, persidangan pelabur, jerayawara, taklimat penganalisis, taklimat media/sidang akhbar dan komunikasi dengan pihak berkepentingan melalui alat elektronik seperti laman sesawang korporat RHB. Kumpulan juga telah mewujudkan fungsi Perhubungan Pelabur ("IR") khusus untuk memastikan para pemegang saham dapat memperoleh maklumat pada bila-bila masa dan dari mana saja. Para pemegang saham sedia ada boleh menghubungi pasukan IR di investor.relations@rhbgroup.com.

DASAR KEPELBAGAIAN LEMBAGA PENGARAH



Kumpulan telah menetapkan satu Dasar Transaksi Pihak Berkaitan yang membimbing kajian semula dan pelaporan semua transaksi pihak berkaitan dalam Kumpulan. Di bawah Dasar ini, semua transaksi pihak berkaitan dikaji semula oleh pihak Perundangan Kumpulan sebelum kajian semula bebas Audit Dalaman Kumpulan sebelum diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah bagi pertimbangan. Kumpulan melaksanakan semua transaksi pihak berkaitan dengan cara yang saksama dan telus.

SISTEM MESYUARAT BOARDPAC



Mengikuti perkembangan era digital, Lembaga Pengarah terus memanfaatkan teknologi dalam pengendalian dan urusan perniagaannya. Pihak Lembaga Pengarah menggunakan sistem BoardPAC yang mempunyai enkripsi kata laluan dan membenarkan ahli Lembaga Pengarah untuk menerima dokumen dan komunikasi penting dengan selamat dan peribadi dengan tahap kerahsiaan yang tinggi.

DASAR MENGENAI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN KUMPULAN



Lembaga Pengarah telah mewujudkan Rangka Kerja dan Dasar Percanggahan Kepentingan selain daripada Dasar Transaksi Pihak Berkaitan Kumpulan. Prinsip panduan dokumen ini adalah untuk memastikan Kumpulan menghindari percanggahan kepentingan dan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam aktiviti perniagaannya.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KEBEBASAN LEMBAGA PENGARAH

Kebebasan para Pengarah dikaji semula setiap tahun dan ditanda aras dengan amalan terbaik dan peruntukan kawal selia. BNRC menaksir kebebasan INED melalui Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE") yang mengambil kira keupayaan Pengarah individu untuk membuat pertimbangan bebas pada setiap masa dan menyumbang kepada keberkesanan fungsi Lembaga Pengarah. Berdasarkan keputusan BEE yang terkini, Lembaga Pengarah pada umumnya berpuas hati dengan tahap kebebasan yang diamalkan oleh semua INED dan keupayaan mereka untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat. INED juga dikehendaki untuk mendedahkan kebebasan mereka kepada Kumpulan setiap tahun. Kumpulan juga memastikan bahawa INED kanan dilantik untuk setiap entiti operasi dalam Kumpulan selain daripada komposisi yang termasuk majoriti INED.

Pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, semua Pengarah dikehendaki untuk mendedahkan sama ada mereka mempunyai sebarang kepentingan atau kemungkinan konflik mengenai perkara-perkara yang dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat. Sekiranya perlu, Pengarah berkepentingan harus mengundurkan diri dan menahan diri daripada sebarang pertimbangan dan pengundian untuk membolehkan proses perbincangan dan membuat keputusan dibuat tanpa berat sebelah dan bebas. Sekiranya cadangan korporat memerlukan kelulusan pemegang saham, Pengarah berkepentingan akan menahan diri daripada mengundi dalam perkara berkaitan dengan pegangan saham mereka dalam Syarikat (sekiranya ada) dan juga memastikan bahawa pihak yang mempunyai talian dengan mereka juga tidak akan mengundi mengenai resolusi tersebut.

Peranan & Tanggungjawab

PENGERUSI

Tanggungjawab

- Memimpin perbincangan Lembaga Pengarah
- Mempengerusikan Mesyuarat Agung
- Memastikan komunikasi yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan pihak berkepentingan
- Sering berkomunikasi dengan Pengarah Urusan Kumpulan dan pegawai-pegawai Pengurusan Kanan lain mengenai hal ehwal Kumpulan

PENGARAH KANAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Tanggungjawab

- Ahli Lembaga yang bertindak sebagai saluran komunikasi kepada Pengerusi dan menjadi penghubung antara Pengarah Bebas dengan Pengarah Bukan Bebas
- Memimpin Pengarah Bebas untuk menjalankan sesi eksekutif dengan Pengurusan Kanan

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Tanggungjawab

- Memantau dan mencabar prestasi pengurusan
- Menggunakan pertimbangan bebas dalam perbincangan dan kajian semula perkara-perkara yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Tanggungjawab

- Bertindak sebagai wakil para pemegang saham utama sambil memberikan panduan membina dan pandangan objektif mengenai prestasi pengurusan

PENGARAH URUSAN KUMPULAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tanggungjawab

- Memikul tanggungjawab untuk melaksanakan strategi keseluruhan Kumpulan



AZMAN SHAH MD YAMAN
Setiausaha Syarikat dan
Ketua Pegawai Integriti & Tadbir Urus

Encik Azman Shah Md Yaman mengetuai Bahagian Perundangan, Sekretariat & Tadbir Urus Kumpulan Perbankan RHB. Beliau bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah, melalui Pengerusi dan/atau, mengenai semua perkara berkaitan dengan fungsi rasmi Lembaga Pengarah. Beliau menerajui dan bertindak sebagai penjaga dasar-dasar dan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik. Encik Azman ialah Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya yang bertauliah dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB)(Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("UIAM"), Setiausaha Syarikat Berlesen (LS 0006901) dan ahli Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia. Encik Azman juga memikul tanggungjawab sebagai Ketua Pegawai Integriti & Tadbir Urus Kumpulan ("CIGO") dalam Kumpulan Perbankan RHB. Beliau Pegawai Integriti Bertauliah ("CeIO") yang diiktiraf oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia ("MACA").

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

MENETAPKAN NADA SUARA DARIPADA PERINGKAT TERTINGGI

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap rangka kerja risiko Kumpulan berstruktur dan kukuh di samping sistem kawalan dalaman yang dibentuk untuk memastikan operasi perniagaan berjalan secara berkesan dan cekap tanpa menjejaskan kualiti.




Dengan sokongan pihak pengurusan, Lembaga Pengarah mengamalkan pertimbangan perniagaan yang baik apabila membangunkan strategi, menyampaikan objektif dan menguruskan risiko masing-masing dengan menetapkan Pengurusan Risiko Perusahaan yang kukuh sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman. Kumpulan komited untuk memastikan bahawa kawalan dalam diuji, dikaji semula dan diperkukuh bagi membolehkan pengurusan risiko berkesan yang menyokong objektif strategik kami.

Lembaga Pengarah berpegang teguh kepada pendirian kami terhadap rasuah. Lembaga Pengarah melihat rasuah sebagai amalan merosakkan yang menggugat kredibiliti dan nilai etika organisasi. Lembaga Pengarah memastikan bahawa Kumpulan menetapkan pelbagai Dasar dan Garis Panduan yang mengukuhkan usaha antirasuah kami, seperti Dasar Antisogokan & Antirasuah Kumpulan, Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan, Dasar Tajaan Korporat dan Derma Kumpulan, Dasar Layak & Patut Kumpulan dan Garis Panduan Pemberian Hadiah & Hospitaliti Kumpulan, menekankan kawalan dalam yang kukuh ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang sihat dan kondusif.

Kumpulan juga telah membangunkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi ("OACP") pada tahun 2022. Dokumen strategik ini berfungsi sebagai rujukan untuk pekerja dan rakan niaga Kumpulan berkaitan dengan piawaian minimum tatalaku perniagaan beretika di kalangan mereka. Pada tahun 2023, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah juga mengemas kini kemajuan inisiatif kami dalam OACP dan keutamaan kami pada masa hadapan.

Lembaga Pengarah meneruskan tumpuan terhadap pemupukan dan pemeliharaan budaya korporat dengan tahap integriti yang tinggi. Pihak Lembaga Pengarah yakin bahawa budaya korporat yang teguh menyumbang kepada identiti dan nilai organisasi dan menyokong usaha kami untuk menarik dan mengekalkan bakat yang sesuai, membezakan diri daripada rakan industri dan menyerlahkan kelebihan daya saing korporat dan identiti jenama kami.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa warga kerja merupakan barisan pertahanan pertama kami untuk mencegah rasuah, dan kami di RHB ditakrif berdasarkan nilai kami. Lembaga Pengarah memahami bahawa komunikasi kami mengenai nilai perlu jelas dan konsisten dan sejajar dengan norma budaya merentas Kumpulan.

<p>SATU RHB</p>  <p>Menunjukkan kesediaan untuk meletakkan keperluan organisasi mengatasi pencapaian peribadi dengan memupuk kerja berpasukan, pemerkasaan dan perkongsian pengetahuan.</p>	<p>BERORIENTASIKAN PENCAPAIAN</p>  <p>Menunjukkan komitmen dan dorongan dalam penyampaian hasil kerja berkualiti, dan memberikan perhatian kepada semua perkara dengan segera.</p>	<p>MENDAHULUKAN PELANGGAN</p>  <p>Menunjukkan semangat yang tidak berbelah bahagi untuk melibatkan diri dan memenuhi keperluan mereka, serta mencipta pengalaman yang hebat.yang hebat.</p>
---	--	---

Nilai Teras Bersama

Warga kerja Perbankan Kumpulan RHB berpandukan nilai teras bersama, iaitu P.R.I.D.E. Komitmen ini diterjemahkan ke dalam tatalaku beretika yang didorong oleh kebencian atau penolakan terhadap amalan atau aktiviti perniagaan yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau agen untuk melakukan sebarang tindakan penipuan atau amalan rasuah sama ada di tempat kerja atau di luar organisasi.

<p>P PROFESIONAL</p> <p>Kami komited untuk mengekalkan tahap kemahiran, keupayaan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam apa jua tindakan kami.</p>	<p>R HORMAT</p> <p>Kami berbudi bahasa, merendah diri dan menunjukkan empati kepada semua menerusi tindakan dan interaksi kami.</p>	<p>I INTEGRITI</p> <p>Kami jujur, beretika dan menegakkan piawaian tadbir urus yang tinggi.</p>	<p>D DINAMIK</p> <p>Kami proaktif, responsif dan berpandangan ke hadapan.</p>	<p>E KECEMERLANGAN</p> <p>Kami akan terus berusaha untuk mencapai piawaian prestasi dan penyampaian perkhidmatan yang tinggi.</p>
--	--	--	--	--

INTEGRITI KORPORAT & AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA

Lembaga Pengarah, dengan sokongan pengurusan, terus memupuk pelaksanaan tadbir urus perniagaan yang baik merentas Kumpulan dengan memimpin kakitangan kami untuk sentiasa bertindak dengan integriti dan mendukung nilai teras kami dalam urusan perniagaan harian. Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan terkemuka, kami mendukung 'Integriti' sebagai nilai teras yang perlu dimiliki oleh setiap warga RHB pada setiap masa. Ia berfungsi sebagai simbol kebanggaan bagi memastikan setiap individu berkaitan dengan RHB akan sentiasa bertindak dengan sewajarnya pada setiap masa, meskipun apabila tiada sesiapa yang melihat, terutamanya semasa pengatur 'bekerja dari rumah'.

Kumpulan juga memastikan pematuhan kepada keperluan-keperluan berkanun dan penyeliaan yang berkaitan termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") 2009, Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada Disember 2018, Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Tadbir Urus keluaran SPRM pada 2019, Pelan Strategik Unit Integriti dan Tadbir Urus 2019-2021 keluaran SPRM dan dokumen berkaitan lain.

Dalam penetapan asas dan sistem kawalan kami, Kumpulan berpandukan Prinsip T.R.U.S.T. yang diperkenalkan melalui Garis Panduan mengenai Prosedur Mencukupi oleh Pejabat Perdana Menteri. Lembaga Pengarah memberikan kuasa kepada Integriti & Tadbir Urus ("GIG") Kumpulan untuk memastikan aktiviti kami adalah selaras dengan Prinsip T.R.U.S.T. seperti berikut:

T KOMITMEN PERINGKAT TERTINGGI

- Menyediakan pengendorsan daripada peringkat atas ke bawah bagi Hari Integriti Kumpulan Perbankan RHB yang diadakan pada 14 November 2023. Lembaga Pengarah memastikan bahawa bajet yang mencukupi diperuntukkan untuk acara ini bagi memastikan semua sokongan yang diperlukan diberikan demi kejayaannya. Hari Integriti diadakan bersempena dengan Bulan Integriti Nasional dan menyampaikan mesej Lembaga Pengarah tentang pendirian toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah.
- Melancarkan Buku Panduan Antisogokan & Antirasuah ("ABC") semasa keterlibatan kami dengan Pembekal berdaftar pada 3 Mei 2023 sebagai sebahagian daripada inisiatif Pengukuhan Integriti
- Mengemukakan pelaporan setengah Tahun kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengenai statistik pemberi maklumat dan inisiatif berkaitan dengan pengukuhan integriti dan tadbir urus
- Memastikan bahawa tenaga kerja yang mencukupi ditetapkan bagi peranan utama dan sokongan dalam GIG

R PENILAIAN RISIKO

- Menjalankan Penilaian Risiko Materialiti tahunan untuk menilai risiko rasuah dalam keseluruhan organisasi. Penilaian juga termasuk penilaian risiko rasuah bagi operasi serantau (luar negara) dan tempatan kami.
- Mengkaji semula risiko rasuah, termasuk risiko penipuan, melalui Penilaian Risiko Pematuhan Tahunan ("RCSA") Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan
- Membangunkan Panduan Pengguna Penilaian Risiko Rasuah untuk menyokong jabatan dalam pengendalian penilaian risiko rasuah mereka.

U MENGAMBIL LANGKAH KAWALAN

- Mengkaji semula dan meningkatkan Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan dan Garis Panduan Pemberian Hadiah & Hospitaliti
- Mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi ("OACP") Kumpulan pada tahun 2022. Pengemaskinian mengenai kemajuan inisiatif diberikan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah pada Ogos 2023
- Menjalankan penilaian wajar dengan menapis pegawai kanan utama sebelum suai tugas serta permohonan penapisan untuk penajaan korporat

S PENGKAJIAN SEMULA, PEMANTAUAN & PENGUATKUASAAN SISTEMATIK

- Kajian semula kawalan Antisogokan & Antirasuah Kumpulan dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") pada Julai 2023. Berdasarkan kajian semula yang dijalankan, beberapa bidang yang dikenal pasti sebagai mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Integriti & Tadbir Urus Kumpulan disyorkan untuk mengkaji semula item-item ini dan menambah baik dengan sewajarnya
- Mencapai 100% penyelesaian pelan tindakan jangka pendek bagi setiap mandat OACP
- Melantik Pegawai Integriti & Perhubungan dalam bahagian/entiti masing-masing untuk membantu GIG dalam pelaksanaan tugas-tugas keseluruhan kumpulan yang diperlukan

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

T LATIHAN & KOMUNIKASI



- Menjalankan 24 sesi latihan melibatkan kakitangan Kumpulan Perbankan RHB
- Menjalankan sesi keterlibatan latihan dengan pembekal berdaftar utama bagi Mengukuhkan Integriti pada 3 Mei 2023
- Menganjurkan Hari Integriti RHB di mana ikrar bebas rasuah diulang pada 14 November 2023
- Menerbit lapan risalah (diiringi oleh lembaran soalan lazim) dan empat Buletin Suku Tahunan to memupuk dan memaklumkan warga kerja mengenai antisogokan & antirasuah, hadiah & hospitaliti dan pemberi maklumat

PEMBERI MAKLUMAT ATAU 'SPEAK-UP'

Saluran pemberi maklumat Kumpulan Perbankan RHB disediakan untuk digunakan oleh pihak dalaman dan luaran untuk menyuarakan mengenai sebarang salah laku. Kumpulan mempunyai emel khusus, iaitu speakup@rhbgrou.com, serta saluran pemberi maklumat yang sah. Integriti & Tadbir Urus Kumpulan menguruskan dan memantau segala hal pemberi maklumat dan sebarang pengemaskinian mengenai hal-hal pemberi maklumat yang dikongsikan dengan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah secara bulanan.

Kumpulan telah mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Maklumat & Aduan ("ICAC") pada peringkat pengurusan untuk mengawasi dan menilai maklumat dan aduan yang diterima melalui saluran pemberi maklumat sebelum membuat cadangan mengenai tindakan yang perlu diambil selanjutnya.

Terdapat sedikit penurunan dalam bilangan kes pemberian maklumat yang diterima daripada 13 kes pada tahun 2022 kepada 11 kes pada tahun 2023. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh usaha berterusan Integriti & Tadbir Urus Kumpulan untuk memperkukuhkan pemahaman pihak berkepentingan mengenai dasar dan garis panduan, memupuk budaya organisasi yang tepat, dan menggalakkan seterusnya menggalakkan perilaku teladan di kalangan warga kerja dan rakan niaga.



INTEGRITI KORPORAT & AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA (Sambungan)

Kawalan Dalaman Utama

Pendekatan kami kepada risiko dan pematuhan melangkaui memenuhi kriteria sahaja. Kumpulan telah menerbitkan kod-kod, dasar-dasar, prosedur-prosedur dan dokumen tambahan lain bagi mengekalkan budaya etika dan integriti yang kukuh dalam Kumpulan.

Kawalan Dalaman Utama RHB

Pelaksanaan langkah-langkah antisogokan dan antirasuah dikuatkuasakan melalui dokumen dalaman dan inisiatif berikut:

- Dasar AntiSogokan dan AntiRasuah Kumpulan
- Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan
- Dasar Layak & Patut Kumpulan
- Dasar Penajaan & Sumbangan Korporat Kumpulan
- Dasar Transaksi Pihak Berkaitan Kumpulan
- Dasar mengenai Konflik Kepentingan Kumpulan
- Dasar AntiPengubahan Wang dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kumpulan
- Dasar Pengurusan Risiko Penyelewengan Kumpulan
- Garis Panduan Pemberian Hadiah & Hospitaliti Kumpulan
- Kod Etika & Tatakelakuan Perniagaan untuk Pengarah Kumpulan
- Kod Etika dan Tatakelakuan untuk Pekerja Kumpulan
- Ikrar Bebas Rasuah RHB
- Pelan Anti-Rasuah Organisasi RHB
- Nilai-nilai Teras ("P.R.I.D.E.")
- Pengurusan Risiko Rasuah & Pengurusan Penaksiran Risiko Rasuah Tahunan
- Pendirian dan Komitmen AntiSogokan & AntiRasuah
- Saluran dan ruang Pemberi Maklumat atau "Speak Up"

PEMATUHAN KUMPULAN

Persekitaran pengawalseliaan bagi institusi-institusi kewangan semakin kompleks dan sentiasa berubah. Evolusi perundangan dan peraturan baharu menyebabkan peningkatan dalam jangkaan pihak pengawal selia. Sebarang kegagalan dalam pematuhan kawal selia boleh mengakibatkan kerugian kewangan yang ketara, hukuman berat dan penjejasan reputasi.

Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan berhemat, Kumpulan tekad menegakkan prinsip tadbir urus yang baik dan keperluan pengawalseliaan. Prinsip-prinsip ini telah digariskan dalam Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Pematuhan Kumpulan yang bertindak sebagai panduan penting bagi Kumpulan untuk membolehkan penggabungan amalan terbaik pematuhan merentasi kesemua aspek perniagaan Kumpulan.

Fungsi pematuhan Kumpulan bertindak sebagai barisan pertahanan kedua dan beroperasi di seluruh Kumpulan dengan pelantikan Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan yang mengawasi pengurusan risiko pematuhan Kumpulan yang diperluas kepada semua entiti di Malaysia dan cawangan dan syarikat subsidiari di luar negara.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

PEMATUHAN KUMPULAN (Sambungan)



FAZLINA MOHAMED GHAZALLI
Ketua Pegawai Pematuhan Kumpulan

Puan Fazlina Mohamed Ghazalli menerajui dan melaksanakan pelan strategik pematuhan seluruh Kumpulan bagi membolehkan Kumpulan Perbankan RHB bagi mematuhi keperluan pengawalseliaan. Beliau melapor kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Puan Fazlina mempunyai lebih 22 tahun pengalaman dalam bidang perbankan dan berkecimpung dalam bidang guaman sebelum memulakan kerjayanya dalam bidang perbankan pada tahun 2001. Puan Fazlina memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada University of East Anglia, UK. Beliau adalah Jurubank Bertauliah dan Profesional Bertauliah dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Memerangi Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT").

Fokus Utama Pematuhan Kumpulan bagi tahun 2024

- 1 untuk meneruskan usaha untuk mengoptimumkan kecekapan operasi dan aliran kerja bagi menyokong objektif perniagaan dan menguruskan risiko pematuhan pengawalseliaan;
- 2 untuk memupuk kecekapan dan membuat keputusan di barisan hadapan;
- 3 untuk menyokong RHB dalam penerapan keperluan pengawalseliaan yang dapat digunakan termasuk Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG); dan
- 4 untuk menggunakan analitik data untuk merancang perkembangan ulasan yang dipacu data mengenai risiko pematuhan pengawalselian secara holistik dan berterusan.

FUNGSI PEMATUHAN YANG TEGUH MELALUI INOVASI BERTERUSAN UNTUK MENYOKONG OBJEKTIF PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN PEMATUHAN YANG BERKESAN

Inovasi	Menyokong Ketahanan Perniagaan	Jaminan
<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kecekapan operasi AML/CFT, pengawalseliaan dan keupayaan pematuhan syariah. Berterusan meningkatkan keupayaan pelaporan pematuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan aliran kerja dan pengumpulan data. Meningkatkan kecekapan pematuhan dan pembuatan keputusan barisan hadapan Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan ("BRCOs") dengan pertimbangan pengawalseliaan yang diguna pakai dengan sewajarnya. Menyokong RHB dalam penerapan pertimbangan ESG. Mengekalkan keyakinan sebagai rakan perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab kepada semua pihak berkepentingan secara berterusan. 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan pemantauan dipacu data Pengawasan dan penilaian kawalan berterusan. Pembangunan AML/CFT, pengawalseliaan dan pengurusan risiko pematuhan syariah dalam semua barisan pertahanan secara berterusan.

Menerapkan Budaya Pematuhan

- Berterusan menggalakkan amalan AML/CFT secara dinamik, proaktif dan bertanggungjawab, pengawalseliaan dan pematuhan syariah untuk menyokong perniagaan dalam pengurusan pematuhan pengawalseliaan.
- Menerapkan budaya pematuhan melalui latihan, bengkel dan forum berterusan dan berkaitan.

PEMATUHAN KUMPULAN (Sambungan)

Berikut adalah beberapa inisiatif utama oleh bahagian Pematuhan Kumpulan bagi tahun 2023 dalam usaha untuk kekal berjaga-jaga terhadap pandemik.

INISIATIF

INOVASI

- Penambahbaikan lanjutan dibuat kepada sistem AML bagi aplikasi SWIFT-Rentas.
- Fasa 1 Program Peningkatan Keupayaan RHB AML/CFT ("RACE") berjaya dilancarkan pada Disember 2022.
- Meningkatkan tadbir urus data dan pengurusan data AML, liputan senario dan penentuan peraturan dan senario pemantauan transaksi serta peraturan dan ambang penyaringan.
- Pemulihan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") selesai pada September 2022 dan peningkatan sistem pelayan FiTAX dan perisian selesai pada Disember 2022.

MENYOKONG KETAHANAN PERNIAGAAN

- Mewujudkan metrik Penyata Selera Risiko dalam pemahaman budaya risiko bank.
- Tinjauan dan kajian semula berterusan Penilaian Risiko Pematuhan ("CRA") dan metodologi Penilaian Risiko AML ("AMLRA").

JAMINAN

- Meningkatkan pengawasan perbendaharaan dengan sistem rakaman suara peniaga perbendaharaan dalam skop pemantauan secara berperingkat.
- Peningkatan pematuhan dan kajian semula kawal selia untuk mengesan jurang prosedur berhubung keperluan kawal selia. Telah menjalankan sebanyak 430 kajian semula pematuhan di seluruh Kumpulan.
- Kajian semula keseluruhan dasar, pekeliling dan garis panduan untuk memastikan bahawa proses operasi dan perniagaan Kumpulan dikemas kini, mana-mana perlu, termasuk pengemaskinian dasar, pekeliling dan garis panduan dalam entiti-serantau. Telah melaksanakan penaksiran pematuhan tahunan dan risiko AML.

BUDAYA PEMATUHAN

- Mengajukan klinik pematuhan berfokus yang memilih topik-topik berdasarkan hasil kajian semula pematuhan.
- Mengoptimalkan penggunaan platform pembelajaran alternatif seperti video penerangan ringkas, webinar dan Pasukan Microsoft untuk menjalankan latihan pematuhan.
- Menjalankan sebanyak 130 program budaya pematuhan dan menerbitkan pelbagai bahan pendidikan sepanjang tahun.
- "Program Hari Pematuhan Cawangan" telah diteruskan pada tahun 2023 selaras dengan usaha Kumpulan untuk membina budaya pematuhan yang positif. Pada tahun 2023, 43 cawangan memanfaatkan inisiatif tersebut dan berkongsi maklumat berkaitan pelbagai isu dan perkembangan pematuhan.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

KEPUTUSAN

- Selesai automasi penjaanaan laporan dimensi sistem AML untuk tujuan kualiti data sejak April 2023
 - Penambahbaikan/automasi untuk aliran kerja digital keseluruhan yang berkesan untuk siasatan kes selesai.
 - Penambahbaikan/peningkatan Datamart selesai seperti Papan Pemuka Produktiviti dan peningkatan penstoran.
 - Laporan Piawaian Pelaporan Lazim ("CRS") bagi kesemua 16 entiti yang diserahkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ("LHDN") sebelum tarikh akhir pada 30 Jun 2023.
 - Pasukan Pelaporan Operasi Singapura ("ORT") telah berjaya melaporkan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") dan CRS bagi Tahun Pelaporan 2022. Latihan mengenai pelaporan FATCA/CRS juga dijalankan pada April 2023.
-
- Penyata Selera Risiko Kawal Selia ("RAS") diluluskan oleh Lembaga Pengarah/Jawatankuasa berkaitan
 - Penambahbaikan metrik dan pelaporan papan pemuka CRA dan AMLRA telah selesai.
 - Semakan dan penggunaan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Pematuhan Kumpulan.
 - Melaksanakan 16 pusat pasaran mini, inisiatif untuk meningkatkan masa pusing ganti (TAT) ulasan produk daripada 7 hari bekerja kepada 3 hari bekerja di.
 - Penambahbaikan Pelaporan Pematuhan.
 - Pewujudan Nota Panduan/Dokumen Fungsian untuk penambahbaikan tadbir urus dan proses berkaitan pematuhan.
 - Menambah baik masa pusing ganti dan sokongan kepada perniagaan.
 - Mengambil bahagian dalam Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC") dan Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Lestari ("RSPC") untuk memacu amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") yang baik, peningkatan pengetahuan dan kesedaran budaya.
 - Menerapkan keperluan berkaitan ESG dalam ulasan.
-
- Penambahbaikan proses semakan pengawasan perdagangan telah selesai dan pegawai pematuhan berkaitan diberi taklimat yang sewajarnya.
 - Menjalankan tinjauan pematuhan yang merangkumi penilaian jurang, ulasan pengawalseliaan, ulasan tematik/jabatan/cawangan, ulasan serantau dan syariah.
 - Pelaporan pertama AML/CFT RAS bagi Januari 2023 dibentangkan pada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah pada Februari 2023 dan sedang dijalankan untuk pelaporan bulanan.
 - Penambahbaikan kepada Pemantauan Transaksi AML/CFT.
 - Sesi Perkongsian yang selesai dengan Pegawai Pematuhan Perniagaan/Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan/Penyelaras Pematuhan Risiko Perniagaan mengenai pemeriksaan dan pengesahan kesihatan Senarai Semak Pematuhan Suku Tahunan (QCC).
 - Pengeluaran memo mengenai Panduan bagi Pengesahan BRCO/BRCC.
-
- Menjalankan klinik pematuhan dan sesi berasaskan peranan di RHB Malaysia dan RHB Singapura.
 - Melancarkan latihan berkaitan pematuhan, iaitu latihan bersaiz gigitan, boot camp (kem latihan asas), perkongsian pengetahuan, latihan sistem AML.
 - Menerbit bahan penerbitan pendidikan pematuhan, iaitu Buletin Belajar & Memimpin, Video Pembelajaran, Kad Imbas Pematuhan meliputi Kerahsiaan dan Perlindungan Data Pelanggan, Tanggungjawab Pekerja Akses, keperluan Pengiklanan untuk aktiviti Pasaran Modal, akan Sistem Pendeposit Pusat Dorman & Tidak Aktif ("CDS"), dll.
 - Pengenalpastian lengkap program pensijilan. Dalam proses melengkapkan program pensijilan dan pendaftaran.
 - Melancarkan penilaian kecekapan pematuhan.

PEMATUHAN KUMPULAN (Sambungan)

Sorotan Pematuhan 2023

Dalam era pendigitalan yang sentiasa berkembang, keperluan bertambah mendesak bagi pihak berkuasa kawal selia di Malaysia untuk mengukuhkan tadbir urus keselamatan siber serta mengutamakan pembangunan peraturan berasaskan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") untuk menangani kebimbangan risiko iklim. Walaupun pandemik COVID-19 telah mempercepatkan pendigitalan produk, Kumpulan mempamerkan daya tahan dengan meningkatkan inovasi dalaman sambil mengekalkan kawalan ketat untuk menegakkan kerahsiaan dan melindungi maklumat pelanggan. Fungsi pematuhan kami terus memberi tumpuan kepada pengurusan pematuhan yang berkesan dengan memenuhi jangkaan pihak berkuasa kawal selia dan menyokong objektif perniagaan Kumpulan.

► KEUTAMAAN BAGI TAHUN 2024

Memupuk budaya pematuhan melampaui sekadar menyampaikan kepentingan mematuhi keperluan pengawalseliaan kepada pekerja. Ia memerlukan kewaspadaan berterusan dan usaha untuk mempengaruhi perubahan yang meluas. Kumpulan memahami hal ini dan sentiasa meninjau strategi baru untuk memastikan pematuhan diterapkan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab semua.

Berikut adalah keutamaan kami untuk tahun 2024:

- Inovasi ekosistem pematuhan dengan meningkatkan kecekapan operasi AML/CFT, keupayaan kawal selia & pematuhan syariah melalui pelbagai projek seperti melalui Projek RACE, penggunaan analisis data, kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin untuk menguruskan persekitaran kawal selia dan jenayah kewangan dengan berkesan serta menggalakkan kelajuan, kebolehskalaan dan kesalinghubungan ke pasaran.
- Menyokong ketahanan perniagaan melalui inisiatif berikut:
 - Mengoptimumkan aliran kerja dan proses pengumpulan data dengan, antara lain, meningkatkan dasar, garis panduan dan prosedur Kumpulan dan meningkatkan aliran kerja dan proses CRA.
 - Penanaman kecekapan pematuhan barisan hadapan dan BRCOs melalui semakan berterusan dan peningkatan Pegawai Pematuhan Perniagaan ("BCO"), keupayaan dan tanggungjawab Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan ("BRCO") dan Penyelaras Pematuhan Perniagaan ("BCC").
 - Membenamkan pertimbangan ESG dalam pematuhan kawal selia oleh, antara lain, memasukkan pertimbangan ESG dalam semakan pematuhan, mewujudkan Pusat Kecemerlangan Pematuhan Kumpulan untuk ESG dan memberikan pandangan bebas mengenai pelaksanaan program ESG yang diterajui Kumpulan.
 - Terus mengekalkan kepercayaan sebagai rakan kongsi perkhidmatan kewangan yang bertanggungjawab kepada komuniti pelanggan dan pihak berkepentingan Kumpulan.
- Tumpuan terhadap bidang jaminan dengan terus meningkatkan keupayaan pemantauan berasaskan data dan penilaian pengawasan dan kawalan, pembangunan berterusan AML/CFT yang kukuh, pengurusan risiko pematuhan peraturan & syariah dan pembangunan kompetensi pematuhan dan bakat masa depan yang berterusan.
- Menerapkan budaya pematuhan melalui promosi berterusan AML/CFT yang dinamik, proaktif dan bertanggungjawab, pasukan kawal selia dan pematuhan syariah serta terus menyediakan akses kepada latihan, bengkel dan forum pematuhan.

Perkara di atas bukanlah senarai keutamaan terperinci yang ditetapkan oleh Kumpulan untuk tahun 2024. Dengan ketidakpastian persekitaran ekonomi disebabkan oleh ancaman berterusan yang ditimbulkan oleh pandemik, Kumpulan akan terus berwaspada terhadap kemunculan risiko pematuhan baharu dan keperluan untuk menghasilkan strategi yang lebih baik untuk memerangi perkara yang sama dan melindungi kepentingan pihak berkepentingannya.


Laporan Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah ditubuhkan di bawah RHB Islamic Bank Berhad
("Bank" or "RHB Islamic") dengan objektif utama seperti berikut:

- 1 Untuk memberikan nasihat objektif dan bernas kepada Bank bagi memastikan bahawa matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti Bank adalah patuh Syariah;
- 2 Memastikan pengaturan kerja yang berkesan diwujudkan antara Jawatankuasa Syariah, Majlis Penasihat Syariah ("SAC") Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Suruhanjaya Sekuriti ("SC"); dan
- 3 Memastikan penubuhan prosedur yang sesuai yang membawa kepada pematuhan segera terhadap prinsip-prinsip Syariah.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Sebanyak 10 mesyuarat tetap dan satu mesyuarat khas telah diadakan setakat 31 Disember 2023. Semua ahli sedia ada memenuhi syarat kehadiran minimum di bawah Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah BNM, yang memperuntukkan bahawa ahli Jawatankuasa Syariah dikehendaki menghadiri sekurang-kurangnya 75% mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada setiap tahun kewangan. Butiran kehadiran setiap ahli adalah seperti berikut:



SESI & LATIHAN KETERLIBATAN YANG DIHADIRI

Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang bertujuan untuk mengekalkan komunikasi berkesan antara Jawatankuasa Syariah, Pengurusan dan Lembaga Pengarah RHB Islamic Bank, program latihan dalam khas telah diadakan seperti berikut:

1. Sesi keterlibatan antara Ahli Lembaga Pengarah RHB Islamic Bank dengan Ahli Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada 5 Julai 2023 dan 7 November 2023.
2. Perbankan Kewangan Islam, Teknologi Kewangan & Digital Islam oleh Profesor Madya Dr. Ziyaad Mahomed yang diadakan pada 23 November 2023.

Di samping itu, Jawatankuasa Syariah juga menyumbang kepada usaha menyebarkan pengetahuan dan kesedaran Syariah dalam kalangan kakitangan Kumpulan Perbankan RHB dengan berkongsi pandangan, kepakaran dan pengalaman melalui Sesi Perkongsian Jawatankuasa Syariah seperti berikut:

1. "Menangani Salah Faham dalam Perbankan Islam" oleh Profesor Madya Dr. Kamaruzaman Noordin yang diadakan pada 28 Februari 2023;
2. "Minda Syariah" oleh En. Mohd Zubir Awang yang diadakan pada 23 Mei 2023;
3. "Daripada Teori Kepada Amali: Maqasid Syariah dan Pengaplikasiannya dalam Dunia Kewangan Islam" oleh Dr. Md. Nurdin Ngadimon yang diadakan pada 25 Julai 2023;
4. "Islam dan Alam Sekitar: Pendekatan Serampang Berbilang Mata untuk Kelestarian" oleh Pn. Shabnam Mohamad Mokhtar yang diadakan pada 26 September 2023; dan
5. "Muamalat for Dummies" oleh En. Azizi Che Seman yang diadakan pada 29 November 2023.

Ahli-ahli Jawatankuasa Syariah juga mengikuti program Penasihat Syariah Bertauliah ("CSA") dan Pengamal Syariah Bertauliah ("CSP") yang dianjurkan oleh Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").

▶ PENILAIAN KEBERKESANAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Selaras dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah menjalani proses penilaian keberkesanan ahli individu dan Jawatankuasa secara keseluruhan setiap tahun. Pentaksiran tahunan Jawatankuasa Syariah ini adalah berdasarkan soal selidik terperinci yang diedarkan kepada Ahli Jawatankuasa masing-masing dan jemputan tetap ke mesyuarat Jawatankuasa Syariah. Soal selidik ini merangkumi pertimbangan keberkesanan Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, dan tahap kemahiran dan kecekapan setiap ahli dalam bidang kepakaran yang diharapkan daripada Ahli Jawatankuasa Syariah.

Keputusan penilaian dibentangkan kepada Lembaga Pengarah RHB Islamic untuk kelulusan.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 disediakan mengikut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN MESYUARAT

Sebanyak 15 mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga ("BAC") telah diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. BAC terdiri daripada tiga orang ahli berikut, yang kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan butiran kehadiran setiap ahli pada mesyuarat BAC yang diadakan pada tahun tersebut adalah seperti berikut:

<p>Cik. Ong Ai Lin Pengerusi/ Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif 15/15</p>	<p>Encik Donald Joshua Jaganathan Ahli/ Pengarah Bebas Bukan Eksekutif 15/15</p>	<p>Datuk Iain John Lo Ahli/ Pengarah Bebas Bukan Eksekutif 15/15</p>

BAC melaksanakan fungsi Jawatankuasa Audit entiti-entiti dalam Kumpulan yang merangkumi RHB Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad. Entiti lain dalam Kumpulan dengan Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan sendiri, termasuk RHB Insurance Berhad dan RHB Asset Management Sdn Bhd serta syarikat-syarikat subsidiari luar negara berkaitan.

Mesyuarat BAC juga turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") RHB Bank, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan dan Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan ("CIA Kumpulan") manakala kehadiran Pengurusan Kanan yang lain adalah menerusi jemputan dan bergantung kepada perkara-perkara yang dibincangkan oleh BAC. Sekiranya diperlukan, Pengurusan yang berkaitan fungsi juga turut dijemput ke mesyuarat BAC untuk memberi penjelasan mengenai kekurangan kawalan dan langkah-langkah pemulihan yang diambil berpunca daripada perkara-perkara yang diketengahkan dalam laporan audit.

Perbincangan di mesyuarat BAC adalah teguh dan terperinci. Perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat BAC bersama-sama dengan cadangan dan keputusan BAC diringkaskan dan dibentangkan kepada Lembaga yang berkaitan, pada bulan yang sama, oleh Pengerusi atau wakil BAC. Ini membolehkan Lembaga masing-masing dinilai tepat pada masanya mengenai perkara-perkara penting yang dipertimbangkan oleh BAC dan bagi Lembaga untuk memberikan arahan, jika perlu. Cabutan minit mesyuarat BAC yang diadakan telah diberikan kepada Lembaga masing-masing untuk maklumat mereka.

PIHAK BERKUASA

BAC adalah jawatankuasa yang diwakili Lembaga. Dalam menunaikan kewajibannya, BAC diberi kuasa oleh Lembaga untuk, antara lain, mengkaji dan menyiasat apa-apa perkara dalam terma rujukannya; mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luaran dan dalaman serta pengawal selia; mendapatkan nasihat profesional bebas, jika perlu, dengan perbelanjaan Syarikat; dan akses kepada Pengurusan dan sumber untuk membolehkan pelepasan fungsinya yang berkesan. Terma rujukan penuh, termasuk pihak berkuasa, tugas dan tanggungjawab BAC diterbitkan di laman sesawang RHB Bank.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

RINGKASAN AKTIVITI BAC PADA TAHUN 2023

Kerja-kerja yang dijalankan oleh BAC untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun kewangan telah diringkaskan seperti berikut:

1 Pelaporan Kewangan

- a) Mengkaji semula keputusan kewangan suku tahunan yang tidak diaudit dan penyata kewangan RHB Bank dan Kumpulan yang telah diaudit serta draf pengumuman sebelum mencadangkannya untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah.
 - b) Dalam kajian semula keputusan kewangan dan penyata kewangan Kumpulan, BAC berbincang dan mengemukakan pertanyaan mengenai, antara lain:
 - Perubahan dalam dasar perakaunan dan pemakaian piawaian perakaunan baharu atau dikemas kini, dan kesannya kepada penyata kewangan.
 - Perkara-perkara penting yang diketengahkan, termasuk sebarang pertimbangan dan andaian penting yang dibuat oleh pihak Pengurusan.
 - c) Berbincang dengan juruaudit luaran mengenai perkara-perkara berikut seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit mereka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023:
 - Perkara-perkara audit dan perakaunan yang penting termasuk perkara-perkara berkaitan kredit, penaksiran kemerosotan nilai muhibah dan penerimaan MFRS 9 "Kontrak Insurans";
 - Cadangan kawalan dalaman;
 - Perkara-perkara berkaitan cukai; dan
 - Ringkasan salah nyata yang tidak dibetulkan.
- Selain daripada perkara-perkara pelaporan kewangan, juruaudit luaran telah mengemas kini BAC mengenai piawaian perakaunan baharu dan pengauditan serta perkara-perkara berkaitan cukai, seperti pelaksanaan e-Invois, peraturan-peraturan baharu mengenai Harga Pindahan, Cukai Perkhidmatan dan Cukai Setem.

2 Audit Dalaman

- a) Mengkaji semula dan meluluskan pelan audit tahunan bagi tahun kewangan 2023 untuk memastikan kecukupan skop, liputan dan sumber serta kecekapan juruaudit dalaman.
- b) Mengkaji semula aktiviti audit yang dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") bagi tahun kewangan meliputi penugasan audit terancang, penyiasatan, projek-projek audit ad hoc, kajian semula rangka kerja, dasar dan garis panduan, produk dan perkhidmatan, dan penyertaan projek IT.
- c) Mengkaji semula dan meluluskan Kad Skor Seimbang untuk Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA) Kumpulan. Menilai prestasi CIA Kumpulan dan mengkaji semula penilaian prestasi warga kerja kanan GIA, dan meluluskan ganjaran prestasi bagi CIA Kumpulan selaras dengan matriks yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- d) Mengkaji semula dan mempertimbangkan ringkasan penemuan/pemerhatian audit yang dibentangkan pada mesyuarat MAC, minit kesemua mesyuarat MAC, laporan audit dalaman, cadangan audit, risiko dan kesan serta maklum balas Pengurusan terhadap cadangan-cadangan tersebut serta punca dan tindakan pemulihan menepati masa yang diambil oleh Pengurusan bagi memperbaiki sistem kawalan dalaman serta prosesnya dalam bidang-bidang yang diketengahkan.
- e) Mengkaji semula dan mempertimbangkan laporan siasatan yang dibentangkan kepada BAC dan mengarahkan Pengurusan untuk menubuhkan dan melaksanakan kawalan yang diperlukan bagi memperkukuh sistem kawalan dalaman.
- f) Mengkaji semula laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia dan maklum balas Pengurusan serta langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh Pengurusan berhubung penemuan yang dilaporkan bagi memastikan semua perkara yang diketengahkan dalam laporan ini telah ditangani dengan sewajarnya dan semerta oleh Pengurusan.
- g) Mengkaji semula minit mesyuarat lain-lain jawatankuasa audit lembaga dalam Kumpulan setakat yang dibenarkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan bagi memastikan kesemua perkara yang timbul telah ditangani dengan sewajarnya oleh lain-lain jawatankuasa audit lembaga tersebut.
- h) Mengkaji semula laporan kemas kini setengah tahun berkaitan penemuan penting dan isu-isu daripada laporan audit yang dibentangkan di BAC entiti bahawa perkara-perkara ini telah ditangani dengan sewajarnya dan berkesan.
- i) Mengemas kini Lembaga Pengarah mengenai pelbagai isu/keimbangan utama yang dibincangkan dalam mesyuarat BAC melalui Ringkasan BAC kepada Lembaga Pengarah.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

3 Audit Luaran

- a) Mengkaji semula pelan audit 2023 oleh juruaudit luaran untuk Kumpulan Perbankan RHB yang meliputi strategi audit, penaksiran risiko dan bidang-bidang penekanan audit bagi tahun dalam kajian.
- b) Mengkaji semula dengan juruaudit luaran, keputusan audit beserta cadangan dan maklum balas Pengurusan terhadap penemuan mereka sebagaimana yang digariskan dalam laporan-laporan berikut, serta menyediakan pandangan dan hala tuju BAC terhadap bidang-bidang tertentu yang memerlukan perhatian, sekiranya perlu:

Laporan yang dikeluarkan oleh Juruaudit Luaran pada tahun 2023	Tarikh dibentangkan kepada BAC
Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan 2022	26 Januari 2023
Laporan Kawalan Dalam bagi tahun kewangan 2022	19 April 2023
Kajian Semula Terhadap penyata kewangan tidak diaudit RHB Bank dan RHB Islamic Bank, bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023	20 Julai 2023

Seterusnya, BAC mengarahkan MAC berkenaan untuk mengenal pasti penemuan audit yang diketengahkan oleh juruaudit luaran dalam Laporan Kawalan Dalam mereka untuk memastikan kesemua diselesaikan menepati masa oleh Pengurusan.

- c) Menemui juruaudit luaran pada 26 Januari 2023 dan 20 Julai 2023 tanpa kehadiran Pengurusan untuk membolehkan juruaudit luaran untuk membincangkan perkara-perkara dengan BAC secara persendirian.
- d) Mengkaji semula pelantikan juruaudit luaran bagi peruntukan perkhidmatan bukan audit sebelum mencadangkan mereka untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Bidang-bidang yang dipertimbangkan termasuk kepakaran juruaudit luaran, kecukupan pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan mengikut perkhidmatan yang disediakan, sebut harga fi yang kompetitif dan sama ada kebebasan dan objektiviti akan terjejas.

Mengkaji semula pada setiap suku tahun, perkhidmatan bukan audit yang disediakan oleh juruaudit luaran dan fi berkenaan dengan mengambil kira had tertinggi bayaran menurut dasar Kumpulan bagi memastikan kebebasan dan objektiviti juruaudit luaran tidak dikompromi.

- e) Mengkaji semula prestasi dan kebebasan juruaudit luaran sebelum mencadangkannya kepada Lembaga Pengarah untuk pelantikan semula sebagai juruaudit luaran untuk Kumpulan:

- Para juruaudit luaran telah mengisytiharkan dalam pelan audit 2023 mereka, yang dibentangkan kepada BAC pada Julai 2023, bahawa mereka telah mengekalkan kebebasan mereka dalam mengaudit penyata kewangan Kumpulan selaras dengan keperluan firma dan peruntukan Undang-undang Kecil mengenai Kebebasan Profesional Institut Akauntan Malaysia. Mereka selanjutnya telah mengisytiharkan bahawa kebebasan mereka sebagai juruaudit luaran tidak dikompromi oleh perkhidmatan bukan audit yang disediakan kepada Kumpulan pada tahun tinjauan.
- Penaksiran tahunan juruaudit luaran meliputi bidang-bidang utama, iaitu prestasi, kebebasan dan objektiviti selaras dengan Garis Panduan BNM bagi Juruaudit Luaran.
- Prestasi juruaudit luaran juga turut ditaksir menerusi tinjauan yang telah dilengkapkan oleh warga kerja Pengurusan Kumpulan berdasarkan urusan mereka dengan juruaudit luaran yang meliputi bidang seperti tenaga insan, memenuhi objektif, maklum balas, pengetahuan perniagaan dan industri, serta sumbangan idea-idea yang menambah nilai dan komunikasi. Juruaudit luaran telah membentangkan Laporan Ketelusan 2023 mereka kepada BAC yang mengetengahkan keputusan kajian semula kualiti audit dan komitmen berterusan mereka terhadap kualiti audit.

- Kajian semula komprehensif turut dijalankan pada Disember 2023, sebelum pelantikan semula juruaudit luaran untuk menaksir kebebasan dan potensi risiko ancaman biasa di semua entiti perbankan dalam Kumpulan. Kajian semula komprehensif meliputi tiga kategori utama, iaitu tadbir urus dan kebebasan, komunikasi dan interaksi, kualiti perkhidmatan dan sumber. Kajian semula komprehensif ini telah dijalankan oleh bahagian Kewangan Kumpulan dan disahkan secara bebas oleh GIA sebelum dibentangkan kepada BAC untuk pertimbangan lanjut.
- f) Mengkaji semula Surat Perwakilan Pengurusan kepada juruaudit luaran berhubung kajian semula terhadap mereka ke atas keputusan kewangan bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2023, dan audit berkanun dan Penyata mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 sebelum ia dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

4 Integriti & Tadbir Urus

- a) Mengkaji semula dan mengesahkan kemajuan inisiatif utama seperti yang termaktub di bawah Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi Kumpulan ("OACP") 2022-2026.
- b) Mengkaji semula dan mengesahkan laporan setengah tahun kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") yang disediakan oleh bahagian Integriti & Tadbir Urus Kumpulan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- c) Mengkaji semula dan mempertimbangkan laporan bulanan yang dibentangkan oleh bahagian Integriti & Tadbir Urus Kumpulan meliputi statistik dan status kes pemberian maklumat dan bukan pemberian maklumat yang sedang disiasat.
- d) Menerima kemas kini tentang kemajuan inisiatif seperti program kesedaran dan latihan yang meliputi antisogokan dan antirasuah, pemberian maklumat, hadiah dan hospitaliti serta bidang-bidang lain yang berkaitan melibatkan tatalaku perniagaan beretika dan memberikan bimbingan dan hala tuju kepada bahagian Integriti & Tadbir Urus Kumpulan apabila perlu.
- e) Mengkaji semula dan mempertimbangkan Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat dan Laporan Tadbir Urus Korporat sebelum mencadangkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

5 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- a) Mengkaji semula laporan urus niaga pihak berkaitan ("RPT") secara suku tahunan yang meliputi keadaan dan jumlah urus niaga dan pertimbangan agregat RPT Berulang ("RRPT") yang dikesan dan dipantau secara individu berbanding dengan had tinggi yang ditetapkan bagi memastikan pelaporan dan pendedahan sewajarnya selaras dengan keperluan kawal selia.
- b) Kumpulan ini telah menetapkan dasar yang diluluskan mengenai RPT yang mentadbir proses mengenal pasti, menganalisis, meluluskan, melaporkan dan memantau RPT dan RRPT serta menggariskan tugas dan tanggungjawab pihak berkaitan yang terlibat dalam proses RPT.

6 Percanggahan Kepentingan

- a) Mengkaji semula dan mempertimbangkan Rangka Kerja Percanggahan Kepentingan ("COI") Kumpulan untuk memastikan ia memberikan prinsip panduan yang jelas untuk diamalkan oleh warga kerja dan pengarah Kumpulan untuk menguruskan COI. Pelaksanaan dan pengoperasian Rangka Kerja COI akan dijalankan melalui penerbitan Dasar COI Kumpulan dan Garis Panduan COI.

LATIHAN

Sepanjang tahun ini, ahli BAC telah menghadiri pelbagai program latihan, persidangan dan seminar untuk mengikuti perkembangan terkini dalam industri perbankan serta meningkatkan pengetahuan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

▲ Maklumat terperinci mengenai program-program pembangunan mandatori dan profesional yang dihadiri oleh ahli BAC dinyatakan dalam Seksyen B Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh didapati di www.rhbgroup.com.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan Perbankan RHB menyediakan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah mengenai kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus Kumpulan yang dilaksanakan oleh Pengurusan.

GIA beroperasi di bawah rangka kerja yang ditakrifkan dalam Piagam Audit Dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Aktiviti-aktiviti GIA mematuhi Piawaian Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman untuk Amalan Profesional Pengauditan Dalaman dan keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh badan-badan kawal selia berkaitan fungsi audit dalaman.

CIA Kumpulan melaporkan secara langsung kepada BAC dan secara pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan untuk mengekalkan kesaksamaan dan objektiviti GIA. Bagi memelihara kebebasan fungsi audit dalaman selanjutnya, pelantikan dan penilaian prestasi CIA Kumpulan serta skop kerja dan sumber GIA diluluskan oleh BAC.



ALEX TAN AUN AUN
Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan En. Alex Tan Aun Aun memimpin fungsi audit dalaman Kumpulan Perbankan RHB dan beliau melapor secara langsung kepada BAC. Beliau mempunyai pengalaman pelbagai melebihi 28 tahun dalam bidang perniagaan perbankan dengan lebih 13 tahun pengalaman dalam bidang pengauditan dalaman. Beliau berkecualan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kewangan) daripada University of Toronto dan merupakan ahli profesional Institut Juruaudit Dalaman Malaysia serta ahli Kumpulan Rangkaian Ketua Juruaudit Dalaman ("CIANG").

Piagam Audit Dalaman

Piagam Audit Dalaman ("Piagam Audit") mentakrifkan tujuan, bidang kuasa dan tanggungjawab fungsi audit dalaman dan ia diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Piagam Audit yang diluluskan diterbitkan dalam portal intranet Kumpulan, yang boleh dilihat oleh semua warga kerja Kumpulan.

Piagam Audit dikaji semula oleh CIA Kumpulan pada setiap dua tahun atau bila perlu untuk menaksir sama ada matlamat, bidang kuasa dan tanggungjawab GIA sebagaimana yang ditakrifkan dalam Piagam Audit, adalah mencukupi dan relevan untuk membolehkan fungsi audit dalaman mencapai matlamatnya.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Ringkasan Aktiviti-aktiviti GIA

▶ AKTIVITI AUDIT UTAMA

- a) Menyediakan pelan audit tahunan berasaskan risiko untuk Kumpulan Perbankan RHB yang termasuk objektif dan skop audit, keperluan tenaga kerja bagi setiap unit boleh diaudit yang dirancang.
- b) Melaksanakan audit mengikut pelan audit yang diluluskan. Bidang yang diaudit pada tahun kewangan merangkumi kesemua tonggak perniagaan dan sokongan termasuk Perbankan Borong, Perbankan Komuniti, Saluran Penedaran, Perniagaan Syariah, Perniagaan Insurans, Keselamatan dan Operasi IT, Pengurusan Kelestarian dan Fungsi Sokongan Kumpulan. Bidang utama lain termasuk Anti Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan, tatalaku pasaran, kerahsiaan maklumat pelanggan dan penyumberan luar. Sebanyak 518 laporan telah diterbitkan sepanjang tahun tersebut.
- c) Menjalankan siasatan berhubung dengan mana-mana pihak yang disyaki terbabit dalam aktiviti penipuan, kes pemberi maklumat, salah laku kakitangan, potensi pelanggaran kerahsiaan, dan aktiviti lain bila-bila perlu.
- d) Melakukan analisis punca akar umbi dan membuat cadangan kepada Pengurusan untuk menambah baik persekitaran kawalan dan mengelak daripada berulangnya insiden yang serupa.
- e) Membentangkan laporan audit kepada MAC berkaitan entiti masing-masing. Status pembetulan kesemua penemuan audit dan pelan tindakan mitigasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan untuk menangani punca asas dengan secukupnya dipantau oleh MAC pada setiap mesyuarat.
- f) Memantau dan menyusuli kesemua penemuan laporan audit yang diketengahkan oleh juruaudit dalaman dan luaran melalui MAC masing-masing berkaitan dengan pembetulan menepati masa. Status sebarang penemuan audit tertunggak termasuk permintaan dengan justifikasi lanjutan garis masa pembetulan diringkaskan dan dilaporkan kepada BAC pada setiap bulan.
- g) Menjalankan kajian semula pematuhan dan pengesahan sebagaimana yang diminta oleh badan-badan kawal selia seperti kajian semula mengenai antisogokan dan antirasuah, dan pengesahan pelaksanaan dan keberkesanan langkah balas untuk memerangi penipuan melibatkan pengewangan melalui internet dan perbankan mudah alih. Hasil daripada kajian semula tersebut dibentangkan kepada BAC untuk dikaji semula dan dikemukakan kepada pihak berkuasa kawal selia.
- h) Menjalankan audit tematik dan berterusan mengenai bidang-bidang sasaran untuk mengenal pasti kekurangan operasi serta membolehkan intervensi tepat pada masanya melalui pemantauan berterusan bagi menangani sebab sampingan.
- i) Menjalankan audit mengenai bidang-bidang AML/CFT dengan objektif (i) mengesahkan 39 inisiatif Peningkatan Keupayaan RHB AML/CFT ("RACE") telah selesai berdasarkan kriteria selesai dan keputusan yang diluluskan dan (ii) menilai keberkesanan operasi kawalan pasca RACE yang dijanjikan/dilaksanakan. Hasil/keputusan ulasan ini dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ("GMC"), MAC, BRC dan BAC.
- j) Menjalankan ulasan kesediaan projek MySiswa Kementerian Pendidikan Tinggi ("MOHE") yang melibatkan pembukaan akaun simpanan dan penerbitan kad kredit yang juga berfungsi sebagai kad pengenalan universiti standard untuk pelajar di universiti awam bagi mengesahkan kesediaan proses, prosedur, sistem dan kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Pengurusan.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

▶ AKTIVITI AUDIT LAIN

- a) Menjalankan kajian semula pematuhan dan pengesahan ad hoc sebagaimana yang diminta oleh pihak berkuasa kawal selia seperti kajian semula mengenai antisogokan dan antirasuah, dan pengesahan pelaksanaan dan keberkesanan langkah balas penipuan untuk memerangi penipuan pengewangan melalui perbankan internet dan mudah alih. Keputusan kajian semula dibentangkan kepada BAC untuk kajian semula dan dikemukakan kepada pihak berkuasa kawal selia.
- b) Mengkaji semula rangka kerja, dasar dan garis panduan baharu atau yang dikemas kini atas permintaan Pengurusan untuk memberikan maklum balas mengenai kecukupan kawalan dalaman bagi menangani risiko yang relevan.
- c) Menyertai aktiviti-aktiviti sistem IT atau pembangunan produk baharu untuk mendahulukan cadangan-cadangan mengenai ciri-ciri kawalan yang relevan untuk dipertimbangkan oleh Pengurusan.
- d) Menghadiri mesyuarat Pengurusan sebagai jemputan tetap dalam kapasiti perunding dan penasihat untuk memberi maklum balas bebas sekiranya perlu mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kawalan dalaman.
- e) Membantu BAC dalam melaksanakan kajian semula tahunan mengenai pelantikan semula juruaudit luaran dengan menaksir kebebasan dan potensi risiko ancaman biasa di kesemua entiti perbankan dalam Kumpulan.
- f) Mengajukan mesyuarat MAC, menyediakan bahan-bahan mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat serta ringkasan penemuan audit utama dan permohonan untuk lanjutan pembetulan garis masa untuk dikemukakan kepada BAC.
- g) Menyediakan Laporan BAC dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk diluluskan oleh BAC dan Lembaga Pengarah masing-masing, dan untuk disertakan ke dalam Laporan Tahunan Bersepadu RHB Bank bagi tahun 2023.
- h) Mengajukan latihan dalaman dan luaran untuk juruaudit dalaman merangkumi pelbagai bidang seperti Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"), Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Sogokan dan Rasuah, Keselamatan Siber, Kerahsiaan dan Perlindungan Maklumat, Analitis Data, dan sebagainya untuk membangunkan lagi kemahiran dan kecekapan mereka dalam bidang masing-masing.

Sumber Audit Dalaman

CIA Kumpulan, dalam perundingannya dengan BAC dan Pengarah Urusan Kumpulan, telah menetapkan sumber yang sesuai dan diperlukan oleh GIA dengan mengambil kira saiz, dan tahap kerumitan operasi Kumpulan. Carta/struktur organisasi utama GIA dikaji semula dan diluluskan oleh BAC secara tahunan.

Sehingga 31 Disember 2023, GIA mempunyai 166 juruaudit (Malaysia: 143) dengan kelayakan dan pengalaman akademik/profesional berkaitan untuk menjalankan aktiviti fungsi audit dalaman. Jumlah kos RM40.6 juta (Malaysia: RM33.0 juta) telah ditanggung untuk mengekalkan fungsi audit dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan 2023.

Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Kecekapan Profesional

Kecekapan Profesional CIA Kumpulan memastikan bahawa juruaudit dalaman adalah berkelayakan dan dilengkapi dengan latihan yang diperlukan dan pembangunan profesional berterusan untuk tujuan meningkatkan kemahiran audit dan teknikal yang berkaitan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Juruaudit dalaman sama ada telah memperoleh atau sedang mengikuti program pensijilan yang berkaitan untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang diperlukan mengenai ilmu yang berkaitan dengan fungsi mereka.

Kelayakan profesional merangkumi berikut:

- Institut Jurubank Bertauliah Asia ("AICB") – Juruaudit Bank Bertauliah, Jurubank Bertauliah, Pensijilan dalam AML/CFT
- Institut Juruaudit Dalaman ("IIA") – Juruaudit Dalaman Bertauliah, Akreditasi dalam Penaksiran/Pengesahan Kualiti Dalaman
- Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat ("ISACA") – Juruaudit Sistem Maklumat Bertauliah
- Persatuan Pakar Pencegahan Pengubahan Wang Haram Bertauliah (ACAMS)
- Pemeriksa Penipuan Bertauliah
- Pemeriksa Bertauliah EnCase
- Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam

Berdasarkan Pelan Pembangunan Individu setiap warga kerja bagi tahun 2023, juruaudit dalaman telah menghadiri kursus teknikal, kepimpinan dan pengurusan yang berkaitan serta Program Kemahiran Masa Depan yang ditawarkan oleh RHB Academy, iaitu Pusat Pembelajaran dan Pembangunan Kumpulan, serta program-program luaran.

Seiring dengan kemajuan pesat dalam inovasi dan teknologi dalam persekitaran perniagaan, GIA secara berterusan menyediakan warga kerjanya dengan program latihan dan pembelajaran khusus yang berkaitan. GIA telah menerima pakai teknologi baharu dan telah memperdalamkan penggunaan analisis data, automasi proses robotik ("RPA") dan pengecaman aksara optik ("OCR") dan alat pembentangan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan audit yang dilakukan serta meningkatkan pembentangan laporan kepada Lembaga Pengarah.

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan warga kerja audit dalaman untuk menjadi 'juruaudit masa depan', GIA akan terus melaksanakan rangka kerja peningkatan kecekapan yang dibangunkan bersama-sama dengan perunding luaran.

▶ TINJAUAN JAMINAN KUALITI AUDIT DALAMAN

Bagi memastikan keberkesanan fungsi audit dalaman, CIA Kumpulan telah membangunkan dan mengekalkan program jaminan dan peningkatan kualiti yang merangkumi keseluruhan aspek aktiviti audit dalaman. Program jaminan kualiti menilai keberkesanan proses di dalam fungsi audit dalaman dan mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan menerusi penaksiran dalaman dan luaran.

Penilaian dalaman dilakukan mengikut pelan Semakan Jaminan Kualiti tahunan ("QAR") oleh pasukan QAR dalam GIA. Ketua fungsi QAR melapor secara langsung kepada CIA Kumpulan untuk mengekalkan pendirian bebasnya berhubung dengan aktiviti audit dalaman dalam GIA.

Di samping penaksiran dalaman, penaksiran kualiti luaran dilaksanakan sekali dalam setiap lima tahun oleh penilai luaran berkelayakan. Pelantikan penilai luaran bebas tertakluk kepada proses perolehan Kumpulan yang telah ditetapkan dan disahkan oleh BAC.

Penaksiran kualiti luaran terakhir telah dilaksanakan pada tahun 2021 di mana GIA ditaksir selaras dengan kesemua peraturan, piawaian dan keperluan diguna pakai yang dinyatakan dalam IIA Piawaian Antarabangsa untuk Amalan Profesional Pengauditan Dalaman, Garis Panduan BNM mengenai Fungsi Audit Dalaman Institusi Berlesen, Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat: Prinsipal B – Pengurusan Audit dan Risiko Berkesan dan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia – Bab 15.27 Audit Dalaman.

Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan

LAPORAN INTEGRITI

Pendedahan mengenai urusan korporat

1. Penamatan Perniagaan RHB Hong Kong Limited dan syarikat-syarikat subsidiarinya

Pada 5 Disember 2019, RHB Bank mengumumkan bahawa RHB Hong Kong Limited ("RHB Hong Kong") dan syarikat-syarikat subsidiarinya (dikenali secara kolektif sebagai "Kumpulan RHB Hong Kong") telah pada 4 Disember 2019 memutuskan untuk menamatkan operasi perniagaan ("Penamatan").

Menurut Penamatan ini, Kumpulan RHB Hong Kong telah berhenti menawarkan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan.

Setakat ini, aktiviti-aktiviti berikut akan dilaksanakan oleh RHB Hong Kong Group:

No.	Aktiviti	Nama Syarikat
1.	Telah berhenti menawarkan perkhidmatan kewangan kepada pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan	RHB Hong Kong Limited
2.	Pembatalan lesen pada	<u>6 Oktober 2022</u> RHB Securities Hong Kong Limited RHB Futures Hong Kong Limited
3.	Telah memulakan penggulungan	<u>31 Disember 2022</u> RHB Hong Kong Limited RHB Securities Hong Kong Limited
4.	Telah dibubarkan selepas pendaftarannya sebagai entiti sah dibatalkan	<u>18 April 2019</u> RHB Fundamental Capital Hong Kong Limited <u>17 Jun 2020</u> RHB (China) Investment Advisory Co. Ltd. <u>17 Mac 2021</u> RHB Finance Hong Kong Limited <u>15 Oktober 2021</u> RHB Asset Management Limited RHB Capital Hong Kong Limited <u>4 Januari 2022</u> RHB Wealth Management Hong Kong Limited <u>15 September 2023</u> RHB Futures Hong Kong Limited

2. Cadangan Pelupusan Keseluruhan Kepentingan Ekuiti dalam RHB Securities Vietnam Company Limited ("RHBSVN") oleh RHB Investment Bank Berhad ("RHBIB") kepada Public Bank Vietnam Limited ("PBVN") ("Cadangan Pelupusan")

Pada 19 Februari 2024, RHBIB, syarikat milik penuh RHB Bank, telah memeterai perjanjian jual dan beli bersyarat dengan PBVN ("Pembeli"), syarikat milik penuh Public Bank Berhad ("PBB") berhubung dengan Cadangan Pelupusan Disposal ("SPA").

Cadangan Pelupusan ini dianggap sebagai urus niaga pihak berkaitan menurut perenggan 10.08 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad memandangkan kepentingan pemegang saham utama RHB Bank, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan pemegang saham utama PBB mempunyai kepentingan ekuiti sebanyak 15.11% dalam PBB setakat 31 Januari 2024.

Cadangan Pelupusan Proposed Disposal melibatkan pelupusan oleh RHBIB keseluruhan kepentingan ekuiti dalam RHBSVN kepada Pembeli untuk pertimbangan tunai sebanyak VND374.00 bilion (RM72.56 juta berdasarkan kadar pertukaran wang sebanyak VND100:RM0.0194 setakat 31 Januari 2024 tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam SPA dan pelarasan untuk saling dipersetujui bersama antara RHBIB dengan Pembeli.

Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan

3. Pelaburan dalam Boost Bank Berhad (dahulunya dikenali sebagai Boost Berhad) oleh RHB Bank Berhad ("RHB Bank")

Berikutan kelulusan bersyarat daripada Bank Negara Malaysia ("BNM") pada 29 April 2021 berhubung dengan permohonan bersama oleh RHB Bank dan Boost Holdings Sdn Bhd ("Boost Holdings"), syarikat subsidiari tidak langsung Axiata Group Berhad ("Axiata Group") untuk mendapatkan lesen bank digital (rujuk kepada Nota 59 Penyata Kewangan Teraudit untuk maklumat lanjut), pada 31 Mac 2023, RHB Bank telah mengumumkan seperti yang berikut:

- a. Pada 1 Mac 2023, RHB Bank dan Boost Holdings telah secara bersama memperbadankan syarikat yang dikenali sebagai Boost Berhad dengan modal saham sebanyak RM100 terdiri daripada 100 saham biasa dalam Boost Berhad ("Saham Boost Berhad"), yang 60% daripadanya kepentingan ekuiti atau 60 Saham Boost Berhad dipegang oleh Boost Holdings, dengan baki 40% kepentingan ekuiti atau 40 Saham Boost Berhad dipegang oleh RHB Bank. Tertakluk kepada kelulusan BNM, Boost Berhad akan menjadi entiti sah untuk menjalankan perniagaan perbankan digital ("Bank Digital yang Dicadangkan").
- b. Pada 31 Mac 2023, RHB Bank, Boost Holdings dan Boost Berhad memeterai perjanjian langganan saham untuk RHB Bank dan Boost Holdings untuk melanggan 100 juta Saham Boost Berhad baharu. Bahagian kepentingan ekuiti RHB Bank sebanyak 40% berjumlah 40 juta Saham baharu Boost Berhad untuk pertimbangan tunai RM40 juta dan bahagian kepentingan ekuiti Boost Berhad sebanyak 60% berjumlah 60 juta Saham baharu Boost Berhad untuk pertimbangan tunai RM60 juta.
- c. Pada 31 Mac 2023, RHB Bank, Boost Holdings dan Boost Berhad telah memeterai perjanjian pemegang saham ("SHA") untuk mengawal selia hal ehwal Boost Berhad sebagai Digital Bank yang dicadangkan, serta hubungan antara RHB Bank dan Boost Holdings sebagai pemegang saham Boost Berhad. Butiran lanjut mengenai SHA didedahkan dalam Nota 59 Penyata Kewangan Teraudit.

Pelaburan dalam Boost Bank dianggap sebagai urus niaga pihak berkaitan tertakluk kepada perenggan 10.08 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad memandangkan kepentingan pemegang saham utama RHB Bank, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan pemegang saham utama Axiata Group mempunyai kepentingan ekuiti sebanyak 16.89% setakat 15 Mac 2023.

Pada 8 Januari 2024, RHB Bank mengumumkan yang berikut:

- a. Melalui surat bertarikh 3 Oktober 2023, BNM telah yang memberikan kelulusan menurut Seksyen 139 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk Boost Berhad menggunakan perkataan "bank" dalam cadangan nama baharunya, iaitu Boost Bank Berhad berkuat kuasa 4 Oktober 2023.
- b. Melalui surat bertarikh 13 Disember 2023, Suruhanjaya Syarikat Malaysia memaklumkan Boost Berhad bahawa Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah meluluskan untuk Boost Berhad menggunakan perkataan "bank" sebagai sebahagian daripada cadangan nama baharunya, iaitu Boost Bank Berhad. Pada 18 Disember 2023, Boost Berhad menukar namanya kepada Boost Bank Berhad ("Boost Bank").
- c. Melalui surat Bank Negara Malaysia bertarikh 8 Januari 2024, RHB Bank dan Boost Holdings dimaklumkan bahawa BNM berpuas hati dengan hasil kajian kesediaan operasi Bank Boost dan bahawa Menteri Kewangan ("MOF") telah bersetuju dengan pengeluaran lesen perbankan digital fizikal kepada BNM dan lesen tersebut berkuat kuasa pada 15 Januari 2024.

Sebagai sebahagian daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh BNM dan MOF dalam kelulusan yang membolehkan Boost Bank untuk memulakan operasi sebagai bank digital, RHB Bank, sebagai pemegang saham Boost Bank, telah memberikan aku janji kepada BNM bahawa sekiranya Boost Bank menggulung perniagaannya dan dikehendaki melaksanakan pelan keluarnya semasa fasa asasnya, RHB Bank akan menyediakan dana yang mencukupi berkadar dengan pegangan sahamnya dalam Boost Bank pada masa yang material, untuk memastikan bahawa Boost Bank mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi semua baki obligasi dan liabiliti yang perlu dibayar termasuk deposit pelanggan. Boost Holdings juga telah menyediakan usaha yang sama.

Setakat 15 Mac 2024, modal berbayar Boost Bank adalah kira-kira RM215 juta yang terdiri daripada kira-kira 215 juta saham biasa dalam Boost Bank ("Saham Boost Bank") yang 40% kepentingan ekuiti atau kira-kira 86 juta Saham Boost Bank dipegang oleh RHB Bank dengan baki 60% kepentingan ekuiti atau kira-kira 129 juta Saham Boost Bank dipegang oleh Boost Holdings. Sumber dana untuk pelaburan RHB Bank dalam Boost Bank diperoleh daripada dana yang dijana secara dalaman oleh RHB Bank.

Boost Bank akan memanfaatkan kekuatan Boost Holdings dalam sektor teknologi kewangan dan RHB Bank dalam sektor perbankan masing-masing, untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan digital dan akan memberi tumpuan kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan dan/atau tidak mendapat perkhidmatan terutamanya di Malaysia dengan matlamat untuk membina sektor kewangan yang lebih inklusif di Malaysia.

Penyata Mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman


Penyata mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (“Penyata”) ini disediakan selaras dengan Keperluan Penyenaiaan Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Malaysia”). Penyata ini telah disediakan selaras dengan garis panduan yang ditetapkan dalam “Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai” yang disahkan oleh Bursa Malaysia. Penyata ini menggariskan ciri-ciri utama sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB (“Kumpulan”) sepanjang tahun tinjauan.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah kekal komited terhadap tanggungjawabnya secara menyeluruh dalam menubuhkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh dalam Kumpulan. Tanggungjawab Lembaga Pengarah termasuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dalam melindungi kepentingan pemegang saham dan aset Kumpulan. Walaupun tidak kesemua risiko boleh dihapuskan sepenuhnya, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman telah dibentuk untuk mengurus selera risiko Kumpulan melingkungi toleransi risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk menyokong pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Oleh itu, sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap berlakunya sebarang salah nyata, kerugian atau penyelewengan.

Lembaga Pengarah memahami kepentingan memiliki pengurusan risiko yang kukuh dan sistem kawalan dalaman, oleh itu, Lembaga Pengarah telah mewujudkan struktur tadbir urus yang memastikan pengawasan yang berkesan terhadap risiko dan kawalan dalaman dalam Kumpulan di semua peringkat. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (“BRC”) dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (“BAC”) yang telah ditugaskan dengan tanggungjawab pengawasan utama ke atas pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Lembaga Pengarah tetap bertanggungjawab ke atas tadbir urus risiko dan untuk semua tindakan Jawatankuasa Lembaga Pengarah berkaitan pelaksanaan tanggungjawab pengawasan yang ditugaskan.

Entiti-entiti utama dalam Kumpulan mempunyai BRC sendiri yang melaporkan kepada Lembaga Pengarah masing-masing untuk membolehkan fleksibiliti dan ketangkasan yang lebih besar dalam menguruskan pengawalseliaan khusus dan keperluan perniagaan. BAC menjalankan fungsi Jawatankuasa Audit bagi entiti utama dalam Kumpulan yang merangkumi RHB Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad dan RHB Bank Islam Berhad. Entiti-entiti lain dalam Kumpulan dengan Jawatankuasa Auditnya sendiri yang diwujudkan termasuk RHB Insurance Berhad dan Pengurusan Aset RHB Sdn Bhd serta subsidiari-subsidiari di luar negara yang berkaitan.



TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

Pihak Pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan polisi dan proses secara keseluruhan Kumpulan untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, memantau dan melapor mengenai risiko serta keberkesanan sistem kawalan dalaman, mengambil tindakan pemulihan yang sewajarnya dan tepat pada masanya berdasarkan keperluan.

Peranan utamanya termasuk:


- Menenal pasti dan menilai risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan dan pencapaian objektif dan strategi perniagaannya;
- Mereka bentuk dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko yang selaras dengan strategi dan selera risiko Kumpulan, serta memantau keberkesananannya; dan
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah tepat pada masanya mengenai sebarang perubahan kepada risiko atau risiko yang sedang berkembang dan tindakan sewajarnya yang telah diambil.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan sebaiknya dan berkesan ekoran pelaksanaan proses-proses yang diperlukan.

Penyata Mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan telah menetapkan rangka kerja pengurusan risiko yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah untuk mengenal pasti, menaksir dan mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan dalam pencapaian objektif dan strategi perniagaan Kumpulan. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan memastikan bahawa terdapat proses-proses berkesan yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko di seluruh Kumpulan, seperti yang digambarkan dalam rajah berikut:



➤ Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah berada di kedudukan paling atas dalam struktur tadbir urus risiko dan mempunyai tanggungjawab muktamad terhadap strategi pengurusan risiko, selera, rangka kerja dan pengawasan aktiviti pengurusan risiko Kumpulan/entiti masing-masing.

Bagi tujuan menguruskan perniagaan dan risiko-risiko meliputi kesemua syarikat-syarikat subsidiari secara bersepadu, jawatankuasa peringkat Kumpulan ditubuhkan untuk memastikan amalan ini dipraktikkan secara konsisten. Walau bagaimanapun, Kumpulan mengekalkan jawatankuasa khusus entiti untuk membolehkan fleksibiliti yang lebih luas dan tangkas dalam mengurus keperluan khusus pengawalseliaan dan perniagaan. Setiap Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah masing-masing menyediakan pengawasan dan membantu Lembaga Pengarah berkenaan untuk mengkaji semula falsafah pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan, rangka kerja, dasar dan model serta isu-isu risiko yang berkaitan dan unik kepada perniagaannya.

Tanggungjawab untuk menyelia pengurusan harian risiko perusahaan dan perkara-perkara modal ditugaskan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ("GCRC") yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dan yang melapor kepada jawatankuasa lembaga pengarah yang berkaitan dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan. Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan Risiko Bank bertanggungjawab untuk mengawasi perkara-perkara pengurusan risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank manakala Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("Kumpulan ALCO ") mengawasi risiko pasaran, risiko kecairan dan pengurusan kunci kira-kira.

Lembaga Pengarah juga mengawasi pembangunan, penyelenggaraan dan pelaksanaan Pelan Pemulihan Kumpulan. Proses perancangan pemulihan disepadukan ke dalam selera risiko, perancangan strategik dan rangka kerja pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Selera Risiko

Selera risiko Kumpulan ditakrifkan sebagai amaun dan jenis risiko yang sanggup terima oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif strategik dan perniagaannya. Toleransi risiko sebaliknya, ialah tahap variasi yang boleh diterima berbanding dengan pencapaian objektif strategik dan perniagaan Kumpulan. Ia diukur dalam unit yang sama berdasarkan objektif yang berkaitan. Ia menterjemahkan keupayaan menanggung risiko kepada metrik operasi dan boleh ditakrifkan di mana-mana peringkat Kumpulan.

Penakrifan selera risiko dan toleransi risiko dikaji semula secara berkala oleh pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah sejajar dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi Kumpulan. Kajian semula meliputi mengenal pasti dan menetapkan metrik selera risiko yang baharu untuk entiti perniagaan atau penyingkiran metrik selera risiko yang tidak lagi sesuai serta mengemaskini maklumat tahap selera risiko agar ianya selaras dengan strategi perniagaan dan kedudukan risiko Kumpulan.

Risiko semulajadi perniagaan dan operasi utama yang telah dipertimbangkan dalam kajian semula selera risiko termasuk risiko pematuhan pengawalseliaan, risiko kredit, risiko pasaran dan kecairan, risiko operasi, risiko teknologi dan siber, serta risiko ketidakpatuhan Syariah.

Budaya Risiko

Pengurusan risiko adalah penting kepada semua aspek perniagaan dan operasi Kumpulan dan merupakan tanggungjawab kesemua warga kerja di seluruh Kumpulan. Selaras dengan keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik industri, Kumpulan berpegang kepada prinsip bahawa "Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua" dan oleh itu, pengurusan risiko adalah tanggungjawab teras unit perniagaan dan operasi masing-masing. Perkara ini telah pun dinyatakan secara jelas dan didokumenkan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan.

Berpegangkan prinsip tersebut, pihak Kumpulan telah melaksanakan Budaya Risiko dan Program Kesedaran secara berterusan yang merangkumi kempen latihan dan kesedaran, di seluruh Kumpulan (termasuk di cawangan luar negara, dan syarikat subsidiari) untuk menggalakkan budaya risiko yang sihat. Budaya risiko yang kukuh mengurangkan pendedahan Kumpulan kepada risiko kewangan dan bukan kewangan termasuk impak reputasi, mengikut peredaran masa.

Di samping itu, Kumpulan telah melaksanakan program Pegawai Risiko Perniagaan dan Pematuhan/Pegawai Risiko Perniagaan/Pegawai Pematuhan Perniagaan yang bertujuan untuk memupuk pengurusan risiko dan pematuhan secara proaktif dan untuk mewujudkan budaya risiko yang mantap. Program BRCO melibatkan pelantikan daripada BRCO di unit perniagaan dan fungsian masing-masing yang bertindak sebagai saluran komunikasi bagi semua perkara-perkara risiko dan pematuhan.

Pelaksanaan program BRCO adalah selaras dengan model "Pertahanan Tiga Barisan" yang diamalkan secara global. Akauntabiliti berkaitan pemilikan risiko wujud secara jelas di seluruh Kumpulan RHB. Model ini digambarkan dalam rajah berikut:



Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

> Proses Pengurusan Risiko

Proses pengurusan risiko mengenal pasti, menaksir dan mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan/menganalisis risiko. Ini bagi memastikan bahawa pendedahan risiko diuruskan dengan sebaiknya dan pulangan yang dijangkakan sepadan dengan risiko yang diambil.



Pengenalpastian

Langkah 01

Pengenalpastian dan analisis risiko sedia ada dan baharu merupakan satu proses yang berterusan, untuk memudahkan pengenalpastian risiko yang proaktif dan tepat pada masanya dalam operasi perniagaan Kumpulan, termasuk risiko yang sedang berkembang baharu. Ini memastikan bahawa risiko-risiko boleh diurus dan dikawal mengikut selera risiko Kumpulan dan entiti khusus, jika perlu.



Penaksiran dan Pengukuran

Langkah 02

Risiko diukur, ditaksir dan diagregatkan menggunakan metodologi pengukuran risiko kualitatif dan kuantitatif yang komprehensif, dan proses ini juga berfungsi sebagai sebuah peranti yang penting kerana ianya membolehkan penaksiran kecukupan modal dan kesolvenan.



Pengawalan

Langkah 03

Risiko-risiko yang dikenal pasti semasa proses pengenalpastian risiko mesti diuruskan dengan sebaiknya dan dikurangkan untuk mengawal risiko kerugian. Ini juga perlu dilakukan untuk memastikan pendedahan risiko diuruskan mengikut selera risiko Kumpulan atau sesuatu entiti.



Pemantauan

Langkah 04

Proses pemantauan yang berkesan memastikan Kumpulan memahami tahap pendedahannya selaras dengan selera risiko yang diluluskan dan untuk memudahkan pengenalpastian awal risiko baru tepat pada masanya menerusi pemantauan berterusan dan lanjut terhadap pendedahan risiko serta kawalan risiko/langkah-langkah mitigasi.



Analisis dan Pelaporan

Langkah 05

Analisis dan laporan risiko disediakan oleh entiti masing-masing secara bersepadu serta pada peringkat perniagaan dan secara kerap diutarakan kepada pihak pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah entiti Kumpulan berkenaan bagi memastikan bahawa risiko yang dikenal pasti kekal dalam selera risiko yang ditetapkan dan untuk menyokong proses membuat keputusan berasaskan maklumat. Proses pelaporan dan analitik juga dipertingkatkan secara berterusan untuk menyediakan maklumat risiko kepada pihak berkepentingan berkaitan Kumpulan untuk memudahkan proses membuat keputusan yang lebih berkesan.

Di samping itu, proses pengurusan risiko berusaha untuk memastikan bahawa keputusan risiko adalah konsisten dengan objektif perniagaan strategik dan selera risiko.

> Dokumentasi Risiko

Kumpulan sedar bahawa pelaksanaan sistem dan proses pengurusan risiko yang berkesan perlu bersandarkan satu set dokumentasi dan infrastruktur yang mantap. Bagi tujuan ini, Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja, dasar dan dokumen kawalan lain yang berkaitan untuk memastikan amalan dan proses yang jelas dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan. Dokumen-dokumen tertakluk kepada proses kajian semula yang mantap bagi memastikan ianya memenuhi keperluan semasa.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Infrastruktur Risiko

Kumpulan telah menstrukturkan sumber dan bakatnya ke dalam fungsi pengurusan risiko khusus dan telah membuat pelaburan ke dalam bidang teknologi termasuk pengurusan data untuk menyokong aktiviti pengurusan risiko Kumpulan. Kesemua warga kerja mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas serta diberi akses kepada maklumat risiko yang relevan dan terkini, dan diberi peluang untuk terus meningkatkan kecekapan melalui program-program pembelajaran dan pembangunan.

Sistem dan kaedah-kaedah menangani risiko direka untuk menyediakan akses kepada maklumat risiko yang melengkapkan proses pengurusan risiko. Ketersediaan data untuk analisis dan pemantauan, serta papan pemuka dan pelaporan membantu dalam meningkatkan keupayaan pengurusan risiko secara berterusan. Laporan Pengurusan Risiko Kumpulan telah berkembang menjadi papan pemuka analitikal yang merangkumi elemen unjuran kuantitatif dan kualitatif yang progresif.

Pengurusan risiko yang berkesan memerlukan Kumpulan mengkaji semula keupayaan pengurusan risiko secara berterusan bagi mengurus risiko secara berkesan dan untuk menambah baik amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan. Sehubungan itu, Kumpulan telah memulakan perjalanan transformasi yang berusaha untuk menambahbaik kecekapan dan keberkesanan.

▲ Maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko disediakan dalam bahagian Risiko-risiko Utama dan Mitigasi Laporan Bersepadu ini.

PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan telah direka untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang boleh menghalang Kumpulan untuk mencapai matlamat dan objektifnya. Ia merangkumi dasar, prosedur, proses, struktur organisasi dan aspek kawalan lain yang dilaksanakan untuk memastikan pencapaian objektif Kumpulan dari segi aspek kecekapan dan keberkesanan operasi, pelaporan kewangan yang boleh dipercayai, dan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan dasar dalaman.

Proses-proses utama yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah yang menyediakan tadbir urus dan pengawasan berkesan terhadap sistem kawalan dalaman termasuk:

PERSEKITARAN KAWALAN DAN AKTIVITI KAWALAN

Struktur Organisasi

Kumpulan mempunyai struktur organisasi rasmi di mana skop akauntabiliti dan tanggungjawab, had kuasa dan pelaporan telah ditetapkan secara jelas. Struktur organisasi ini menyediakan rangka kerja asas bagi memastikan perniagaan dan operasi Kumpulan berjalan lancar serta menentukan tempoh kawalan bagi memastikan penyeliaan tatalaku dan akauntabiliti perniagaan harian berkesan.

Pengurusan Kelestarian

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan hala tuju strategik kelestarian dan berkaitan iklim keseluruhan Kumpulan, bagi memastikan ia seiring dengan matlamat jangka panjang dan strategi korporat Kumpulan, jangkaan pengawalseliaan, arahan kerajaan dan amalan terbaik industri. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah menerima perkembangan pengemaskinian pelaksanaan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian 5 Tahun Kumpulan (2022-2026) secara suku tahunan.

Pada tahun 2022, Kumpulan mengukuhkan lagi struktur tadbir urus kelestariannya dengan penubuhan Jawatankuasa Lembaga Kelestarian ("BSC"). BSC menyediakan pengawasan strategik ke atas Kelestarian Kumpulan dan inisiatif berkaitan iklim, serta perkara bahan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") merentas seluruh perniagaan dan operasi Kumpulan dan memastikan ia sejajar dengan strategi keseluruhan perniagaan Kumpulan. Dalam menyediakan pengawasan strategik itu, BSC bekerjasama rapat dengan BRC, Jawatankuasa Lembaga Pencalonan & Imbuan ("BNRC"), dan BAC.

Pada bulan Julai 2021, Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC") telah ditubuhkan pada peringkat Pengurusan Kanan Kumpulan dan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan. GSC bertanggungjawab dalam memacu pelaksanaan strategik agenda Kelestarian dan iklim Kumpulan dan melaporkannya kepada BSC.

Bagi menyokong GSC, Kumpulan telah menubuhkan dua (2) Majlis Kelestarian, iaitu Majlis Perniagaan Lestari ("SBC") dan Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Kelestarian ("RSPC"). Ia terdiri daripada wakil utama daripada Perniagaan Strategik Kumpulan dan Fungsian Strategik Kumpulan. Majlis Kelestarian ini bertujuan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif kelestarian dan berkaitan iklim Kumpulan. Majlis Kelestarian disokong oleh rangkaian Penaja dan Juara Kelestarian, yang bertanggungjawab untuk menerapkan amalan kelestarian dalam bidang perniagaan dan fungsian masing-masing. Pada tahun 2023, rangkaian ini telah diperkukuh dengan perlantikan dua pakar sektor Kewangan Kelestarian, dengan masing-masing mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang minyak kelapa sawit dan penjagaan kesihatan .

Program Tindakan Iklim Kumpulan ("GCAP") ialah komponen teras Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan, ke arah membangunkan Laluan Sifar Bersih Kumpulan menjelang 2050. Melalui GCAP, kami telah menyepadukan pertimbangan berkaitan iklim ke dalam proses membuat keputusan Kumpulan, penilaian risiko dan strategi perniagaan selaras dengan keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik industri.

▲ Sila rujuk Penyata Kelestarian dan Laporan Kelestarian 2023 kami untuk butiran lanjut mengenai Tadbir Urus Kelestarian, Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian, Risiko Kelestarian dan Risiko Iklim, Program Tindakan Iklim Kumpulan dan inisiatif.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

KAWALAN PERSEKITARAN DAN KAWALAN AKTIVITI (Sambungan)

Dasar dan Garis Panduan

Dasar-dasar, garis panduan dan proses-proses yang mentadbir perniagaan dan operasi Kumpulan telah didokumentasikan dan disebarluaskan ke seluruh Kumpulan, serta tersedia untuk para kakitangan melalui portal intranet Kumpulan untuk tujuan rujukan dan pematuhan. Dasar-dasar, garis panduan dan proses ini telah disemak semula dan dikemaskini oleh unit-unit perniagaan dan fungsian melalui proses kajian semula dan kelulusan berstruktur untuk memenuhi perubahan undang-undang dan peraturan serta perubahan di dalam persekitaran perniagaan dan operasi.

Had Kuasa

Lembaga Pengarah telah meluluskan Manual Had Kuasa Kumpulan ("MOA") yang mentakrifkan kuasa kelulusan serta had kuasa kelulusan bagi setiap peringkat Pengurusan dalam Kumpulan. Sehubungan itu, Pengurusan diberi kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan bertanggungjawab ke atas keputusan dan tindakan mereka. MOA Kumpulan dikaji semula secara berkala dan dikemas kini selaras dengan perubahan dalam struktur organisasi, persekitaran perniagaan atau keperluan operasi.

Teknologi dan Pengurusan Risiko Siber

Kumpulan berpendirian bahawa Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber harus diberi keutamaan yang sangat tinggi untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan aset maklumat dan infrastruktur IT Kumpulan.

Keselamatan IT dalam Kumpulan dicapai melalui pelaksanaan kaedah kawalan berasaskan berasaskan risiko meliputi insan, proses dan teknologi. Rangka kerja pengurusan risiko teknologi dan siber, dasar, garis panduan dan prosedur diwujudkan dengan baik dan disokong oleh struktur organisasi yang kukuh dengan sumber-sumber cekap. Strategi pertahanan yang mendalam digunakan di mana pelbagai lapisan kawalan Pengurusan Risiko Teknologi dan Siber dikuatkuasakan di seluruh infrastruktur dan sistem IT. Turut sama penting bagi kawalan teknologi dan proses ialah program-program berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan pada semua peringkat warga kerja, termasuk ahli Lembaga Pengarah serta penyedia perkhidmatan teknologi pihak ketiga.

Memandangkan bilangan ancaman siber di peringkat global dan juga tempatan semakin meningkat, Kumpulan telah mewujudkan Garis Panduan Tindak Balas Insiden Siber bagi memastikan wujudnya proses berstruktur bagi pemantauan segera dan tindak balas serta merta terhadap ancaman dan insiden siber.

Hal ini dikendalikan melalui Pusat Operasi Keselamatan dan Pasukan Respons Kecemasan Siber kami yang mempunyai kakitangan profesional keselamatan siber yang berkelayakan dan dilengkapi dengan penyelesaian peneraju pasaran. Ujian dan latihan tetap sentiasa dijalankan untuk memastikan kesediaan warga kerja serta memantapkan lagi proses dan penyelesaian. Ujian dan latihan tetap sentiasa dijalankan untuk memastikan kesediaan warga kerja serta memantapkan lagi proses dan penyelesaian.

Bagi memperkukuhkan dan mempertingkatkan tahap pengurusan keselamatan maklumat, Kumpulan telah memperoleh pensijilan ISO/IEC27001:2013 di samping mematuhi pelbagai keperluan kawal selia bagi pengurusan risiko teknologi maklumat secara holistik.

Di samping itu, adaptasi dan penggunaan pendigitalan dan awan maya yang semakin pesat telah mendorong berlakunya peningkatan risiko kepada sistem pengkomputeran tradisional di premis-premis. Bagi menangani risiko yang sedang berkembang ini, pihak Kumpulan telah mengguna pakai strategi serampang:

- Penggunaan penyelesaian digital dengan cara pertambahan pelaburan dalam infrastruktur keselamatan dan pengambilan warga kerja sokongan dengan set kemahiran meliputi penipuan digital dan keselamatan awan.
- Pentaksiran teknologi komprehensif dan risiko awan untuk penilaian kritikal dan kesediaan untuk menerima pakai awan maya meliputi seni bina, antara muka, kerahsiaan dan sistem kelebihan-padaan.
- Mewujudkan tadbir urus yang sewajarnya dalam pengurusan penempatan digital termasuk semakan semula keselamatan bebas dari pihak ketiga dan memperkenalkan dasar-dasar untuk mengukuhkan kawalan keselamatan yang meliputi inisiatif pendigitalan secara menyeluruh.
- Penaksiran berterusan ke atas perawakan keselamatan siber Pihak Ketiga dan langganan perkhidmatan ancaman risikan untuk memahami dengan lebih jelas landskap siber semasa.
- Penguatkuasaan amalan pengekodan yang selamat yang mempertimbangkan keselamatan kaedah pengekodan dan enkripsi perisian bagi memberikan pertahanan terbaik terhadap serangan siber atau sebarang kelemahan yang berkaitan.

Proses Belanjawan

Proses belanjawan yang mantap telah diwujudkan di mana ianya memerlukan kesemua entiti-entiti operasi utama dalam Kumpulan menyediakan belanjawan dan pelan perniagaan tahunan untuk kelulusan Lembaga Pengarah yang berkenaan. Belanjawan Kumpulan dan pelan perniagaan serta inisiatif strategik dibentuk dengan mengambil kira selera risiko yang ditetapkan dan tertakluk kepada sesi penyelesaian cabaran di peringkat Pengurusan sebelumnya ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

Pengurusan Modal Insan

Salah satu komponen utama dalam mana-mana sistem kawalan dalaman adalah tenaga insannya, di mana sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman kami banyak bergantung kepada tanggungjawab, integriti dan pertimbangan wajar yang diamalkan oleh warga kerja dalam menjalankan tugas mereka. Justeru, Kumpulan telah menetapkan dasar-dasar dan prosedur bagi mentadbir urusan pengambilan, pelantikan, pengurusan prestasi dan ganjaran serta perkara-perkara berkaitan disiplin, pemberhentian dan pemecatan.

Bagi pertumbuhan yang lestari, Kumpulan memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, pengurusan bakat dan perancangan penggantian. Untuk meningkatkan kecekapan warga kerja, latihan berstruktur dan teknikal serta bengkel pengurusan dan kepimpinan disediakan kepada warga kerja berdasarkan keperluan mereka yang dikenal pasti semasa sesi penilaian prestasi tahunan. Bagi pengurusan bakat, inisiatif seperti Program Pembangunan Kepimpinan, Pelan Pembangunan Individu dan pementoran dilaksanakan untuk membangunkan bakat yang dikenal pasti dalam Kumpulan bagi menyediakan pangkalan bakat yang berpotensi tinggi serta pengganti-pengganti yang sesuai bagi mengambil alih peranan kepimpinan pada masa hadapan.

Kod Etika dan Tatakelakuan Kumpulan

Kod Etika dan Tatakelakuan Kumpulan ("Kod") telah ditubuhkan untuk memastikan piawaian amalan etika dan tatakelakuan profesional yang tinggi menjadi pegangan kesemua warga kerja dalam menjalankan

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

KAWALAN PERSEKITARAN DAN KAWALAN AKTIVITI (Sambungan)

tugas dan tanggungjawab mereka. Kod ini adalah satu keperluan yang wajib difahami dan dipatuhi oleh semua warga kerja Kumpulan. Warga kerja baharu turut diberi taklimat mengenai Kod ini dan diminta menandatangani Borang Deklarasi Pematuhan Warga Kerja apabila menyertai Kumpulan.

Kumpulan juga telah menetapkan Garis Panduan Pemberian Hadiah dan Hospitaliti untuk menggalakkan integriti dan ketelusan dalam pemberian dan penerimaan hadiah. Garis Panduan ini adalah pelengkap kepada Kod dan ianya dibentuk untuk membantu Kumpulan dan warga kerjanya memahami kewajipan pihak masing-masing dalam menegakkan integriti korporat dan ketelusan dalam pemberian dan penerimaan hadiah.

Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan

RHB Bank Berhad tekad untuk menjalankan perniagaannya dengan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan selaras dengan undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan. Hal ini juga ditunjukkan dalam pendirian toleransi sifar RHB terhadap sogokan dan rasuah selaras dengan nilai teras yang dikongsi bersama. Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan menetapkan prinsip-prinsip sebagai panduan untuk menyokong operasi perniagaan Kumpulan dan membantu pekerja mendukung integriti korporat dan reputasi Kumpulan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan RHB kekal sebagai organisasi bebas rasuah, inisiatif dan sasaran utama Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi Kumpulan (2022-2026) telah dilaksanakan dengan teliti. Selain daripada itu, dasar dan garis panduan yang berkaitan disemak semula dan dikemas kini secara berkala untuk memastikan tiada kepincangan atau pelanggaran operasi berlaku.

Dalam mengukuhkan lagi usaha anti-sogokan dan rasuah Kumpulan, RHB telah melancarkan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (2022-2026) yang akan menjadi pelan tindakan masa depan untuk menangani sebarang kelemahan dalam sistem kawalan Kumpulan dan untuk memastikan ia dapat diatasi dengan serta merta.

Dasar Anti Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kewangan Kumpulan

Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kumpulan ("AML/CFT") ("Dasar AML/CFT Kumpulan") telah disemak semula dan dikemas kini pada tahun 2022, selaras dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kewangan dan Sekatan Kewangan Bersasar Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk Institusi-Institusi Kewangan (AML/CFT dan TFS untuk FI). Ia menetapkan piawaian tertinggi ke arah membina rejim pematuhan AML/CFT yang lebih kukuh dan teguh dalam Kumpulan, memudahkan ketekalan dalam menguruskan risiko kepatuhan AML/CFT di seluruh Kumpulan dan menetapkan penyata dasar Kumpulan berkenaan dengan prinsip-prinsip umum dan langkah-langkah utama yang dipatuhi oleh Kumpulan.

Menurut Polisi AML/CFT Kumpulan, entiti dan/atau warga kerja dalam Kumpulan dikehendaki mengguna pakai Pendekatan Berasaskan Risiko ("RBA") untuk penerimaan pelanggan dan untuk melaksanakan rangka kerja Program Pematuhan AML/CFT. RBA diguna pakai untuk penilaian keperluan usaha wajar pelanggan ("CDD"), pemantauan aktiviti/urus niaga pelanggan, pelaporan transaksi yang mencurigakan, penyimpanan rekod, latihan AML/CFT, perlindungan maklumat pelanggan, dan tindakan penguatkuasaan kerana ketidakpatuhan kepada keperluan.

Seperti yang ditetapkan dalam Dasar AML/CFT Kumpulan, peranan dan tanggungjawab pegawai pematuhan perniagaan ("BCO") telah dipertingkatkan dalam struktur tadbir urus sedia ada dengan menjadikan

BCO sebagai titik perhubungan pertama untuk perkara-perkara berkaitan AML/CFT. BCO bertanggungjawab untuk memberi panduan kepada jabatan-jabatan dan cawangan-cawangan perniagaan. Selain daripada itu, BCO juga bertanggungjawab menyediakan sokongan nasihat kepada GMD/Lembaga Pengarah mengenai perancangan, pelaksanaan dan penyeliaan isu-isu berkaitan risiko kepada kesemua segmen perniagaan dalam Kumpulan RHB.

Dasar ini juga mengukuhkan tanggungjawab pengawasan Lembaga Pengarah untuk mewujudkan dasar/garis panduan AML/CFT manakala pengurusan kanan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pengurusan program pematuhan AML/CFT selaras dengan dasar-dasar dan garis panduan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kumpulan RHB juga telah menjalankan kajian semula dan seterusnya menyemak Dasar Sekatan Kumpulan untuk menunjukkan komitmen tegasnya dalam memerangi risiko AML/CFT dan memastikan pematuhan kepada kesemua peraturan-peraturan dan kawal selia yang dikaitkan dengan AML/CFT dan Sekatan Kewangan Bersasar yang diguna pakai ke atas Kumpulan RHB dan perniagaannya menurut undang-undang. Sehubungan itu, Kumpulan RHB telah mempertingkatkan Dasar Sekatan Kumpulan supaya lebih ketat dalam beberapa situasi berbanding keperluan yang ditetapkan dalam undang-undang dan peraturan semasa. Sekatan dan larangan dalam dasar ini dipertingkatkan untuk mengurangkan risiko pelanggaran sekatan dan untuk terus menegakkan dasar toleransi sifar terhadap pelanggaran sekatan atau ketidakpatuhan.

Inisiatif-inisiatif AML yang diterajui dan dilengkapkan oleh Kumpulan RHB pada tahun ditinjau didorong oleh komitmen dan usaha-usaha berterusan Kumpulan untuk mematuhi sekatan, undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Dasar AML/CFT Kumpulan turut menggariskan peranan dan tanggungjawab serta mewujudkan akauntabiliti yang jelas berkenaan Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan kesemua warga kerja Kumpulan RHB.

Dasar Pengurusan Risiko Penyelewengan Kumpulan

Dasar Pengurusan Risiko Penyelewengan Kumpulan telah dibentuk untuk menggalakkan tatalaku organisasi yang konsisten menerusi pembangunan, pelaksanaan dan kajian semula tetap terhadap strategi pencegahan, pengesanan dan tindak balas penyelewengan. Dasar ini membentuk prinsip-prinsip tadbir urus teras bagi pengurusan risiko penyelewengan dalam Kumpulan merangkumi kepimpinan dan budaya etika, kesedaran dan pencegahan penyelewengan, kawalan dan pengesanan penipuan, pelaporan dan peningkatan penyelewengan serta tindak balas terhadap penyelewengan menerusi tindakan pembedaan yang sewajarnya. Dasar Pengurusan Risiko Penyelewengan

Kumpulan juga menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan pihak berkepentingan masing-masing di dalam Kumpulan berkaitan pengurusan risiko penyelewengan. Kumpulan juga mengambil bahagian secara aktif di seluruh industri dalam usaha memerangi penyelewengan, terutamanya yang membabitkan perbankan dalam talian. Tindakan pencegahan termasuk langkah-langkah seperti penalaan berterusan parameter sistem penyelewengan kami melalui proses analitik dan kempen untuk meningkatkan kesedaran pelanggan. Pasukan kami yang khusus dalam bidang penyelewengan sentiasa bersedia siaga dan beroperasi sepanjang masa, dilengkapi dengan pendekatan serampang dua mata dan menguatkuasakan dasar toleransi sifar telah mengurangkan penyelewengan merentasi 3 barisan struktur pertahanan Kumpulan dengan berkesan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Pihak Kumpulan menyedari kepentingan dan komited sepenuhnya terhadap keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kritikal tanpa gangguan kepada para pelanggannya, memastikan keselamatan warga kerjanya, melindungi asetnya termasuk data, dan melindungi asetnya termasuk data, dan menjaga kepentingan pihak berkepentingan utamanya yang secara kolektif dapat menjamin daya maju organisasi secara berterusan. Justeru, Kumpulan menyedari kepentingan mewujudkan Rangka Kerja dan Program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ("BCM") yang mantap bagi membina daya tahan organisasi dan mekanisme tindak balas serta pemulihan yang berkesan bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingan utama, reputasi dan jenama. Program BCM Kumpulan ini adalah berdasarkan amalan kesinambungan perniagaan yang wajar, BNM dan garis panduan pengawalseliaan serta piawaian antarabangsa yang lain.

Lembaga Pengarah mempunyai fungsi pengawasan terhadap ketersediaan BCM Kumpulan melalui BRC dan GCRC. Jawatankuasa Kesinambungan Perniagaan Kumpulan melapor kepada GCRC dan merupakan jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk mengawasi rangka kerja, dasar, belanjawan dan perancangan kesinambungan perniagaan Kumpulan.

Program BCM yang teguh telah dilaksanakan dalam Kumpulan bagi memastikan fungsi perniagaan yang kritikal dipulihkan menepati masa sekiranya berlaku sebarang gangguan. Kajian semula, penaksiran, pengemaskinian dan pengujian pelan BCM dilakukan secara berkala untuk memastikan kecukupan, keberkesanan dan ketersediaan langkah-langkah pemulihan perniagaan. Latihan simulasi dan latihan tubi dilakukan untuk membiasakan dan melengkapkan warga kerja dengan kemahiran dan proses-proses yang diperlukan untuk memastikan proses perniagaan yang kritikal dapat dipulihkan menepati masa serta kedayatahan perniagaan masih kukuh sekiranya berlaku gangguan.

Sebagai sebahagian daripada pengajaran yang diperoleh daripada pandemik COVID-19, pihak pengurusan telah melaksanakan langkah-langkah proaktif dan berjaga-jaga untuk mengurangkan dan menguruskan wabak dan risiko jangkitan. Oleh itu, dalam memastikan penyediaan perkhidmatan penting diteruskan, strategi pandemik Pelan Kesinambungan Perniagaan ("BCP") telah disediakan. Perkara ini memerlukan pemisahan operasi dan pengaturan Kerja-Dari-Rumah, penggunaan platform digital untuk mesyuarat, dan platform komunikasi untuk memberi khidmat nasihat dan kemas kini berhubung sebarang semakan semula Prosedur Operasi Standard COVID-19 ("SOP") untuk semua kakitangan Kumpulan.

Seiring dengan langkah-langkah penyesuaian COVID-19, beberapa inisiatif-inisiatif baharu telah diwujudkan untuk penambahbaikan program BCM. Kumpulan telah menambahbaik proses pengurusan krisis dengan tujuan mempercepatkan tindak balas krisis dan meminimumkan impak bagi memastikan daya tahan operasi kami. Kumpulan telah meluaskan skop aktiviti-aktiviti ujian BCP/Pelan Pemulihan Bencana ("DRP") Kumpulan Perbankan RHB bagi menghadapi segala jenis senario. Kumpulan juga telah berjaya mengendalikan pelaksanaan Pemulihan Bencana Harian Perbankan Teras ("DR") untuk memastikan keupayaan dan kelestarian sistem DR bagi menyokong jumlah pengeluaran pada hari perniagaan sekiranya berlaku gangguan sementara yang berpanjangan. Kumpulan juga telah menjalankan penilaian tentang pengurusan dan tindak balas terhadap wabak COVID-19 dan menggabungkan pengajaran yang dipelajari untuk meningkatkan langkah-langkah kawalan yang timbul daripada norma baharu dan daya tahan operasi dalam Kumpulan. Pada tahun 2023, Latihan Krisis Simulasi telah dijalankan secara dalaman di Kumpulan RHB. Di samping itu, Kumpulan juga telah mengambil bahagian dalam dua latihan simulasi krisis industri yang dianjurkan oleh pengawal selia, iaitu Suruhanjaya d Sekuriti dan Bank Negara Malaysia.

Kami berusaha untuk terus menambah baik rangka kerja BCM kami berpandukan keluk kematangan, di mana kami menyelaraskan amalan BCM ke arah daya ketahanan operasi, iaitu (i) keupayaan untuk menghadapi, memulihkan atau menyesuaikan Kumpulan dengan kejadian yang boleh menyebabkan kemudaratan, kemusnahan atau kehilangan keupayaan untuk melaksanakan fungsi; dan (ii) memberi tumpuan terhadap hasil dan membolehkan perniagaan terus beroperasi di dalam persekitaran yang tidak menentu.

Kajian Semula Prestasi

Maklumat kerap dan komprehensif disediakan oleh pihak Pengurusan untuk memantau prestasi terhadap pelan perniagaan strategik dan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah. Maklumat ini meliputi semua penunjuk utama kewangan dan operasi serta inisiatif-inisiatif strategik utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan sepanjang tahun.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ("GMC") menerima dan mengkaji semula laporan kewangan serta membandingkan prestasi kewangan bulanan dan suku tahunan Kumpulan dengan sasaran yang diluluskan dan sebab-sebab jika terdapat kelainan ketara serta langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi sasaran tersebut.

Ketua-ketua perniagaan dan fungsian teras dalam Kumpulan membentangkan laporan pengurusan masing-masing kepada GMC pada mesyuarat bulanannya, meliputi bidang-bidang seperti prestasi kewangan, keputusan aktiviti utama dan cadangan-cadangan atau proses-proses perniagaan baharu untuk maklumat dan pertimbangan oleh GMC.

Dasar Pemberian Maklumat Kumpulan

Dasar Pemberian Maklumat Kumpulan ("GWBP") telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi memastikan warga kerja diberi peluang untuk menyuarakan kebimbangan mereka tanpa rasa takut terhadap tindak balas negatif. GWBP menyediakan mekanisme yang wajar dan piawaian minimum yang perlu dipatuhi oleh entiti-entiti di seluruh Kumpulan dalam menangani pendedahan mengenai tatalaku yang boleh dipersoalkan atau salah laku oleh mana-mana warga kerja dalam Kumpulan dan Rakan Niaga Kumpulan. GWBP juga menyediakan saluran pemberian maklumat utama yang ditetapkan iaitu, speakup@rhbgroup.com. The GWBP was last updated in 2021.

▲ Maklumat terperinci GWBP boleh didapati di bawah Amalan 3.2 Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank ("CG"), di www.rhbgroup.com.

Pelaporan Insiden Pengurusan

Bagi melengkapkan pemantauan kawalan dalaman Kumpulan, garis panduan komprehensif pelaporan insiden pengurusan telah dilaksanakan untuk memastikan ianya dikemukakan ke peringkat selanjutnya secara wajar dan diuruskan mengikut tahap keseriusan. Proses pelaporan insiden pengurusan akan memastikan bahawa kesemua insiden yang melibatkan risiko dan kerugian material dikemukakan serta merta mengikut garis masa yang wajar kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah supaya langkah-langkah yang perlu boleh diambil untuk mengurangkan kemungkinan timbulnya risiko. Pemantauan dan pengemaskinian maklumat secara berkala mengenai perkembangan insiden sehingga penyelesaiannya membolehkan para pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat dan sentiasa termaklum mengenai situasi serta menguruskan risiko dengan berkesan.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

PEMANTAUAN

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mewujudkan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah yang telah ditubuhkan dengan tujuan menyokong Lembaga Pengarah dalam fungsi pengawasannya. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga termasuk BAC RHB Bank, BAC RHB Insurance, BAC Pengurusan Aset RHB, BRC RHB Bank, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah RHB Investment Bank ("IBBRC"), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah RHB Islamic ("BRC-i), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah RHB Insurans ("Insurance BRC"), Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah, BSC dan Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah.

Kesemua Jawatankuasa-kawatankuasa Lembaga Pengarah ini telah diberikan tugas khusus untuk mengkaji semula dan mempertimbangkan semua perkara dalam skop tanggungjawab mengikut Terma Rujukan ("ToR") masing-masing.

▲ Butiran tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara terperinci boleh didapati di Laporan CG RHB Bank Berhad, Piagam Lembaga Pengarah dan ToR masing-masing di www.rhbgroup.com.

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

GMC merangkumi Pengarah Urusan Kumpulan sebagai Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan bagi syarikat-syarikat subsidiari operasi utama yang berkaitan dan Pengurusan Kanan utama Kumpulan. GMC menyediakan kepimpinan dan hala tuju dalam pelaksanaan strategi dan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. GMC bermesyuarat setiap bulan untuk membincangkan dan mempertimbangkan perkara-perkara strategik yang mempengaruhi operasi Kumpulan.

Jawatankuasa-jawatankuasa Audit Pengurusan

Jawatankuasa-jawatankuasa Audit Pengurusan ("MAC") ditubuhkan pada entiti-entiti operasi utama dalam Kumpulan bagi memastikan sebarang penemuan audit serta punca asas yang diketengahkah oleh juruaudit dalaman dan luaran, serta pihak pengawal selia dapat dibetulkan menepati masa. Status tindakan pembetulan terhadap semua penemuan audit dan pelan tindakan mitigasi yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan untuk menangani secukupnya punca asas dipantau rapi oleh MAC dalam setiap mesyuarat.

MAC dianggotai oleh wakil pengurusan kanan daripada kumpulan perniagaan/ fungsian yang berbeza dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan/Pengarah Urusan entiti yang berkenaan. MAC bermesyuarat setiap bulan/dua bulan sekali dan minit mesyuarat serta laporan audit yang berkaitan kemudiannya dikemukakan kepada BAC sebagai maklumat, pertimbangan dan untuk mendapatkan hala tuju untuk tindakan selanjutnya jika diperlukan.

Pematuhan Kumpulan

Pematuhan Kumpulan
Pematuhan Kumpulan menyokong Kumpulan dalam kesemua perkara-perkara berkaitan kawal selia dan pematuhan dengan memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan kawal selia berkaitan yang dikeluarkan oleh badan-badan pengawal selia. Kumpulan komited untuk mengekalkan piawaian tertinggi tatalaku dan etika perniagaan dengan mewujudkan dasar-dasar, prosedur, proses dan sistem yang mantap dan komprehensif untuk memastikan kejujuran, ketelusan dan integriti di samping menegakkan reputasi Kumpulan serta melindungi para pemegang saham, pelanggan dan warga kerjanya.

Bahagian Pematuhan Kumpulan mempunyai inisiatif berterusan untuk menerapkan "budaya pematuhan" yang lebih kukuh ke dalam operasi hariannya untuk memastikan bahawa sebarang risiko yang dikenal pasti

akan diurus dengan lebih baik agar Kumpulan memenuhi keperluan kawal selia yang berkaitan. Pada sepanjang tahun dalam tinjauan, Kumpulan RHB telah melengkapkan kira-kira 130 program budaya pematuhan dan mengeluarkan pelbagai penerbitan pembelajaran sepanjang tahun dalam usaha untuk mengekalkan budaya pematuhan yang teguh dalam organisasi. Kumpulan secara berterusan berusaha dalam memantau dan mengurus cabaran-cabaran risiko pematuhan Kumpulan dan secara aktif menyemai prinsip bahawa Pematuhan adalah tanggungjawab kesemua warga kerja RHB. Pada tahun 2023, Kumpulan RHB telah menyempurnakan penambahbaikan terhadap metodologi CRA dan Penaksiran Risiko Pengubahan Wang Haram, AMLRA untuk pengenalanpastian dan pengurusan risiko pengawalseliaan yang lebih berkesan. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha pengurusan risiko yang berterusan, kira-kira 430 kajian semula telah dilaksanakan di seluruh Kumpulan. Penilaian pematuhan berkenaan memberikan pemahaman tentang sebarang potensi risiko pengawalseliaan yang dapat membantu perniagaan untuk mengenal pasti dan menambah baik proses.

Tambahan pula, di bawah Program Penambahbaikan Keupayaan AML/CFT RHB, Kumpulan RHB telah meningkatkan keupayaan AMLnya melalui peningkatan tadbir urus data dan pengurusan data AML, liputan dan penentuan senario pemantauan transaksi, serta peraturan penyaringan dan pengesanan padanan. Penambahbaikan ini akan meningkatkan proses pemantauan transaksi dan pengumpulan data AML yang lebih produktif dan cekap bagi memudahkan penyelesaian kajian semula dan penaksiran AML yang lebih pantas. Perkara ini membantu memperkemas proses untuk mengelakkan kesilapan dan pertindihan usaha dengan menyeragamkan keseluruhan pendekatan dan menyumbang kepada proses yang lebih cekap melalui automasi pintar. Beberapa automasi pintar yang dipertingkatkan termasuk kawalan Pengubahan Wang Haram Berasaskan Perdagangan yang diperkukuh, seperti, saringan/penapisan yang konsisten untuk barangan dwi-guna, pendekatan yang konsisten dan seragam untuk pengenalanpastian pemilik benefisial, perlindungan risiko komprehensif melalui senario pemantauan transaksi baharu, pemulihan maklumat pelanggan sambil mengguna pakai kaedah dan analisis penaksiran risiko AML yang dipertingkatkan.

Sehubungan dengan itu, semua operasi kawalan utama dilaksanakan pada piawaian yang tinggi dan konsisten dengan memusatkan operasi kawalan AML dalam Operasi Kumpulan, mewujudkan tanggungjawab Barisan Pertahanan Pertama yang jelas, disokong oleh Pegawai Pematuhan Perniagaan (BCOs) /Pegawai Pematuhan Risiko Perniagaan (BRCOs) yang kukuh dan jawatankuasa tadbir urus dengan Penyata Selera Risiko (RAS) dan dasar, laporan dan KPI yang ditakrifkan dengan jelas. Proses utama automasi lain termasuk populasi Borang Ketekunan Wajar Dipertingkatkan dan pengumpulan data untuk Pemprofilan Risiko Pelanggan yang berkesan dan proses suai tugas yang lebih baik.

Pematuhan Syariah

Selaras dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh BNM, satu Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang komprehensif telah disediakan oleh Kumpulan, di mana ia merangkumi keseluruhan struktur tadbir urus Syariah Kumpulan, prinsip-prinsip utama tadbir urus Syariah serta fungsi-fungsi kawalan, struktur laporan serta peranan dan tanggungjawabnya .

Pelbagai aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif seperti kajian semula, penaksiran, latihan dan taklimat Syariah serta pelaksanaan implikasi terhadap warga kerja sejajar dengan penemuan kajian semula ketidakpatuhan adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi budaya pematuhan Syariah RHB Bank. Di samping itu, kesedaran pematuhan Syariah serta program-program pembelajaran berterusan telah dijalankan sepanjang tahun untuk mendidik warga kerja tentang kepentingan keperluan dan pengawasan pematuhan Syariah.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah untuk melaksanakan penilaian bebas ke atas kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko Kumpulan, kawalan dalaman dan proses tadbir urus yang dikendalikan oleh Pengurusan. GIA diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan yang secara fungsi melapor kepada BAC dan secara pentadbiran melapor kepada Pengarah Urusan Kumpulan bagi memastikan kebebasan GIA daripada Pengurusan..

Skop audit dalaman meliputi kesemua aktiviti-aktiviti utama, termasuk cawangan-cawangan, kesemua fungsi perniagaan dan sokongan, operasi luar negara, syarikat-syarikat subsidiari serta aktiviti penyumberan luar Kumpulan. GIA juga bertanggungjawab terhadap kajian semula rangka kerja dan sistem kawalan dalaman keseluruhan yang berkaitan dengan Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan dan fungsi audit Pengurusan Kelestarian Kumpulan yang memberikan jaminan ke atas pengurusan kelestarian Kumpulan. GIA juga bertanggungjawab untuk menyemak semula pelaksanaan rangka kerja Konflik Kepentingan Kumpulan, dasar dan garis panduan.

GIA menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam menentukan unit yang boleh diaudit dan kekerapan audit yang sejajar dengan risiko utama Kumpulan, strategi dan bidang tumpuan, yang telah dikenal pasti berdasarkan kaedah penaksiran risiko GIA. Pelan audit dalaman berasaskan risiko ini diluluskan BAC pada setiap tahun.

Audit dijalankan mengikut pelan audit yang diluluskan manakala penyiasatan dan semakan ad-hoc dijalankan atas permintaan Pengurusan, Lembaga Pengarah atau badan-badan kawal selia. Siasatan ke atas kes-kes pemberi maklumat dijalankan oleh GIA dan hasil daripada siasatan itu dibentangkan kepada BAC untuk pertimbangan dan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman.

Laporan audit yang memperincikan penemuan audit, punca, risiko dan impak, ulasan dan cadangan GIA, serta maklum balas Pengurusan dibentangkan kepada MAC dan BAC setiap bulan. Selain itu, laporan Audit Syariah juga dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah untuk makluman dan pertimbangan.

GIA telah memperluas penggunaan analisis data, automasi proses robotik dan pengecaman aksara optik untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan audit yang dilakukan. Sebagai sebahagian daripada program pembinaan keupayaan untuk GIA serta untuk menyediakan warga kerja audit dalaman untuk menjadi 'juruaudit masa depan', GIA akan terus melaksanakan rangka kerja peningkatan kompetensi yang telah dibangunkan bersama dengan perunding luaran.

▲ Maklumat lanjut mengenai fungsi GIA disediakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah di Laporan Bersepadu ini.

KESIMPULAN

Lembaga Pengarah, menerusi BAC RHB Bank, BAC RHB Insurance, BAC Pengurusan Aset RHB, BRC RHB Bank, IBBRC, BRC-i dan Insurans BRC mengesahkan bahawa ianya telah mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

Lembaga Pengarah juga telah mendapatkan jaminan daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman beroperasi dengan secukupnya dan berkesan.

Berdasarkan kepada maklumat yang dikemas kini secara bulanan daripada Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan jaminan yang diterima daripada pihak Pengurusan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan secukupnya dan berkesan untuk tahun kewangan dalam tinjauan dan sehingga tarikh kelulusan Penyata ini.

► KAJIAN SEMULA KENYATAAN OLEH JURUAUDIT LUARAN

Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia, para juruaudit luaran telah mengkaji semula Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam. Jaminan kajian semula mereka yang terhad telah dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Audit dan Jaminan ("AAPG") 3 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

AAPG 3 tidak memerlukan juruaudit luaran untuk membentuk pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

Analisis Pemegang Saham

setakat 29 Februari 2024

Bilangan Saham Diterbit	: 4,286,348,101 saham biasa
Kelas Saham	: Saham biasa
Hak Mengundi	: Setiap pemegang saham hadir sendiri atau melalui proksi pada mana-mana Mesyuarat Pemegang Saham akan mempunyai satu undi bagi setiap saham biasa yang dipegang
Bilangan Pemegang Saham	: 36,918

Kategori	Bil. Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Bil. Pemegang Saham	% Pemegang Saham
Kurang daripada 100 saham	2,191	5.94	50,378	0.00
100 – 1,000 saham	8,965	24.28	5,738,742	0.13
1,001 – 10,000 saham	19,714	53.40	73,055,505	1.71
10,001 – 100,000 saham	5,007	13.56	146,452,643	3.42
100,001 kepada kurang daripada 5% saham yang diterbitkan	1,038	2.81	1,841,923,979	42.97
5% dan ke atas bagi saham yang diterbitkan	3	0.01	2,219,126,854	51.77
Jumlah	36,918	100.00	4,286,348,101	100.00

PEMEGANG SAHAM UTAMA

Bil.	Nama Pemegang Saham Utama	Bilangan Saham			
		Secara Langsung	%	Secara Tidak Langsung	%
1.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("EPF") ¹	1,729,529,020	40.35	-	-
2.	OSK Holdings Berhad	438,777,545	10.24	-	-
3.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	218,114,030	5.09	37,490,618	0.87
4.	Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa ²	-	-	438,777,545	10.24
5.	Yellow Rock (L) Foundation ²	-	-	438,777,545	10.24

Nota:

¹ Kepentingan EPF dipegang menerusi pelbagai pengurus dana.

² Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8(4) Akta Syarikat 2016, menurut saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SEKURITI SYARIKAT DAN PERBADANAN YANG BERKAITAN DENGANNYA

Syarikat	Pemegangan Saham	
	Bilangan Pegangan Saham	%
Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa		
- Secara Tidak langsung ¹	438,811,382	10.24
Ong Ai Lin		
- Secara langsung	28,488	*

Nota:

* Peratusan yang boleh diabaikan.

¹ Dianggap berkepentingan menurut Seksyen 8(4) dan 59 Akta Syarikat 2016, menurut saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad dan ahli keluarganya

Pengelasan Pemegang Saham

setakat 29 Februari 2024

Kategori	Bilangan Pemegang Saham Pemegangan		Saham		% Jumlah Pemegangan Saham	
	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing
Individu						
Bumiputera	672	0	4,108,019	0	0.10	0.00
Cina	25,569	0	201,462,541	0	4.70	0.00
India	819	0	4,784,603	0	0.11	0.00
Lain-lain	112	570	839,317	14,127,840	0.02	0.33
Badan Korporat						
Bank/Syarikat Kewangan	38	3	720,988,849	5,177,040	16.82	0.12
Amanah Pelaburan/Yayasan/ Kebajikan	17	0	609,933	0	0.01	0.00
Syarikat Industri dan Komersil	461	16	333,655,411	20,902,042	7.78	0.49
Agensi Kerajaan/Institusi						
	2	0	5,968,489	0	0.14	0.00
Penama	7,581	1,056	2,349,213,629	624,484,323	54.81	14.57
Lain-lain	2	0	26,065	0	0.00	0.00
Jumlah	35,273	1,645	3,621,656,856	664,691,245	84.49	15.51

Perubahan Saham Modal

setakat 29 Februari 2024

Bilangan saham yang dikeluarkan Syarikat setakat 29 Februari 2024 adalah 4,286,348,101 saham biasa.

Perubahan kepada bilangan saham yang dikeluarkan sejak tahun 1999 adalah seperti berikut:

Tarikh	Bilangan Saham yang Diperuntukkan	Penjelasan	Bil. Saham Terkumpul yang Dikeluarkan	
			Saham Keutamaan	Saham Biasa
03/06/1999	308,500,000 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut Perjanjian Menjual Saham antara RHB Bank Berhad ("RHB Bank"), Rashid Hussain Berhad (sebagai penganjur), Sime Darby Financial Services Holdings Sdn Bhd dan KUB Malaysia Berhad untuk pemilikan 90.36% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	308,500,000	3,899,971,952
03/06/1999	1,000,000,000 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut Perjanjian Langganan bertarikh 30 November 1998 antara Danamodal Nasional Berhad, RHB Capital Berhad ("RHB Capital") dan RHB Bank.	1,308,500,000	3,899,971,952
01/09/1999	4,469,561 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut pemilikan wajib baki 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,312,969,561	3,899,971,952
23/09/1999	55,129,584 (saham keutamaan)	Dikeluarkan menurut pemilikan wajib baki 9.64% kepentingan ekuiti dalam Sime Bank Berhad.	1,368,099,145	3,899,971,952
27/03/2008	2,736,198,290 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Dikeluarkan menurut Notis Pertukaran yang diterima oleh RHB Bank berhubung dengan pemegang Saham Keutamaan Boleh Tukar Bukan Kumulatif yang Tidak Boleh Ditebus ("INCPS"), RHB Capital berniat untuk menukar keseluruhan 1,368,099,145 INCPS sebanyak RM1.00 sesaham menjadi saham biasa baharu bernilai RM0.50 sesaham dalam RHB Bank.	-	6,636,170,242
31/10/2014	94,802,428 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Dikeluarkan menurut Terbitan Hak pada dasar 1 saham biasa baharu bagi setiap 70 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,730,972,670
03/04/2015	190,197,391 (saham biasa bernilai RM0.50 sesaham)	Dikeluarkan menurut Terbitan Hak pada dasar 28.26 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	6,921,170,061
18/02/2016	Tidak berkenaan	Penyatuan setiap 2 saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 sesaham menjadi 1 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham.	-	3,460,585,030
07/04/2016	101,618,705 (saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	Dikeluarkan menurut Terbitan Hak pada dasar 29.3646 saham biasa baharu bagi setiap 1,000 saham biasa sedia ada yang dipegang.	-	3,562,203,735
14/04/2016	447,841,886 (saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	Tunai	-	4,010,045,621
08/07/2021	58,314,499 (saham biasa bernilai RM4.61 sesaham)	Dikeluarkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.	-	4,068,360,120
03/11/2021	74,558,388 (saham biasa bernilai RM4.69 sesaham)	Dikeluarkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.	-	4,142,918,508
16/06/2022	69,158,646 (saham biasa bernilai RM5.17 sesaham)	Dikeluarkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.	-	4,212,077,154
07/11/2022	35,296,474 (saham biasa bernilai RM4.97 sesaham)	Dikeluarkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.	-	4,247,373,628
15/05/2023	38,974,473 (saham biasa bernilai RM4.74 sesaham)	Dikeluarkan menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen yang terpakai kepada Dividen Interim Kedua bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.	-	4,286,348,101

Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 29 Februari 2024

Bil.	Nama	Pemegangan Saham	
		Bilangan Saham	%
1	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA	1,729,529,020	40.35
2	OSK HOLDINGS BERHAD	271,483,804	6.33
3	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	218,114,030	5.09
4	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM BUMIPUTERA	199,646,800	4.66
5	PUBLIC INVEST NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD UNTUK OSK HOLDINGS BERHAD	136,846,726	3.19
6	PERMODALAN NASIONAL BERHAD	93,290,300	2.18
7	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PENGECUALIAN UNTUK AKAUN AIA BHD	91,736,233	2.14
8	CIMB GROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD CIMB BANK BERHAD (EDP 2)	48,192,132	1.12
9	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM MALAYSIA 3	43,876,760	1.02
10	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL	43,026,144	1.00
11	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM MALAYSIA	28,253,600	0.66
12	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK DANA INDEKS ANTARABANGSA VANGUARD TOTAL	26,620,069	0.62
13	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD PENGECUALIAN UNTUK AKAUN STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	25,608,917	0.60
14	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD CBNY UNTUK NORGES BANK (FI 17)	24,693,784	0.58
15	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PKSACT41969 P2	24,618,576	0.57
16	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK DANA INDEKS PASARAN SEDANG BERKEMBANG VANGUARD	23,204,300	0.54
17	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANA SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN	22,232,200	0.52
18	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PAMB UNTUK DANA EKUITI PRULINK	21,461,233	0.50
19	RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD AKAUN SEKURITI SANDARAN MALYSIAN TRUSTEES BERHAD UNTUK OSK HOLDINGS BHD (OSK I CM T1)	19,686,035	0.46

Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama

setakat 29 Februari 2024

Bil.	Nama	Pemegangan Saham	
		Bilangan Saham	%
20	HONG LEONG ASSURANCE BERHAD SEBAGAI PEMILIK BENEFISIAL (PAR HAYAT)	18,626,147	0.44
21	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 1)	18,345,188	0.43
22	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PRUDENTIAL ASSURANCE MALAYSIA BERHAD UNTUK DANA STRATEGIK PRULINK	17,479,377	0.41
23	GUOLINE (SINGAPORE) PTE LTD	16,205,948	0.38
24	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD J.P. MORGAN SECURITIES PLC	15,445,137	0.36
25	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PAMB UNTUK DANA FOKUS EKUITI PRULINK	14,642,038	0.34
26	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (ABERDEEN)	13,671,900	0.32
27	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2	13,587,600	0.32
28	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA UNTUK SYARIKAT AMANAH FIDUSIARI VANGUARD AMANAH INDEKS PASARAN SAHAM ANTARABANGSA KESELURUHAN INSTITUSI II	13,190,900	0.31
29	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 3)	12,345,672	0.29
30	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD BNYM SA/NV UNTUK PEOPLE'S BANK OF CHINA (SICL ASIA EM)	11,467,800	0.27

Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama

Lokasi	Pemilik	Deskripsi Hartanah	Keluasan Tanah (meter persegi)	Kegunaan	Usia Bangunan (Tahun)	Tempoh	Tahun Tamat Tempoh Pajakan	Nilai Buku Bersih 31.12.2023 (RM' 000)	Tahun Pemerolehan atau Penilaian Semula	
MALAYSIA										
Kuala Lumpur										
1.	Tower 1, Tower 2 & 3, RHB Centre 424 & 426 Jalan Tun Razak	RHB Bank Berhad	12 tingkat & 16 tingkat	10,270	Ruang Pejabat	34 & 28	Pegangan Bebas	-	174,319	2016
Pulau Pinang										
2.	44 Lebuhr Pantai Georgetown	RHB Bank Berhad	1 unit bangunan komersial 6½ Tingkat	896	Cawangan Bank	64	Pegangan Bebas	-	2,913	1968
3.	Unit 11 & 12 Jalan Chain Ferry Tmn Inderawasih Seberang Prai	RHB Bank Berhad	2 unit bangunan komersial 3 tingkat	603	Cawangan Bank	29	Pegangan Bebas	-	3,252	1998
Selangor										
4.	Lot No. 8 Jalan Institusi Bandar Baru Bangi	RHB Bank Berhad	Blok pejabat 6 tingkat, Blok latihan 5 tingkat, Blok IT 7 tingkat & Blok Parkir Kereta 5 tingkat	55,713	Training Centre	23	Pegangan Pajak	2090	53,876	1992
Perak										
5.	No. 2,4,6 & 8 Jalan Tun Sambanthan Ipoh	RHB Bank Berhad	Bangunan pejabat 4 tingkat	890	Cawangan Bank	26	Pegangan Bebas	-	4,076	1991
SINGAPURA										
6.	90 Cecil Street	Banfora Pte Ltd	2 bangunan komersial	796	Bangunan Komersial	44	Pegangan Pajak	2980	165,824	1997
7.	10, Jalan Besar 01-03 Sim Lim Tower	RHB Bank Berhad	Aras bawah bangunan pejabat	543	Cawangan Bank	45	Pegangan Bebas	-	25,177	1999
8.	14A/B, 16A/B & 18A/B East Coast Road	RHB Bank Berhad	3 unit rumah kedai 3 tingkat	442	Cawangan Bank	65	Pegangan Bebas	-	13,302	1999
9.	1/1A/1B Yio Chu Kang Road	RHB Bank Berhad	Tingkat Satu bangunan pejabat	101	Cawangan Bank	43	Pegangan Bebas	-	9,529	1999
10.	No. 537/539 Geylang Road	RHB Bank Berhad	Rumah kedai 3 tingkat	374	Cawangan Bank	100	Pegangan Bebas	-	9,040	1999

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58

NOTIS DENGAN INI DIBERIKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke-58 RHB Bank Berhad (“RHB Bank” atau “Syarikat”) akan diadakan secara maya di lokasi penyiaran, Bilik Mesyuarat, Aras 2, Menara Satu, Pusat RHB, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia (“Lokasi Penyiaran”) pada hari Jumaat, 10 Mei 2024, pukul 9.30 pagi untuk menjalankan urusan berikut:

AGENDA

SEBAGAI URUSAN BIASA:

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit ke atasnya. (Sila rujuk kepada Nota Penerangan 1)
2. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang akan bersara mengikut pusingan mengikut Perkara 94 Perlembagaan Syarikat dan yang layak, tampil diri mereka bagi pemilihan semula:
 - (i) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir Resolusi Biasa 1
 - (ii) Datuk Iain John Lo Resolusi Biasa 2
 - (iii) Encik Lim Cheng Teck Resolusi Biasa 3
3. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut Perkara 98 Perlembagaan Syarikat dan yang layak, menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula:
 - (i) Puan Hijah Arifakh Othman Resolusi Biasa 4
 - (ii) Puan Nadzirah Abd Rashid Resolusi Biasa 5
4. Untuk meluluskan yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada para Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-58 ke AGM ke-59 Syarikat. Resolusi Biasa 6
5. Untuk meluluskan pembayaran imbuhan para Pengarah (tidak termasuk yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah) pada jumlah sehingga RM2,400,000.00 kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari AGM ke-58 hingga AGM ke-59 Syarikat. Resolusi Biasa 7
6. Untuk melantik semula Messrs PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya AGM ke-59 Syarikat, pada kadar imbuhan untuk ditetapkan oleh para Pengarah. Resolusi Biasa 8

SEBAGAI URUSAN KHAS:

Untuk dipertimbangkan dan sekiranya wajar, untuk meluluskan resolusi berikut:

7. **KUASA BAGI PARA PENGARAH UNTUK MENERBITKAN SAHAM** Resolusi Biasa 9

“**BAHAWA** tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan/pengawal selia berkaitan, para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016, untuk menerbit dan memperuntukkan saham dalam Syarikat pada bila-bila masa dan berdasarkan terma dan syarat untuk tujuan sedemikian mengikut budi bicara mutlak para Pengarah sewajarnya, dengan jumlah agregat saham untuk diterbitkan tidak melebihi 10% daripada jumlah saham yang diterbitkan oleh Syarikat (kecuali saham perbendaharaan) (“**Saham Baharu**”) buat masa ini, **DAN BAHAWA** para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan penyenaian dan sebut harga Saham Baharu yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad dan bahawa kuasa tersebut akan terus berkuatkuasa sehingga berakhirnya AGM Syarikat yang berikutnya.

DAN BAHAWA menurut Seksyen 85 Akta Syarikat 2016 dibaca bersama Perkara 14(e)(i) Perlembagaan Syarikat, pemegang saham Syarikat dengan ini mengetepikan hak preemptif berkanun mereka ke atas semua Saham Baharu yang diterbitkan di bawah kuasa tersebut.”

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58

8. PERUNTUKAN DAN PENGELUARAN SAHAM BIASA BAHARU DALAM SYARIKAT ("SAHAM RHB BANK") MENURUT PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN ("DRP") ("SAHAM DRP")

Resolusi Biasa 10

"BAHAWA menurut DRP yang diluluskan pada AGM ke-55 Syarikat pada 25 Mei 2021 dan tertakluk kepada kelulusan semua pihak berkuasa yang berkenaan yang diperolehi, kelulusan dengan ini diberikan kepada lembaga pengarah Syarikat ("**Lembaga Pengarah**") untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham DRP dari semasa ke semasa yang diperlukan untuk diperuntukkan dan diterbitkan, mengikut terma dan syarat kepada mana-mana pihak mengikut budi bicara mutlak Lembaga Pengarah, dianggap sesuai atau suai manfaat, dan untuk kepentingan terbaik Syarikat **DENGAN SYARAT** bahawa harga terbitan Saham DRP, yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah pada tarikh penetapan harga yang akan ditentukan dan diumumkan ("**Tarikh Penetapan Harga**") akan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah pada harga tidak melebihi 10% diskaun harga pasaran purata berwajaran volum ("**VWAP**") 5 hari Saham RHB Bank sejurus sebelum Tarikh Penetapan Harga. VWAP 5 hari Saham RHB Bank hendaklah diselaraskan tanpa dividen sebelum mengenakan diskaun tersebut dalam penetapan harga terbitan Saham DRP dan bahawa kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan Saham DRP akan terus dikuatkuasakan sehingga berakhirnya AGM Syarikat yang seterusnya;

BAHAWA Saham DRP hendaklah, atas peruntukan dan penerbitan, memiliki taraf yang sama dalam semua aspek dengan saham terbitan sedia ada ketika itu dalam RHB Bank, tersimpan dan terkecuali bahawa Saham DRP tidak layak mendapat sebarang dividen, hak, manfaat, kelayakan dan/atau pengagihan lain yang mungkin dilaksanakan sebelum tarikh peruntukan Saham DRP;

DAN BAHAWA Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk melakukan sebarang tindakan dan memeterai semua urusan niaga, pengaturan, surat perjanjian dan ikatan untuk melaksanakan, menandatangani dan menyampaikan bagi pihak Syarikat, semua dokumen dan mengenakan terma dan syarat atau menggunakan semua atau sebahagian kuasanya berdasarkan keperluan atau suai manfaat untuk dilaksanakan, dimuktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan dan terbitan Saham DRP, dengan kuasa sepenuhnya untuk bersetuju dengan sebarang syarat, variasi, pengubahsuaian dan/atau pindaan, termasuk pindaan, pengubahsuaian, penggantungan dan penamatan DRP, memandangkan Lembaga Pengarah boleh, mengikut budi bicara mutlak, difikirkan sesuai atau suai manfaat, dan untuk kepentingan terbaik Syarikat, dan/atau sebagaimana yang mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh pihak berkuasa yang berkenaan."

9. Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan selaras dengan Akta Syarikat 2016.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH**Azman Shah Md Yaman (LS 0006901) (SSM PC No.: 201908001628)****Filza Zainal Abidin (LS 0008413) (SSM PC No.: 202208000377)**

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

5 April 2024

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58

NOTA:

AGM Maya

1. AGM ke-58 Syarikat akan diadakan secara maya menerusi siaran langsung dan pengundian jarak jauh dalam talian menerusi kemudahan Penyertaan Jarak Jauh dan Pengundian Elektronik yang boleh didapati di <https://meeting.boardroomlimited.my> dan pendaftaran untuk mesyuarat itu tersedia di laman web Pendaftar Saham Syarikat iaitu Boardroom Share Registrars Sdn Bhd, di Portal Pelabur Pintar Bilik Lembaga Pengarah di <https://investor.boardroomlimited.com>. Sila ikuti prosedur yang disediakan dalam Butiran Pentadbiran untuk AGM ke-58 untuk mendaftar, menyertai dan mengundi secara jarak jauh.
2. Lokasi Penyiaran AGM ke-58 adalah khusus bagi tujuan mematuhi Seksyen 327(2) Akta Syarikat 2016 yang memerlukan Pengerusi mesyuarat untuk hadir di lokasi utama mesyuarat. Lokasi AGM ke-58 adalah untuk memaklumkan ahli-ahli di mana AGM maya mengadakan penerbitan dan siaran langsung. Ahli/proksi daripada kalangan orang awam tidak akan dibenarkan untuk hadir secara fizikal di lokasi mesyuarat.

Pelantikan Proksi

1. Berkenaan dengan sekuriti deposit, hanya ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 2 Mei 2024 (Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung) berhak menyertai dan mengundi secara jarak jauh pada AGM ke-58 yang akan datang menggunakan penyertaan jarak jauh dan kemudahan pengundian elektronik.
2. Seorang ahli Syarikat yang berhak untuk menyertai dan mengundi secara jarak jauh pada AGM ke-58 yang akan datang berhak untuk melantik seorang atau lebih proksi untuk menyertai dan mengundi secara jarak jauh bagi pihaknya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya merupakan ahli Syarikat.
3. Borang Proksi mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis atau dalam kes sebuah syarikat, disempurnakan dengan mohor rasmi atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis.
4. Sekiranya Borang Proksi dipulangkan tanpa sebarang petunjuk tentang cara proksi itu akan mengundi, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri sebagaimana yang difikirkan wajar.
5. Sekiranya ahli melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut tidak sah melainkan dia menyatakan bahagian pegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi. Di mana ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**SICDA**"), ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dikreditkan dengan saham biasa Syarikat.
6. Sekiranya ahli Syarikat adalah penama diberi kuasa pengecualian yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("**Akaun Omnibus**"), tiada had kepada bilangan proksi di mana penama yang diberi kuasa pengecualian boleh melantik berkaitan dengan Akaun Omnibus yang dipegangnya. Penama yang diberi kuasa pengecualian merujuk kepada penama sah yang ditakrifkan di bawah SICDA yang dikecualikan daripada pematuhan kepada peruntukan sub seksyen 25A(1) SICDA.
7. Borang Proksi atau dokumen pelantikan lain mestilah didepositkan di pejabat pendaftar saham Syarikat, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd, Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia atau dikemukakan secara elektronik menerusi "Boardroom Smart Investor Portal" di <https://investor.boardroomlimited.com> tidak lewat daripada 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan AGM ke-58 yang akan datang atau sebarang penangguhan AGM.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58

Nota Penjelasan

1. Perkara 1 dalam Agenda – Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

Perkara 1 dalam Agenda adalah untuk tujuan perbincangan sahaja memandangkan peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 tidak memerlukan kelulusan rasmi pemegang saham bagi Penyata Kewangan Diaudit. Sehubungan dengan itu, perkara Agenda ini tidak dikemukakan untuk pengundian.

2. Resolusi Biasa 1, 2, 3, 4 dan 5 – Pelantikan Semula Para Pengarah yang Bersara

2.1 Perkara 94 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa satu pertiga ($\frac{1}{3}$) para Pengarah buat masa ini, atau sekiranya bilangan mereka bukannya gandaan tiga (3), maka nombor yang paling hampir dengan satu pertiga ($\frac{1}{3}$), akan bersara mengikut pusingan pada AGM Syarikat dan layak bagi pemilihan semula. Dengan saiz Lembaga Pengarah semasa seramai sepuluh (10) ahli yang termasuk para Pengarah yang akan bersara mengikut Perkara 98 Perlembagaan Syarikat, tiga (3) ahli Pengarah akan bersara selaras dengan Perkara 94 Perlembagaan Syarikat.

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, Datuk Iain John Lo dan Encik Lim Cheng Teck akan bersara mengikut Perkara 94 Perlembagaan Syarikat dan layak menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

2.2 Perkara 98 Perlembagaan Syarikat memperuntukkan bahawa mana-mana Pengarah yang dilantik hendaklah memegang jawatan hanya sehingga AGM berikutnya, dan kemudian layak menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula tetapi tidak akan diambil kira dalam menentukan persaraan para Pengarah berdasarkan pusingan pada mesyuarat tersebut.

(a) Puan Hijah Arifakh Oman telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat pada 1 Jun 2023.

(b) Puan Nadzirah Abd Rashid telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat pada 15 Mac 2024.

2.3 Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah (“BNRC”) telah menaksir setiap Pengarah menerusi Penaksiran Keberkesanan Lembaga Pengarah (“BEE”) tahunan untuk tempoh taksiran antara tahun kewangan 2022 dan 2023.

(a) Syarikat telah melaksanakan penaksiran komprehensif terhadap Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan para Pengarah Individu. Soal selidik bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah ini telah diubah suai berdasarkan perwakilan Ahli Lembaga Pengarah dalam entiti Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing. Soal selidik BEE ini telah direka berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan tadbir urus yang ditetapkan dalam piawaian dan keperluan pengawalseliaan tempatan serta amalan terbaik antarabangsa.

(b) Penaksiran individu tahunan para Pengarah Syarikat telah dilaksanakan berdasarkan kriteria prestasi yang berkaitan seperti berikut:

Bahagian A - Menilai perilaku dan budaya Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara keseluruhan. BEE telah menilai Lembaga Pengarah sebagai satu unit kolektif berdasarkan lima (5) dimensi, iaitu:	Bahagian B - Menilai sumbangan individu ahli Lembaga Pengarah kepada Lembaga dan kecekapan setiap ahli Lembaga, termasuk:	
• Struktur, Strategi & Prestasi	• Pengimbangan Pihak Berkepentingan	• Mengurus Konflik
• Interaksi & Komunikasi	• Memupuk Inovasi	• Keberanian
• Budaya Lembaga Pengarah	• Perspektif Luas	• Menguruskan Kekeliruan
• Alam Sekitar, Sosial & Tadbir Urus	• Visi Strategik	• Dedikasi
• Kepimpinan	• Memastikan Akauntabiliti	• Kebolehsuaian Situasi
	• Membangunkan Bakat	• Kebebasan

(c) Profil penuh para Pengarah yang layak bagi pemilihan/pelantikan semula boleh didapati dalam Laporan Bersepadu 2023 RHB Bank Berhad dan pernyataan terperinci hasil BEE dipaparkan di bawah **Praktis 6.1** Laporan Tadbir Urus Korporat 2023 RHB Bank Berhad (“**Laporan CG**”). Maklumat terperinci pandangan BNRC mengenai pemilihan/pelantikan semula para Pengarah masing-masing boleh didapati di bawah **Praktis 5.7** Laporan CG.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58

2. Resolusi Biasa 1, 2, 3, 4 dan 5 – Pemilihan Semula para Pengarah yang Bersara (sambungan)

2.4 Seksyen 54(2)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“FSA”) menyatakan bahawa pelantikan, pemilihan, pelantikan semula dan pemilihan semula Pengerusi, Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis BNM terlebih dahulu. Dalam hal ini, kelulusan **BNM** mengenai tempoh pelantikan para Pengarah yang ingin dilantik semula masih berkuat kuasa di bawah Resolusi Biasa 1, 2, 3, 4 dan 5.

Berdasarkan perkara di atas, Lembaga Pengarah meluluskan bahawa Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir, Datuk Ian John Lo, Encik Lim Cheng Teck, Puan Hijah Arifakh Othman dan Puan Nadzirah Abd Rashid yang bersara selaras dengan Perkara 94 dan 98 Perlembagaan Syarikat layak menawarkan diri bagi pemilihan semula. Lima (5) (Pengarah yang akan bersara ini telah menarik diri daripada pertimbangan dan keputusan mengenai kelayakan mereka untuk pemilihan semula di mesyuarat Lembaga Pengarah yang berkenaan.

3. Resolusi Biasa 6 – Pembayaran Yuran Para Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengerusi

Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif berhak mendapat yuran tahunan para Pengarah dan elaun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah tahunan. Yuran para Pengarah semasa dan elaun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Bil.	Keterangan	Pengerusi Bukan Eksekutif (RM)	Pengarah/Ahli Bukan Eksekutif (RM)
1	Yuran Pengarah Tahunan	300,000.00	200,000.00
Elaun Tahunan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah			
2	Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah	60,000.00	40,000.00
3	Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah	60,000.00	40,000.00
4	Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah	60,000.00	40,000.00
5	Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah	60,000.00	40,000.00
6	Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah	60,000.00	40,000.00

4. Resolusi Biasa 7 – Pembayaran Yuran Imbuan Para Pengarah (tidak termasuk Yuran Para Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah) kepada Para Pengarah Bukan Eksekutif

Imbuan para Pengarah yang dicadangkan (tidak termasuk yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah) terdiri daripada elaun dan emolومن lain yang perlu dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif. Dasar imbuan semasa adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Bil.	Keterangan	Pengerusi Bukan Eksekutif (RM)	Pengarah/Ahli Bukan Eksekutif (RM)
1	Elaun Tetap Bulanan ^(a)	25,000.00	Tidak Berkenaan
2	Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat):		
	(a) Lembaga Pengarah Syarikat	2,000.00	2,000.00
	(b) Jawatankuasa Lembaga Pengarah ^(b)	2,000.00	2,000.00
3	Skim Kutipan Perpisahan (bagi sepanjang tempoh pelantikan pengarah) ^(c)	3,000.00	3,000.00
4	Manfaat-manfaat Lain: Keahlian kelab, perlindungan insurans liabiliti para Pengarah & Pegawai, pemandu, kereta dan elaun minyak, peranti elektronik dan perisian bagi tujuan mesyuarat, kad kredit kegunaan perniagaan para Pengarah, manfaat perbankan, perlindungan perjalanan udara, perlindungan perubatan dan sebagainya.		

Nota-nota:

^(a) Elaun tetap bulanan telah diberikan kepada Pengerusi Syarikat sebagai Elaun Khas bagi mengiktiraf peranan penting kepimpinan, pengawasan dan skop tanggungjawab meluas yang dijangkakan daripada beliau.

^(b) Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang disebut di atas adalah Jawatankuasa Berpusat yang dikongsi oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang berkaitan dengan Kumpulan Perbankan RHB (“Kumpulan”).

^(c) Hadiah perpisahan bernilai sehingga RM3,000.00 akan diberikan kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi sepanjang tempoh pelantikannya sebagai Pengarah apabila beliau keluar daripada Kumpulan sama ada sebab bersara atau meletakkan jawatan.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58

4. **Resolusi Biasa 7 – Pembayaran Yuran Imbuhan Para Pengarah (tidak termasuk Yuran Para Pengarah dan Elaun Jawatankuasa Lembaga Pengarah) kepada Para Pengarah Bukan Eksekutif (sambungan)**

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan tidak menerima sebarang imbuhan Pengarah.

Dalam menentukan anggaran jumlah imbuhan (tidak termasuk yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah) untuk para Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif Lembaga Pengarah Syarikat, Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan pelbagai faktor termasuk bilangan mesyuarat yang dijadualkan bagi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah serta bilangan Pengarah Bukan Eksekutif yang terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat ini.

Bayaran imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif akan dibuat oleh Syarikat secara bulanan dan/atau apabila difikirkan sesuai, sekiranya cadangan Resolusi Biasa 6 dan 7 diluluskan pada AGM ke-58 Syarikat. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama untuk para Pengarah Bukan Eksekutif dibayar imbuhan Pengarah secara bulanan dan/atau apabila difikirkan sesuai, terutamanya selepas mereka telah melaksanakan tanggungjawab mereka dan menyampaikan perkhidmatan mereka kepada Syarikat sepanjang tempoh berkenaan tersebut.

5. **Resolusi Biasa 8 – Pelantikan semula Juruaudit**

Pada 18 Januari 2024, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("**BAC**") telah menjalankan penaksiran tahunannya ke atas Messrs PricewaterhouseCoopers PLT ("**PricewaterhouseCoopers**") sebagai juruaudit luaran Syarikat selaras dengan Garis Panduan Juruaudit Luaran BNM. Penaksiran meliputi seluruh perkara-perkara spektrum seperti prestasi, kesesuaian, kebebasan dan keobjektifan juruaudit luaran, berdasarkan kriteria kelayakan untuk pelantikan semula juruaudit dan syarat tugasan audit.

Memandangkan prestasi PricewaterhouseCoopers adalah memuaskan serta memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Garis Panduan Juruaudit Luaran BNM, BAC telah mencadangkan pelantikan semula PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit luaran Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. Lembaga Pengarah, dalam mesyuaratnya pada 26 Januari 2024, telah meluluskan cadangan tersebut dibentangkan bagi kelulusan para pemegang saham pada AGM ke-58 Syarikat berkaitan pelantikan semula PricewaterhouseCoopers sebagai juruaudit luaran Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, di bawah Resolusi Biasa 8.

6. **Resolusi Biasa 9 – Memberi kuasa kepada para Pengarah untuk Menerbitkan Saham Cadangan**

Resolusi Biasa 9 adalah untuk memperbaharui mandat am kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa Syarikat dari semasa ke semasa menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016. Resolusi tersebut sekiranya diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa dalam modal Syarikat dengan bilangan agregat saham yang diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi 10%¹ daripada jumlah bilangan saham yang diterbitkan oleh Syarikat buat masa ini ("Mandat Am"), tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung. Mandat Am, melainkan ia dibatalkan atau diubah dalam mesyuarat agung, akan tamat pada pengakhiran AGM Syarikat yang berikutnya.

Mandat Am akan membolehkan para Pengarah mengambil tindakan segera sekiranya berlaku, antara lain, keperluan untuk tindakan korporat atau sekiranya peluang perniagaan atau keadaan lain yang wujud melibatkan terbitan saham baharu serta mengelakkan sebarang penangguhan dan kos dalam mengadakan mesyuarat agung untuk meluluskan terbitan saham tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mandat in hanya boleh dilaksanakan sekiranya Lembaga berpendapat bahawa ianya adalah untuk kepentingan terbaik Syarikat.

Menurut Seksyen 85 Akta Syarikat 2016 dibaca bersama Perkara 14(e)(i) Perlembagaan Syarikat, pemegang saham Syarikat dengan ini mengetepikan hak-hak awalan berkanun mereka untuk ditawarkan mana-mana saham baharu yang mempunyai taraf sama dengan saham sedia ada yang diterbitkan oleh Syarikat.

7. **Resolusi Biasa 10- Peruntukan dan Penerbitan Saham DRP**

Sekiranya cadangan Resolusi Biasa 10 diluluskan, ia akan memberikan kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan Saham RHB Bank baharu menurut DRP berkaitan dengan dividen yang diisytiharkan selepas AGM ini dan kuasa tersebut akan tamat pada akhir AGM Syarikat yang berikutnya.

¹ Peruntukan 10% termasuk amaun sehingga 2% yang diperuntukkan di bawah skim pemberian saham RHB Bank dan syarikat-syarikat subsidiarinya, yang diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 27 April 2022.

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-58 Syarikat

(Menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad)

Maklumat tambahan menurut Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad diperjelas dalam Lampiran A kepada Notis AGM ke-58 Syarikat.

LAMPIRAN A

- (i) Tiada individu yang tampil untuk pemilihan sebagai Pengarah pada AGM ke-58 Syarikat (tidak termasuk para Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula).
- (ii) Penyataan berkaitan mandat am untuk penerbitan sekuriti selaras dengan Perenggan 6.03(3) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Cadangan Resolusi Biasa 9 mengenai mandat am untuk penerbitan sekuriti ialah mandat yang diperbaharui. Sehingga tarikh Notis ini, tiada saham baharu diterbitkan menurut mandat am yang diberikan kepada para Pengarah pada AGM terakhir yang diadakan pada 10 Mei 2023.

BORANG PROKSI



No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)
(Diperbadankan di Malaysia di bawah
Ordinan Syarikat terdahulu, 1940 - 1946)

Bil. Saham Biasa Dipegang	No. Akaun CDS

Saya/Kami _____ No.KP/Pasport/Syarikat _____
(Nama dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(Alamat penuh)

sebagai ahli **RHB BANK BERHAD** ("**RHB Bank**" atau "**Syarikat**") dengan ini melantik: _____

Nama _____ No.KP (Mandatori) _____
(Nama dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(Alamat penuh, Emel & No.Tel)

dan/atau*

Nama _____ No.KP (Mandatori) _____
(Nama dalam huruf besar)

yang beralamat di _____
(Alamat penuh, Emel & No. Tel.)

atau sekiranya beliau tiada, Pengerusi Mesyuarat, sebagai proksi saya/kami* bagi mengundi untuk saya/kami* dan bagi pihak saya/kami* pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-58 ("**AGM**") Syarikat yang akan diadakan secara maya di lokasi penyiaran Bilik Mesyuarat, Aras 2, Menara Satu, Pusat RHB, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia ("**Lokasi Penyiaran**") pada hari Jumaat, 10 Mei 2024 jam 9.30 pagi atau sebarang penangguhannya.

Bahagian pemegangan saya/kami* yang diwakili oleh proksi saya/kami* adalah seperti berikut:

Proksi Pertama (1)	Proksi Kedua (2)

Proksi Saya/Kami* akan mengundi seperti dinyatakan di bawah:

Resolusi		Bersetuju	Tidak Bersetuju
Resolusi Biasa 1	Untuk memilih semula para Pengarah berikut menurut Perkara 94 Perlembagaan Syarikat: (i) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir		
Resolusi Biasa 2	(ii) Datuk lain John Lo		
Resolusi Biasa 3	(iii) Encik Lim Cheng Teck		
Resolusi Biasa 4	Untuk memilih semula para Pengarah berikut menurut Perkara 98 Perlembagaan Syarikat: (i) Puan Hijah Arifakh Othman		
Resolusi Biasa 5	(ii) Puan Nadzirah Abd Rashid		
Resolusi Biasa 6	Untuk meluluskan yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada para Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh bermula AGM ke-58 hingga AGM ke-59 Syarikat.		
Resolusi Biasa 7	Untuk meluluskan pembayaran imbuhan para Pengarah (tidak termasuk yuran para Pengarah dan elaun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah) bagi jumlah sehingga RM2,400,000.00 kepada para Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh bermula AGM ke-58 hingga AGM ke-59 Syarikat.		
Resolusi Biasa 8	Untuk melantik semula Messrs PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan hingga selesainya AGM ke-59 Syarikat berdasarkan imbuhan yang akan ditetapkan oleh para Pengarah.		
Resolusi Biasa 9	Untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan saham menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016.		
Resolusi Biasa 10	Untuk meluluskan peruntukan dan penerbitan saham baharu biasa dalam Syarikat menurut Pelan Melaburkan Semula Dividen.		

(Sila tandakan "X" dalam ruang yang disediakan sebagaimana undian anda. Jika tiada arahan khusus mengundi diberikan, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri daripada mengundi mengikut budi bicara beliau sepenuhnya.)

Tarikh _____, 2024

Tandatangan

(Sekiranya pemegang saham adalah sebuah syarikat, bahagian ini perlu disempurnakan di bawah cap mohornya)

* Potong jika tidak berkenaan

Nota:

1. Berkenaan dengan sekuriti deposit, hanya ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 2 Mei 2024 (Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung) berhak menyertai dan mengundi secara jarak jauh pada AGM ke-58 yang akan datang menggunakan penyertaan jarak jauh dan kemudahan pengundian elektronik.
2. Seorang ahli Syarikat yang berhak untuk menyertai dan mengundi secara jarak jauh pada AGM ke-58 yang akan datang berhak untuk melantik seorang atau lebih proksi untuk menyertai dan mengundi secara jarak jauh bagi pihaknya. Seorang proksi boleh, tetapi tidak semestinya merupakan ahli Syarikat.
3. Borang Proksi mestilah ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis atau dalam kes sebuah syarikat, disempurnakan dengan mohor rasmi atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis
4. Sekiranya Borang Proksi dipulangkan tanpa sebarang petunjuk sebagaimana proksi akan mengundi, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri sebagaimana yang difikirkan wajar.
5. Sekiranya ahli melantik dua proksi, pelantikan tersebut tidak sah melainkan dia menyatakan bahagian pegangannya untuk diwakili oleh setiap proksi. Di mana ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("**SICDA**"), ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dikreditkan dengan saham biasa Syarikat.
6. Sekiranya ahli Syarikat adalah penama diberi kuasa pengecualian yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("**Akaun Omnibus**"), tiada had kepada bilangan proksi di mana penama yang diberi kuasa pengecualian boleh melantik berkaitan dengan Akaun Omnibus yang dipegangnya. Penama yang diberi kuasa pengecualian merujuk kepada penama sah yang ditakrifkan di bawah SICDA yang dikecualikan daripada pematuhan kepada peruntukan sub seksyen 25A(1) SICDA.
7. Borang Proksi atau dokumen pelantikan lain mestilah didepositkan di pejabat pendaftar saham Syarikat, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd, Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia atau dikemukakan secara elektronik menerusi "Boardroom Smart Investor Portal" di <https://investor.boardroomlimited.com/> tidak lewat daripada 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan AGM ke-58 yang akan datang atau sebarang penangguhan AGM.

Sila lipat di sini

Setem Pos

The Share Registrar of **RHB BANK BERHAD**
BOARDROOM SHARE REGISTRARS SDN BHD
11th Floor, Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13
46200 Petaling Jaya Selangor
Malaysia

Sila lipat di sini



www.rhbgroup.com

RHB Bank Berhad 196501000373 (6171-M)
Level 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-9287 8888
Fax : 603-9281 9314

RHBGroup



rhbgroupmy



RHB Foundation



Dicetak menggunakan::

